



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL-USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang di Bawah P.M. 62	(Halaman 1)
Usul di Bawah P.M 26(1)(p): Merujuk Ahli Y.B bagi Jasin dan Y.B bagi Kinabatangan Kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan	(Halaman 1)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada P.M. 12(1)	(Halaman 45)
Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara	(Halaman 119)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007	(Halaman 3)
Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007	(Halaman 78)
Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007	(Halaman 81)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007	(Halaman 94)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007	(Halaman 113)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Bank Pembangunan Islam 1975 - Sumbangan Kepada <i>Poverty Alleviation Fund</i>	(Halaman 161)
Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] - Menukar Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada MDeC, Menjadi Ekuiti	(Halaman 163)
Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] - Menukar Dana ECR di <i>Export Import Bank of Malaysia</i> (Exim Bank) Kepada Ekuiti	(Halaman 165)
Akta Eksais 1976 – (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.3)2006 (ST.49 Tahun 2007); (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.4)2006 (ST.52 Tahun 2007); (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.5)2006 (ST.53 Tahun 2007); (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.6)2006 (ST.54 Tahun 2007); dibentangkan di hadapan Majlis sebagai kertas-kertas statut bilangan ST. 49,52,53 dan 54, tahun 2007	(Halaman 168)
Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993; dan Akta Kastam 1976	(Halaman 172)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) – MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) – Setiausaha Parlimen

-
28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) – PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jera) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) – DAP

35. Yang Berhormat Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Dato' Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO

-
72. Yang Berhormat Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) – UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Dato' Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Dato' Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) – DAP

-
109. Yang Berhormat Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. " Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) – Setiausaha Parlimen
118. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) -
KEADILAN
121. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Meraliti binti Mamat

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 10 Mei 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu cadangan.

USUL**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2007, Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 dan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 yang dijadualkan sebagai nombor 8, nombor 9 dan nombor 10 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p)**MERUJUK AHLI YANG BERTHORMAT BAGI JASIN DAN KINABATANGAN
KEPADA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili wanita seluruh Malaysia saya merasa terhina, saya rasa tidak ada penghormatan terhadap wanita.

Kenyataan yang dilaporkan oleh surat khabar hari ini Tuan Yang di-Pertua, surat khabar hari ini, surat khabar utama iaitu *Utusan*, *China Press*, dan juga *Sin Chew*, melaporkan bahawa Yang Berhormat daripada Kinabatangan dan Jasin telah mengeluarkan kenyataan bahawa dengan izin, “...*Mana ada bocor, Batu Gajah pun tiap-tiap bulan pun bocor juga*”. Saya merasa amat terhina dan juga wanita seluruh Malaysia dengan kenyataan dibuat dan bukan setakat itu, *Sin Chew* ada mengatakan bahawa Jasin telah memulakan kenyataan tersebut dan *China Press* mengatakan bahawa kemudian disokong oleh Kinabatangan.

Oleh itu mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) kenyataan berunsur *sexist*, berunsur tidak ada penghormatan kepada wanita, menghina wanita. Saya memohon merujuk Jasin dan Kinabatangan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan demi menjaga nama baik dan maruah Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak boleh berlaku langsung dalam Dewan ini. Jadi saya pohon satu keputusan terhadap usul ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang sangat serius. Kita tidak benarkan perkara sebegini menjatuhkan Dewan Rakyat ini khasnya untuk menjatuhkan nama baik kaum wanita dan ini kira menjadikan *laughing stock* di dunia.

Kita bermakna membenarkan MCP di Dewan Rakyat yang mulia dia. MCP – *male chauvinist speak*. Kita tidak boleh benarkan seorang, dua orang *male chauvinist speak*. Perkara ini perlu diambil pandangan yang serius bahawa perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan.

Apabila perkara ini berlaku semalam, berlaku kekecohan, kita pun tidak dengar, kalau kita tahu dan dengar, serta-merta kita akan bantah tetapi dalam surat khabar, bukan satu surat khabar tetapi surat khabar *Sin Chew*, surat khabar *China Press*, *Utusan Malaysia*. Mana boleh perkataan-perkataan sebegini, malu, malu kepada rakyat, malu kepada Dewan, malu kepada kaum wanita, gender ini.

Ini patut dikutuk dan mereka perlu minta maaf dan minta pun tidak cukup. Tidak cukup untuk selesaikan perkara ini. Mereka patut dihukum dengan seberat-beratnya dalam perkara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab kita perlukan *live telecast*. Di mana rakyat di Malaysia dapat tahu apa yang dikatakan ini adalah satu perkara yang bukan sahaja memalukan, tetapi memalukan mereka sendiri. Takkan dia tidak ada isteri, anak perempuan. Macam mana ini boleh disuarakan oleh beliau?

Saya rasa ini adalah satu perkara yang sangat mustahak. Saya pun menyokong yang dikatakan dan saya sangat kasihan. Saya rasa Ahli Parlimen Batu Gajah yang telah dihina bukan sahaja setakat seorang wanita, saya seorang lelaki di sini saya rasa sangat malu and *I feel guilty and the whole country looking at us. We are the laughing stock of the nation and this is the higher legislative body. Can we allow this?* Dengan izin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat keadaan dan masa ketika benda ini berlaku. Ianya ketika saya hendak menyambung perbahasan apabila jeritan-jeritan daripada pihak sana terhadap saya dan pada keadaan Dewan. Keadaan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Justifikasi? Any justifikasi? Justifikasi lebih berat lagi, lebih teruk lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You should be expel...*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dalam keadaan itu kalau demi penghormatan dia, seharusnya dia tidak bertindak sebegini. Terjerit-terjerit ketika kita hendak membahaskan soal yang serius dalam Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa masa, bila-bila masa, dan apa-apa keadaan yang membenarkan kenyataan sedemikian diluahkan. Lebih-lebih lagi dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi Yang Berhormat Jasin saya rasa sangat kecewa, tidak langsung insaf dan justifikasi ini langsung tidak boleh diterima Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon demi menjaga nama baik Dewan yang mulia ini. Bukan kali pertama keadaan *sexist remark* ini dikeluarkan menghina wanita. Saya pohon Ahli Parlimen daripada wanita khasnya dari Barisan Nasional juga menyokong usul yang penting ini. Saya pohon keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta untuk membuat suatu penentuan mengenai perkara ini sama ada hendak dirujukkan di Jawatankuasa Hak Kebebasan. Saya minta sedikit masa 2.30 petang ini untuk membuat penentuan bagi perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya harap wanita Barisan Nasional pun berdiri atas perkara gender dan bukan atas parti dan saya berharap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh bersetuju bahawa selepas itu *withdraw the whip* dalam perkara ini, tunjuk kita hormat wanita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada bawa *whip* kah hari ini? Tolong jawab.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang 2007 ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [9 Mei 2007]

10.12 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyambung jawapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam waktu kita menamatkan sesi, saya sedang menjawab Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi pada pagi ini dia belum sampai lagi namun dia telah bertanya mengenai, apakah cara untuk mencegah penguat kuasa daripada menyalahgunakan kuasa mereka?

Sememangnya ini merupakan masalah yang dihadapi bukan sahaja oleh kita, tetapi juga di mana-mana negara. Di mana berlaku orang yang diharap menjadi pagar, kadang-kadang pagar makan padi. Jadi untuk mengatasi ini mana-mana penguat kuasa yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan MTDC ana-mana undang-undang ini adalah tertakluk kepada peruntukan tata tertib yang sedia ada kepada perkhidmatan awam.

Di samping itu BPR juga memainkan peranan yang penting dalam mencegah anggota atau pegawai penguat kuasa daripada menyalahgunakan kuasa yang melibatkan rasuah.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah bertanya mengapa dalam seksyen (1) memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan tarikh yang berlainan untuk menguatkuasakan peruntukan akta. Peruntukan ini hanyalah merupakan peruntukan dengan izin, *enabling power* yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan tarikh yang berlainan untuk menguatkuasakan akta ini.

Peruntukan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa alternatif kepada Menteri untuk menguatkuasakan sebahagian daripada peruntukan undang-undang ini. Jika kementerian yang lain tidak bersedia misalnya dari aspek logistik, kerana apabila kita bercakap tentang *human trafficking*, ianya juga melibatkan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan mereka bertanggungjawab untuk menyediakan logistik. Sekiranya kalau mereka belum bersedia, maka kita bolehlah tangguhkan dulu bahagian itu, itulah tujuannya.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Dari kajian yang dibuat baru-baru ini, mengatakan seolah-olah nampaknya kementerian sebenarnya tidak sedialah untuk mengambil semua proviso-proviso yang sedia, yang akan diluluskan di sindiket.

Semalam sebelum akhir Dewan Rakyat, Yang Berhormat Menteri kata kita tidak akan membawa apa-apa rang undang-undang ke Parlimen jikalau kita belum sedia. *When we are..., we are ready then only we bring the* rang undang-undang, tetapi nampaknya sekarang ada perbezaan. Adakah kerana semalam tidur tak lena cakap yang lain hari ini. Atau pun kerana sebab-sebab yang benar-benar betul, adalah kerajaan cacat dari segi membuat rang undang-undang.

Oleh kerana seperti yang saya kata dari semalam, atas desakan Amerika Syarikat kerana kita sekarang sepatutnya bercakap terima kasih kepada negara Amerika Syarikat kalau kerana bukan tekanan mereka, saya rasa rang undang-undang ini tidak akan berada di Dewan Rakyat ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua dia ini cakap macam dia tak suka kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya minta maaf, saya suka, saya suka, saya setuju penuh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia minat dengan *human trafficking*, kot! Terlibat! Jadi saya nak bagi sini, tidak ada tekanan dari mana-mana negara. Kita *sovereign state*, negara yang merdeka dan saya telah sebut itu pada awal ucapan saya. Kita nak *comply* dengan keperluan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang Berhormat bagi Kepong kata kita dah lambat, jadi ini semua kita ambil kiralah dan sememangnya ini waktu yang sesuai untuk kita mengadakan rang undang-undang ini.

Kemudian kita mempelajari daripada pengalaman yang lepas. Apabila sesuatu rang undang-undang dibuat, maka seperti yang telah saya sebut ia menyebabkan juga kadangkala berlaku *continuation*, pindaan kepada rang undang-undang yang lain. Undang-undang kita banyak. Tidak mungkin kita sebagai manusia boleh tahu tentang semua Rang Undang-undang melainkan apabila terlaksana saja sesuatu maka pada ketika itu baru kita sedar bahawa kita tidak boleh melaksanakan, disabitkan ada undang-undang atau akta yang lain yang tidak membenarkan.

Jadi ini semua kita pelajari daripada pengalaman kita yang lepas. Yang mana CPC terpaksa di tunda gazetnya, disabitkan perkara yang sama. Untuk mengelak daripada perkara ini mungkin berlaku sekali, kerana dia melibatkan banyak kementerian sebab itulah kita berikan *enabling power* ini kepada menteri, kerana kita melihat rang undang-undang ini sebagai suatu yang sangat penting, yang tidak boleh dilengahkan lagi pelaksanaannya. Disabitkan mungkin, oleh kerana ada sesuatu yang menyebabkan kita tidak sedar dan tidak bersedia.

Jadi itulah sebabnya kita mempelajari daripada pengalaman yang lepas. Jadi untuk memastikan supaya undang-undang ini dapat dilaksanakan, maka kita berilah *enabling power* kepada Menteri supaya sekiranya ada perkara-perkara lain yang boleh menyebabkan ia tidak boleh dilaksanakan kerana sesuatu hal, maka Menteri ada kuasa untuk menangguhkan perlaksanaan satu-satu bahagian dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran dia telah membangkitkan berkenaan soal iaitu sama ada ASEAN mempunyai agensi yang terlibat dalam memerangi jenayah perdagangan. Pihak ASEAN harus lebih serius dalam mengatasi hal ini.

Sememangnya betul Yang Berhormat, negara ASEAN adalah negara-negara yang banyak menjadi mangsa kepada eksploitasi perdagangan manusia ini, iaitu Vietnam, Los, Thailand, Malaysia juga, Indonesia, Filipina. Jadi oleh kerana itu sememangnya terdapat mekanisme kerjasama serantau yang telah diwujudkan bagi memerangi jenayah ini dalam bentuk perjanjian *multilateral*, berhubung kerjasama di dalam perkara jenayah negara-negara di rantau ASEAN.

Pemerdagangan orang termasuk di dalam kerjasama ini. Lain-lain deklarasi adalah yang berikut iaitu pertama, *ASEAN Declaration* yang ditandatangani di Vientiane, Laos semasa dengan izin, *10th ASEAN Summit* pada 29 November 2004 yang bertujuan untuk dengan izin, *joint effort to strengthen regional international cooperation to prevent and combat trafficking person in the region*. Jadi memang ada mekanisme dalam ASEAN itu sendiri.

Yang Berhormat bagi Beluran juga bangkit berkenaan ada situasi di mana warga negara asing masuk secara sah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya sangat kagum dengan *ASEAN Declaration 2004* yang dibuat di Vientiane, tetapi bolehkah Yang Berhormat beritahu, saya nak tanya, adakah Yang Berhormat tahu, saya rasa sedar bahawa ada satu negara ASEAN walaupun mereka telah terlibat dalam deklarasi ini, tetapi tidak ada undang-undang atau tidak ada komitmen yang sama negara itu ialah negara *Singapore*.

Adakah apa-apa reaksi kerajaan kita kerana saya difahamkan ada NGO-NGO di sini seperti Tenaganita yang telah menghubungi NGO-NGO di Singapura supaya mengadakan undang-undang yang sama? Kenapa sehingga ini walaupun 2004 perkara ini, deklarasi ini telah dibuat hingga sekarang, Singapura belum mengikut dengan komitmen yang sama?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam ASEAN ini yang pertamanya kita mengamalkan sikap tidak campur tangan dalam negara masing-masing. Jadi hubungan kita dalam ASEAN ini berdasarkan kepada sukarelawan.

Kita menggunakan pendekatan *persuasion* dan amat memahami tentang apa yang perlu dilakukan dalam negara masing-masing. Begitu juga Malaysia, walaupun Filipina terlebih awal pada suatu masa dahulu, sebelum tahun ini, sudah tentu mereka yang berada di Filipina juga merasakan mengapa Malaysia ini lambat.

Saya percaya tidak ada Ahli-ahli Parlimen di Filipina yang mendesak kerajaan mereka supaya campur tangan dalam urusan dalaman negara Malaysia. Namun kita akan lihat *the trend* ke arah itu. Kita perlu memberi masa kepada rakan-rakan kita untuk mereka mengadakan undang-undang mereka masing-masing *to comply* dengan *ASEAN Declaration* ini.

Begitu di Bangsa-Bangsa Bersatu, apabila ada konvensyen ini tidak semua negara dipaksa diberikan *timeframe* iaitu kalau hendak menjadi Ahli Bangsa-Bangsa Bersatu, semua negara dalam masa satu tahun kena ada undang-undang ini. Kita tidak buat begitu kerana Bangsa-Bangsa Bersatu menghormati tentang masalah yang mungkin dihadapi oleh negara itu. Walau bagaimanapun, mereka digalakkan supaya mengadakan undang-undang yang diperlukan.

Begitu juga kalau di *United Nations* yang digunakan itu ialah toleransi, *persuasion*, begitulah juga dalam ASEAN. Kita tidak boleh paksa Singapura. Mungkin Singapura memikirkan bahawa ia bersih. Ia tidak memerlukan undang-undang itu kerana ia sebuah negara yang kecil, sebuah bandar raya, ia boleh kawal, ia tidak menjadi *exporter* manusia, dan dia juga tidak menjadi transit kerana undang-undangnya yang ketat dan ia juga tidak menjadi negara destinasi.

Jadi kepada ia, tidak ada keperluan. Mungkin saya tidak tahu. Namun kita akan terus sentiasa meminta kepada rakan-rakan kita supaya *comply* dengan mengadakan rang undang-undang yang dimaksudkan ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya tahulah bahawa kerajaan ini, di mana ada *constructive engagement policy* oleh ASEAN. Kita tahu bagaimana *constructive engagement* telah berjaya di Burma hingga selama 17 tahun. Dari tahun 1990 hingga sekarang *constructive engagement, engagement constructive. Constructive engagement become destructive engagement. Nothing* yang dibuat.

Hingga Yang Berhormat Menteri Luar kita pergi ke Burma pun tidak ada apa-apa manfaat yang dicapai. Dalam keadaan yang sama kita juga perlu bersetuju bahawa Singapura, walaupun adalah sebuah negara yang bebas, tetapi satu di antara perkara yang unik di Singapura ialah kerana di sana pelacurannya *dilegalized*. Itu adalah satu di antara beberapa perkara. Walaupun difahamkan *tier system*nya ialah *tier number one* kerana ia ada undang-undang yang ketat.

Walaupun tidak ada undang-undang yang sama, tetapi oleh kerana ia sangat efektif dan sistemnya sangat terkawal ia adalah dalam *tier system* nombor satu dalam senarai Amerika. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dengan mengadakan undang-undang ini, bila diluluskan oleh Dewan Rakyat, adakah kita akan meningkat dalam *tier* sistem ini ke *tier* sistem satu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya untuk masuk ke *tier* satu kena *legalized prostitution*. Saya ingat di Malaysia tentulah kita tidak akan membenarkan perkara ini berlaku. *Prostitution* tetap kita anggap sebagai eksploitasi wanita dan ianya tidak boleh dihalalkan.

Kedua, kita tahu *tier system* ini adalah *tier system* yang dikendalikan oleh Amerika Syarikat. Itu terpulang kepada dialah. Kita pun memang mengambil kira iaitu, bahawa apa yang kita buat ini juga kita mengambil berat tentang *United States Department of States* itu yang meletakkan kita kepada nombor dua. Oleh kerana ia rakan kita, dan kita memandang berat kerana ia menjadi negara destinasi dan perhubungan yang baik dengan Amerika, kalau ia merasakan bahawa itu menjadi satu *threat* kepada ia, maka kita cuba untuk *comply*.

Sama ada ia akan menaikkan kita kepada *tier* satu ataupun tidak, itu terpulanglah kepada ia. Macam Yang Berhormat sendirilah, tidak ada undang-undang *human trafficking* di Singapura pun ia letakkan *tier* satu. Itu terpulang kepada negara Amerika Syarikat. Soal ini, Yang Berhormat kena tanya kepada Amerika Syarikat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa Yang Berhormat telah *miss point* apa yang saya telah katakan. Dengan rang undang-undang yang kita ada ini, yang akan diluluskan, adakah pada pandangan kerajaan ada kajian yang dibuat? Itulah yang saya katakan semalam. Kita perlu adakan satu kementerian kajian yang akan membuat kajian sahaja.

Sekarang saya terpaksa meminta pandangan Yang Berhormat Menteri. Minta maaf kerana pandangan yang mungkin perlu kajian juga, tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri terlibat dalam kajian ini? Bagi tahu kepada saya bahawa, dengan rang undang-undang ini, adakah kita akan melompat - sekarang kita ada *tier two watch list*, yang itu *dangerous*.

Saya pun rakyat Malaysia. Saya juga khuatir bahawa bukan sahaja dengan rang undang-undang ini kita hendak mencapai sesuatu. Hasrat atau *intention* rang undang-undang ini bagus. Kita sokong 100% tetapi saya hendak bertanya, dengan rang undang-undang ini diluluskan, pada pandang Yang Berhormat Menteri dan pada pandangan kerajaan, adakah ia betul-betul efektif dan kita akan naik kepada *tier one* atau *tier two*, kalau tidak kenapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *I didn't miss the point*. Soal sama ada kita akan naik kepada *tier one* itu dikendalikan oleh Amerika Syarikat, *you* tanya dialah *whether they are happy or not*. Kita cuma buat rang undang-undang ini untuk *comply* dengan keperluan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Apabila datang kepada satu indeks yang dikendalikan oleh negara lain, itu kena tanya kepada dialah. Jangan tanya kepada kita. Saya tidak tahu. Mungkin, apa yang kita buat ini tidak memuaskan hati mereka. *I didn't miss the point and I didn't wake up from the wrong side of the bed*, dengan izin. *Maybe you are the one...* [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa lagi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sikit lagi, bolehkah? Yang Berhormat Menteri, saya hendak menolong Yang Berhormat bagi mengatasi situasi kajian ini. Ini saya ada buat sedikit kajian, kerana kita tidak ada kementerian kajian. Apa itu definisi *tier two watch list*? Ia adalah dengan izin:

"Countries on tier two requiring special scrutiny because of a high or significantly increasing number of victims. Failure to provide evidence of increasing efforts to combat trafficking in person or an assessment as tier two based on commitment to take action over the next year."

Adakah itu komitmen oleh kerajaan kerana di *tier two* itu definisinya ialah:

"Countries that do not fully comply with the minimum standard but are making significant efforts to bring themselves to compliance"

Dan *tier* satu adalah:

"Countries that fully complied with the trafficking in person act minimum standard for the illumination of trafficking."

Jadi, inilah kajian yang saya boleh tolong Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payah kajian. *You* pergi tanya Amerikalah. Saya sudah kata perkara ini dikendalikan oleh negara Amerika. *You ask them!* Singapura tidak *comply* pun, tidak ada pun undang-undang ini, tetapi Amerika boleh letakkan ia di *tier* satu. Kita pun tidak tahu apa dia punya kriteria.

Oleh kerana ini dikendalikan oleh Amerika Syarikat, *please go and ask the American Ambassador and don't ask me, because I don't know*. Saya tidak tahu. Kita buat dan kita fikirkan perlu untuk memerangi *antihuman trafficking* bukan hendak memuaskan hati mana-mana negara. Kita buat kerana kita hendak lawan pemerdagangan manusia ini. Itu sahaja...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun] [Menunjukkan sebuah buku]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya jawab dulu, jangan datang lambat. Saya sudah jawab. Itu buku apa itu, buku semalam juga?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk dulu. Baik, bagi peluang Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi saya jawab dulu. Tidak ada masalah, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tidak langsung rasa 'terkepung' dengan kehadiran Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya akan beri peluang. Walau bagaimanapun, buku itu letakkan di bawah. Terima kasih... [Ketawa]

Yang Berhormat bagi Beluran mengatakan ada situasi di mana warganegara asing masuk secara sah atas pas lawatan, tetapi selepas itu diperdagangkan. Mesti ada sesuatu undang-undang yang mengatasi masalah yang ada. Situasi ini memang boleh diatasi dengan penggunaan peruntukan seksyen 12 rang undang-undang ini.

Oleh kerana mana-mana orang yang menerima mana-mana orang yang lain, sama ada warga asing atau sebaliknya yang masuk dengan sukarela, adalah dikira memperdagangkan sekiranya ada elemen eksploitasi. Tidak kira, sama ada dia masuk secara sah kemudian dia diperdagangkan, jika ada elemen eksploitasi sahaja, tidak kira sama ada sebelum ini masuk secara sah ataupun tidak, tetap dia dianggap sebagai memperdagangkan.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat jangan bimbanglah kerana saya dengar ramai rakan-rakan kata ramai Uzbek datang secara sah. Kalau mereka ini kita tangkap ejennya, kita boleh dakwa ejen-ejen ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun setuju juga sedikit sebanyak kerana di sini saya *download* satu, 9 Mei. Masalah di Amerika sendiri di New York State, ia hendak meminda sistem keadilan juvana kerana masalah eksploitasi kanak-kanak dan wanita. Kanak-kanak yang tidak dilindungi. Ini bermakna pihak Amerika Syarikat pun kurang juga untuk mengambil tindakan yang berkesan.

Walau bagaimanapun, di sini saya semalam hendak tanya tetapi itulah biasanya Yang Berhormat Menteri dia hendak elakkanlah itu. Di sini, walaupun Yang Berhormat kata tidak melibatkan pihak Kementerian Pelancongan, tetapi kita tahu, mangsa ini memang secara tidak langsung, ada kena-mengena dengan pelancongan walaupun ini bukan Thailand.

Di sini saya gembira kerana pembangunan produk *niche, niche product development*. Ia ada Pelancongan Kesihatan, Rumah Keduaku dan juga Pelancongan Sukan, Goh Mei, Pelancongan Eko dan sebagainya, memang baik. Kita mesti galakkan.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat memastikan pihak pelancongan dan juga pihak berkuasa tempatan mengambil perhatian mengenai, apa yang dibuat di dalam Dewan ini supaya mereka mematuhi apa yang kita hendak untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang berkesan. Itulah yang pertama.

Saya berharap Yang Berhormat jangan mengabaikan pihak-pihak yang tertentu ini. Satu punca yang besar, secara tidak langsung yang menyebabkan eksploitasi dan juga pembentangan ini. Ini satu punca yang besar. Cantik kita pun hendak galakkan, tetapi kita mesti mengambil perhatian mengenai hal kesengsaraan kanak-kanak dan wanita.

Seterusnya mengenai bilangan wanita dan kanak-kanak dan orang yang lain termasuk buruh dan sebagainya yang terlibat dengan kesengsaraan ini. Saya hendak tahu bilangan. Dengan itu perlindungan kanak-kanak, saya nampak daripada fasal-fasal yang tertentu terutamanya fasal 44 sehingga fasal 60, walaupun ada usaha untuk melindungi mangsa tetapi kita mesti tahu, apakah bilangan angka, fakta dan data kanak-kanak asing dan kanak-kanak tempatan yang terlibat dengan kesengsaraan ini?

Apakah perlindungan yang boleh kita bagi? Adakah kita ada pusat-pusat yang mampu untuk mengendalikan semua ini, kerana ini bukan satu, dua tahun kanak-kanak ini diseksa dan juga diletakkan dalam kesengsaraan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Tetapi tidak ada pun, tidak ada cara yang lain untuk memulihkannya dan ini akan mengambil masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ruang untuk minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya fahamlah kerana ini kesengsaraan yang sangat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua dia mari lambat, dia mari lambat dia hendak justifikasi, kelambatan dia, dia bercakap banyaklah. Kalau hendak penjelasan tanya empat, lima perkataan sudah boleh bagi penjelasan. Statistik saya akan bagi selepas inilah. Tahu pun! Kenapa tidak jumpa dekat luar minta statistik, tetapi hendak register? Dapat duit hari inikan, kehadiran?

Yang Berhormat, yang lagi satu itu Yang Berhormat, saya sudah sebut. Pihak yang hak duduk dalam majlis itu ialah kementerian yang terlibat secara langsung. Yang dua itu, Yang Berhormat sebut pelancongan itu, ia secara tidak langsung. Dia mari sebagai pelancong, tetapi dia bukan hendak datang melancong di sini, namun selepas itu entah berlaku secara tidak langsung.

Yang PBT dengan...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagilah peluang jawab dulu, orang Islam kena sabar Yang Berhormat. Sabar, dengar, mewakili parti PASKan? Tengok macam saya ni, *steady* sahaja walau ditekan banyak kali, *steady* sahaja. Walaupun Ipoh Barat cuba banyak kalilah menggugat, tidak ada masalah.

Okey, PBT dengan Kementerian Pelancongan ini, ia boleh hadir dalam mesyuarat dan dipanggil hadir bersama. Soal selepas ini hendak kerjasama, bila ia sudah jadi undang-undang Yang Berhormat. Bila jadi undang-undang tidak berbangkit sudah kerjasama. Semua kena akur dengan akta ini, termasuklah Yang Berhormat. Jangan duk buat masuk perempuan Siam lagi ke Bachok, itu berhenti.

Semua sudah jadi undang-undang. Tidak payah hendak kata mesti ada kerjasama, tidak payah! Oleh sebab bila sudah jadi undang-undang, semua kena pastikan supaya *human trafficking* ini tidak berlaku dalam negara kita. Itu Yang Berhormat, tetapi yang pelancongan PBT itu oleh sebab Yang Berhormat bangkit berkali-kali, saya percaya kita boleh rekomen juga kepada majlis supaya hadir bersama.

Oleh kerana ada peruntukan seperti yang saya sebut semalam, dia tidak boleh mengundi. Dia boleh bagi pandangan mereka, dan kita minta dia hadir bersama. Itu boleh kita lakukan, kalau tidak semua orang hendak duduk dalam itu. Ahli Parlimen, mengapa tidak Ahli Parlimen, kita yang buat undang-undang ini, kita pun hendak juga duduk dalam Majlis? Jadi kita kena ingat iaitu, kementerian terlibat secara langsung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh ya, ya minta maaf.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Seksyen 6 - Majlis bagi antimemperdagangkan orang ini, saya hendak tanya kewajaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dimasukkan sebagai anggota?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak dimasukkan?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana premis-premis ini sama ada kelab malam, hotel, restoran di bawahnya. Ia merupakan pelanggan, market kepada *trafficking monitor* ini. Jadi kenapa tidak masuk, apa kewajarannya? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu lain kali Yang Berhormat. Waktu perbahasan, ambil bahagianlah berbahas. Ini bila mari sekejap, masuk sekejap, mari sekejap, saya sudah jawab benda ini. Benda ini sudah dibangkitkan. Yang Berhormat bagi Kepong sudah bangkit dah.

Tidak laratlah saya, tiap-tiap kali orang baru masuk tanya benda yang samalah, buang masa kita. Saya akan beri penjelasan dekat luar nanti ataupun tengok dalam *hansard* sebab saya sudah jawab Yang Berhormat bagi Kepong, dalam soal yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah tanya apakah kementerian bersedia dengan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, belum jawab lagi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai perlindungan dan sebagainya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perlindungan apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Perlindungan untuk mangsa-mangsa terutamanya kanak-kanak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu ada belakang, karang orang lain pun bangkit juga benda ini. Benda bukan hendak jawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong sahaja. Tidak, soalan hak perlindungan itu ada jawapannya dalam...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada belum jawab lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lain kali hadir daripada awal baru tahu. Apakah Kementerian bersedia dengan latihan-latihan kepada pegawai pelindung?

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang betul, inilah masalah yang selalu kita hadapi iaitu kita ada undang-undang tetapi kadangkala pegawai itu, cara mereka kadang-kadang mereka *handle, handling the victim* ada kasar.

Ini *human* punya faktor inilah yang saya setuju bahawa kita kena bagi dia *training* betul-betul, supaya dia faham tentang isi dan maksud tujuan kita mengadakan rang undang-undang ini, ialah untuk melindungi mangsa bukan pergi ke situ maki hamun dia, marah dia macam dia membawa masalah kepada kita pula. Memang saya setuju masalahnya ialah pegawai-pegawai.

Jadi sebab itu saya setuju kita mesti bagi latihan yang betul-betul sewajarnya. Dalam konteks rang undang-undang ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang membuat perancangan untuk mengadakan latihan kepada pegawai pelindung. Namun begitu Pegawai Kebajikan Masyarakat sedia ada sememangnya telah terlatih untuk mengendali kes-kes khususnya bagi keganasan rumah tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan kes-kes pengurusan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Antara latihan-latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai ini ialah Kursus Asas Kaunseling dan lain-lain kursus berkaitan kaunseling, pengurusan kerja kes, Kursus Penyediaan Laporan, Kursus Pengurusan Kanak-Kanak, Kursus Terapi, *Post Traumatic Disorder* dan Kursus Pengendalian Konflik. Kursus ini kebanyakannya dijalankan di Institusi Sosial Malaysia yang terletak di bawah penyeliaan KPWK.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang terdapat tujuh buah rumah kanak-kanak yang telah ditetapkan modul-modul program berkenaan perlindungan dan pemulihan mangsa.

Memang saya setuju, kita kena setiap masa *monitor* dan pantau pegawai-pegawai kita ini kerana kalau mereka yang merupakan *the front liners* tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik, maka segala apa yang kita bincang di sini, segala apa yang kita luluskan di sini tidak akan menjadi apa-apa makna. Saya setuju supaya kita kena sentiasa memberikan pemantauan terhadap latihan-latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai ini.

Kemudian berkenaan dengan bagaimanakah penyediaan tempat-tempat perlindungan, adakah aspek penyediaan ini dapat membantu mangsa yang telah melalui trauma emosi. KPWK telah mengenal pasti rumah perlindungan sementara bagi mangsa pemerdagangan wanita dan kanak-kanak. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi membolehkan rumah perlindungan tersebut beroperasi. Perkhidmatan kaunseling akan disediakan bagi membantu mangsa-mangsa pemerdagangan.

Berdasarkan pengalaman di dalam kes kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan sekali lagi saya sebut, antara program-program pemulihan dan jagaan yang disediakan bagi membantu mangsa yang mengalami trauma ialah program kaunseling dan pengurusan konflik, program keagamaan, program pendidikan asas, program integrasi dengan masyarakat dan program latihan vokasional.

Setiap rumah perlindungan yang sedia ada mempunyai seorang pegawai kaunselor daripada Skim Perkhidmatan Kaunselor, atendan dan jururawat masyarakat. Kementerian yakin bahawa melalui program-program ini, mangsa akan dapat mengatasi trauma emosi yang telah dihadapi oleh mereka.

Namun, seperti mana yang telah disebut, oleh kerana ini manusia, kadangkala berlakulah juga di mana mungkin ada pegawai yang tidak memahami trauma yang dihadapi oleh mangsa ini. Namun kita akan pastikan seboleh-bolehnya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Mengkaji masalah perlindungan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, saya tidak habis lagi. Selepas inilah. Saya kata boleh, bolehlah. Jadi memang pegawai-pegawai ini kita mesti bagi mereka *training* yang betul-betul supaya mereka memahami, kerana kita tidak mahu ada di kalangan mereka yang bersikap sedemikian.

Oleh kerana dia pegawai kerajaan, kepegawaiannya itu masuk dalam dia punya budaya, dia mengendali kes-kes hinggakan orang yang trauma pun dia hendak marah. Ini memang selalu ada di kalangan mereka, tetapi kita pastikan supaya ianya tidak berlaku kepada mangsa-mangsa ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya kita hendak tahu bilangan yang terlibat dalam kesengsaraan ini dan juga peruntukan bagi pusat-pusat ini. Berapa pusat yang kita ada sekarang ini? Satu pusat atau dua pusat? Bilangan pegawai-pegawai yang terlibat, kerana pada teorinya nampak baik tetapi pada praktisnya kita nampak tidak begitu sempurna dan saya akan memantau keadaan ini.

Bukan sahaja kitalah, saya sebutkan tadi, Amerika Syarikat pun tidak sempurna juga kita nampak, dan kita tidak mahulah meniru Amerika Syarikat dalam hal ini. Dengan kita sendiri, berapa rumah yang sekarang kita ada? Sama ada ini hanya di Parlimen sahaja cakup ada rumah, tetapi pada hakikatnya berapa yang kita ada, pegawai...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha, bagi Yang Berhormat bagi Ketereh itu. Yang Berhormat bagi Ketereh pun perlu satu rumah perlindungan itu. Saya berharaplah Yang Berhormat. Saya akan menyusuli hal ini, kerana ini paling pentinglah di dalam penguatkuasaannya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasihlah Yang Berhormat, tetapi kalau cakap bahasa Malaysia itu biar penuhlah. Kalau pusat perlindungan, sebut pusat perlindungan. Yang Berhormat tanya saya ada berapa pusat, saya ada satu pusat sahaja... *[Ketawa]* Satu, dua pusat, terkejut saya. Ingat berapa pusat yang Yang Berhormat ada? Pusat perlindungan, habiskan ayat itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong, berkenaan dengan pelancongan PBT tadi, kerajaan telah mencadangkan penubuhan Majlis Anti Pemerdagangan ini, fasal 6 rang undang-undang. Majlis ini dianggotai oleh beberapa kementerian dan wakil NGO sebagaimana yang telah dimaklumkan.

Majlis inilah yang akan bertanggungjawab berkenaan penyelarasan dasar-dasar dan penguatkuasaan akta ini kepada kementerian-kementerian yang berkaitan melalui mesyuarat-mesyuarat dan program-program yang dianjurkan oleh majlis. Dengan itu saya percaya Kementerian Pelancongan dan PBT akan mengetahui dasar-dasar yang dikuatkuasakan melalui rang undang-undang ini. Mereka akan dipanggil sekalilah.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangkit, apakah maksud Perintah Perlindungan Interim? Mengapa perlu ditempatkan di rumah perlindungan? Apabila seseorang ditemui atau diselamatkan di bawah seksyen 44(1), orang itu akan dibawa ke hadapan majistret untuk mendapat perintah perlindungan sementara.

Tujuan perintah perlindungan sementara ini adalah bertujuan untuk membuat penyiasaan. Jadi kita kena siasat dahulu sama ada orang yang diselamatkan itu adalah mangsa pemerdagangan ataupun tidak.

Di samping itu, orang yang diselamatkan diletakkan di tempat perlindungan untuk melindungi mangsa dari terus dieksploitasi. Jadi yang kita bawa ke majistret bawah 44(1) bukan kita hendak hukum dia, sebab kita ingat iaitu dia dieksploitasi. Jadi sindiket-sindiket itu sentiasa akan cari jalan bagaimana untuk mendapatkan dia balik.

Sebab itu kita bawa kepada majistret, buat penyiasaan, *confirm* memang dia jadi mangsa, kita kena letak dia di bawah perlindungan sebab dia belum terlepas lagi daripada ugutan, *threat* kerana kita kena faham sindiket ini akan cari jalan bagaimana untuk mendapatkan perempuan ini balik ataupun kanak-kanak tersebut.

Sebab itu yang kita masuk bukan kerana kita tahan, kita hukum dia, tetapi kerana untuk melindungi dia daripada ejen-ejen, sindiket yang telah membawa dia masuk. Kemudian...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya jawapan hari ini bernas dan bagus, tetapi tadi Yang Berhormat kata perintah-perintah perlindungan interim ini adalah untuk melindungi orang yang disyaki diperdagangkan itu daripada dieksploitasi.

Yang saya bangkitkan semalam ialah orang tersebut telah di bawah kawalan dan diawasi oleh pegawai penguat kuasa dan membawanya ke tempat perlindungan. Kata hendak lindungi daripada dieksploitasi itu. Saya rasa ini bercanggah sedikit sebab dia telah dibawa ke *shelter home*, dengan izin. Kata elak dia untuk lindungi daripada eksploitasi, tetapi bagaimana ia boleh berjalan dalam aspek ini?

Dia pun telah berada dalam kompaun yang selamat. Jadi itu yang saya pohon penjelasan. Maaf ya, kalau saya bandingkan dengan kes keganasan rumah tangga, ia berbeza, ada interim, *protection order* juga. Dalam kes itu isteri yang didera, dia boleh bergerak ke mana-mana dan suami tidak boleh menyentuh dia. *Protection* itu boleh pakai sebab dia tidak ditempatkan di tempat perlindungan. Dalam kes ini, ditempatkan di tempat perlindungan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita dekat sekolah dahulu. Kalau *prefect* itu, di sekolah dipanggil pengawas. Saya pernah jadi pengawas juga di Kolej Melayu Kuala Kangsar, sebab itu jadi Menteri sekarang ini. [*Ketawa*] Jadi pengawas ini, bila dia mengawasi anak-anak murid dia, bukan bermakna dia tidak percaya kepada budak-budak ini. Kita mengawas dia untuk memastikan supaya dia berada di dalam keadaan yang baik. Sebab itu dipanggil pengawas.

Saya faham Yang Berhormat rasa, kalau dia ini mangsa, apa pasal kita hendak awas. Kita kena awasi dia sebab dia trauma. Dia mungkin lagi dikacau. Jadi kita mengawasi dia ini bukan kerana kita menganggap dia ini sebagai orang jahat, tidak. Sebab saya sebut sebentar tadi iaitu bahawa sindiket ini, dia akan cari jalan dan kita tidak tahu mungkin di kalangan mangsa ini mereka telah diugut iaitu bahawa kalau apa-apa dia buat, keluarga dia di kampung sana akan terancam, dicerderakan.

Jadi, itu akan mengganggu pemikiran dia. Dia tidak stabil, memikirkan tentang keluarganya mungkin diugut di kampung, maka dia akan buat sesuatu. Dia kena lari ke apakah. Kita tak tahu, orang trauma. Sebab itu kita kena mengawasi dia, mengawasi bukan kerana menganggap dia sebagai penjahat.

Mengawasi dia untuk melindungi dia daripada perkara-perkara yang tidak baik, yang mungkin berlaku terhadap beliau. Jadi kita kena lihat perkara ini sebagai positif. Bukan mengawas kerana kita nak hukum dia atau kita menganggap dia sebagai penjenayah. Mengawas dia, gerak geri dia supaya dia tidak terganggu oleh mana-mana pihak yang sedang berusaha untuk yalah..., maknanya macam-macam orang yang trauma ini. Jadi kita kena kawallah, tengok.

Ini tak adalah kalau tujuan rang undang-undang ini ialah untuk melindungi mereka, kemudian kita pula ada sesuatu yang dalam undang-undang ini pula nak membuat sesuatu yang menampak seolah-olah mereka ini penjahat. Tak ada. Itu cuma mengawas, mengawasi, tengok dia, keperluan dia apa ke, kerana dia adalah manusia yang dalam trauma.

Kemudian Yang Berhormat, bila kita nak hantar dia ke luar negara lepas tiga bulan, kita ambil kenyataan dia lepas itu kita hantar dia balik. Kita tak hantar dia ke pusat tahanan. Dia *direct* daripada pusat perlindungan, kita *arrange* dia balik, mungkin ibu bapa dia datang ambil dia terus. Sebab saya sebut tadi dia bukan, kita dah kata tadi dalam undang-undang ini kalau kemasukan dia itu secara haram dulu pun, ini tidak diambil kira dalam kes dia sebagai mangsa.

Jadi dia bersih daripada itu. Tidak ada sebab mengapa kita nak hantar dia ke pusat tahanan. Pusat tahanan ini orang yang tidak diperdagangkan, memang tahu masuk secara haram. Itu kita tahan di sana, tapi orang ini adalah mangsa dan kita tidak akan hantar mereka ke pusat tahanan. *Direct* daripada pusat perlindungan, ibu bapa dia mari, kita sah ibu bapa dia bawa balik, baru kita lepas.

Kemudian Yang Berhormat bagi Santubong...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa selepas tempoh masa dia ditahan, dia akan dihantar balik ke luar negara, tetapi bukankah itu kesilapan yang terbesar yang dibuat oleh rang undang-undang ini?

Oleh kerana kalau kita tengok rang undang-undang yang sedia ada di luar, lain-lain negara menunjukkan bahawa dari kajian mereka, dari pengetahuan mereka menunjukkan bahawa dia perlukan bukan masa tiga bulan sahaja, dia perlukan lebih kurang tiga tahun sebelum dia berorientasi balik ke satu situasi yang normal baru dia boleh hantar balik. Itu satu.

Nombor dua, bila dia dihantar balik, itu ejen, *the smuggler*, ada di luar negara, di mana katakan dia dari Vietnam, dia dihantar balik ke Vietnam. Bukan sahaja dia akan diseksa, dia akan diguna pakai orang ini dan dia akan dihantar balik ke lain-lain tempat. Dan nombor tiga, bila dihantar balik, dia dengan satu masa yang sangat singkat, dia merasa sangat malu di kalangan orang ramai di mana dia datang.

Jadi nampaknya tidak ada apa-apa simpati dalam rang undang-undang ini dan apakah sebab kita tidak ada satu situasi di mana apa dikatakan T-Visa. *Temporary Visa* diberi kepada beliau untuk berada di sini. Kerana kita tahulah bahawa kita tidak ada kakitangan yang betul-betul faham situasi ini *or trafficking of situation* ini adalah luar biasa. *The severity of the crime is unspeakable*, dengan izin. Ini sangat teruk. Dia perlukan masa.

Jadi macam mana rang undang-undang ini lepas tiga bulan, nampaknya macam mekanikal Tuan Yang di-Pertua. Dia ada *time limit*. Lepas 90 hari Yang Berhormat Menteri memberi satu pengesahan ibu bapa mereka boleh datang. Yang Berhormat Menteri betul kah? Mana boleh dari luar negeri, Vietnam ibu bapa boleh mari? Ibu bapa dari sana nak pergi ke Hanoi pun tak ada duit, nak mari ke Kuala Lumpur? Tengok sama Yang Berhormat Menteri, *be real, be realistiklah*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, satu benda kita kena ingat orang ini mangsa, dia bukan melakukan kesalahan. Dia mangsa. Bila dia mangsa, bermakna kita tidak sepatutnya menahan dia lebih daripada masa yang sebenar diperlukan. Sebaik-baiknya orang yang boleh melindungi dia, menjaga dengan baik ialah keluarga dia.

We should not even for one-second kata, *detain* dia *for no reason*. Sampai masa untuk kita dah ambil kenyataan dia, dan orang yang paling layak melindungi dia ialah keluarga dia. Jadi kalau keluarga dia, saya percaya Yang Berhormat, saya tak tahu *you are that so cruel*lah.

Kalau saya sebagai seorang bapa, saya dengar anak saya kena tahan di *Soviet*, di Rusia ke, saya pergi hutang duit, pergi nak tengok anak saya. *I'm good father. I don't know about you*lah ya. Sebab Yang Berhormat kata betulkah? Saya kata betul. Saya percaya ibu bapa ini kalau ibu tak datang pun bapa akan datang nak tengok anak dia. Dia akan datang.

Kemudian, saya nak bagi tahu kalau kita tahan dia, kita tahu iaitu bahawa kena bawa ke mahkamah. Kalau kes dia itu bangkit lagi enam bulan, adakah adil untuk kita tahan dia enam bulan? Adakah adil kita letak dia dalam rumah perlindungan itu satu tahun nak tunggu kes ini mari? Tak adil, sebab itu kepada kita yang paling baik sekali ialah supaya kita serahkan dia balik kepada keluarga dia secepat mungkin, kerana saya percaya itu juga merupakan trauma. Menunggu anak duduk tiga bulan, tiga bulan pun trauma saya rasa ya.

Jadi sebab itu kita ambil kira semua. Yang Berhormat bangkit pun ada juga *point*nya. Jadi kita dah ambil itu semua, kita fikir jangan tahan mereka lebih daripada masa yang diperlukan. Sampai masa kita *contact* dia punya *family*, mari ambil dia kerana keluargalah yang paling, orang kata, terbaik sekali untuk memberi perlindungan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat kata kita tak boleh tahan. Saya tak akan guna perkataan tahan. Tak boleh tempatkan mereka lebih daripada yang diperlukan, ini tidak adil. Ini adalah merujuk kepada warga asing.

Bagaimana pula dengan syarat-syarat di mana diperlukan menempatkan kalau dia warganegara Malaysia dan bermastautin tetap kepada dua tahun? Kalau tak ada ibu bapa atau penjaga datang menuntut untuk ingin membawanya balik, bukankah itu tidak adil? Ada satu syarat menetapkan mereka daripada masa, dalam masa yang lebih daripada yang diperlukan.

Kalau bukan warganegara, kata tiga bulan patut hantar balik. Kalau warganegara Malaysia, pihak pegawai perlindungan yang buat keputusan nak lanjutkan ke tidak, tapi sekurang-kurangnya dua tahun. Bagaimana percanggahannya yang berbeza dalam aspek ini kalau kita guna jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh memakai dalam aspek ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *mechanical approach* setiap negara bertanggungjawab kepada warganegara dia, pertama. Itu sebab ada perbezaan, dua tahun dengan tiga bulan.

Sebab sebagai sebuah kerajaan, kita bertanggungjawab kepada warganegara kita. Kalau yang kena tahan ini warga asing Vietnam, maka kerajaan Vietnam yang bertanggungjawab di atas soal pemulihan orang Vietnam yang telah ditahan di sini selama tiga bulan. Itu tanggungjawab dia. Kita tidak boleh mengambil tanggungjawab negara lain terhadap warganegara dia.

Oleh sebab itu ada perbezaan dan yang dua tahun ini juga kita kena ingat bagi rakyat Malaysia. Kalau keluarga dia tak mahu ambil dia, kita bertanggungjawab untuk meneruskan kaunseling terhadap dia. Namun begitu, kalau keluarga dia mari ambil, dalam seksyen ini kata kalau ada keluarga mari menuntut dia, dalam seminggu kita bagi balik kepada keluarga dia.

Namun begitu, kalau keluarga tidak mahu? Takkan kita nak lepas dia atas jalan sahaja? Sebab tujuannya kena ingat bukan kita tahan, kita bagi perlindungan kepada dia. Jadi kalau dia warganegara kita, ibu bapanya tak mahu tuntutan dia, apakah kita sebagai sebuah kerajaan, kita kata itu *you* punya fasal, kita lepaskan *you*.

Sebab itu kita kata, kita boleh lagi lindung dia selama dua tahun dan jika perlu kita pohon kepada mahkamah untuk lebih dan lanjutkan dua tahun itu lagi. Itu tanggung jawab kita kepada rakyat kita, tetapi bagi warganegara asing, itu tanggung jawab kerajaan dia, warga dia. Itulah sebabnya Yang Berhormat, perbezaan di antara tiga bulan dengan dua tahun. Kerana kita bertanggung jawab di atas warganegara kita. Itulah sebabnya. Namun begitu pun, kalau macam rakyat Malaysia, kalau dia ada keluarga dia hendak ambil, dia ambillah.

Kita tak akan tahan dan saya hendak beritahu yang keduanya. Tahan lama, katalah duduk di tempat perlindungan dua tahun, bagi rakyat Malaysia dia tahu dia di Malaysia tetapi kalau kita kenakan dua tahun kepada warga asing dia akan merasa jauh daripada kampung dia. Dia merasakan diri di negara yang asing dan lebih baik untuk dia punya psikologi, lebih baik dia dihantar walaupun duduk dua tahun di Vietnam, tetapi itu memang negara dia. Dia akan merasa lebih selesa. Itu sebab mengapa dua tahun dengan tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi kalau saya faham apa Yang Berhormat kata adalah macam ini. Dua tahun itu adalah diperlukan untuk rakyat Malaysia adalah kerana dia perlu masa orientasi, masa kaunseling itu.

Itu yang sekurang-kurangnya di mana dia diberi perlindungan tetapi untuk orang luar negara, kita tidak ada kewajipan kerana itu adalah kewajipan negara lain. Itu bermakna dengan izin, *lip service* sahajalah undang-undang ini. Kerana saya ingin seperti petik apa yang Yang Berhormat kata, mengatakan bahawa saya adalah seorang yang *cruel* kerana tidak mahu mereka dihantar balik.

Sebenarnya Yang Berhormat adalah lebih *cruel* dari saya kerana bila orang-orang yang *traffickers* ini dihantar balik ke luar negara, semestinya mereka akan diseksa, akan dibunuh atau akan lagi-lagi teruk dari keadaan bila mereka berada di sini. Itulah sebabnya saya katakan Yang Berhormat, kalau kita ada TIP Visa yang ada di beberapa negara yang lain, undang-undang yang sama yang memberi ruangan untuk mereka berada di sini selain dari diperlindungi di mana dia ada situasi orientasi, dia ada masa.

Kenapa ini tidak difikirkan? Adakah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin rujuk rang undang-undang ini kepada satu *Select Committee* untuk membuat kajian menyeluruh dalam perkara ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, boleh saya hendak bagi...?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita... Sekejap saya jawab dahulu. Kita kena maafkan dia sedikitlah, sebab dia tak pernah duduk dalam kerajaan. Jadi kepada dia, dia ingat bila saya kata hantar balik itu, kita telefon agen yang bawa dia masuk itu. Beritahu dekat agen, "Hello agen, ini aku sudah tahan tiga bulan, hang bawa dia balik". Ha, itu sudah tentulah dia akan diperdagangkan. Dia bukan begitu.

Bila dihantar balik, *embassynya* diberitahu. Kedutaannya diberitahu. Ini sudah dihantar balik dan kedutaan dialah akan mengaturkan dengan keluarga dia. Ini orang dalam kerajaanlah. Saya tak marah kepada Yang Berhormat. Tak mungkin Yang Berhormat duduk dalam kerajaanlah. Tak boleh pun. Memang tak layak dan... eh, *relax*lah. *Lawyer*kan? *Lawyer* kena sabarlahkan.

Kemudian Yang Berhormat, ini juga untuk hendak menjawab Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Obligasi kita, di bawah konvensyen ini ialah iaitu bahawa penempatan mangsa warga negara asing, kita buat tiga bulan sahaja sebab kerajaan berfikir, tempoh itu adalah wajar untuk menyiasat. Kita hendak siasat dan ambil *statement* dan pada masa yang sama melindungi mangsa dari terus dieksploitasi.

Jadi, maknanya semua ini adalah sementara. Iaitu pertamanya untuk mendapat kenyataan. Keduanya, dalam tempoh waktu tiga bulan, kita boleh lindung dia daripada dieksploitasi. Kemudian, dalam *TIP Protocol* juga, dia mensyaratkan di bawah artikel 8 yang memperuntukkan iaitu bahawa kerajaan yang ada di mana orang itu ditahan, mesti *comply* dengan *the return of that person without undue or unreasonable delay*. Ini bukan Yang Berhormat Menteri yang *cruel*, tak. Bukan kerana Yang Berhormat Menteri yang *cruel*.

Ini kerana seluruh negara, diplomat-diplomat dalam Bangsa-bangsa Bersatu duduk berbincang dan mereka telah dapat sampai kepada satu kesimpulan iaitu kalau mana-mana orang itu yang dianggap dieksploitasi mesti dengan izin, lagi sekali, *the return of that person without undue or unreasonable delay*. Kena hantar cepat-cepat. Ini kehendak *TIP Protocol*. Jadi tiga bulan itu memadailah, kita rasa. Kalau Bangsa-bangsa Bersatu merasakan sebulan, kita pun ikutlah sebulan.

To us, kita merasakan untuk *comply* dengan *the return of that person without undue or unreasonable delay*, tiga bulan sesuai. Bukan kerana saya tidak mengendahkan apa akan berlaku kepada orang ini apabila kita hantar balik, tetapi kita kena *comply* dengan kehendak *TIP Protocol* ini, *without undue and unreasonable delay*, Yang Berhormat ya? Bukan kehendak saya ya? Saya tak *cruel* sepertimana Yang Berhormat sebut sebentar tadi, walaupun Yang Berhormat adalah mungkin seorang *father* yang *cruel*, yang tak mahu tengok anaknya yang ditahan di mana-manalah, saya tak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, Jerailah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa Yang Berhormat, ikut protokollah... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai dahulu, ya..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat kena beritahu dekat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa saya tengok dalam akhbar dan di mana-mana pun apabila berlaku penganiayaan dalam perdagangan ataupun manusia ini, ataupun buruh dianiayai dan sebagainya, selalunya mereka mengatakan mereka hendak balik.

Mereka dengan terang-terang mengaku bahawa mereka hendak balik. Dia tak mahu tunggu dah di Malaysia. Jadi, yang kita hendak tahan mereka, hendak ambil duit rakyat, bagi mereka makan, bela dan sebagainya, saya ingat tidak relevan.

Jadi untuk dalam negara ini Yang Berhormat, saya bersetuju untuk memulihkan rakyat kita, tetapi kita hendak pi bela rakyat orang, tak pasal-pasal ini, pasal apa kita hendak guna duit rakyat? Jadi Yang Berhormat, tolong beritahu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kita kerajaan yang berhemah. Hendak guna duit rakyat, kita guna elok-elok. Baik ambil duit itu, kita buat jalan kampung dan sebagainya...

Seorang Ahli: Bocor, bocor..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bocor itu kita *repair*. Apa masalah? Tidak ada masalah bukan? Kita *repair*, tidak ada masalah. Jadi saya bersetuju Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Menyampuk].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu tidak ada kena mengena dengan *bill*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, terima kasih. Nak tanya...?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya kasihan kepada dia, kawan Yang Berhormat bagi Jerai. Dia macam sengsaralah dalam hal ini, kerana dengar saya punya *argument*.

Yang Berhormat, bila seseorang yang situasi *trafficking* ini, bila dia terperangkap, dia dibawa ke negara ini. Bila polis menangkap beliau, yang pertama sekali, apa yang dia ingat, dia hendak balik. Kerana dia telah diseksa, dia telah dipukul. Ada orang Tuan Yang di-Pertua, bila dia hendak cabut lari dari tempat di mana dia membuat perniagaan ini, bila dia kena tangkap dia dibawa balik, dia dengan izin, semua baju, seluar dikeluarkan dan diikat *upside down*, kaki atas dan elektrik diberi kepada dia.

Supaya semua orang di mana pelacur-pelacur tahu apakah akan jadi situasinya? Bila polis menangkap dia, nombor satu kefahaman bahasa. Kita tidak ada yang fasih dalam hal ini, nombor satu. Nombor dua, apa situasi dia ada? Dia hendak balik. *There's nothing* yang tidak ada beza. Itu bukan abnormal tetapi dia hendak balik kerana dia fikir kalau dia dengan polis, lagi teruk.

Jangan kita lupa. Ada NGO-NGO yang telah membuat penyiasatan. Bila penyiasatan dibuat oleh pihak polis, apa soalan mereka tanya yang pertama? *"Hey, you enjoy the sexkah? How did they screw you? Was it goodkah? Which one you open first?"* Dengan izin. Ini, ini, ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, ini sangkaan buruk. Apa ini sangkaan buruk kepada polis. Sebagai umum begitu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, satu tuduhan yang tidak adil...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan satu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tarik balik. Polis perkhidmatan baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan kita tuduh, polis berjasa kepada negara dan rakyat. Jangan kita tuduh sembarangan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini, ini, subversif. Ini kalau kita tengok dokumen-dokumen...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak baiklah Ipoh Barat. *You* orang yang ada maruah, *you* pun patutlah jaga maruah polis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Polis melindungi orang yang dianiayai. Bukan polis menganiayai orang yang dianiayai, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong elakkan kata-kata sedemikian..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bila kita kata pihak polis dan imigresen, bukan semua. *That is one black apple amongst...*, dalam satu sudut, satu di antara 10,000 orang dan dia adalah pegawai penyiasat yang kita khuatir.

Ini adalah situasi pelacur-pelacur atau orang-orang yang *traffickers* berada. Jadi, apakah yang mereka fikir? Bila dia tangkap, dia hendak balik. Bukan satu situasi yang abnormal. Itu saya kata, kalau kita ada TIP Visa, *Temporary Visa* untuk mereka *because* dalam rang undang-undang ini tidak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh! Kalau tidak kena tangkap, tidak mahu balik. Sudah kena tangkap mahu balik. Buat kotor di negara orang, sudah kena tangkap baru mahu balik. Adilkah kepada negara ini? Kita kena pertahankan negara kita...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pun sengsara juga, ini Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hendak jawab. Bukan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat celaru dan sengsara... *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading sengaja tidak mahu faham. Dia tahu situasi, apabila seseorang di *traffic* ke negara ini, bukan dengan sukarela. Dia bukan sukarela. Itu kita kena mesti mahu faham...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apabila dia datang sini sebagai *tourist*, itu situasi yang lain. Ini ada sindiket. Itu yang saya kata semalam, bila dengan 100 orang yang di bawa *traffic* ini, dia boleh dapat pendapatan sebanyak RM32 *million*, RM42 bilion setahun. Tengok, *it is a billion dollar industry*.

Yang Berhormat Menteri pun bersetuju. Takkan Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak faham. Mereka sengaja tidak faham...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya kata, ibu ayam, bapa ayam ini kena hukum, kena sebat, yang dianiaya ini kena tahan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi yang untung ibu ayam dan bapa ayam.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju, saya setuju.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Anak-anak ayam ini dikhianati.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Anak ayam, bapa ayam, emak ayam semua serupa juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini mana boleh jumpa, bapa ayam...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semua ayam-ayam jahat punya ayam. Semua jahat punya. Makan punya jam sahaja sedap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini anak ayam kena aniaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini dia kata ayam.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Ayam serama bagus. Ayam serama bagus. Jaga sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, Yang Berhormat, kita bersetuju orang yang menjadi ibu ayam, bapa ayam harus dihukum. Malah kita minta disebat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita setuju. Sependapat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta tindakan atas mereka tetapi Yang Berhormat tuduh kita, kata kita sokong. Mana kita sokong?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan. Yang Berhormat Menteri Padang Rengas, dia bilang dia boleh jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dah kita hendak tolong yang BN punya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun sengsara jugalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham. Saya hendak bercakap bahasa Tamil, saya takut Tuan Yang di-Pertua tak faham...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya jawablah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan cakaplah. Bahasa dia sendiri pun dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat cukup, biar Menteri jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah sebut sebentar tadi iaitu bahawa benda ini di dalam konvensyen di *United Nations*, telah pun dibincangkan oleh diplomat-diplomat dan juga para NGO dan profesional di Bangsa-Bangsa Bersatu. Sudah dibincangkan semua, dan mereka menyatakan di bawah Artikel 8, *TIP Protocol*, hendaklah dihantar balik, iaitu:

"8.1. ...the return of that person without undue or unreasonable delay."

Jadi, kita ikut *TIP Protocol* sebab itu kita hantar dia balik.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Santubong, bertanya berkenaan dengan peruntukan berkenaan pampasan kepada mangsa, perkhidmatan guaman dan kaunseling.

Peruntukan rang undang-undang menyediakan jagaan dan perlindungan kepada mangsa yang termasuk perkhidmatan kaunseling. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak meletakkan kewajipan kepada kerajaan untuk menyediakan pampasan kepada mangsa kerana melibatkan faktor kos.

Peruntukan dalam rang undang-undang ini telah memenuhi kewajipan dan kehendak *TIP Protocol*. Dalam *TIP Protocol* pun tidak ada menekankan kos ini. Walau bagaimanapun, di bawah Kanun Tatacara Jenayah, seksyen 436...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Pampasan boleh diarahkan oleh mahkamah. Itu kita serahkan kepada hakim...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Kerana dia juga mengarahkan supaya hakim boleh mengarahkan kos pampasan itu diberi. Itu terpulang kepada hakim.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sentiasa rujuk kepada *TIP Protocol*, tetapi kita belum lagi membuat ratifikasi lagi. Saya pelik juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong mahu *tip* apa ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *TIP Protocol*... [Ketawa] Bila kita adakan ratifikasi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, betul lah. Macam mana kita hendak ratifikasi kalau *TIP Protocol* punya kehendak kita tidak *comply*, itulah dia. Macam mana kita hendak ratifikasi, apa yang *TIP Protocol* suruh, kita tidak buat. Jadi, sekarang ini buat undang-undang ini, kita *comply* dengan *TIP Protocol*. Bila sudah sama, barulah kita ratifikasi. Ya, Allah! Yang Berhormat tolonglah... [Disampuk]

Kalau kita tidak *comply*, macam mana kita hendak ratifikasi. Jadi *comply* dulu, adakan undang-undang ini dahulu. Ikut apa yang *TIP Protocol* hendak, barulah... Bila sudah ada undang-undang, Akta Antipemerdagangan Orang ini, barulah dengan penuh keyakinan, kita buat satu pengumuman, "Malaysia sudah pun meratifikasikan *TIP Protocol*".

Barulah boleh Yang Berhormat. Kalau kita tidak *comply*, tidak boleh ratifikasi. Okey, terima kasih Yang Berhormat. Bagus juga Yang Berhormat tanya itu, sebab menampakkan kecerdikan saya... [Ketawa] dan kurangnya Yang Berhormat la..., tapi tak apa.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat bagi Santubong juga bertanya berkenaan dengan memastikan kes-kes dijalankan dengan cepat. Usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk kes-kes diselesaikan dengan cepat tanpa penangguhan dan sebagainya. Di bawah rang undang-undang ini, bagi memastikan kes-kes dapat diselesaikan dengan segera, terdapat peruntukan untuk penggunaan pernyataan yang dibuat oleh mangsa, boleh digunakan dalam perbicaraan kelak, walaupun mangsa tersebut tidak ada di dalam negara ini ketika perbicaraan berlangsung. Peruntukan ini terdapat di dalam fasal 52 rang undang-undang.

Jadi, yang ini yang kita boleh hantar dia balik. Dia tidak perlu datang balik kerana apa yang dia sebut itu pernyataannya boleh digunakan sebagai bahan bukti di bawah fasal 52 rang undang-undang ini. Jadi, kalau ada Yang Berhormat yang bimbang kata, ini hendak hantar balik, macam mana hendak mari balik ini. Sudah hantar dia balik. Tiga bulan kita kena hantar dia balik, macam mana. Hah! Fasal 52 menyatakan bahawa pernyataan orang itu boleh digunakan sebagai bahan bukti, walaupun dia tidak hadir di dalam mahkamah.

Kemudian pelucutan hak keuntungan, *confiscation of profit*, dengan izin, Yang Berhormat bagi Santubong tanya, bolehkah ia dibuat dan apakah yang akan dilakukan dengan hasil rampasan ini? *Anti Money Laundering* dan *Anti-Terrorism Financing Act 2001*, boleh diguna pakai di mana hasil aktiviti jenayah, *the profits of the crime*, dengan izin, boleh disita dan dilucutkan hak dan hasilnya dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Diambil oleh kerajaanlah.

Kemudian, perlindungan saksi, Yang Berhormat bagi Santubong bertanya dikuatkuasakan apabila Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah berkuat kuasa. Jadi sementara menunggu Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah 2007 berkuat kuasa, fasal 26 rang undang-undang ini turut memperuntukkan berkenaan perlindungan pemberi maklumat.

Yang Berhormat bagi Seputeh bertanya berkenaan dengan SUHAKAM dan Majlis Peguam. Ia tergolong di bawah NGO dan di bawah fasal 6 rang undang-undang ini. Peruntukan wakil NGO hanya dihadkan kepada tiga ahli sahaja dan terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik wakil-wakil NGO yang difikirkan sesuai. Sama ada SUHAKAM atau Majlis Peguam itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri, mereka boleh menjadi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Menteri saya hendak cakap sedikit.

Kelmarin saya ada cadang tambah sebatan. Yang keduanya, harta-harta depa ini, kerajaan ambil, kerajaan rampas, jadi hak milik kerajaan. Walaupun..., kalaulah dia sewa kedai itu daripada, katalah daripada Yang Berhormat bagi Dungun, ambil harta itu kerana Yang Berhormat bagi Dungun pergi sewa pada orang untuk buat maksiat.

Jadi, kalau benda ini berlaku, saya kira mungkin ibu ayam, bapa ayam ini tidak berani hendak berniaga. Kita kena ambil dengan lauk-lauk ayam sekali, dengan reban-reban ayam itu kita kena ambil. Jadi, barulah ibu dan bapa ayam ini tidak ada tempat. Jadi, saya minta yang itu, Tuan Yang di-Pertua.

Secara kebetulan, kita hendak mengalu-alukan Persatuan Wanita Hang Kang Perak, yang berada dengan kita dan juga pemimpin masyarakat dari Maran dan juga dari Kemaman, Terengganu. Depa hendak dengar kes ibu ayam, bapa ayam ini, jadi Hang Kang Perak. *You* orang Perak tidak tahukah? Ini persatuan wanita... [Bercakap dalam bahasa Mandarin] *Kam Sia...* [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pagi ini Yang Berhormat tidak baca surat khabarkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Baca, dalam surat khabar kata tidak buat. Jadi, saya hendak suruh buat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah bagi alasan semua, tidak boleh buat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alasan tidak berapa kuat, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab yang kita hendak menyesuaikan ini ialah dengan kehendak protokol dan konvensyen, Bangsa-bangsa Bersatu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Apabila Yang Berhormat Menteri bercakap, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bangsa-bangsa Bersatu tidak menggalak sebatan. Jadi, kalau sudah kita hendak *comply* UN punya, kita kena ikut kehendak UNlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau kita hendak pakai protokol kita, tidak bolehkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kerana protokol UN pun kadang-kadang..., negara Iraq orang kata jangan serang, Amerika serang, *United Nations* tidak buat apa pun?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dua kesalahan, tidak boleh buat satu betul, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ataupun kalau tidak boleh sebat, harta mereka boleh diambil atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Harta dia saya sudah sebut sebentar tadi. Yang Berhormat tidur, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, saya tidak tidur... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab, baru sebentar tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kata keuntungan. Maksud saya harta-harta depa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai. Cukuplah. Boleh disita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana yang kerajaan boleh ambil mengikut Akta *Anti Money Laundering* dan juga *Terrorism Financing Act*, yang mana dibenarkan oleh kerajaan, kita boleh ambil masuk dalam akaun. Tidak ada masalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, teruskan Yang Berhormat... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini bangun pasal hendak beritahu depa hadir. Okey, tidak apalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak tolong kawan-kawan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, ya terima kasih... [Ketawa]

Yang Berhormat bagi Seputeh menyatakan bahawa kita dalam ini tidak sebut berkenaan dengan buruh paksa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *TIP Protocol*.

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tengok *English version*, muka surat enam dalam *bill*. Muka surat enam membawa ia memberikan definisi eksploitasi. Saya baca dengan izin, "*exploitation means all forms of sexual exploitation, forced labour*". Ada. Jadi lain kali Yang Berhormat, baca dululah.

Namun, oleh sebab *forced labour* ini kita tak definisikan kerana kalau kita memberi definisi *forced labour*, kita akan *narrow* maknanya itu. Jadi kita biarkan *forced labour* luas. Jadi apa yang difikirkan sebagai *forced labour*, okey. Cuma *forced labour* memang masuk dalam definisi eksploitasi muka surat enam.

Yang Berhormat kata kenapa dimasukkan Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Penerangan sebagai anggota Majlis. Yang Berhormat, dua kementerian ini penting. Pertamanya dalam seksyen ini juga ada sebut perkara-perkara yang ada kaitan dengan pengangkutan dalam seksyen ini. Jadi sebab itu Kementerian Pengangkutan juga terlibat secara langsung kerana ia *air transportation, land transportation, sea transportation*.

Mereka ini masuk ke negara kita menerusi dengan izin, *all this mode of transportation*. Sebab itu oleh kerana *mode of transportation* di negara kita ini Menteri di bawah Kementerian Pengangkutan, sebab itu dia masuk secara *direct*. Tak ada orang masuk ke negara kita ini tak guna pengangkutan. Jadi sebab itu dia *direct participant*.

Kita juga dengar saya sebut dalam ucapan saya iaitu orang juga masuk ikut kontena. Kontena ini pengangkutanlah dalam negara kita. Kontena, kapal, mereka masuk dalam itu. Bila buka, mereka keluar. Kemudian Kementerian Penerangan perlu, sebab bila kita hendak lawan, anti *trafficking*. Kita perlu kepada penyiaran tentang betapa bahaya kita terlibat dengan *human trafficking*. Kita perlu kepada kementerian ini untuk diuar-uarkan menceritakan tentang perkara ini.

Jadi bagaimana maklumat dapat disampaikan, kalau tidak ada penglibatan daripada Kementerian Penerangan. Jadi dia tidak ada kena-mengena penyanyi-penyanyi ini mungkin menjadi mangsa *human trafficking*, tidak. Tak ada kena-mengena. Ia lebih kepada menyiarkan maklumat, sebab itu ada keperluannya Kementerian Penerangan duduk sebagai anggota tetap dalam Majlis ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sentuh juga tentang Ahli Majlis ini. Kalau tengok dalam senarai Ahli Majlis ini adalah juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya yakin bahawa dengan masuknya kementerian ini, bermakna akan menyentuh masalah perlindungan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebab sekarang ini beban yang ditanggung oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini banyak dan berat manakala mangsa-mangsa yang terlibat dengan sindiket ini sekarang, telah menghadapi berbagai-bagai masalah.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah kerajaan bercadang ataupun akan terus meletakkan mangsa-mangsa ini di bawah kementerian ataupun bercadang untuk mewujudkan satu pusat perlindungan yang berasingan yang diletakkan bawah mana-mana kementerian? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soal ini kita telah bincangkan dengan begitu mendalam. Sememangnya penglibatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara langsung, kerana yang paling banyak sekali menjadi mangsa kepada *human trafficking* ini ialah wanita dan kanak-kanak.

Tidak mungkin di masa yang akan datang kita tidak melibatkan kementerian ini. Dia akan terus memerlukan penyertaan kementerian ini. Lamalah saya ingat. Saya tidak nampak bahawa kementerian ini tidak akan terlibat, sebab kita pun sudah minta peruntukan untuk kementerian ini mewujudkan *post* atau jawatan-jawatan untuk kaunseling.

Kita juga telah memberikan kewangan kepada kementerian ini untuk menyewa buat sementara bangunan untuk menjadikan pusat perlindungan. Jadi saya rasa penglibatan kementerian ini akan terus menerus berlaku di bawah akta ini.

Yang Berhormat bagi Seputeh...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tambah sedikit sahaja. Ini bermakna kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan perlindungan yang khusus di bawah kementerian lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada, tidak bercadang. Ia sebahagian daripada keperluan di bawah akta-akta ini. Peranan majistret dalam merekodkan keterangan mangsa di bawah peruntukan seksyen 115, Kanun Tatacara Jenayah adalah berbeza dengan peruntukan fasal 52 rang undang-undang ini. Fungsi majistret di bawah fasal 52 rang undang-undang ini hanya setakat merekodkan keterangan mangsa.

Jadi kita hendak rekod keterangan mangsa untuk dijadikan sebagai bahan bukti dalam perbicaraan yang akan berlaku nanti tanpa kehadiran mangsa itu, mestilah direkodkan di hadapan seorang majistret. Sebab itu dia kena rekod depan majistret kerana dia akan digunakan sebagai bahan bukti waktu perbicaraan nanti dan waktu perbicaraan itu mangsa itu, mungkin kita sudah hantar balik dan kita tidak memerlukan kehadirannya. Sebab itu dia berbeza sedikit.

Pernyataan ini boleh dikemukakan ke mahkamah tanpa menghendaki kehadiran majistret yang merekodkan pernyataan tersebut kerana peruntukan khusus di bawah fasal 52(6) yang memperuntukkan bahawa keterangan yang dirakam di bawah seksyen ini boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah rang undang-undang ini dan dengan izin, *the weight* yang diletakkan kepada keterangan itu hendaklah sama sebagai mana seorang saksi yang hadir dan memberi keterangan dalam satu prosiding.

Jadi dia punya *value* atau nilai keterangan itu sama seperti kalau mangsa itu sendiri dalam perbicaraan itu memberi kenyataan itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Sebab itulah kena buat di depan majistret. Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah yang saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi Yang Berhormat bagi Seputeh dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak tanya mengenai rumah perlindungan itu. Adakah ia di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ataupun di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Saya hendak tanya rang undang-undang 52(6) ini, bila merekodkan *evidence* dari *trafficker* ini atau *victim* ini yang menjadi masalah adalah bahasa. Di mana dia hanya fasih dalam bahasa *Vietnamese* atau Laos atau Uzbekistan atau Rusia. Oleh kerana kita tidak ada jurubahasa-jurubahasa yang berkualifikasi untuk menolongsnya, jadi macam mana kita hendak atasinya?

Saya tahu Yang Berhormat akan mengatakan bahawa kita akan memperoleh mereka. Ini adalah satu masalah yang akan dihadapi. Bukan sahaja depan majistret semasa soal siasat dalam tempoh tiga bulan itu. Itu adalah satu masalah yang rumit yang perlu diatasi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu ambil di *embassy*, *embassy* ada apa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sengsara pula ini. Ini tak faham ini Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau sedemikian, sekarang di mahkamah-mahkamah kenapa kes-kes kerap kali ditunda kerana tidak cukup jurubahasa walaupun kita ada orang-orang yang berkualifikasi. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai tak faham kita boleh bagi satu orientasi kepada beliau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* yang tak faham, Jerai faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun seorang peguam. Kita kena cari jurubahasa yang dalam bahasa mana yang mangsa itu fasih, tidak ada alasan tidak membawa. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang penahanan mangsa dalam rumah perlindungan selama 14 hari sehingga dua tahun.

Dua tahun itu macam ISA. Jadi apa mereka buat dalam rumah perlindungan. Bolehkah mereka keluar bersiar-siar atau hanya duduk sana. Adakah apa-apa latihan atau pendidikan diberi kepada semua mangsa ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Makan tidurlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ia bukan penahanan. Dua tahun itu perlindungan. Bagi rakyat warganegara Malaysia, kalau keluarga dia datang minta dikeluarkan, maka kita serahkan kepada keluarganya. Kalau keluarga dia tidak datang, tidak bertanggungjawab, bagi kita untuk melepaskan dia begitu sahaja.

Nampaknya Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dia bertentangan pandangan dan pendapat, sebab itu kita lindung dia selama dua tahun dan jika perlu, kita akan minta untuk dilanjutkan masa tetapi dia bukan kena tahan. Dia lindungi sebab macam Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata apabila dia keluar nanti, agen tangkap dia dan cari dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Soalannya, apa yang mereka buat dalam rumah itu selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Perlindungan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kita bagi mereka kaunseling dan kita memberikan mereka latihan yang asas, yang boleh diberikan kepada mereka. Kita tidak akan membenarkan mereka sia-sia duduk dua tahun habiskan masa dia begitu sahaja, tetapi kalau sampai masa, kalau dia sudah selamat, dia hendak keluar, kita lepaskan dia...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada dua persoalan yang saya hendak dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tetapi tidak dijawab iaitu tentang menganak angkat kanak-kanak misalnya yang telah diperdagangkan. Ini kerana kita dapati banyak daripada Myanmar misalnya datang minta sedekah, kemudian dia kata takut hendak balik kerana kemungkinan mereka ini Islam tetapi kalau balik akan dibunuh, misalnya. Itu satu hal.

Yang keduanya, apakah mereka ini dibenarkan untuk pergi ke negara ketiga sekiranya mereka ini takut balik ke negara asal dia.

Yang ketiga tentang masalah yang sakit masuk di wad dan memerlukan rawatan lebih daripada tiga bulan. Apakah peruntukan undang-undang ini membenarkan mereka ini diarahkan supaya dimasukkan ke hospital? Dia misalnya penyakit barah yang memerlukan rawatan radiotherapy di dalam masa yang lama. Apakah penjelasan dapat diberikan?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tak jawab sebab dia tak bercakap pun semalam. Jadi macam mana apa saya hendak agak apa dia hendak tanya. Pasal dia tak bercakap, kalau dia bercakap, saya jawablah.

Pertamanya, untuk pergi ke negara ketiga. Memang UNHCR, walaupun kita tidak *rectify* UNHCR namun mereka beroperasi di sini untuk mengendalikan orang-orang yang menjadi *refugee* untuk dihantar ke negara ketiga.

Bagi mereka yang terlibat dalam hospital apa semua, kita ada peruntukan yang berkaitan dengan akta ini iaitu *human trafficking*. Mereka ada peruntukan pergi ke hospital dalam rang undang-undang ini.

Kemudian soal anak angkat, itu terpulanglah. Maknanya kalau dia menjadi mangsa *human trafficking* dan kemudian dia juga merupakan *refugee* maka sudah tentulah oleh kerana dia Myanmar sebagai contoh, Rohingya tidak terima dia balik, maka kita ada UNHCR untuk memastikan pemindahan mereka ke negara ketiga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang *welfare*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Hendak lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Welfare*, Yang Berhormat bagi Kepong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Menteri dah habis Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pembangkang kemudian, bagi dekat BN dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Kadang-kadang ada emak bapa dia memperdagangkan anak dia. Anak ini diletak di hadapan inilah.

Sampai bila agaknya anak ini boleh kita lepaskan? Mungkin adakah sampai had umur dia yang kata dia baligh ataupun 18 tahun atau 21 tahun, maka anak-anak ini dilepaskan kerana ada zaman sekarang ini, kita tengok, kadang-kadang emak bapa dia jual anak dia. Dia tidak ada tempat hendak balik.

Macam mana Yang Berhormat, kita hendak bawa pergi ke mana ataupun macam tadi Yang Berhormat bagi Pendang hendak ambil anak angkat dan sebagainya. Di situ suatu persoalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jikalau yang emak atau bapak dia yang terlibat dengan perdagangan, emak bapak dia akan dihukum. Sudah tentu masuk jail. Yang dia pula, itu terpulanglah kalau sebab kita sebut kalau tidak emak bapak dia pun, *guardian* atau penjaga juga boleh memohon untuk menjaga dia, dalam peruntukan ini ada.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Last* sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Last*lah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada rang undang-undang ini, golongan syaitan ini dia lebih cerdik. Itu boleh tanya Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dia tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Syaitan ini macam mana Yang Berhormat? Macam mana rupa syaitan? Rupa dia macam mana Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Syaitan itu, bapak dan emak ayam itulah. *Traffickers* itu pemerdagang. Dia memang lebih cerdik daripada undang-undang kita. Saya pun ada cadangan supaya kita ada pasukan petugas dan unit khas untuk menyiasat, untuk memantau sepanjang masa dan Yang Berhormat Menteri dia belum jawab lagi. Mungkin dia belum terlintas dalam fikiran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masa saya kecil-kecil dahulu ada dalam televisyen cerita "*It takes a thief, to catch the thief*". Jadi saya ingat boleh gunalah hanya syaitan yang mengenali syaitan lain.

Berkenaan dengan petugas khas ini, kita sudah ada empat; polis, kastam, maritim dan juga imigresen. Ini sudah cukup luas pegawai-pegawai yang terlibat. Apa perlu hendak ada petugas khas lagi, sebab benda ini pegawai-pegawainya sudah luas kita guna dan semuanya terlibat secara langsung. Oleh kerana itu, cadangan ini tidak bermutu dan tidak dianggap sebagai bernas, maka oleh kerana itu kita tidak terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 67-

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong, ringkaskanlah.

11.38 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal 6 memperuntukkan tentang penubuhan Majlis bagi Antipemerdagangan Orang, Majlis dan komposisinya. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri hendaklah menjadi pengurusinya.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat. Sebab apa kita pilih khas sahaja untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, bukan kementerian-kementerian lain ada empat yang tadi? Telah disebutkan tadi, termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan bahkan juga Jabatan Perdana Menteri juga yang terlibat dan sebagainya. Mengapa kita pilih khas untuk Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri? Mungkin ada alasan yang tertentu bagi kita berbuat demikian.

Setakat ini Yang Berhormat belum menjelaskan apakah keistimewaan Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri itu dan ada banyak lagi. Ada 67 jumlahnya dan fasal 7 memperuntukkan bagi fungsi Majlis dan kuasa yang perlu bagi pelaksanaan fungsinya. Antara lain untuk menyelaraskan dan merumuskan dasar dan program bagi mencegah, menghapus pandangan orang termasuk program bagi perlindungan orang-orang yang diperdagangkan.

Pada prinsipnya saya terimalah. Memang terima, cuma pada praktisnya bagaimana kita menterjemahkan yang teori ini terdiri dalam praktisnya kerana memang itu diperlukan bukan sahaja pelaksanaan fungsi hendak menyelaraskan dan merumuskan dasar dan program dengan meluas dan macam mana komposisi Majlis ini dan macam mana dasar dan program yang dapat diterjemahkan kepada praktisnya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hai, banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payahlah satu-satu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi itu. Saya pun ke situ, Bahagian III itu sebab kita pun ada bincang dengan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bagi Yang Berhormat Menteri menjawablah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Dan teliti saya tak ada bangkitkanlah dan masalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Buang masa, tak bukan buang masa macam itu. Bukan buang masa itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri, sila. Rumuskanlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalah ini merupakan kesalahan yang ada kaitan dengan keselamatan negara, sebab itu ia diletakkan di bawah kementerian, Bahagian Keselamatan Negara. Imigresen tidak dijadikan sebagai *client, or the main ministry* sebab orang yang didakwa di bawah akta ini, walau pun dia melanggar peraturan imigresen, tapi pelanggaran itu tidak boleh digunakan terhadap mangsa itu, kerana dia mangsa. Dia bukan hendak langgar imigresen punya *rules*. Dia dibawa tanpa kerelaan dia.

Jadi oleh sebab itu, walaupun dia melanggar Akta Imigresen maka dia bukan merupakan secara sukarela, melanggar. Jadi tidak berbangkit soal imigresen di sini. Kemudian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, dia bertanggungjawab *after the fact* iaitu soal kaunseling, soal menyediakan rumah perlindungan.

Jadi dia hanya melakukan kerja-kerja *after the fact* selepas kesalahan itu berlaku. Jadi kesalahan itu berlaku di mana? Berlaku di peringkat awal yang menjejaskan keselamatan negara. Jadi dia ada kaitan dengan keselamatan sebab itulah KSU Bahagian Keselamatan Negara ini menjadi Pengerusi kepada Majlis ini, Tuan Pengerusi ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang lain-lain itu semua *subsequent*lah. Kemudian Majlis ini, Yang Berhormat minat jadi Ahli Majliskah? Jadi dia bukan dianggotai oleh tunggul-tunggul kayu, dia dianggotai oleh manusia.

Jadi biarlah kita serah kepada mereka untuk memikirkan bagaimana hendak menyelaras program-program ini. Yang Berhormat pun bukan pakar dalam hal ini, tidak usahlah, tidak ada kena mengena dengan sakit kulitlah. Jadi saya pun tidak boleh juga. Kita serahkan kepada profesional apa yang terbaik dalam soal menyelaraskan program-program untuk mangsa-mangsa ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 67 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan.

11.44 pg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1993 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 3 - Akta Keadilan Jenayah 1993 iaitu Akta 345. Berbangkit daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan, Akta 574 yang dibuat menerusi Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 iaitu Akta A1210 yang telah berkuat kuasa pada 6 Mac 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi dua fasal.

Fasal 1, rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan melalui warta suatu tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 dalam rang undang-undang ini, dicadangkan pindaan kepada seksyen 3 Akta Keadilan Jenayah 1993 dengan menggantikan perkataan "*twenty*" dengan perkataan "*thirty*".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini ialah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 57 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan pengiraan tempoh pemenjaraan seumur hidup dikira sebagai 30 tahun selari dengan tempoh maksimum pemenjaraan bagi kesalahan seksyen 304, 364, 374, 376, 396 dan 460 Kanun Keseksaan.

Iaitu kesalahan-kesalahan serius seperti mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah kepada membunuh, penculikan atau melarikan orang dengan tujuan membunuh, rogol mahram, rompakan berkumpulan yang mengakibatkan kematian atau cedera parah. Pecah rumah yang mengakibatkan cedera parah atau kematian dan menjadikan perbuatan keganasan, perbuatan membiayai perbuatan keganasan dan perbuatan pengambilan tebusan sebagai satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini, pengiraan tempoh hukuman pemenjaraan seumur hidup ialah 20 tahun. Sehubungan dengan itu rang undang-undang ini digubal bagi tujuan menyelaraskan hukuman penjara seumur hidup daripada 20 tahun kepada 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Ahli-ahli Yang terhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri ada apa-apa ulasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tiada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.52 pg.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 iaitu Akta 280 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Akta 499 untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan berhubungan dengan aktiviti, pasaran dan perantara dalam pasaran modal dan untuk perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya, dibaca kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, suatu pasaran modal adalah penting di dalam sistem kewangan sesuatu negara sebagai penyambung di antara simpanan dan pelaburan di dalam sesebuah ekonomi.

Di Malaysia, pasaran modal kini bernilai RM1.55 trilion pada 30 April 2007 yang mana meletakkannya sebagai antara pasaran yang paling berprestasi di rantau Asia. Jika dibandingkan nilainya pada tahun 1990, iaitu hanya RM200 bilion sahaja. Pasaran ekuiti Malaysia kini mempunyai asas yang lebih kukuh semenjak krisis kewangan pada tahun 1997.

Antara faktor yang menyumbangkan terhadap prestasi yang cemerlang ini adalah keadaan makroekonomi yang kukuh, kemasukan semula pelabur asing dalam pasaran ekuiti, pendapatan korporat yang lebih baik, penyatuan dan pengambilan korporat yang aktif serta jangkaan yang positif hasil dari pengumuman oleh kerajaan berkenaan dengan projek-projek infrastruktur di bawah pelan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada tahun 2006, sejumlah 41 syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan 73.8% daripada jumlah ini di papan utama, sementara sejumlah 12.4% di papan kedua dengan 13.8% disenaraikan di pasaran MASDEX. Pasaran Bon Korporat kekal sebagai salah satu punca utama untuk pembiayaan jangka masa panjang dalam sektor swasta.

Dalam tahun 2006, jumlah kasar dana yang terkumpul melalui bon korporat adalah RM31.7 bilion. Di sebalik perkembangan yang pesat pasaran modal di Malaysia, masih lagi wujud peluang untuk menambah baik daya saing pasaran modal Malaysia melalui peningkatan keberkesanan urus niaga, pengurangan kos serta meningkatkan penggunaan teknologi.

Dalam usaha untuk memastikan rang undang-undang ini mampu mencapai matlamatnya, maklum balas yang meluas telah diperoleh melalui rundingan dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam pasaran modal termasuklah persatuan-persatuan yang mewakili pelbagai sektor di dalam industri pasaran modal. Peruntukan-peruntukan ini juga adalah setaraf dengan prinsip-prinsip pengawal seliaan yang dikeluarkan oleh dengan izin, *International Organization of Securities Commissions*.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan matlamat ini rang undang-undang ini meletakkan enam sasaran utama iaitu:

- (i) memperkenalkan sistem pelesenan tunggal;
- (ii) mempertingkatkan keberkesanan proses penajaan dana;
- (iii) memperkukuhkan perlindungan pelabur;
- (iv) mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global yang berdaya saing;
- (v) menggalakkan penggunaan teknologi dalam pasaran modal; dan
- (vi) menggalakkan pengawal seliaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung memperkenalkan sistem perlesenan tunggal, penggabungan industri pembrokeran telah menyaksikan syarikat-syarikat broker universal serta bank-bank pelaburan yang boleh menjalankan pelbagai perkhidmatan pasaran modal di bawah satu entiti.

Namun demikian, rangka kerja pelesenan sedia ada di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau SIA dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau FIA memerlukan aktiviti urus niaga sekuriti dan niaga hadapan dijalankan melalui dua atau lebih entiti perniagaan berbeza dengan lesen yang berbeza juga. Ini menambahkan proses pematuhan serta melibatkan kos tambahan kepada perniagaan.

Untuk mengurangkan beban serta memastikan tahap keberkesanan kos yang lebih tinggi, Rang Undang-undang PMP 2007 akan memperkenalkan suatu sistem pelesenan tunggal untuk peraturan pasaran modal. Dengan adanya rang undang-undang berbagai-bagai jenis, produk pasaran modal dapat ditawarkan melalui entiti yang sama, yang tunggal serta membolehkan entiti ini menjalankan urus niaga dalam skala ekonomi yang lebih berkesan dengan izin, *economic of scale*.

Atas dasar ini, peruntukan di bawah fasal 58 hingga 139, Rang Undang-undang PMP 2007 memberi kesan dengan izin, *to give effect* kepada rangka kerja pelesenan tunggal dan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelesenan. Rang undang-undang ini akan memperkenalkan enam jenis aktiviti terkawal iaitu:

- (i) urus niaga sekuriti;
- (ii) dagangan kontrak niaga hadapan;
- (iii) penasihat kewangan korporat;
- (iv) pengurusan kumpulan wang;

- (v) penasihat pelaburan; dan
- (vi) perancang kewangan.

Di bawah sistem pelesenan tunggal yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini, broker universal dan bank pelaburan boleh menjalankan kesemua enam aktiviti ini tanpa memerlukan ianya memegang pelbagai lesen pada satu masa. Ini akan membolehkan mereka memperkukuhkan kedudukan mereka untuk menghadapi persaingan dengan institusi-institusi broker asing.

Mempertingkatkan keberkesanan proses penjana dana. Satu pasaran yang cekap untuk menghasilkan modal adalah penting bagi membiayai pertumbuhan ekonomi dan mempelbagaikan sumber dana dalam sistem kewangan. Syarikat mestilah mampu menjana dan secara lebih cekap dengan cara yang lebih cekap melalui pasaran ekuiti dan bon.

Rang Undang-undang PMP 2007 mencadangkan supaya keberkesanan proses penjana dana dipertingkatkan tanpa menjejaskan perlindungan pelabur, *investor protection*. Usaha untuk memperjelaskan transaksi tertentu yang tidak memerlukan kelulusan SC adalah dicadangkan melalui pindaan kepada jadual-jadual di dalam Rang Undang-undang PMP 2007.

Sebagai contoh transaksi yang berkenaan pembahagian dan penyatuan saham yang telah mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung sesebuah syarikat seharusnya tidak lagi memerlukan kelulusan SC.

Fasal 212 hingga 316 adalah daripada peruntukan-peruntukan sedia ada dalam Bahagian IV - Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA). Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan baru turut diperkenalkan. Iaitu peruntukan supaya wang permohonan yang diterima perlu dipegang oleh pemegang amanah sebagai salah satu usaha untuk menjaga kepentingan pelabur.

Memperkenalkan konsep prospektus gantian dan kelulusan SC perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum seseorang itu dilantik sebagai pemegang amanah atau pemegang debentur.

Memperkukuhkan perlindungan pelabur. Di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Niaga Hadapan 1983 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 telah sedia ada pelbagai peruntukan untuk melindungi pelabur dan juga peruntukan untuk Suruhanjaya Sekuriti mengambil tindakan untuk melindungi pelabur. Usaha juga dijalankan untuk meningkatkan lagi perlindungan pelabur.

Untuk tujuan ini peruntukan-peruntukan berikut adalah dicadangkan:

Fasal 200 - membolehkan Suruhanjaya Sekuriti melalui tindakan sivil mendapatkan ganti rugi sebanyak tiga kali ganda dari kesalahan yang dilakukan.

Pada masa ini peruntukan berkenaan dengan kesalahan dagangan dalaman membolehkan Suruhanjaya Sekuriti menuntut ganti rugi melalui mahkamah sebanyak tiga kali ganda jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pihak yang bersalah atau tiga kali ganda kerugian yang dilakkan.

Peruntukan ini telah digunakan dengan jayanya dalam kes dagangan dalaman atau *insider trading* saham Padi Beras Nasional Berhad atau BERNAS yang mana tuntutan sebanyak RM2.08 juta telah berjaya diperolehi oleh SC. Rang undang-undang bertujuan untuk melanjutkan kuasa bagi kes-kes melibatkan manipulasi pasaran.

Fasal 260 - memerlukan pelantikan pemegang amanah untuk suatu bon mendapatkan kelulusan SC terlebih dahulu. Oleh kerana pasaran bon adalah tertumpu kepada pelabur-pelabur yang berpengalaman, pelabur-pelabur ini adalah amat bergantung kepada perkhidmatan pemegang amanah yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian rang undang-undang ini memperkenalkan peruntukan yang memerlukan pemegang amanah ini diluluskan terlebih dahulu oleh Suruhanjaya Sekuriti sebelum ia dapat bertindak sebagai pemegang amanah dalam sesuatu terbitan bon.

Dari segi perkhidmatan pasaran modal yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan, rang undang-undang ini memperkenalkan peruntukan untuk mempertingkatkan perlindungan pelabur. Di antara peruntukan yang penting adalah fasal 92 yang memerlukan sebarang syor yang dibuat oleh institusi kewangan adalah mempunyai asas yang munasabah.

Pelanggaran peruntukan ini akan membolehkan pelabur menuntut ganti rugi melalui tindakan sivil terhadap institusi tersebut. Lebih-lebih lagi dengan membolehkan sesuatu institusi kewangan menawarkan perkhidmatan pasaran modal melalui status orang berdaftar di bawah rang undang-undang ini dan akan memberi ketentuan ke atas skop aktiviti-aktiviti pasaran modal yang boleh dijalankan oleh sesuatu institusi kewangan selepas didaftarkan.

Mempromosikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global yang berdaya saing. Dengan kemajuan pesat pasaran modal di Malaysia dan juga munculnya Malaysia sebagai pasaran modal Islam yang mampu berdaya saing di mata dunia kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meletakkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global yang berdaya saing.

Di bawah Rang Undang-undang PMP 2007 yang dicadangkan ini, bank-bank yang berstatuskan bank Islam dibenarkan untuk menjalankan keseluruhan aktiviti pasaran modal bagi produk yang berlandaskan prinsip syariah tanpa menjejaskan perlindungan pelabur.

Fasal 316 membolehkan Menteri membuat pengubahsuaian sekiranya difikirkan perlu untuk memastikan undang-undang sekuriti berkaitan dengan sekuriti Islam memenuhi kehendak prinsip syariah. Menggalakkan penggunaan teknologi dalam pasaran modal.

Rang Undang-undang PMP 2007 juga memudahkan penggunaan teknologi baru untuk memastikan wujudnya satu pasaran modal yang bertenaga dan dinamik. Rang Undang-undang PMP 2007 yang dicadangkan akan membolehkan SC mendaftarkan pengendali perkhidmatan yang menawarkan pelbagai produk pasaran secara elektronik. Tujuan ini diperkenalkan melalui fasal-fasal 34-36.

Fasal 34 hingga 36 khususnya memperuntukkan pendaftaran *facility electronic* dan pengawalseliaan pengendalinya. Peruntukan-peruntukan baru ini akan menyediakan asas pengawalseliaan minimum untuk fasiliti berdaftar tersebut. Fasal ini juga membolehkan SC untuk mendaftar sesuatu fasiliti elektronik yang mana pengendali tersebut adalah tertakluk kepada syarat minimum tertentu. Contoh satu fasiliti elektronik ini ialah sistem pembrokeran elektronik bagi pasaran bon.

Menggalakkan pengawalseliaan sendiri sebagai satu inisiatif untuk mewujudkan rangka kerja yang kukuh dan mudah, fasal 322 hingga 331 Rang Undang-undang PMP 2007 mencadangkan pengenalan secara beransur-ansur pengawalseliaan berasaskan pasaran modal dengan izin, *self regulatory framework*. Pendekatan ini akan menyaksikan penggunaan disiplin, daya saing pasaran yang dijangka akan menjadi asas kepada pengawalseliaan yang lebih kos efektif dalam pengawalseliaan pasaran modal.

Untuk tujuan pembangunan secara beransur-ansur ini, Persatuan Pengurus-pengurus Unit Amanah Malaysia dengan izin, *Federation Of Unit Trust Managers* akan dibangunkan sebagai satu organisasi pengawalseliaan sendiri untuk industri unit saham di Malaysia dan walaupun *federation* ini sudah tentu juga akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal-fasal lain di dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan penggabungan akta-akta SIA, FIA dan SCA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 iaitu Akta 280 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 iaitu Akta 499 untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan aktiviti pasaran dan perantara dalam pasaran modal dan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

12.06 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan Tahun 2007 yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan juga rasa gembira kerana kerajaan melalui Kementerian Kewangan sekurang-kurangnya telah mengambil inisiatif yang positif untuk memperkembangkan lagi pasaran modal kita dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan supaya ini akan menjadikan Malaysia ini sebagai satu pasaran modal yang penting sekurang-kurangnya di rantau ini.

Saya memang tertarik dengan teras-teras yang telah dinyatakan tadi iaitu mengenai pengawalseliaan dan juga perlindungan pelabur, mempertingkatkan daya saing, pasaran modal kita dan juga menjadikan hab pertumbuhan pasaran modal Islam di negara kita ini. Nampaknya rang undang-undang ini sangat-sangat komprehensif kerana satu percantuman atau pergabungan di antara dua akta yang sedia ada dan sebahagian daripada satu akta yang lain, tetapi ada beberapa persoalan dengan akta ini diluluskan. Adakah pasaran modal kita ini akan meningkat secara automatik?

Adakah kalau akta ini diluluskan, kemasukan pelabur-pelabur asing ataupun dalaman kita ini akan meningkat ataupun keyakinan mereka ini akan meningkat terhadap pasaran modal kita ataupun sistem kewangan kita ini? Adakah mereka akan merasakan lebih selamat membuat perniagaan dan juga melabur di negara kita?

Apakah perbezaan kita dengan pasaran modal yang lain di rantau ini dan seperti di Hong Kong, Singapura, Australia, China ataupun di Korea? Memang tidak dapat menafikan bahawa pasaran modal ini tidak hanya bertumpu ataupun definisi dia ialah tertumpu kepada pasaran saham sahaja.

Pasaran modal ini termasuklah apa yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mengenai masalah bond, *debenture*, *derivative* dan juga kontrak-kontrak hadapan, *futures* dan sebagainya tetapi komponen yang penting sekali pada saya dalam pasaran modal ialah pasaran saham.

Pasaran saham juga adalah sangat penting dalam komponen pasaran modal kita dan sebagai satu perbandingan dari yang telah dinyatakan bahawa setakat 30 Mac 2007. Kalau kita lihat dari segi *market capitalization* dia ataupun *market cap*, KLSC kita hanya lebih kurang USD278 bilion. Kalau dibandingkan dengan syarikat yang disenaraikan iaitu 1,021 syarikat yang disenaraikan.

Jika dibandingkan dengan Singapore, SGEx, di mana *market cap* dia telah menjadi USD435.5 bilion dengan syarikat hanya 715 syarikat sahaja dan Hong Kong 1,180 syarikat dengan *market cap* dia USD1.7 trilion iaitu tujuh kali ganda besar dari KLSC kita.

Begitu juga dengan Korea. Selepas krisis kewangan mereka dalam tahun 1998, tapi hari ini *market cap* mereka telah mencecah kepada USD769.3 bilion dengan syarikat yang tersenarai hanya 735 sahaja syarikat dan ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ataupun pasaran modal kita ini kalau kita lihat daripada yang lebih positif, ini bermakna memberi peluang yang lebih luas lagi untuk diperkembangkan ataupun kadar pertumbuhannya adalah sangat-sangat tinggi, tetapi mengapa tidak terjadi dalam syarikat dalam di negara kita ini?

Adakah ini kerana mereka ini tidak ada undang-undang ini ataupun mungkin mereka sudah ada undang-undang ini? Atau kerana ada faktor-faktor lain atau isu-isu lain yang mungkin memberikan mereka *competitor advantage* kalau dibandingkan dengan kita.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa isu yang mungkin Kementerian Kewangan boleh menimbang, bagaimana kita boleh menambahbaikkan lagi potensi pertumbuhan pasaran modal kita pada masa-masa akan datang. Oleh kerana bagi saya ini adalah satu komponen yang penting untuk kita mencapai satu negara yang maju menjelang Wawasan 2020.

Isu pertama yang saya ingin bertanya kepada kementerian bahawa dengan adanya satu *resume* pelesenan tunggal yang telah dinyatakan Jadual 2, iaitu enam aktiviti yang telah diperjelaskan itu, adakah kelonggaran pegangan saham kepada pelabur-pelabur asing, didapati lebih fleksibel supaya jangan kita tertakluk kepada pelaburan asing sekarang ini hanyalah 49%.

Walaupun, saya tahu Kementerian Kewangan telah meluluskan lima lesen 'pembukaan' dan juga *fund management license* kepada pelabur asing yang memiliki syarikat 100%, tetapi dengan perubahan global sekarang ini, bukankah kita perlu membuat satu kajian bahawa sampai masanya kerajaan kita, dasar kita menjadi lebih fleksibel kepada mereka.

Oleh kerana apa? Oleh kerana kalau pelabur-pelabur asing ini ataupun *fund manager* ini, bila mereka melabur di sini, bukan mereka hanya melabur di sini dengan kepakaran mereka ataupun modal manusia mereka sahaja. Mereka juga membawa bersama dengan pelanggan-pelanggan mereka, *fund-fund* yang berbilion-bilion di dalam dunia ke dalam pasaran kita.

Kalau kita masih membuat satu sekatan atau pun satu trend yang tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan di Singapura atau Hong Kong ataupun di China, maka mereka ada banyak pilihan dan mereka sanggup pergi ke Singapura ataupun Hong Kong ataupun di Shanghai sebagai contoh. Ini adalah pilihan mereka. Jadi saya berharap kementerian boleh melihat mengenai isu ini kelonggaran pegangan saham untuk pelabur-pelabur asing mengenai aktiviti atau satu lesen tunggal yang telah dicadangkan itu.

Isu yang kedua, yang saya ingin bangkitkan dan juga saya ingin dapatkan sedikit pandangan daripada kementerian iaitu mengenai kedudukan ringgit kita dari kaca mata dunia. Iaitu bagaimana kita boleh mengantarabangsakan ringgit kita? Adakah masa yang sesuai untuk kita mengantarabangsakan ringgit kita, iaitu membuat ringgit kita jangan hanya jadi urus niaga dalam negara kita sahaja? Supaya lebih banyak *foreign investment* ini akan datang ke negara kita.

Perkara ini, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah pakar dalam bidang ini, kerana saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang pakar dalam bidang *currency exchange* iaitu seorang graduan pemegang Ph.D daripada *warden school* satu *business school* yang *our lead* bersama dengan MIT, Harvard. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri memang layak untuk duduk di bawah Kementerian Kewangan ini.

Jadi saya hendak tahu apakah pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh *up* lagi...
[Ketawa]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...[Ketawa] Saya kata yang nyata, yang realistik. Saya hendak tahu sikit, apakah pandangan Yang Berhormat kerana ada banyak cadangan, ura-ura kalau kita boleh mengantarabangsakan ringgit kita pada saat dan ketika ini, maka lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing akan datang ke pasaran modal kita ini.

Sebagai satu contoh, saya juga difahamkan dalam KLSE sekarang ini kita ada lebih kurang 35% sahaja penyertaan pelabur-pelabur asing. Kalau kita boleh mengantarabangsakan ringgit kita mungkin kita boleh menarik lagi 5% ataupun 10% penyertaan *foreign* di dalam kapital market kita ini.

Seterusnya ini mungkin komposit indeks kita ini bukan setakat 1,350 dan mungkin akan mencecah 1,800 atau 2,000 dalam masa yang terdekat ini. Ini akan memberi satu implikasi yang serius, yang positif kepada perkembangan pasaran modal kita. Oleh kerana persepsi-persepsi pelabur-pelabur asing yang berwibawa ini, bahawa kalau kita ini, pendedahan ringgit kita kepada pasaran dunia, ini bermakna mereka membuat satu persepsi bahawa *capital control* ini adalah diminimumkan.

Sebagai contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahun lalu di mana Thailand telah memberikan satu *capital control* di akhir penghujung bulan dan ini telah mengakibatkan menjunamnya *stock market* di Thailand. Ini menunjukkan satu sensitiviti yang sangat sensitif kepada *capital control*.

Saya difahamkan bahawa Bank Negara yang telah sedaya upaya untuk merelaksakan *capital control*, tetapi kerana ringgit kita masih diurusniagakan secara terhad di dalam negara kita ini sahaja, maka mungkin kementerian boleh mengkaji semula bahawa ini adalah masa yang baik sekali. Oleh kerana ekonomi sejarah makro kita adalah dalam landasan yang baik.

Defisit bajet kita sekarang ini dapat dikurangkan sehingga 3.5 *against* GDP dan kita mempunyai jumlah perdagangan yang lebih daripada satu trilion. Di mana lebih dagangan kita itu sekarang mencecah lebih kurang USD30 bilion. Ini bermakna *fundamental* kita adalah *strong*.

Saya berharap dan saya minta pandangan daripada kementerian bagaimana cadangan saya, kalau kita betul-betul serius untuk mewujudkan satu pasaran modal yang betul-betul boleh berdaya saing dengan pasaran modal yang lain di rantau ini. Cadangan untuk mengantarabangsakan ringgit kita ini dengan kadar yang secepat mungkin.

Isu yang saya ingin bangkitkan dalam cadangan pasaran modal dan perkhidmatan ini ialah mengenai tindakan promosi kita. Adakah Kementerian Kewangan berpuas hati setakat ini mengenai promosi kita mengenai pasaran modal di negara kita ini? Apakah perhubungan kita dengan kredit-kredit agensi yang lain seperti Standard and Poor's ataupun dengan Moody? Adakah mereka ini mempunyai satu *credit rating* yang positif terhadap indeks kita, terhadap KLSE kita?

Kalau tidak ada, macam mana kita boleh mempunyai satu perhubungan dengan lebih rapat lagi kerana ini akan menggalakkan lagi pelabur untuk datang ke sini kerana untuk pelabur-pelabur asing yang baru ataupun dalaman yang baru, agensi tengok apakah pandangan, komen daripada kredit-kredit agensi ini adalah sangat penting. Jadi bagaimana dengan promosi ini, adakah setakat ini cukup ataupun kita ada perancangan yang lebih kukuhkan lagi untuk mempromosikan pasaran modal di masa depan?

Saya juga memang tertarik baru-baru ini dengan beberapa *corporate exercise* yang telah berlaku di dalam pasaran kita. Sebagai contoh baru-baru ini Maxis telah orang kata *tick into the private*, cuma lebih kurang RM40 bilion. Ini bermakna *market cap* kita secara langsung akan dikurangkan lebih kurang 4%, dan saya difahamkan Maxis itu di dalam indeks komposit kita satu kaunter di bawah *composite index* kita.

Ini memang daripada segi positif, menunjukkan kematangan pasaran *market* kita, tetapi pada masa yang sama, *market gap* kita ini berkurangan. So, apakah perancangan kementerian bahawa untuk menarik lebih ramai lagi, *listings* yang besar ini di dalam perusahaan kita ini.

Saya difahamkan juga satu *guideline* atau garis panduan telah dikeluarkan, bahawa sesebuah negara ataupun syarikat daripada luar dan mempunyai per-kapita lebih daripada USD500 kalau tidak silap saya, boleh disenaraikan di dalam KLSE dengan tidak menaruh FIC. Adakah garis panduan ini telah dipengerusikan, dipaparkan, disiarkan kepada semua *investor* atau pun *potential funding* di luar negara?

Bahawa mereka ini boleh tetap *listing* di Malaysia, kerana kebanyakan mereka masih ingat, masih fikir bahawa persepsi untuk mencapai penyenaian di KLSE ini mungkin kita terpaksa melalui satu proses iaitu mengikut dasar-dasar domestik iaitu mungkin mengikut Dasar Ekonomi Baru iaitu 30%.

So, ini saya ingat kementerian atau SC mesti mempertingkatkan lagi promosi ini kepada peringkat yang lebih efektif lagi supaya pasaran kita ini adalah lebih dinamik dan juga progresif.

Isu yang ketiga, mengenai kita sebagai peneraju pasaran modal Islam ini. Ini saya setuju dan saya sangat-sangat menyokong cara ini, supaya kita ini ada satu hab. Hab pembangunan instrumen-instrumen kewangan Islam ini tetapi pada masa yang sama, lihatlah, apakah kerugian yang dihadapi oleh Bank Islam kita? Bukankah kita ini, sepatutnya kita membersihkan imej sebagai satu imej yang baik sebelum kita ini betul-betul boleh menjadi satu hab yang boleh memberikan impak yang baik?

Oleh kerana sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dalam satu, dua tahun yang lalu, dengan kenaikan minyak petrol di dalam pasaran dunia, ini bermakna negara-negara Islam khususnya di Asia Barat, mereka ini mempunyai banyak tanah ataupun *cash* yang ada. Ini bermakna satu *on the economic side*, penawaran sudah ada.

Dalam masa yang sama negara-negara Asia yang sedang giat membangun, pembangunan, infrastruktur prasarana, ini bermakna *on the other side* permintaan ada. Ini adalah salah satu keadaan di mana Malaysia menjadi satu perantaraan untuk menggabungkan kedua-dua permintaan dan penawaran ini.

Di sinilah peranan Malaysia sebagai satu hab untuk produk ataupun *fund-fund* kewangan Islam ini adalah sangat-sangat sesuai. Namun begitu, dalam masa yang sama kita ini mempunyai masalah mengenai, bagaimana kita mengurus Bank Islam di negara kita ini yang telah rugi daripada... kalau tidak silap saya lebih daripada RM2.3 bilion.

So, saya nak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai, apakah kita boleh membuat sedikit pengubahsuaian dan juga peningkatan keberkesanan pengurusan produk-produk kewangan kita ini dengan *clean up the image* di Bank Islam ini.

Perkara yang lain yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai pengawal seliaan dan pengumuman korporat oleh syarikat-syarikat tertentu. Seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua syarikat-syarikat yang tersenarai dalam KLSE ini, bila mereka nak buat sesuatu pengumuman, biasa mereka ada tujuan untuk mempertingkatkan lagi syer ataupun harga saham mereka supaya ada *exercise corporate* dapat diikuti, seperti *right issue* ataupun pelbagai yang kita cakap.

Akan tetapi adakah kementerian mempunyai, melalui KLSE, ataupun agensi-agensi yang lain, bagaimana kita boleh mengawal selia mereka? Adakah mereka ini mengetahui pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh SC ini, atau syarikat-syarikat ini? Berapa ramai mereka ini dapat dilaksanakan? Berapa banyak *tier* yang dapat dilaksanakan?

Oleh kerana kalau *tier* dapat dilaksanakan, ini bermakna mereka ini tidak menunaikan janji dan ini akan memberi satu imej yang buruk kepada *corporate government* kita. Di mana kesahihan maklumat dan juga keberkesanan pasaran dapat dipengaruhi oleh semua pelabur-pelabur Malaysia.

Saya berharap, saya mencadangkan kepada kementerian supaya pengumuman-pengumuman ini mesti mengenai satu kriteria atau satu proses yang lebih ketat lagi, sebelum mereka senang ataupun suka-suka untuk membuat sesuatu pengumuman tetapi tidak ada *follow-up*, ataupun ada *follow-up* tetapi tidak dapat dilaksanakan. Perkara ini memberi kesan yang negatif kepada pelabur-pelabur khasnya *minority shareholders*. Ini ada satu perkara.

Akhir sekali, saya hendak membangkitkan di sini ialah mengenai..., tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa sebab lebih kurang 12.4% daripada syarikat yang tersenarai dalam KLSE adalah daripada *Second Board* ataupun Papan Kedua. Dengan perkembangan sekarang, adakah... saya nak tanya kementerian bahawa kerelevanan *Second Board* ini dalam perkembangan pertubuhan di sini?

Bagi saya syarikat yang telah tersenarai di dalam *Second Board* pada masa ini, kebanyakan mereka adalah syarikat yang... saya tak tau, mungkin dia sekarang ini mengalami banyak kesusahan daripada segi perniagaan, untuk menemui ataupun *meet the target profit* dan seterusnya ini. Adakah..., bukannya satu aset lagi kepada pasaran modal kita, mungkin satu liabiliti kepada pasaran modal?

Adakah kementerian bercadang, mungkin kita *deal* semua *Second Board* itu di mana kita boleh ada yang boleh di *upgrade* ke *Main Board* ataupun kita cari satu, pergi ke MASDEC ataupun dengan cara yang lain. Bagaimana kita boleh memberi satu semangat dan juga keyakinan yang lebih kukuh lagi kepada syarikat-syarikat di *Second Board* ini.

Saya tidak menyatakan bahawa syarikat-syarikat di *Second Board* ini tidak baik. Saya tahu ada juga yang baik, yang kukuh, yang boleh mencapai apa yang dirancang atau dari segi keuntungan, tetapi saya ingin tahu apakah kerelevanan, *relevancy of this second board in the long term* untuk *capital market* kita? Dengan ini saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rembau.

12.29 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan pindaan berkaitan.

Saya ucapkan tahniah pada pihak kerajaan kerana akhirnya kita dapat satu rang undang-undang yang menyatukan Akta Perindustrian Sekuriti 83 dan juga Akta Perindustrian Niaga Hadapan 83 dan sebahagian daripada Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dipindahkan dengan mengadakan lebih kurang 398 peruntukan dengan 23 peruntukan baru.

Apa yang penting di sini ialah, dengan adanya Rang Undang-undang PMP ini yang akan selain daripada meningkatkan kecekapan dan juga mengurangkan kos urus niaga bagi perantara pasaran ianya dijangka akan dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab kewangan Islam global.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana khususnya kepada Suruhanjaya Sekuriti yang telah dapat melaksanakan lebih kurang 152 perakuan yang terkandung dalam dengan izin, *Capital Market Master Plan* atau Pelan Induk Pasaran Modal sehingga Disember tahun yang lepas.

Ini bermakna 70% daripada perakuan dalam CMP itu telah dilaksanakan dan akan membangunkan Malaysia sebagai sebuah pasaran modal yang berkesan dan menjadikannya sebagai dengan izin, *international competitive* dan juga *highly efficient* dari segi *mobilization* dan *allocation of fund*, dengan disokong oleh *regulatory frame board* yang sangat berkesan.

Antara yang telah dilaksanakan termasuklah, misalnya yang saya hendak menarik perhatian ialah soal mewujudkan tenaga yang terlatih, *training program* untuk mewujudkan *highly skill*, dengan izin, dan *flexible market professional* dalam pasaran saham yang dikendalikan oleh SIDC iaitu Pusat Perkembangan Industri dan Sekuriti di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah bilangan misalnya dari segi *dealers representative*, *fund major representatives* dan juga *investment representatives* serta *future brokers representatives* dan *future fund managers representatives* yang telah dilatih khususnya bumiputera sebab saya difahamkan pada Mac 2007 ada, misalnya *dealers* sendiri seramai 6,598 orang.

Saya juga berharap supaya program-program latihan yang dijalankan program pendidikan pelabur akan dapat dipanjangkan kepada luar bandar khususnya pekan-pekan kecil seperti Rembau. Saya difahamkan, memang SC ada mengadakan *investor education talk* ataupun ceramah pendidikan pelaburan tetapi kalau boleh, selaraskan usaha kita untuk menjadikan masyarakat kita celik pelabur, diharap lebih banyak program-program seumpama ini akan diadakan di luar bandar.

Dalam masa yang sama juga, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kegiatan yang baru-baru ini dijalankan, iaitu satu pelaburan melalui *internet* iaitu *Swiss Cash* ataupun *Swiss Mutual Fund*. Saya difahamkan Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti, pelaburan ini tidak dilesenkan ataupun dikecualikan daripada lesen oleh Bank Negara untuk menerima deposit dan juga tidak dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menjalankan aktiviti *asset management* di Malaysia.

Akan tetapi saya difahamkan, ramai mereka yang telah melabur sebab dijanjikan dengan keuntungan yang agak tidak munasabah, sebulan atau dua bulan dapat 30% dan sebagainya. Saya juga difahamkan, ada kakitangan kerajaan dan mereka yang bekerja sendiri yang melabur dalam skim ini. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini iaitu, apakah tindakan telah diambil selain daripada peringatan yang dikeluarkan oleh Bank Negara sendiri baru-baru ini?

Ini penting. Kita tidak hendak lagi rakyat kita dalam era globalisasi ini ditipu dengan Skim Cepat Kaya, skim berantai, skim ala Pak Man Telo yang popular pada tahun 80-an dahulu sebelum PNB menjalankan unit saham amanahnya pada tahun awal tahun 80-an. Soal pendidikan ini penting sebab kita tidak hendak, dengan izin, *hard earn money* oleh rakyat kita dengan mudah sahaja kerugian oleh janji-janji manis yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha *mutual fund* yang tidak berdaftar ini.

Saya harap pihak suruhanjaya bersama dengan Bank Negara dan juga badan-badan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya selain daripada penguatkuasaan, meningkatkan usaha menjalankan program-program pendidikan kepada pelabur dan bakal pelabur kita, khususnya yang berpendapatan sederhana dan rendah di bandar dan khususnya di luar bandar.

Selain daripada itu, ada beberapa lagi kegiatan yang berupa Skim Cepat Kaya ini termasuklah *Century Diamond*, *Ganda Wang Anda* yang suatu masa dahulu sangat popular tetapi yang menghairankan, masyarakat kita masih lagi mudah terjerat dengan janji-janji manis yang diberikan oleh mereka yang mengusahakan ini, yang kita tidak tahu di mana pangkalannya. Kadang-kadang namanya nampak agak komersial, *Swiss Mutual Fund* dan dia menawarkan *fund* ini melalui *internet* dan agen tempatan. Oleh sebab itu kalau boleh mulai sekarang kerajaan bertindak tegas supaya perkara ini tidak berleluasa dan mendatangkan kerugian kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga berharap supaya program-program pendidikan pelaburan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti tadi akan dapat dijalankan bersama misalnya Bank Negara dan juga Permodalan Nasional Berhad sendiri dan juga agensi kerajaan lain yang ada menyediakan kemudahan perkhidmatan pelaburan dan juga mewujudkan skim-skim amanah.

Dalam hubungan ini, saya berharap Pusat Perkembangan Industri Sekuriti ataupun SIDC yang terletak di Suruhanjaya Sekuriti itu akan dapat dinaikkan tarafnya sebagai satu bahagian. Sekarang ini cuma sebagai satu unit. Selain daripada itu, lebih banyak lagi program akan dijalankan untuk mendidik masyarakat kita supaya menjadi celik pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga, saya difahamkan di Malaysia sekarang ini dari segi amanah, ada lebih kurang 38 syarikat pengurusan dan *fund* yang telah diluluskan sebanyak 426 dengan saiznya lebih kurang RM358 bilion, dengan unit di pasaran RM158.7 bilion dengan jumlah akaun RM11 juta. Oleh sebab itulah rang undang-undang ini sangat baik. Jadi oleh kerana jumlahnya itu RM11 juta lebih daripada 40%, maknanya rakyat kita yang terlibat dalam saham amanah ini. Oleh sebab itulah usaha untuk memperkukuhkan perlindungan pelaburan ini sangat dialu-alukan.

Misalnya tadi dengan adanya peruntukan membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengambil tindakan sivil mendapatkan ganti rugi sebanyak tiga kali ganda dari kesalahan yang dilakukan bagi kesalahan-kesalahan yang berlaku di pasaran. Dalam masa yang sama juga, peruntukan wang permohonan yang diterima untuk aktiviti penajaan dana hendaklah dimasukkan dalam akaun amanah. Jika sekuriti tidak terbitkan, penerbit hendaklah memulangkan wang kepada pelabur dengan serta-merta.

Ini satu peruntukan yang sangat baik dalam usaha kita untuk menjaga kepentingan pelabur. Dalam masa yang sama juga, saya mengucapkan tahniah sebab Malaysia adalah satu-satunya negara, saya difahamkan yang akan ke hadapan dari segi unit saham amanah khususnya Unit Saham Amanah Islam tadi. Saya difahamkan ada 100 unit Saham Amanah Islam dengan izin, *nett asset value* berjumlah RM9.2 bilion yang merupakan kira-kira 7.6% *nett asset value* daripada pasaran industri saham amanah di Malaysia.

Dalam masa yang sama, saya difahamkan dari segi usaha mungkin dipergiatkan lagi sebab secara umumnya di negara-negara maju, rakyat yang terlibat dalam saham amanah ini antara 40 hingga 50%. Di Malaysia masih lagi banyak ruang untuk rakyat dalam melabur saham amanah ini, sebab ia merupakan satu pasaran yang risikonya agak rendah dan sangat sesuai untuk pelaburan pertengahan, jangka panjang dan jangka panjang tiga hingga lima tahun ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

12.40 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Mac 1993. Ia merupakan satu badan berkanun kerajaan yang diberi kuasa oleh Parlimen untuk menyiasat dan menguatkuasakan salah laku industri sekuriti Malaysia.

Bidang kuasa pengawasan Suruhanjaya Sekuriti termasuk:

- (i) pengawasan bursa saham, pendaftaran saham, penyimpanan pusat;
- (ii) pendaftaran dan pengawasan prospektor syarikat tersenarai;
- (iii) meluluskan pengeluaran bon korporat;
- (iv) pengawasan bidang sekuriti yang bersabit kontrak ke hadapan;
- (v) percantuman dan pengambilalihan syarikat;
- (vi) pengawasan pengeluaran amanah saham; dan
- (vii) pengeluaran lesen bidang sekuriti dan pengawasan terhadap tatatertib pemegang lesen sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab yang paling utama ialah melindungi kepentingan pelabur bersabit dengan tatatertib industri sekuriti. Sejak awal tahun 80-an, Bursa Saham Malaysia telah melangkah maju dengan cepat. Tugas Suruhanjaya Sekuriti juga menjadi semakin rumit. Penguatkuasaan Dasar Ekonomi Baru dalam syarikat tersenarai telah membuka banyak peluang pelaburan kepada kaum bumiputera dalam bidang pelaburan.

Pada masa yang sama, pegawai tinggi Suruhanjaya Sekuriti juga ikut menjadi satu badan yang memanipulasikan kepentingan peruntukan 30% saham kaum bumiputera kepada pihak tertentu. Kegiatan yang tidak sihat di Suruhanjaya Sekuriti telah membantu ahli politik mendapat kekayaan di atas nama Dasar Ekonomi Baru melalui budaya ini dan 'pink form' juga menjadi rebutan Skim Cepat Kaya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini telah pun mewujudkan politik wang yang kini menjadi musuh negara yang nombor satu, di mana pihak yang terbabit bukan sahaja membelanjakan jutaan ringgit untuk memenangi jawatan politik dalam sesetengah parti dalam Barisan Nasional kerana dengan kedudukan politik inilah mereka akan dianugerahkan dengan '*pink form*' cepat kaya.

Sejak itu, bermacam-macam manipulasi jenayah telah dilakukan oleh pemain pasaran modal demi mencari kejayaan. Banyak salah laku telah dibiarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti tanpa sebarang tindakan yang wajar untuk menjaga integriti pasaran modal Malaysia. Kegiatan yang tidak sihat dan ketidakmampuan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi pasaran modal akhirnya mengakibatkan krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1998.

Akibat krisis kewangan, di mana banyak pengusaha bumiputera menjadi muflihs dan negara kita kehilangan berbilion-bilion untuk menyelamatkan Program Kejuruteraan Sosial Malaysia. Setelah krisis kewangan, Suruhanjaya Sekuriti masih lemah untuk mengawasi tatatertib pasaran modal dan melindungi kepentingan pelabur kecil.

Pegawai penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pengalaman dan kemahiran yang cekap, tetapi mereka tertuntut kepada tekanan pihak yang tertentu untuk menutup sebelah mata, terhadap penyalahgunaan kuasa pemegang saham besar di syarikat tersenarai. Di sini terdapat beberapa contoh tentang kelemahan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang merosakkan integriti Bursa Saham Malaysia di kaca mata dunia antarabangsa.

Yang pertama ialah salah laku penggunaan dana syarikat tersenarai demi kepentingan pemegang saham besar atau individu yang bersabit politik. Misalnya Berjaya Capital mendapat izin daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk membenarkan anak syarikatnya membeli surat hutang ataupun bon, ibu syarikat ini telah melanggar Akta Syarikat Malaysia.

Yang kedua ialah penjualan saham ECM Libra Berhad kepada menantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, daripada dana syarikat tersenarai demi kepentingan peribadi, juga merupakan satu kesalahan yang diizinkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Yang ketiga ialah kekurangan pengawasan dana komersial IBT Bank Labuan oleh LOFSA dan Suruhanjaya Sekuriti telah menjadi satu tanda tanya, iaitu bagaimana satu lesen *merchant bank* boleh diberi kepada sebuah syarikat bukan bank dan mempunyai dana lebih daripada RM7 bilion yang tidak tahu di mana datangnya punca wang ini.

Yang keempat ialah kelemahan Suruhanjaya Sekuriti juga jadi sangat menonjol apabila terdapat sebilangan syarikat tersenarai yang mengeluarkan bon Islam di mana garis panduan piawaian *rating* tidak diikuti. *Rating Agency* Malaysia telah memberi piawaian yang lebih tinggi kepada Malakoff daripada TNB, padahal peraturan piawaian jelas menunjukkan bahawa piawaian Malakoff berada di tahap yang lebih rendah daripada TNB. Akibatnya, pembeli bon harus menanggung kerugian dividen yang lebih daripada RM1 bilion setahun untuk projek Tanjung Bin.

Yang kelima ialah Suruhanjaya Sekuriti juga telah gagal menahan, penyalahgunaan kuasa Tan Sri Halim Ali sebagai Pengerusi KWSP dan peminjam Malakoff yang mempunyai percanggahan kepentingan sebagai pembeli bon dan pengeluar bon. Manakala CEO CIMB, Nazir Razak juga bersalah kerana beliau sebagai ahli panel pelaburan KWSP juga memainkan peranan sebagai *underwriter bond* Intisna Malakoff.

Kedua-dua tokoh ini telah melakukan kesalahan yang bercanggah, kepentingan yang telah merugikan pencarum KWSP dalam bidang pasaran modal, tetapi Suruhanjaya Sekuriti tidak berani mengambil tindakan terhadap Halim Ali dan Nazir Razak. Tanpa tindakan Suruhanjaya Sekuriti yang tegas dan pengawasan yang ketat, KWSP mungkin akan menghabiskan semua wang simpanan kita dalam tempoh yang terdekat.

Yang keenam ialah kegiatan Suruhanjaya Sekuriti yang meluluskan penyenaraian syarikat yang tidak memenuhi syarat di Bursa Saham Malaysia juga sangat berleluasa di mana lebih daripada 4% syarikat tersenarai menghadapi masalah nilai aset *tangible negative* PN4. Masalah kecairan modal pusingan dan tidak mencapai keuntungan PN17 yang disiarkan semasa penyenaraian.

Yang ketujuh ialah kelemahan Suruhanjaya Sekuriti dan manipulasi syarikat tersenarai termasuk REIT yang menelan aset terlalu tinggi telah merugikan pelabur kecil kerana pemegang saham yang menguasai syarikat tersenarai telah mengambil untung daripada penjualan saham atau menahan saham REIT daripada pelabur dengan penilaian yang terlalu tinggi pada tahap *Initial Public Offer*.

Akibat daripada manipulasi ini, pelabur kecil membeli saham atau amanah saham yang lebih daripada nilai sebenarnya dan pemegang saham merangkup keuntungan saham dan terus memegang majoriti saham syarikat mereka.

Yang kelapan ialah akibat daripada perbuatan ini, penilaian terhadap Bursa Saham Malaysia oleh masyarakat pelabur antarabangsa adalah tidak menggalakkan. *Manager* dana pelaburan merendahkan piawaian kelulusan Bursa Saham Malaysia. Akibatnya kadar nisbah keuntungan iaitu nilai saham *PE ratio* Bursa Saham Malaysia adalah salah satu yang paling rendah di dunia kerana pelabur kurang yakin tentang ketelusan dan kelayakan laporan kewangan syarikat tersenarai Malaysia.

Contohnya *PE ratio* bidang telekomunikasi di Malaysia berada di tahap 14 hingga 15 berbanding dengan 25 hingga 30 di rantau ini. Ini bermaksud walaupun saham yang dibeli Ananda Krishnan yang bernilai RM15.60 satu saham ataupun RM15.8 bilion untuk 49% sisa saham Maxis, ia boleh dijual di bursa saham di Singapura atau Jakarta dengan harga yang berlipat ganda.

Ini mengakibatkan arus penswastaan syarikat tersenarai seperti apa yang berlaku pada Maxis, Malakoff, Perlis Plantation, Samling dan lain-lain lagi yang akan disenaraikan di bursa saham di luar negara. Banyak syarikat tersenarai di Hong Kong, Singapura dan London kerana permintaan pengurus dana yang tidak yakin terhadap ketelusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti ini cuba mewujudkan satu kuasa pengawasan terhadap yuran perkhidmatan bidang pasaran modal, *derivative* dan lain-lain.

Kita perlu tanya sejauh manakah misi dan agenda Suruhanjaya Sekuriti untuk melindungi pelabur kecil dan sejauh manakah ia dapat meningkatkan keyakinan pasaran terhadap penguatkuasaan undang-undang? Kalau pemimpin Suruhanjaya Sekuriti masih gagal melakukan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah, masa hadapan pasaran modal Malaysia tidak mungkin bersaing dengan Singapura, Hong Kong dan Shanghai malah Bursa Saham Jakarta akan menjadi semakin maju dan telus daripada kita.

Budaya kerja dan kelayakan anggota Suruhanjaya Sekuriti perlulah lebih profesional dan tegas semasa menangani masalah kesalahan pemegang saham. Kalau Minoriti *watchdog group* di bawah Suruhanjaya Sekuriti sejak penubuhannya, tidak pernah berpihak kepada pelabur kecil dan ia tidak layak diwujudkan ataupun pimpinan badan itu perlu diganti dengan orang yang lebih bertanggungjawab dan lebih profesional. Apa guna kita membuat pindaan akta kalau budaya kerja Suruhanjaya Sekuriti masih terlalu lemah dan unsur korupsi dan manipulasi dan takut bertindak telus masih wujud.

Pelaksanaan mekanisme Sistem Risk-Based Compliance Supervision sangatlah penting untuk masa depan Suruhanjaya Sekuriti. Selain daripada itu, satu sistem untuk mengawasi *fit and proper* atas anggota dan pegawai Suruhanjaya Sekuriti juga perlu dilakukan secara rutin supaya agenda pertumbuhan badan berkanun ini akan terus menjadi bersih, cekap dan beramanah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong boleh habiskan sebelum pukul 1.00? Habiskan sebelum pukul 1.00. Ya, ya.

12.51 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri dia memang kerja kuat untuk... *[Disampuk]* Itu betul. Ini bukan main-main. Tengok begitu tebal. Ini bermakna dia ada buat kerja yang banyak walaupun ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak minta saham daripada dia?... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal-fasal yang baru itu 23 sahaja saya nampak. Ini penggabungan semua undang-undang yang ada kena-mengena dengan pasaran modal kita ini. Saya nampak Yang Berhormat bagi Bachok itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat dari Kelantan sesama Kelantan tidak apa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah. Kita hendak tolong dia juga. Macam mana? Hendak tolong dia, dia hendak memperbaiki Bursa Saham Malaysia supaya ia mempunyai daya saingan yang cukup berbanding dengan bursa-bursa yang lain. Itu memang satu matlamat yang baiklah.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, ada juga kelemahan-kelemahan. Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak begitu berminat, ini tidak baik. Kita mesti menumpukan perhatian kepadanya kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading yang dekat dengan Singapura. Bursa Singapura memang aktif walaupun bagi papan yang pertama kita pun, kita ada meningkat sedikit. Prestasi ada meningkat, trilion yang kita nampak tetapi papan kedua itu memang lemah lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu saya sudah cakap tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahulah. Yang Berhormat bagi Puchong, kita adalah berlainan. Yang Berhormat bagi Puchong ada cakap ia lemah sedikit daripada papan pertama. Saya berharaplah Bursa Saham Malaysia dapat benar-benar bersaing. Saya ada beberapa cadangan. Cuma sebelum saya sentuh tentang cadangan saya, saya hendak tambah sedikit mengenai masalah penswastaan.

Saya ada bangkit banyak kali mengenai ECM Libra Avenue dan sebagainya kerana bagi sayalah, walaupun Suruhanjaya Sekuriti ada katakan ini semua ikut peraturan, tetapi cuba bayangkan satu syarikat, Avenue itu besar dan ECM Libra itu kecil, ia *private* dan ia bukan GLC.

Kemudian ia mengambil alih yang lebih besar itu. Yang kecil mengambil alih yang besar. Kemudian dia dapat *control* dan dua bulan kemudian ia diambil alih oleh pemilik Amcorp. Macam mana begitu dengan cepat? Yang Berhormat bagi Sri Gading tahukah macam mana ia cepat?

Yang pertama itu syarikat kecil, yang bukan GLC, ambil alih syarikat GLC yang besar. Kemudian, dalam tempoh satu dua bulan dibeli oleh pihak yang lain pula. Jadi saya pun berasa hairan binti pelik pula. Apa yang terjadi dengan masalah itu? Saya pun tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku dengan penswastaan.

Tadi Yang Berhormat bagi Seputeh sebutkan Malakoff, ada sebutkan Maxis dan sebagainya. Sekarang kita pun tahu Permodalan Nasional Berhad, ia mengambil alih INP dan Petaling Garden, hendak diswastakan dan RHB juga yang terlibat, Malaysian Oxygen, Boustead, Nexus News, UAC dan sebagainya. Dengan Maxis, bila ia bukan jadi senarai awam, ia jadi swasta, ini memang ia longgar sedikit. Ia boleh buat apa-apa juga, tetapi dengan satu prinsip. Memang orang ini bukan bodoh. Dia hendak untung. Dia memaksimumkan keuntungan. Dia bukan bodoh. Saya pun faham.

Cuma kalau dia tarik balik penyenaian, dia jadi swasta, dia boleh lakukan apa sahaja dengan lebih senang untuk jangka panjang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rasional bagi pihak kementerian untuk membenarkan penswastaan, bukan satu atau dua, ini jadi satu Gombak lain kali. Tsunami pun mungkin. Sebab apa? Misalnya kita nampak dia punya nilai itu tinggi.

Yang Berhormat bagi Seputeh ada sebutkan RM16.4 bilion untuk Maxis. Tawaran yang sangat lumayan oleh T. Ananda Krishnan, bernilai RM15.60 bagi satu syer dan sebagainya. Termasuk kita ada yang disenaraikan di Singapura, Wilma International menawarkan yang lumayan juga, PPB Oil Palms Berhad dan yang penting sekali...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mohon laluan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk penswastaaan ataupun *privatization* ini, sedarkah Yang Berhormat ini satu keputusan *shareholders*, pemegang saham yang kontrol. Memang dalam undang-undang Malaysia ini kita dibenarkan. Bukankah kalau kita ada satu trend untuk *privatization*, ini juga membuktikan bahawa kematangan *market* kita.

So, jangan kita anggap ini satu trend yang kurang sihat, tetapi memang kalau kita lihat dari segi *market capitalization*, memang ia turun sedikit tetapi usaha rang undang-undang ini ialah untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan daripada luar negara. Jangan bimbang. So, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai cadangan saya ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Betul juga, Yang Berhormat bagi Puchong. Ada pro dan kontra. Yang sebelah satu, dia kata ini kematangan, kekuatan pasaran kita dan *market maturity*, *robustness* dan sebagainya.

Memang ada beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan itu yang betul seperti ia memansuhkan kawalan modal, seperti ia mengadakan *short selling*, seperti membatalkan *real property gains tax*. Semuanya ini memang ke arah yang betul, tetapi ada pro dan kontra untuk penswastaaan ini selain daripada kita kata ia ada *level playing field* dan kita hendak menambahkan kecukupan pasaran dan mempertingkatkan prestasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Dan relevan pasaran modal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak bolehlah itu. Berapa minit lagi? Selepas 2.30 petang saya akan sambung, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dia mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, 2.30 petang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Mahu input yang bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sambung petanglah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di sini ada... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung petanglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada beberapa input di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan: Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007; Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007; Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007, yang tertera di nombor 3 hingga 7, serta Usul-usul di nombor 11 hingga 16 yang diwujudkan dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dibahaskan dan diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diluluskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pagi tadi saya telah mendapat satu usul dari Yang Berhormat bagi Batu Gajah untuk mengemukakan perkara yang berbangkit semalam iaitu dikatakan kata-kata yang menyinggung seperti yang didakwa sememangnya berlaku semasa kebocoran di beberapa tempat, kawasan Parlimen dipersoalkan pada jam 2.37 petang di Dewan ini iaitu pada hari semalam.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah membawakan usul untuk mengemukakan perkara ini ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Usul berkenaan menyebut bahawa, “*Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku*”.

Semasa kejadian itu berlaku iaitu kata-kata yang menyinggung itu dituturkan Yang Berhormat dan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berada di dalam Dewan ini. Pada masa itu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mempunyai peluang untuk mengemukakan usul ini pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, usul ini telah dikemukakan pada pagi tadi iaitu jam lebih kurang 10.00 pagi ini. Oleh kerana kuat kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) mengatakan usul-usul di bawah Peraturan ini mestilah dilakukan semasa kejadian itu berlaku dan oleh kerana kejadian ini berlaku semalam dan usul ini dibawa pada pagi tadi, oleh itu saya terpaksa menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat itu kerana ia tidak mempunyai lingkungan kuasa Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) ini. Oleh itu saya menolak usul ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua ada merujuk kepada *Erskine May, Parliamentary Practice* di mana sangat jelas bahawa semasa peristiwa berlaku, ada diberi istilah interpretasi bahawa *at the first available opportunity* kalau pada masa itu tidak tahu ia berlaku.

Pada hari semalam, apa yang berlaku adalah huru-hara dan kita di sini semua pun tak dengar tetapi ada dibuat dan pemberita-pemberita pun dapat tahu sebab itu ada dilaporkan. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita membenarkan perkataan *sexist* yang *offensive* ini dibuat di dalam Dewan. Bukankah ini akan menjatuhkan maruah Parlimen kita sendiri dan nampak *celebration* mereka apabila usul ini tidak dibenarkan.

Ini menambahkan *compound offence* yang ada dibuat dan pada hari Ahad ialah *Mother's Day*. Bukankah ia memalukan kepada semua ibu di negara ini? Apa *Mother's Day*? Di mana di Parlimen semua wanita boleh dihina semacam ini? Bukankah ini *earliest available opportunity* ialah apabila surat khabar keluar dan kita tahu dan kita ada *check* dengan rakaman. Ini bukan kita cipta.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada *check* dengan video. Ini benar-benar ada berlaku. Dua-dua memang ada cakap begitu. Mereka tak nafi. Mereka sebenarnya mempertahankan. Bukankah ini perlu kita ada satu perbahasan supaya untuk membersihkan nama baik dan untuk *redeem* nama baik Parlimen kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham tentang perasaan Yang Berhormat mengenai perkara ini dan saya pun rasa kesal kerana perkara ini berlaku. Ada tuturan perkataan-perkataan yang dilemparkan sedemikian berlaku lebih kurang pada pukul 2.37 petang semalam.

Akan tetapi untuk mengambil tindakan, nak merujukkan Ahli Yang Berhormat sedemikian di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), ia hanya boleh dibuat semasa kejadian itu berlaku, kalau usul itu dibawa. Saya tak boleh membesarkan lagi legar ataupun ruang kuat kuasa ini kerana dalam 26(1)(p) itu mengatakan spesifik, semasa kejadian itu berlaku.

Jadi, tak boleh walaupun ada *first available opportunity* ataupun konsep peluang terdekat, tetapi ini tidak terpakai jikalau undang-undang atau Peraturan Mesyuarat mengatakan sesuatu yang spesifik. Ia kata semasa kejadian itu berlaku. Jadi kita terikat, saya terikat. Tidak ada ruang legar lain untuk membawa perkara ini di bawah 26(1)(p).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, dulu semasa Dewan ini merujuk Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, juga, *motion* itu dirujukkan beberapa hari selepas apa yang terjadi iaitu mengenai dengan sumpah dengan tangan kiri, tangan kanan. Kenapa ada *double standard*? Sekarang satu hari sahaja, semalam sahaja. Sekarang sudah terlalu lewat tetapi apa yang telah dilakukan ke atas Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor beberapa hari selepas tangan kiri, tangan kanan sumpah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Baik, baik. Tak mengapa Yang Berhormat, saya boleh... [*Dewan riuh*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini keputusan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cukup! Muktamad.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri jawapan dahulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan *liberal interpretation* yang perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, beri jawapan dahulu. Semasa itu, itu satu perkara yang lain. Semasa itu adalah bukan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Ini adalah satu usul khas dan khusus yang dibawa mengenai Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Bukan di bawah 26(1)(p).

Di bawah 26(1)(p), usul itu mesti dibawa ketika perkara itu berlaku. Saya tidak ada ruang legar yang lain... [*Tepuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malulah ada *celebrate*. Malulah berkabung boleh *celebrate*? Ini mana ada perasaan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau perangai macam ini, manalah kita boleh membenarkan perkara macam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah itu, keputusan boleh dibuat oleh semua yang hadir di sini. Bolehkah keputusan itu dibenarkan untuk diundi oleh Ahli-ahli Parlimen yang sedia ada di sini... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Di sini tak boleh Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Earliest available opportunity*, ada satu keputusan. Saya harap Yang Berhormat dengan ringkasnya akan membenarkan melucutkan *Whip*. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju kepada itu dan biar semua Ahli Parlimen membuat keputusan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Kita terkongkong kepada Peraturan Mesyuarat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya rasa kita jangan *strict interpretation*. Kita perlu *liberal interpretation*...

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau kita baca *Erskine May*, ia akan memberi ruangan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *first available opportunity*, tetapi bukan esoknya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, jangan kita...

Tuan Yang di-Pertua: ...Dan kita tidak ada mempunyai peraturan *first available opportunity* kerana dalam *Erskine May*, tidak ada mengatakan semasa kejadian itu berlaku.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. *The first available opportunity* adalah pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*] [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, jangan...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, meminta dua orang itu mohon maaf.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, sekurang-kurangnya mesti mohon maaf.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mereka tidak nafi ini boleh berlaku. Tuan Yang di-Pertua, biar mereka tarik balik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, tengok muka mereka?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Mereka nafi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mohon maaf kepada...

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: *Waste time, waste time.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah. Saya sudah menjawab semua soalan... *[Disampuk]* Saya sudah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekurang-kurangnya seorang minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini saya cuma hanya boleh berkata bahawa pada masa-masa akan datang, Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah berhati-hati apabila mengeluarkan kata-kata...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Beritahu dua orang itu, minta maaf. Suruh dia minta maaf... *[Dewan riuh]* Suruh dia jangan buat.

Tuan Yang di-Pertua: ...Dengarlah dulu, ...yang boleh menyinggung dan boleh mengecilkan hati orang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau langgar, *you must expel them.*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekian.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang berlaku kita tak boleh lari kerana satu perkara yang memalukan kepada Parlimen dan negara. Menghina semua wanita. Bagaimana kita boleh membersihkan nama baik kita sendiri.

Nama baik sehingga menyentuh maruah bukan sahaja Yang Berhormat bagi Batu Gajah tetapi semua wanita dan nama baik kerajaan. Yang cakap mengenai Islam Hadhari, mengenai mempertahankan kedudukan wanita. Bagaimana kita boleh membersihkan perkara ini yang begitu memalukan?

Oleh sebab kalau kita membiarkan perkara semacam ini begitu sahaja, ini akan mencatat hitam dalam rekod Parlimen. Bagaimana boleh buat panduan atau *guidance* Tuan Yang di-Pertua? Bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini khasnya mereka yang degil? Mereka mempertahankan apa yang mereka kata dan semua *celebrate* apabila usul ini ditolak. Sangat malu, tidak ada perasaan langsung.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ada menyatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua juga kesal atas apa yang telah berlaku. Sebelum ini juga Tuan Yang di-Pertua telah memberi amaran, meminta Ahli-ahli apabila berucap mestilah berhati-hati juga. Pernah amaran sedemikian diberi, tetapi berulang juga.

Memandangkan Tuan Yang di-Pertua juga menyedari keseriusan perkara ini, saya anggap sedemikian, Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan Peraturan 90, menghentikan Peraturan Mesyuarat. Jika dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Majlis boleh membincangkan sebarang usul dengan menghentikan Peraturan Mesyuarat... *[Disampuk]*

Saya pohonlah Tuan Yang di-Pertua, kita bersama-sama haruslah membersihkan nama dan maruah Dewan yang mulia ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau tidak, sekurang-kurangnya saya meminta dan merayu agar kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu memohon maaf kepada penghuni kawasan saya dan juga wanita di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Saya memutuskan perkara ini atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah menurut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) dan saya telah pun membuat keputusan. Sekian.

Saya jemput Yang Berhormat bagi Kepong untuk menyambung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada maruahlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Youlah tak ada maruah.

Tuan Yang di-Pertua: Diam, diam, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, tengok macam mana dia itu?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mana wanita BN?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Saya jemput Yang Berhormat bagi Kepong. Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah dia tidak ada ibu, ada isteri atau ada anak? Bukan manusia?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tak ada malukah? *Shame, shame, shame!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila duduk. Yang Berhormat, sila duduk. Semua yang bangun, duduk. Cukuplah, duduk ya... *[Dewan riuh]* Cukuplah, saya sudah buat keputusan. Tidak ada apa yang boleh dibuat lagi. Saya sudah buat keputusan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, itu tak ada maruah punya orang.

Tuan Yang di-Pertua: Keputusan yang saya buat mempunyai asas-asas yang tertentu mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p).

Yang Berhormat bagi Kepong sila. Yang Berhormat bagi Kepong sila sambung. Saya minta yang lain diam. Yang Berhormat bagi Kepong cepat sikit... *[Dewan riuh]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beri ruang. Teruskan, ada banyak lagi...

2.47 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Kita mesti ada integriti dan kuorum sedikit di dalam Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, baik. Yang Berhormat bagi Jerai patut ada di kuorum integriti juga... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Tak apa. Tak payah respons dahulu Yang Berhormat, kemudianlah... *[Ketawa]* Beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Kepong dahulu ya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyentuh mengenai penswastaaan dan memang ada pro dan kontra mengenai penswastaaan untuk syarikat-syarikat yang tersenarai di dalam bursa Malaysia.

Walau bagaimanapun, dengan wang yang banyak selepas penswastaaan ada kelonggaran untuk membuat dan mengambil tindakan-tindakan jangka panjang, jangka pendek dan sebagainya. Memang yang kita takut walaupun amalan ini ada di kuasa besar yang lain, yang kita takut syarikat ini tidak akan kembali kepada bursa Malaysia. Dia disenaraikan di bursa-bursa yang lain. Tidak kembali.

Inilah, kalau ia diswastakan, kemudian ia kembali kepada bursa Malaysia, kita boleh tahan. Yang kata saya takut itu, dia pergi ke bursa yang lain dan menguntungkan orang lain. Dia ambil wang daripada Malaysia dan melabur di bursa yang lain. Itu yang kita takut. Saya berharap Yang Berhormat dapat mewujudkan suasana yang membolehkan mereka ini melabur balik kepada bursa Malaysia

Ini memang satu perkara yang perlu untuk mewujudkan pasaran dinamik bagi Bursa Malaysia. Di sini saya berharap, kita perlu mengkaji bursa-bursa di negara lain seperti Tokyo, London, New York dan sekarang China, Shanghai, macam mana hebatnya dan keberkesanan mereka untuk bursa masing-masing. Kaji macam mana kita boleh meningkatkan, supaya kita boleh bersaing dengan mereka, yang saya maksud untuk kita menambahkan dan mempertingkatkan daya saing kita.

Cuma satu sahaja, kita mesti memperkuat Pasaran Modal Islam atau ICM kita dan kita perlu mempunyai keistimewaan untuk Pasaran Modal Islam di Malaysia ini. Saya ada mendengar bahawa bursa-bursa yang lain sedang giat supaya mereka boleh memperluaskan, mempertingkatkan Pasaran Modal Islam mereka dengan maksud untuk mengatasi ICM di Malaysia ini.

Sebab itu saya berharap Yang Berhormat, kita mesti berhati-hati kerana kita tidak mahu orang lain mengatasi kita di dalam bidang yang kita perlu dan kita mempunyai kepakaran. Pada satu ketika, kita mendahului berapa tahun dan sekarang saya nampak jurang itu sudah dekat, termasuk Bursa Saham Singapura pun dia hendak jadikan Pasaran Modal Islam juga.

Seterusnya, mengenai teknologi. Kita berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang sudi untuk memberi maklumat kepada pihak kami untuk memahami apakah tujuan kita meminda undang-undang ini. Di sini pun ada menekankan mengenai teknologi. Saya baru sahaja mendapati laman web untuk Bursa Saham Malaysia dan cepat jugalah, tetapi saya ada menerima aduan sedikit, kadang-kadang elektronik itu tidak begitu baik, tidak begitu berkesan.

Kita mempunyai MDeC dan tidak ada alasan mengapa kita tidak menggunakan teknologi yang wujud di dalam MSC kita, untuk Bursa Saham Malaysia. Sebenarnya, kita perlu memastikan sistem elektronik, teknologi Bursa Saham Malaysia ini adalah terkemuka di dunia. Sekarang kita ada MDeC dan saya mencadangkan supaya kita berunding dengan MDeC dan meningkatkan teknologi di Bursa Saham Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada buat janji untuk adakan beberapa cadangan lagi. Cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan daya saing Bursa Malaysia ini. Saya mencadangkan:

- (i) laporan segera atau *prompt reporting*, mengenai perubahan majoriti pemegang saham dan memberi maklumat yang lengkap tentang majoriti pemegang saham baru dan transaksinya. *Prompt reporting of changes in majority shareholders and providing detail information on the new majority shareholders and transactions.* Itu memang penting;
- (ii) laporan yang cepat lagi mengenai perubahan para pemegang saham asing. *Prompt reporting of changes in foreign share holdings* kerana yang ada sekarang itu lambat sangat. Ini kerana dunia maklumat kita di dalam pasaran kita hendak cepat dan kita tidak cukup cepat dan juga laporan terkini yang cepat tentang pertukaran luar jangka kedudukan kewangan syarikat dan majoriti pemegang saham;
- (iii) *prompt reporting of sudden report changes in a financial position of company or majority shareholders;*
- (iv) kita mesti memberi laporan suku tahun, *quarterly on going report of receivables and treat to ensure adequate back that provisions,* untuk pastikan peruntukan hutang lapuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Kepong. *Majority shareholder* tetapi adakah Yang Berhormat bagi Kepong juga tidak prihatin tentang *minority shareholders*?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Minoriti pun penting juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kerana kadang-kadang minoriti ini ialah orang yang kurang berkemampuan tetapi mereka hendak melabur. Akan tetapi kadang-kadang mereka ini tidak diberi maklumat, hanya menunggu mesyuarat agung, pergi makan sedikit sebanyak dan balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Betul juga, minoriti memang penting. Saya setuju jugalah kerana kepentingan yang diberi kepada minoriti *shareholders* ini mesti dipertingkatkan di bursa kita. *Minority shareholders* penting juga:

- (v) kita mengadakan penalti ke atas para pengarah bukan syarikat kerana gagal mematuhi undang-undang kecil dan peraturan bursa. *Panelize director instead of the company on failure to comply with the security of bursa rules and regulations.* Memang kita mesti melakukan tindakan yang tegas terhadap orang-orang yang melanggar peraturan kita ini;
- (vi) mengenai *regular rotation of external auditors.* Mengaudit luaran, *regular rotation;*
- (vii) kita mesti melantik lebih ramai profesional sebagai pengarah bebas. *Appoint more professional as independent directors;* ini penting mengehadkan bilangan ahli lembaga pengarah setiap orang. *Limit directorship of individuals;*
- (viii) mengenai sistem depositori pusat, *central depository system.* Kita mestilah *consolidate an individual CDS accounts with barrier security companies into one single CDS account;*

- (ix) kita mestilah *facilitate auto reject of client access sells of shares, so that no CDS account holder were be caught in false buying in* sistem laporan bursa. *Facilitate auto reject of client access sells of shares;*
- (x) laporan dengan cepatlah. *Speedy reporting of cooperate news and performance of forum businesses in bursa reporting system.* Sistem laporan bursa kita ini sekarang nampaknya ada lemah sedikit. Kita mesti perbaiki sistem ini. Sejajar dengan rang undang-undang baru ini. *System Reporting;* dan
- (xi) kita mesti menggalakkan *listing of foreign companies.* Saya nampak kurang lagi. Sekarang kalau kita hendak mengatasi bursa-bursa yang lain, kita mesti mempergiatkan usaha untuk menarik syarikat-syarikat asing untuk menyenaraikan bursa kita dan yang ke...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memberi penjelasan, saya juga mengalu-alukan MCA dari Puchong, dari kawasan saya... [Tepuk]

Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada menyatakan bahawa laporan KLSE ini mesti membuat satu sistem laporan yang cepat supaya hak dan juga perlindungan pelabur dapat dijamin dan bagaimana dengan pengumuman-pengumuman mengenai unjuran keuntungan syarikat. Mereka selalu memberikan unjuran keuntungan yang besar semasa sesuatu *corporate exercise* tetapi bila mereka tidak menemui *target* ataupun sasaran mereka, tidak ada satu pihak yang boleh memberi sedikit, *penalize* mereka.

So, adakah Yang Berhormat bagi Kepong juga mencadangkan kepada kerajaan bahawa kita mesti ada satu sistem yang boleh '*share regulatory*' supaya minat dan juga *confident* dan keyakinan pelabur-pelabur bukan sahaja dari luar juga dalaman mengenai laporan-laporan atau pengumuman-pengumuman yang telah dilaporkan oleh syarikat itu kepada umum yang ada *credible*, yang boleh memberikan satu asas yang baik dan fundamental yang baik. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersependapat bahawa pihak kementerian mestilah mengambil perhatian mengenai laporan-laporan yang tidak begitu realistik yang terlalu menonjolkan diri sehingga tidak dapat dipatuhi. Di dalam bursa kita mesti menunjukkan kredibiliti kita. Kalau laporan itu terlalu sangat tidak realistik ini menunjukkan kawalan bursa kita tak ketat.

Tidak membayangkan keadaan yang sebenar dan kita tidak boleh membenarkan hal demikian. Kita juga mesti mengkaji macam mana selepas kita luluskan rang undang-undang ini kita dapat membatalkan peraturan-peraturan pegangan saham yang ketinggalan zaman. Ini memang mesti kita kaji.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip kita untuk menolong orang yang lemah, itu betul. Kita tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera kalau ada yang lemah kita mesti berikhtiar untuk menolong, tetapi cara atau bantuan untuk menolong itu kita mesti kaji. Kalau apa cara sahaja yang kita hendak tolong kepada golongan miskin, tetapi yang dapat yang kaya bukannya miskin, ini bermakna mekanisme dan sistem kita adalah lemah. Tidak dapat disalurkan kepada sasaran.

Di bursa saham, banyak syarikat-syarikat saya dapati bahawa kadangkala orang yang dapat itu bukannya miskin. Dia memang berkemampuan sebab itu dia lebih arif, lebih cepat. Dia kenal orang yang lebih, *then* dia dapat. Yang benar-benar berkehendakkan pertolongan tidak dapat. Ini berlaku di bursa saham kita. Yang Berhormat bagi Jerai pun tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan. Mungkin yang miskin itu bukan tak dapat, tapi kerana dia tak mampu hendak beli.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak mampu, tak payah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat dia tak mampu. Di bursa ini pasaran saham. Maknanya yang mampu belilah tapi yang tak mampu boleh membeli melalui pasaran macam amanah saham yang mereka melabur sedikit demi sedikit. Jadi Yang Berhormat pun ketinggalan. Kita ada Amanah Saham Nasional, Amanah Saham...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Amanah Saham Wawasan. Itu yang kurang mampu. Yang mampu dia belilah saham di bursa kerana di bursa tak boleh beli RM5 atau RM10. Dia kena beli satu lot ikut pasaran. Kalau pasaran RM100 satu lot, sepuluh lot sudah RM1,000. Mana dia mampu. Macam Yang Berhormat bagi Kepong ialah. Orang masuk, suruh nganga mulut, cucuk RM50... [Ketawa]

Jadi Yang Berhormat tarif itu kena betul Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, saya pun gembira Yang Berhormat bagi Jerai berminat dengan hal ini. Saya berharap dia boleh berfikir dengan masak-masak mengenai cara untuk menolong orang yang miskin. Kalau sudah kaya tak payahlah kita hendak tolong lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, ada skim kerajaan di mana masyarakat termiskin, kerajaan memberi peruntukan untuk melabur dalam amanah saham dan dividen diberi kepada mereka. Pokok masih dikekalkan oleh kerajaan. Itu membantu *hardcore* yang miskin.

Jadi banyak cara Yang Berhormat. Dia tak semestinya saham. Dengan cara memberi rumah PPRT, cara memberi subsidi baja dan sebagainya. Subsidi-subsidi ini adalah cara membantu orang miskin. Bukannya membantu hanya untuk membeli saham itu membantu, tidak, tetapi sebenarnya Yang Berhormat sendiri sebagai Wakil Rakyat mendapat subsidi kerajaan.

Minyak kereta Yang Berhormat pakai setiap satu liter, kerajaan subsidi berapa Yang Berhormat? Itu Yang Berhormat tak marah pula tapi yang lain-lain marah kerajaan. Kemudian Ketua Pembangkang, kerajaan bagi elaun membangkang. Dia pun maki kerajaan, kerajaan bagi lagi elaun untuk membangkang. Jadi kerajaan kita cukup baik Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Yang Berhormat bagi Jerai memang kadangkala dia kurang faham sedikit. Dia terlalu cepat hendak...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sedikit lagi, sedikit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Bual di dalam Dewan. Di dalam Dewan tak payah kita berbual. Kita cakap dengan baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi Yang Berhormat ada kata ada banyak cadangan untuk memperbaiki keberkesanan Bursa Kuala Lumpur kita.

Tadi Yang Berhormat kata bahawa kita mesti menarik banyak lagi syarikat-syarikat luar untuk disenaraikan di Bursa Kuala Lumpur ini tapi sampai sekarang saya tidak dengar apakah caranya, cadangan macam mana. Bagaimanakah kita boleh menarik lagi. Itu satu kenyataan sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, memang...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: So, boleh saya tahu apakah rancangan dan apakah cadangan di dalam pemikiran Yang Berhormat bahawa boleh menarik banyak lagi syarikat dari luar ke bursa di negara kita ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Puchong sekarang sentuh perkara-perkara yang penting.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, tak akan yang Jerai sentuh itu tak penting?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Jerai penting juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat menafikan bahawa kerajaan tidak menolong rakyat miskin dalam hidup mereka, saham dan sebagainya. Ini Yang Berhormat kena *clarify* betul-betul dalam Dewan supaya jangan Dewan keliru.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, memang. Ada tolong sedikit tapi kadangkala sasaran itu salah. Kalau dia hendak tolong orang miskin boleh, kalau dia hendak tolong itu sampai kepada Yang Berhormat bagi Jerai sahaja, itu memang tak begitu tepatlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini *delivery* Yang Berhormat. Semua kawasan dalam Malaysia mendapat nikmat subsidi Yang Berhormat. Yang Berhormat makan nasi pun Yang Berhormat dapat subsidi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu betul. Setakat itu betul tetapi yang kita bincang di sini mengenai saham. Mengenai bursa saham. Bukan subsidi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maksud saya Yang Berhormat, saham. Amanah Saham Nasional, saham amanah macam mana pun...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini, saham amanah satu bidang tetapi yang kita bincang sekarang ini macam mana kita boleh mengemaskinikan undang-undang kita supaya Bursa Malaysia ini dapat maju, dapat mengatasi masalah, dapat menjadi salah satu bursa saham yang terkemuka di dunia. Itu maksud kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, putar belit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan putar belit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat cakap pasal saham untuk membantu orang miskin dan sebagainya. Bila saya bercakap pasal bantuan kepada orang miskin, Yang Berhormat kata pasal bursa komoditi. Saya faham *bill* ini *bill* Bursa, tetapi Yang Berhormat pusing.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita mesti bantu orang miskin tetapi macam mana hendak bantu di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bocor dari segi hendak menyampaikan tentang kes ini. Keluar daripada ini Yang Berhormat pergi ke subsidi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat, Jerai yang penting sekali itu di sini. Ada peraturan untuk membantu bumiputera di dalam saham. Kalau orang itu benar-benar memerlukan bantuan, kita mesti bantu, tetapi kalau syarikat itu ada IBO, yang pertama itu dia memperuntukkan mungkin 30% untuk membantu.

Akan tetapi yang masalah kita di sini, apabila dia dapat itu, bukan benar-benar miskin, yang pertama. Yang kedua dia tengok kalau harga naik sedikit dia jual. Peruntukan 30% kemudian dia jual sama sekali. Lain kali syarikat yang sama, kegiatan yang lain dia hendak 30% lagi, jadi tidak bolehlah macam itu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kita bagi dia tahu macam mana kita boleh memperketat kelonggaran ini. Mungkin Yang Berhormat Jerai pun dia kadangkala dia tidak faham. Kita dapat 30% kali yang pertama, kemudian kali yang kedua dari syarikat yang sama. Kalau ia aktiviti yang baru, kita hendak dapat yang kedua, yang ketiga walhal dapat saham kita jual kerana harga dia naik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Kepong, saya minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah yang kerajaan selalu mengatakan ketirisan dan kebocoran yang harus kita jaga.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya Yang Berhormat, dia ada peraturan. Apabila seseorang itu diberi hak bumiputera dalam sesuatu syarikat itu, dia tidak boleh menjual kerana dia ada edah dia. Dia ada masa dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *No, no, no.* Macam mana kaedah pun dia jual juga kerana dia mengatasi kaedah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Moratorium* itu ada. Dia tidak boleh jual ringgit pula.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Moratorium* setakat Jerai sahajalah. Luar daripada Jerai tak ada *moratorium*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal apa, Jerai di Malaysia.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Baru turun tiga tahun. Baru turun tiga tahun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kena ingat pasaran saham, Yang Berhormat mungkin main pasaran saham. Kalau hari ini beli seringgit, esok naik seringgit dua kupang, juallah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tak main. Melabur saya ada tetapi main tak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yalah, memanglah kita tak main, tapi...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tak main... *[Ketawa]* Tak pandai main.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini memang betul. Ini memang dalam segi pasaran. Cakap main pasaranlah maknanya kalau saham ini hari lima puluh sen, besok naik sepuluh sen jadi enam puluh sen kita juallah saham itu. Ini berlaku Yang Berhormat. Sebab itulah kalau kita ikut laporan pasaran saham dia ada meningkat dan ada menurun dan kadang-kadang merudum.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak apa. Kalau kita ada peruntukan yang khas untuk bumiputera dan kita ada dapat 30%, tetapi dia bukan... kalau ini orang-orang yang kurang upaya ataupun miskin dan sebagainya dia mesti pegang saham itu dan ini bukan.

Dia ambil saham itu dan kalau naik sedikit dia jual dan lain kali syarikat yang sama, ada perubahan sedikit dia hendak 30% lagi, jadi tak bolehlah macam itu. Ambil satu kali cukup sudahlah. Hendak berapa kali lagi. Ini saya sebutkan hal ini kerana kita hendak menarik syarikat asing masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bercakap lebih daripada setengah jam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya akan...

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit boleh ya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Itu betul juga. Kita tidak mahu mengambil masa yang terlalu panjang kerana saya akan bincang dengan Jerai kerana nampak dia ada kurang sedikit hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji macam mana kita hendak membantu orang-orang yang miskin dan kita ada peruntukan 3% saham. Syarikat yang sama dan macam mana kita hendak memastikan orang-orang yang benar-benar berkehendakkan bantuan yang dapatnya. Jangan dia dapat, dia jual dengan begitu sahaja. Lain kali syarikat yang sama hendak 30% lagi. Saya berharap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa peruntukan saham bumiputera selalunya diambil oleh amanah saham. Amanah saham pula buka kepada seluruh rakyat yang berada dan tidak berada. Ekuiti bumiputera yang tidak mampu dibeli oleh bumiputera diambil oleh amanah-amanah saham dan amanah saham ini dijuallah kepada yang mampu membeli sedikit dan sebanyak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak galakan orang datang untuk melabur. Sekarang tidak cukup orang hendak *listing* untuk *foreign company*. Kita hendak galakan jangan kita buat begitu untuk selama-lamanya, hendak bantu orang boleh, tetapi jangan orang yang tidak memerlukan bantuan pun diambil. Kita mesti mencegah daripada berlakunya ketidakadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Tamatkanlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya berharap Yang Berhormat mengambil perhatian supaya orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan dapat bantuan. Jangan orang yang lain termasuk Jerai, jangan bagi dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Orders* Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya, *Point of Orders* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah Yang Berhormat. Tak apalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tak pernah dapat saham percuma daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh, sekarang boleh berucap, boleh cakap sekarang.

3.17 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap.

Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan saya bersetuju dengan pandangan kerajaan. Iaitu untuk mengemaskinikan bursa ini, kerana sebenarnya bila pelabur-pelabur hendak melabur dan kadang-kadang kita lihat syarikat-syarikat yang hendak masuk ke bursa ini, untuk dijadikan syarikat awam ini, kadang-kadang semata-mata untuk menggunakan wang rakyat atau *public moneys* untuk menjalankan perniagaan mereka, untuk membesarkan perniagaan mereka.

Saya lihat banyak syarikat sendirian berhad yang kukuh yang berada, kewangan yang kukuh, dia tidak mahu syarikat dia *dilisted* kerana mereka mempunyai wang yang cukup. Hari ini saya berpuas hati dengan segala peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak *Securities Commission* ini, untuk memastikan bahawa setiap pelabur yang melabur dalam syarikat-syarikat awam ini dijaga kepentingannya.

Saya juga berterima kasih kerana *minority shareholders* macam Kepong kata tadi, yang saya bagi pandangan dekat Kepong dan Kepong bersetuju iaitu *minority shareholders* ini harus dijaga. Jangan hanya, sekadar datang untuk mesyuarat agung, bagi makan sedikit sebanyak lepas itu selesai.

Kadang-kadang mesyuarat agung itu pun agenda mesyuarat telah ditetapkan, cara hendak bercakap oleh pengerusi pun telah disusun dan mesyuarat agung kadang-kadang selesai dengan begitu cepat, sedangkan pelabur-pelabur sendiri tidak mengetahui cara ataupun apakah jenis pelaburan-pelaburan yang mereka laburkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju supaya mengekalkan, bermaknanya Kepong, Kepong kena faham untuk hidup dalam sebuah negara yang aman dan sejahtera, rakyat kena sama. Kita tidak mahu ada jurang perbezaan yang begitu jauh. Yang kaya terlalu kaya, yang miskin, papa, miskin dan tidak ada pertengahan. Kita hendakkan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja. Penjelasan. Kalau kita hendak tolong orang yang miskin, sistem yang berkesan untuk tolong itu memang satu perkara yang sangat baik.

Akan tetapi jangan kita adakan sistem di mana yang kaya itu dapat mengaut lebih kaya, jadi lebih kaya. Yang miskin itu tidak mendapat manfaat langsung ataupun ada dapat pun sedikit sahaja. Jangan buat macam itu. Yang kaya itu tidak payah tolong lagi, inilah sistem yang mesti kita hapuskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Sebab itu saya kata kita cuba elakkan jurang di antara miskin dengan kaya itu jauh sehinggakan tidak ada di pertengahan. Jika ini berlaku ia akan menyebabkan yang miskin dan yang papa kedana ini akan merasa sakit hati, tidak puas hati dan akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Kadang-kadang kita lihat Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan semalam...

Datuk Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Saya tidak menafikanlah tentang kebaikan kita hendak memperketat lagi akta ini kerana kita memerlukan pelabur asing untuk menstabilkan ekonomi kita. Pegangan saham memang baik kerana kita hendak memperkukuhkan ekonomi kita, hendak membantu rakyat miskin waima rakyat bumiputera tidak kisahlah. Kalau pun ada mereka yang mencemburui hasrat ini tetapi kita kena faham itu adalah hasrat murni kerajaan.

Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah jaminan pegangan pelabur-pelabur asing ini ke atas pasaran saham kita ini sampai boleh menjejaskan *national security* dengan izin, keselamatan negara kita? Ini amat penting untuk dilihat oleh pihak yang berkenaan. Oleh kerana satu lagi Yang Berhormat, walaupun pihak-pihak yang kaya raya ingin mengambil alih saham-saham minoriti, kita tidak nafikan, oleh sebab orang yang merasakan saham itu sudah naik, dia hendak jual.

Tidak mengapa, tapi kita hendak kena ingatkan di sini, supaya mereka ini jangan ada muslihat tertentu, dengan ada tujuan-tujuan yang tertentu, yang boleh menjejaskan *national security*. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat adalah pandangan yang baik. Bermaknanya dari segi apa pun Tuan yang di-Pertua, kalau kita hendak membangunkan negara kita ini,

maruah negara itu harus dipertahankan. Kita mahu negara kita maju, tetapi jangan maju sampai maruah negara kita ini tergadai dan terjual.

Yang Berhormat bagi Kepong ingat, ada negara jiran kita yang tumbang kerajaannya kerana menjual saham Telekom kepada sebuah kerajaan lain yang menyebabkan rakyatnya marah, rakyat turun di jalanan, tunjuk perasan dan akhirnya Perdana Menteri jadi Perdana Menteri buangan. Ini kerana rakyat merasa marah kerana kita menjual segala-galanya hak kita, hasil mahsul kita.

Bermaknanya Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan asing kita dijajah kembali dari segi bentuk ekonomi. Maknanya walaupun kita merdeka, tetapi ekonomi negara kita ini dikuasai oleh orang luar, orang negara asing, kalau rakyat kita tidak apa.

Kalau Yang Berhormat ada tiga, empat yang *public listed*, saya berasa bangga sekurang-kurangnya Yang Berhormat bagi Kepong boleh belanja saya ke *coffee house*kah, mana-manakah, tetapi kalaulah negara Barat menguasai ekonomi negara kita, takkanlah saya hendak jumpa John atau Edward minta dia teh tarik secawan, dia kata, "*Go to hell with you, you got nothing to do with me*" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jangan marah Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya bersetuju. Memang kita hendak buka pintu kita, tetapi pintu yang kita buka itu, kita mesti kaji bahawa jangan tergadai, jangan tergadai hak-hak kita ini. Saya setuju dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Semalam...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Begini punya segak muka Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia orang kata tidak *handsome* lagi... [Ketawa] Mana ada orang senyum, pipi boleh naik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Semalam Yang Berhormat ada berita, kita dengar bahawa satu syarikat *base* di US telah memegang majoriti saham di AirAsia. Jadi tidakkah ini merupakan satu perkara yang boleh menjejaskan ekonomi negara kita?

Bayangkan, saya setuju dengan Larut kalau semua syarikat luar, daripada luar negara menguasai semua saham di *stock market* kita dengan saham-saham yang besar, apa yang akan berlaku kepada ekonomi masa depan negara kita?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, pengkhianatan ini, ia berbagai-bagai cara. Pengkhianatan daripada segi ekonomi, kadang-kadang rakyat Malaysia menjadi *front* iaitu di hadapan, diperalatkan oleh negara-negara luar, negara-negara besar untuk memperalatkan rakyat tempatan, rakyat Malaysia dan kuasa sebenarnya ada dekat mereka.

Keuntungan mereka kaut, contohnya Tuan Yang di-Pertua, katalah media massa, syarikat-syarikat media massa ini dikuasai oleh syarikat-syarikat luar negara, mereka boleh menghancurkan negara kita ini. Mereka boleh menggunakan media-media massa ini tetapi alhamdulillah, hari ini media massa di Malaysia milik rakyat Malaysia. Milik syarikat-syarikat Malaysia.

Begitu juga telekomunikasi, kalau telekomunikasi ini milik syarikat-syarikat luar, bermaknanya setiap perhubungan, perbualan, apa sahaja yang berlaku dalam negara kita ini mereka boleh *detect* dan mereka boleh mengetahui perbincangan saya dengan Tuan Yang di-Pertua melalui telefon pun boleh *didetect*kan oleh mereka, kerana mereka menguasai syarikat-syarikat tersebut.

Begitu juga kadang-kadang contoh kita lihat, dahulu kita bising fasal ada syarikat-syarikat daripada negara jiran menguasai syarikat-syarikat dalam negara kita. Ada yang jawab, "Oh, bukan banyak 10%, 20%". Memang betul 10%, 20% tetapi kalaulah ia melibatkan keselamatan, kesihatan, pembangunan negara, harta ataupun harta negara kita ini apa...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya lagi Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, boleh.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini berlaku pembelian telekomunikasi Thailand oleh Kerajaan Singapura dan pihak keselamatan tentera dia mengadu bahawa segala perbualan sulit di antara yang *military* pun dapat *didetect* daripada Singapura, itu satu.

Yang kedua, pembelian bank-bank besar di Indonesia oleh syarikat-syarikat asing juga telah memperlihatkan menjunamnya ekonomi negara Indonesia. Jadi perkara ini, kalau berlaku di negara kita, bagaimana keadaannya? Apakah kita akan menjadi seperti negara Thailand dan Indonesia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Itu yang saya sebutkan tadi. Bermaknanya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu negara kita ini dijajah ala ekonomi.

Maknanya kadang-kadang kita ghairah untuk membawa pelabur untuk menubuhkan ekonomi negara kita, yang itu kita bersetuju macam AFTA dan sebagainya. Kadang-kadang kalau kita bernasib baik, kita berkeras, kita pertahan. Kalau masuk benda-benda ini dan kita ikut apa kehendak barat Tuan Yang di-Pertua, tergadai negara kita. Contohnya, masa negara kita menghadapi masalah ekonomi merudum, nasib baik masa itu kepimpinan negara kita bijak Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ikut kehendak Barat.

Kita tidak meminjam duit daripada IMF. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini pun anak cucu kita akan berhutang kepada mereka dan mereka akan mengacukan kita. Dia kata itu tidak boleh buat, ini tidak boleh buat, Puchong minta itu tidak dapat... Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya merasa, apakah perasaan Yang Berhormat mengenai keselamatan negara, mengenai bagaimana kita boleh melindungi kepentingan negara kita tetapi pada masa yang sama, dalam dunia perniagaan yang *globalize* ini, *liberalize* ini, maksud saya ialah pemberian sesuatu saham untuk mengawal, kontrol sesuatu syarikat-syarikat itu adalah satu perkara yang lumrah, biasa sekarang ini.

Saya bagi satu contohlah. Tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengatakan bahawa bank-bank di Indonesia ini telah dimiliki oleh syarikat-syarikat luar. Sedangkan Yang Berhormat maklum bahawa Khazanah Holding telah memiliki ataupun mengawal dan mendapat kepentingan besar dalam sebuah bank di Indonesia.

YTL Corporation telah mengontrol syarikat air yang penting, 'West site' di UK. Kes 'NV' Group telah memberi satu bank pelaburan di Singapura iaitu GK Co, salah sebuah syarikat yang paling besar di Singapura. So, ini bermakna syarikat kita boleh mengembangkan *business*, niaga di luar negara. Mereka boleh memiliki saham-saham yang penting dalam syarikat-syarikat tertentu, dalam sektor-sektor spesifik tertentu. Ini satu perkara yang biasa, pelaburan.

Pelaburan di dalam sesebuah negara, tetapi kita juga mesti menggalakkan pelaburan dari negara luar untuk memasuki negara kita, untuk mencergaskan lagi keyakinan di masa depan. So, apakah pandangan Yang Berhormat dengan fenomena yang sering berlaku ini? Bukankah ini satu fenomena yang positif untuk perkembangan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara yang membangun seperti di negara kita ini? Apa pandangan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya faham Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya jawab sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dalam soal *national security* dengan izin, kita tidak ada kompromi kerana kita mesti tetap mempertahankan negara kita, maruah negara kita.

Kita tahu, dengan adanya pelaburan asing ini, akan mencergaskan lagi pertumbuhan-pertumbuhan pelaburan kita. Akan tetapi tidaklah sampai kepentingan tempatan kita ini, ataupun negara kita ini tergadai oleh kerana kita terlalu asyik dengan kemasukan pelabur-pelabur asing. Kerana kita bimbang, apabila mereka menguasai pasaran tempatan kita, mereka tidak ada lagi kawalan untuk mereka memindahkan segala aset yang telah mereka miliki daripada negara kita ini kepada mana-mana pihak.

Kita tahu memang ada dasar dan garis panduan supaya majoriti tetap dimiliki oleh kita, daripada dimiliki oleh pelabur-pelabur asing, tetapi barang diingat kerana dalam soal globalisasi pada hari ini, manusia pintar. Pintar untuk menundukkan manusia yang lain dengan cara menguasai pemikiran ekonomi. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita sudah tidak ada lagi orang tempatan untuk mengambil alih mana-mana saham yang hendak dijual, barulah kita boleh tawarkan kepada pelabur-pelabur asing yang ditapis oleh mungkin satu jawatankuasa khas.

Jadi ada pemantauan oleh kerajaan, supaya kita tidak terlepas pandang kepada saham-saham yang hendak kita tawarkan kepada pelabur-pelabur asing ini. Kerana kita tahu sebagaimana tadi pandangan-pandangan yang diberikan mengenai penggabungan bank dan mana-mana projek oleh mana-mana individu. Barangkali kerana kita lihat buruk dan baiknya kalau sesuatu tokoh ataupun minta dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini boleh menyebabkan keruntuhan pegangan minoriti di dalam saham-saham yang ada.

Kita tengok beberapa contoh negara lain seperti IPP sebagai contoh. Pernah berlaku di mana mereka membuat *demand*, menekan kepada kerajaan menyebabkan mereka kontrol, menguasai pasaran yang ada dalam negara tersebut. Ini menyebabkan negara berkenaan hampir-hampir bankrap. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sebagaimana dengan Yang Berhormat bagi Puchong, dan juga Yang Berhormat bagi Larut. Saya mengatakan bukan saya tidak bersetuju daripada pelabur masuk ke negara kita, tetapi walaupun sekarang zaman globalisasi ini, saya bersetuju dan saya faham kita pun melabur negara orang.

Akan tetapi yang saya hendak tekankan supaya benda-benda yang melibatkan keselamatan, perniagaan yang melibatkan keselamatan negara, melibatkan harta tanah kita, yang melibatkan hak-hak kita supaya benda-benda ini harus dikawal. Supaya jangan suatu hari nanti negara maju, tetapi bukan milik kita. Apa ertinya?

Kita bangga Malaysia negara yang maju, ekonomi meningkat, tetapi bukan milik kita. Milik orang lain. Menggunakan kekayaan negara kita dan apabila mereka boleh menguasai ekonomi negara, mereka akan menguasai kerajaan. Apatah lagi kalau pemimpin itu lemah, mudah sekali negara itu boleh dikuasai. Kita tengok negara jiran kita, Indonesia sampai hari ini terpaksa rakyat dia merantau ke negara orang untuk mencari makan. Sedangkan dulu, kalau orang Indonesia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerai. Memang kita bersetuju dan saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan agar lebih teliti bahawa dalam era globalisasi ini terdapat unsur-unsur penjajahan baru iaitu menguasai ekonomi negara seseorang dan negara itu akan dimanipulasikan oleh pakar-pakar ekonomi yang cuba menjahanamkan negara tersebut.

Jadi ini memang berlaku. Berlaku di negara-negara jiran kita pada suatu ketika dahulu dan kita pun telah terkena apabila mata wang kita telah dimanipulasikan. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Kementerian Kewangan, Bank Negara dan kerajaan harus bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan ini dan jangan mudah diperkotak-katikkan dan diperalatkan oleh anasir-anasir luar ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Saya bersetuju macam tadi. Saya sudah mengatakan bahawa semasa kita menghadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, ini ekonomi Tuan Yang di-Pertua. Ekonomi tidak boleh main-main Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Tetapi Yang Berhormat faham sangatlah ekonomi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya saya faham, saya faham. Saya faham... *[Ketawa]* Kalau hendak banding antara saya dengan Yang Berhormat bagi Kepong dari segi ekonomi, saya lebih faham daripada Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kerana kalau Yang Berhormat faham, saya berikan lagi sepuluh minit cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sepuluh minit Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hai ya!...Apa pasallah Seputeh, hari-hari... nyet nyet nyet nyet sama saya. Saya tidak kacau dia pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha!...tengok itu siapa? Macam itu apa lebah. Nyet nyet nyet nyet. Peninglah saya, saya mahu cakap.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okeylah, jangan marah aa... kita kawanlah... *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Siapa Speaker? Sekarang siapa Speaker?...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, sejarah, kita kena ingat sejarah. Apabila ekonomi negara kita merudum, ringgit kita merudum, tetapi kerana kebijaksanaan kepimpinan negara dan pakar-pakar ekonomi maka kita bertahan. Dia negara ini, duit ini macam Ah Longlah... Kalau kita pinjam dekat Ah Long tidak bayar, dia buatlah macam-macam. IMF ini lebih kurang Ah Longlah, tetapi ini Ah Long dunia, dan dia akan merosakkan negara. Dia kata okey saya bagi pinjaman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau. Sila Pulau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, ya... ini pakar akauntan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Tidak ada, bukan pakar Yang Berhormat bagi Jerai. Saya cuma hendak bertanyakan, nampaknya perbincangan kita pada hari ini lebih kepada sifat *protectionist* iaitu perlindungan, tetapi tujuan rang undang-undang yang dibentangkan ini adalah untuk membuka lagi pasaran kita.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, mengapakah Singapura yang mempunyai dasar terbuka boleh berjaya dari segi ekonomi, dan kerajaannya masih kuat lagi? Maksudnya parti PAP itu tetap tidak kalah juga, walaupun ekonominya terbuka dan pelabur asing boleh masuk keluar? Apakah komen Yang Berhormat mengenai kejayaan Singapura ini berbanding yang mengamalkan dasar terbuka, berbanding dengan kita? Yang Berhormat tadi katakan, Yang Berhormat minta supaya kita melebihi dasar perlindungan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham. Yang Berhormat tidak boleh bandingkan Malaysia dengan Singapura. Singapura pulau kecil, sebesar ini sahaja. Hendak banding dengan kita Malaysia.

Saya bukan kata saya tidak mahu pelabur masuk. Bukan kita hendak selindung. Tidak bagi mereka orang masuk, tetapi yang saya hendak tekankan supaya perniagaan-perniagaan yang berkaitan dengan keselamatan negara, berkaitan dengan harta tanah negara, hak ini kita harus pertahankan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sambung sikit, pasal keselamatan negara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju Yang Berhormat. Tujuan kita hendak menggalakkan lagi pelabur datang ke negara kita ini. Nama negara kita naik. Siapa yang tidak mahu termasyhur? Kita hendak, tetapi di segi *national security* macam saya katakan tadi, tidak ada kompromi. Hari ini ada tali barut di mana-mana. Orang yang *opportunistic* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menunggu bagaikan buaya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha!...Buaya lapar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, buaya lapar untuk ngap, membaham.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Membaham!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam kata rakan saya, dari Sabah. Untuk membaham. Akan tetapi, sudah tentu kerajaan ada garis-garis panduan sebagai sempadan supaya mereka ini tidak bermaharajalela. Yang ada bermaharajalela ini seorang sahaja di Perak. Sejarah Maharajalela...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak! Serius. Kita hendak menghadapi kemerdekaan 50 tahun...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Bermaharajalela... [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, Maharajalela yang telah menjadikan satu iktibar kepada penjajah, di mana J.W.W Birch dibunuh. Yang Berhormat jangan lupa sejarah. Jadi kalau tidak ada garis panduan ini. Apakah cadangan Yang Berhormat dalam kita memberi ingatan supaya kita beringat-ingat sebelum terlambat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebelum kena.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum kena. Menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak ada maknanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju Yang Berhormat. Macam yang saya katakan tadi... Yang Berhormat bagi Pulau ya... Kita kena ada sedikit sensitiviti, cemburu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju satu hari nanti apabila ekonomi negara kita ini dikuasai oleh Barat, hotel-hotel yang ada dalam negara kita ini dimiliki oleh orang-orang asing, pada masa itu dia akan suruh pekerja-pekerja kita pakai mini skirt, pakai kain yang belah sampai ke paha ataupun saya...

Dari segi kalau hendak buka kilang, hendak melabur di sini, buat kilang, kemudian eksport, yang itu okey, yang itu tidak ada masalah, tetapi jangan kita tergadai negara kita disebabkan oleh kerana hendak menunjukkan bahawa kita ini sikap terbuka dan masuklah, melaburlah walaupun ada tanah kita, semuanya ambillah, buatlah bangunan, tetapi siapa pemilik bangunan tersebut.

Hari ini kita bangga Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat bangunan Petronas di mana-mana kita melihat, kadang-kadang ke luar negara kita bawa sebagai hadiah. Kita bawa lambang bangunan Petronas. Kita bangga kerana milik kita, tetapi satu hari nanti kalau kita terlampau terbuka dengan tidak ada perkiraan, sensitiviti hak milik negara kita, mungkin menara Petronas itu akan menjadi hak milik orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak pakai kain, macam mana hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, saya pakai seluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, kalau tidak boleh gulung, boleh tutuplah, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, ya saya gulung. Saya gulung... [Ketawa]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Sebelum gulung, boleh minta jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena buka kain baliklah, tidak boleh gulung. Ha...okeylah.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ada dua perkara, apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat. Pada dasarnya saya menyokong kuat terutama sekali dalam *protection* ataupun perlindungan kepada penguasaan pelabur-pelabur asing terhadap harta benda yang sah. Akan tetapi tujuan dalam Bursa Saham ini kita hendak buka lebih luas kepada pelabur asing supaya kita dapat menyaingi Singapura dan juga Hong Kong.

Dengan ini mungkin indeks kita akan meningkat kepada 2000 mata. Keadaan ekonomi ini kalau dengar dengan ucapan Yang Berhormat, sangat susah sebab syarikat-syarikat umum di Malaysia ini seperti Malakoff, Perlis Plantation, Maxis sudah disenaraikan di pasaran Hong Kong, Singapura dan sebahagian lagi di London dan Singapura.

Macam mana syarikat kita hendak tarik pelaburan luar negara, sedangkan syarikat yang ada, yang bertunjang di Malaysia ini, melihat kalau ada *red tape* dan juga birokrasi ini, banyak dan tidak ada keyakinan kepada sistem sekuriti ataupun bursa ini, mereka lari keluar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Satu. Yang kedua, sejauh mana rang undang-undang ini dapat menjamin program dan agenda untuk melindungi saham-saham yang kecil, peruncit-peruncit dalam negara, apa pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Fahamkan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Semua yang dia tanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *clear*kan di sini dalam Dewan Rakyat. Saya bukan menentang dari segi pelabur masuk melabur dalam negara kita. Cuma saya hendak ingatkan supaya benda-benda yang berkaitan dengan keselamatan, hak milik, maruah negara, hak ini kita kena pertahankan. Saya bersetuju.

Cuba Tuan Yang di-Pertua tengok, kadang-kadang pelabur ini dia guna bursa saham kita ini tempat dia orang buat untung. Dia masuk hari ini saham kita naik, kemudian dia cabut, dia keluar. Dia kaut-kaut untung, dia lari... merudum jatuh balik. Orang kita yang main satu dua lot ini, teruk... teruk... Ini cara dia orang, dia orang ini kapitalis, orang yang ada duit, dia boleh buat macam-macam.

Contoh dalam negeri, contoh *very simple example*, ini Tuan Yang di-Pertua. Baiklah, gabungan bank-bank ini. Memanglah gabungan bank-bank ini untuk kita bersaing dengan bank-bank luar negara, tetapi hari ini, gabungan bank-bank sudah lupa daripada dasar dia hendak menolong rakyat. Hendak kira duit syiling pun *charge*.

Hendak kira duit seringgit, seringgit pun *charge*, kita tukar duit kita sendiri kita bagi duit, simpan duit dalam bank, kita hendak *draw* duit kita, kalau orang lain pi *draw charge* RM5, dia guna duit kita, *charge* kita lagi. Hendak pinjam bank, yang itu susah, yang ini susah. Gabenor Bank Negara kata bahawa syarikat-syarikat kewangan tidak menghalang orang untuk meminjam duit untuk membeli kereta Proton, tetapi panggil semua pengedar-pengedar Proton tanya dia orang, tengok!

Kalau hendak beli kereta Proton bank tidak mahu *entertain*, bank kata tidak boleh, susah, itu dan ini. Sedangkan kereta adalah kereta kita, kereta nasional. Sepatutnya Bank Negara bagi arahan kepada badan-badan kewangan, beri keutamaan kepada kereta negara kita. Ini berlaku bukan katanya sekarang kita tengok Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai dah pengedar-pengedar bumiputera ataupun bukan bumiputera yang mengedar kereta nasional tutup?

Tanya kementerian, tengok, inilah ekonomi, kenapa benda ini berlaku? Hendak gabung bank besar. Dahulu kalau bank ini tidak boleh, kita pergi bank lain kita dapat. Sekarang bank tinggal berapa? Bank jadi besar kepala, hendak ambil pinjaman itu tidak boleh, ini tidak boleh.

Kadang-kadang kerana kita bayar *installment* lambat dua tiga hari, sudah tolak berbagai-bagai macam berlaku. Jadi macam mana kita hendak menjaga pertumbuhan. Saya bukan anti kepada pelaburan. Saya mahu pelaburan masuk, tetapi pantang saya, kalau dilaburkan dalam negara ini, maruah hak negara kita ini tergadai. Yang ini saya tidak boleh terima dan kompromi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada kerajaan dan juga bank-bank supaya mengkaji hak ini jangan gadai hak maruah negara kita dan Tuan Yang di-Pertua jangan sekali lagi kita di bawah jajahan, ataupun ekonomi negara kita ini di bawah orang luar dan kita ini dijajah semula. Ini pantang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 50 tahun, kita merdeka. Kemerdekaan ini harus kita pertahankan dan ekonomi harus kita pertahankan dan jangan gadai maruah Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sekian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Dengar dahulu Yang Berhormat bagi Kepong. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan selepas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat Menteri jawab.

3.49 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya juga untuk membahaskan tentang pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti ini. Saya mungkin mengambil masa Tuan Yang di-Pertua, 10 hingga 15 minit insya-Allah. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Mac...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita ada di Pasaran Modal...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak apa, tidak apa, terus cakap, sama sahaja.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Pasaran Modal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh nantilah bahas, biar kita selesaikan *bill* ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sekuriti okey, ada berkaitan Tuan Yang di-Pertua, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berkaitan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya bahaskan. Tentang perkara yang telah dibangkitkan tadi, tentang pasaran modal dan juga bagaimana seharusnya kita melihat bursa saham ini sebagai suatu indikator yang penting di dalam menentukan kemajuan ekonomi.

Saya boleh bersetuju dengan beberapa pandangan yang telah diberikan sebentar tadi oleh rakan-rakan termasuk apa yang dikemukakan sebagai unsur bagaimana boleh berlakunya penjajahan kali kedua dan seumpamanya. Akan tetapi perlu diingat Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam sejarah negara kita ini, bukan sekadar ada unsur-unsur luar yang berniat tidak baik ataupun yang ingin mengambil kesempatan kepada bursa-bursa saham kita, tapi ada juga yang kita dapati unsur-unsur dalaman yang cuba mengambil kesempatan. Bak kata pepatah, "Bertepuk tidak boleh sebelah tangan."

Ini adalah disebabkan oleh berlakunya apa yang dikatakan budaya yang tidak sihat. Bagaimana kita melihat bursa saham dijadikan satu medan yang terbaik untuk golongan yang tertentu untuk mendapat kepentingan mereka. Jadi di sini saya ingin memperjelaskan supaya dalam kita membahaskan tentang akta ini, kita pernah melihat berlakunya satu budaya *pink form*. Budaya yang ingin menjadikan golongan tertentu dapat meraih satu keuntungan yang besar untuk kepentingan mereka.

Kita jangan menunggu ataupun kita jangan melihat orang luar sahaja yang ada unsur yang tidak baik di negara kita, tetapi mereka yang diberikan kuasa dan bersedia untuk menjadikan diri mereka mengambil kesempatan sepenuhnya. Inilah yang menjadikan ekonomi, menjadikan bursa saham ini sebagai tempat habuan mereka untuk meraih keuntungan ini.

Ini tidak boleh kita lupakan budaya *pink form* ini yang kononnya untuk menjadikan golongan bumiputera ini lebih cepat mendapat ekuiti 30%, tapi siapa yang mendapatnya? Siapa yang meraih keuntungan yang sebenarnya? Ini tidak boleh kita lupakan. Bila berlakunya budaya *pink form* ini, telah mewujudkan budaya politik wang yang kini menjadi musuh nombor satu negara.

Di mana pihak yang terbabit bukan sahaja membelanjakan jutaan ringgit untuk memenangkan jawatan politik, tetapi juga menjadikan ini suatu perkara yang sangat kompleks, yang kerajaan terpaksa berhadapan dengan budaya ini pada hari ini.

Oleh itu, saya ingin menekankan beberapa contoh. Beberapa contoh bagaimana berlakunya salah laku ini dan saya mengharapkan supaya ini mendapat suatu panduan yang jelas, suatu penjagaan yang penting bagaimana unsur-unsur ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Contoh nombor satu bagaimana salah laku dana syarikat umum untuk kepentingan pemegang saham besar. Contoh Berjaya Capital yang mendapat keizinan daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk membenarkan anak syarikatnya membeli surat hutang atau bon, ibu syarikat yang telah melanggar secara jelas Akta Syarikat Malaysia.

Contoh kedua, penjualan ECM Libra pada suatu waktu dulu yang menimbulkan satu isu kontroversi yang pada saya juga melakukan satu kesalahan yang diizinkan Suruhanjaya Sekuriti.

Yang ketiga kekurangan penguasaan dana komersial IBT, Bank Labuan oleh LOFSA dan Suruhanjaya Sekuriti juga telah menjadikan satu tanda tanya, bagaimana satu lesen *merchant bank* boleh diberikan kepada syarikat bukan bank yang mempunyai dana lebih dari RM7 bilion yang kita sangat pertikai.

Contoh keempat, kelemahan Suruhanjaya Sekuriti juga menjadi sangat menonjol apabila terdapat sebilangan syarikat umum yang mengeluarkan bon Islam di mana garis pandu piawaian rating tidak di ikut. Rating Agensi Malaysia telah memberi piawaian yang lebih tinggi kepada Malakoff dari TNB, padahal peraturan piawaian jelas menunjukkan piawaian Malakoff harus satu tahap lebih rendah dari TNB. Akibatnya pembelian bon harus menanggung kerugian dividen yang lebih daripada RM1 bilion setahun sejak projek di Tanjung Bin ini seharusnya diberikan perhatian.

Yang kelima Suruhanjaya Sekuriti juga telah gagal untuk memastikan dan gagal untuk menahan salah guna pengerusi KWSP dan peminjam Malakoff yang mempunyai perancangan kepentingan sebagai pembeli bon dan pengeluar bon.

Manakala CEO BC-CIMB sebagai contoh Nazir Razak juga bersalah sebagai *panelist* pelabur KWSP juga berperanan sebagai *underwriter bon* Intisna Malakoff. Kedua-duanya telah melakukan kesilapan bercanggah, kepentingan yang merugikan pencarum KWSP dalam bidang pasar modal, tetapi Suruhanjaya Sekuriti tidak membuat apa-apa tindakan terhadap CEO ini dan juga kepada Nazir Razak.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan ini yang saya sebutkan di atas tadi memberikan suatu gambaran yang jelas bahawa terdapatnya pelbagai penyelewengan, pelbagai salah pandang dan salah laku yang akan menjejaskan masa depan negara. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini dan juga yang telah mencelah semasa perbahasan.

Saya ingin merujuk kepada beberapa persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong yang telah memulakan perbahasan walaupun beliau nampaknya sudah tidak ada, tetapi terdapat beberapa perkara yang telah ditimbulkan yang wajar diperjelaskan kerana banyak juga perbahasan-perbahasan yang selanjutnya menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh beliau.

Pertamanya ialah tentang betapa *market cap* dengan izin, di negara kita ini kelihatan rendah berbanding dengan di negara-negara lain. Walaupun saya ada menyebut dalam ucapan saya bahawa jumlah modal *market cap* kita telah meningkat daripada RM200 bilion pada tahun 1997 kepada RM1.5 trilion pada masa sekarang, iaitu peningkatan yang lima kali ganda.

Memang kalau dibandingkan dengan pasaran-pasaran yang besar, yang lain, sememangnya dari segi *market cap*, kita tidak dapat mengatakan bahawa *market cap* kita ini adalah lebih besar tetapi kalau diukur dari segi prestasi pasaran kita, berbanding dengan pasaran-pasaran lain, kita akan lihat bahawa keadaan kita ini tidaklah jauh berbeza. Bahkan ada juga dari segi aspek-aspek tertentu bahawa prestasi kita adalah lebih baik.

Umpamanya, kalau kita lihat dari segi perubahan indeks pasaran yang menunjukkan prestasi pasaran semasa, kalau diambil untuk tahun 2007 dari awal sehingga masa sekarang ini, peningkatan indeks kita adalah 22.5% yang mana adalah lebih tinggi dari peningkatan di Singapura yang hanya 15.6%, di negara Jerman 13.3%, Indonesia - Jakarta 12.2%, Australia 10.5%, Filipina 9.7%, Korea 8.7%, Amerika Dow Jones 6.2% dan banyak lagilah kalau kita hendak baca.

Maknanya bukan hanya kelihatan bahawa pasaran kita ini pasaran yang jauh ketinggalan. Bahkan dari segi peningkatan prestasi semasa, jelas menunjukkan bahawa pasaran kita adalah jauh lebih tinggi. Kalau kita kira pula dari segi ukuran *market capitalization* kadangkala kita mesti ukur dengan ekonomi kita. Takkan kita boleh menyamai *market cap* di Malaysia dengan *market cap* Amerika.

Tidak mungkin kita dapat menyamai dengan pasaran yang lebih besar, kerana ekonomi lebih besar. Jadi adalah ukuran yang dibuat apabila kita melihat *market capitalization* sebagai peratusan kepada GDP, GDO ini membayangkan besarnya ekonomi sesebuah negara tersebut. Jadi kalau kita lihat di negara kita ini ialah 174% bermakna *market cap* kita hampir dua kali ganda dengan ekonomi kita, GDP kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kalau dibandingkan dengan Korea, Korea hanya 93.3%. Jadi dari segi tahap pasaran, kita berbanding GDP ini adalah lebih. Tidaklah melambangkan, membayangkan pasaran kita ini pasaran yang tidak memuaskan.

Sedikit lagi saya nak sebut Yang Berhormat, lepas itu saya bagi kepada Yang Berhormat. Bagi saya dua minit lagi ye. Kalau kita lihat pula dari segi PE atau *price earning ratio*, sebagai satu daripada *indicator* yang sering di gunakan untuk menilai satu-satu pasaran, PE kita buat semasa ini juga adalah agaknya baik kerana sekarang ini ialah 18.4% berbanding dengan Hang Seng 15.9%, berbanding dengan *Strait Times Index Singapore* 14.8%, berbanding dengan Korea 13.8%, berbanding dengan Australia 17.6%.

Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat bagi Seputeh, yang telah menimbulkan satu persoalan tadi bahawa kononnya PE kita rendahlah, maka kita berhadapan dengan syarikat-syarikat yang keluar daripada pasaran kita untuk mencari pasaran lain yang barangkali PEnya lebih tinggi. Jadi kalau kita melihat PE hari ini, PE kita tidaklah rendah, bahkan lebih tinggi daripada yang terdapat di negara-negara lain.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, persoalan saya di sini ada dua perkara. Satu, Yang Berhormat kata kalau kita dibandingkan dengan Amerika memang kita jauh ke belakang.

Jika dibandingkan dengan mana-mana negara majulah, kita jauh ke belakang tapi saya ingin tanya juga walaupun kita sebuah negara yang banyak mengeluarkan banyak hasil, sepatutnya GDP kita sudah meningkat tinggi dan pasaran kita juga menunjuk lebih baik. Kalau kita bandingkan dengan Singapura, Singapura tidak ada apa-apa kalau dibandingkan negara kita. Sepatutnya kita lebih maju daripada Singapura, apakah ini persoalan?

Kedua, kemungkinan berlaku atau tidak di kalangan spekulator kadang kala merekalah yang memporak-perandakan *speculation* dalam pasaran kita! Buat masa ini, khususnya macam syarikat-syarikat yang besar, syarikat gergasi umpamanya hendak mainkan kita punya pasaran, boleh atau tidak?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta boleh saya sambung sikit Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mengatakan bahawa PE kita ini tidaklah rendah. Bolehkah Yang Berhormat bagi contoh mana-mana syarikat, sebab saya rasa, saya ada contoh telekomunikasi Malaysia PEnya ialah di antara 14% hingga 15% berbanding dengan serantau 25% hingga 30%. Bagaimana Yang Berhormat kata PE kita tidak setanding dengan serantau, bolehkah bagi contoh? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, bila saya sebut PE untuk pasaran kita, ianya semestinya melambangkan PE untuk purata seribu lebih syarikat yang disenaraikan. Jadi saya tidak memberi perincian satu-satu, tapi kalau dilihat PE untuk TELCO, di katakan TELCO ini mempunyai PE yang kurang sedikit daripada yang lain.

Sebenarnya maklumat yang saya ada ialah keseluruhan, tapi syarikat TELCO ini ialah 16.7% dan kalau di tolak Maxis ia jadi 17%. Jadi tidak merupakan satu PE yang rendah kalau berbanding. Memang PE ini juga Yang Berhormat, jadi janganlah kita anggap bahawa PE ini adalah segala-galanya.

Ia adalah sebagai satu gambaran macam kita pergi periksa hospital, ia ambil macam-macam *test* dan satunya ialah satu *indictomya* ialah PE, kerana kalau kita nak banding PE umpamanya syarikat-syarikat teknologi, syarikat telekomunikasi mungkin kalau kita banding dengan syarikat di India PEnya lebih tinggi. Bukan semestinya, ini bermakna India keseluruhannya adalah lebih baik daripada kita.

Jadi yang penting saya rasa apabila kita lihat satu-satu *indicator* itu, janganlah *indicator* ini menunjukkan prestasi yang jauh berbeza dengan yang lain. Seperti saya sebut tadi dari segi PE pada kita 18.4%, secara keseluruhan ini adalah jauh lebih baik daripada Hang Seng daripada *Strait Times* daripada Korea dan sebagainya.

Tadi Seputeh bila tadi dia banyak cakap, bila saya jawab dia tak ada, sekarang baru masuk. Jadi tak apa saya akan jawab lagi pasal Maxis yang dikatakan kononnya Maxis keluar kerana PEnya rendah dan sebagainya, yang semestinya tidak merupakan satu alasan yang diberikan oleh Maxis. Kita tahu, tapi soal Maxis saya akan jelas kemudian kerana saya menghormati Yang Berhormat bagi Kepong kerana dia ada banyak ulas sikit pasal Maxis ini. Bila saya sampai ke Kepong saya akan jawab tentang Maxis ini.

Cuma, kerana ada Yang Berhormat bagi Seputeh saya ambil juga satu isu yang di timbulkan oleh beliau, beliau mengatakan syarikat-syarikat keluar pergi di senaraikan di luar negara seolah-olah satu eksodus. Kalau kita dengar daripada intonasinya, dari segi kebimbangannya yang menunjukkan tidak ada keyakinan dalam pasaran kita.

Saya nak cakap pertamanya, tentang Maxis ini. Saya tak tahu Yang Berhormat banyak membuat andaian bahawa Maxis ini akan di senaraikan di tempat lain. Akan tetapi kalau kita tengok kenyataan Maxis ini sendiri, ia menyatakan sekiranya ia ingin menyenaraikan semula, ia akan di senaraikan di Kuala Lumpur. Buat masa ini ia tidak ada perancangan untuk menyenaraikan semula, jadi jangan kita andaikan ia berhenti daripada penyenaraian di sini, maka ia akan lari ke tempat lain.

Saya ingin menyebut beberapa syarikat yang kita ada, yang sah yang telah di senaraikan di luar negara. Kita ada sekarang sebelas syarikat. Tidak perlulah saya sebut nama satu persatu dan yang sebelas syarikat ini, hanya satu saja yang besar, yang mempunyai *market cap* yang besar sedikit, tetapi yang lain-lainnya sepuluhnya *market cap* RM57 juta, RM22 juta, RM11 juta, RM19 juta, ini merupakan syarikat-syarikat yang memilih untuk di senaraikan di luar negara terutamanya syarikat teknologi dengan harga-harga pun murah.

Saya bagi contoh satu syarikat yang di senaraikan di London, bukan *London Stock Exchange* ini. Di senaraikan pada harga 57 *pence* dan sekarang ini berada pada tahap 26 *pence*. Jadi kalau senarai pada harga 57 *pence* dan sekarang 26 *pence* tidaklah menunjukkan sebuah syarikat yang mencari satu lapangan atau satu pasaran yang boleh membantu dan boleh menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini adalah syarikat besar yang keluar, kerana tidak ada keyakinan kepada negara kita.

Jadi sudah tentu ada sebab-sebab tertentu yang mereka membuat demikian, dan ini membawa kita kepada satu persoalan yang begitu pokok sekali. Saya bimbang kalau-kalau kita terlepas pandang soal pokoknya iaitu, apakah dasar negara kita dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam menarik pelabur asing dalam menggalakkan pertumbuhan di pasaran saham?

Saya bimbang kalau-kalau kita terlepas pandang, bahawa pasaran saham ini cukup penting. Bukan sebagai gelanggang digunakan untuk spekulasi, manipulasi semata-mata. Jangan dianggap ini gelanggangnya sehinggakan kita kata, itu tidak boleh, ini kena sekat, ini jangan bagi, orang asing pun tak boleh, jangan! Kerana pasaran saham ini adalah penting, biasa saya habiskan *argument* saya di sini Tuan Yang di-Pertua.

Penting untuk digunakan oleh syarikat-syarikat kita menjana modal *capital raising*. Inilah caranya untuk kita memberi peluang syarikat-syarikat kita menjadi lebih besar. Inilah caranya supaya syarikat-syarikat kita menjadi lebih berdaya saing. Kalau mereka kekal sebagai syarikat yang kecil dan tidak mempunyai modal yang banyak, dari segi tabungan pun tidak banyak, maka bilakah mereka ini mendapat modal yang besar.

Oleh itu, kita jangan lari bahawa pasaran modal ini penting. Mahu atau tidak mahu ia penting kepada sesebuah negara. Oleh itu, ada gunanya kita menyuburkan pasaran modal ini, menunjukkan keyakinan dalam pasaran modal ini, menarik pelabur bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara kerana keyakinan yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur asing itu adalah lebih sahih barangkali, lebih meyakinkan kerana mereka boleh pergi ke negara-negara lain, ke seratus buah negara lain, tetapi memilih untuk datang ke Malaysia. Sudah tentu ada yang baik ada pada negara kita.

Kalau pelabur kita, pelabur tempatan mungkin kita tidak mampu hendak pergi keluar. Mungkin kita tidak baca pun *internet* dan sebagainya untuk memberi kita pilihan di manakah kita ingin melabur. Oleh sebab itu janganlah kita terlepas pandang bahawa pasaran ini semata-mata untuk penipuan untuk salah guna dan sebagainya. Memang kita akui akan wujud, sebab itulah rang undang-undang ini dibuat, diperkukuhkan lagi. Ada peruntukan kalau ada salah laku yang berat ia akan dikenakan hukuman penjara 10 tahun dan dendanya RM1 juta bukannya atau dan juga peruntukan-peruntukan lain.

Saya yakin bahawa Suruhanjaya Sekuriti janganlah dianggap sebagai tidak memainkan peranan. Yang Berhormat bagi Seputeh dalam senarai panjang yang menunjukkan bahawa seolah-olah tidak ada yang kena pada negara kita, semuanya tidak betul. Saya juga agak hairan dan aneh isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh adalah merupakan isu-isu yang sama, ayat-ayat yang sama, yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Siapakah yang menyediakan ucapan ini sehingga bagi satu salinan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh dan satu salinan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ini Yang Berhormat bagi Kepong, ada dengar tadi bukan? Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun dengar bukan? Sama. Nama-nama yang sama, syarikat yang sama.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Suara lain.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Hairan dan ajaib bagaimana Yang Berhormat bagi Seputeh dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini begitu bersepakat, begitu bersekongkol... [Disampuk] Yalah, teksnya siapa yang buat? Takkanlah.

Mungkin Yang Berhormat bagi Seputeh bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian atau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bagi Yang Berhormat bagi Seputeh. Tidak tahulah, tetapi hanya seorang sahaja penulis. Tidak mungkin ada dua orang yang menulis kerana ucapannya adalah yang sama.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mungkin berlainan sedikit. Saya tidak berucap, Yang Berhormat kerana saya hendak memendekkan masa petang ini. Banyak kerja. Saya percaya dengan *globalization*, dengan izin.

Saya juga bersetuju dengan dasar pasaran terbuka dunia dan saya tidak mempunyai masalah dengan soal pengambilan saham kalau kerajaan memikirkan patut. Selain daripada ada kena mengena dengan soal keselamatan negara, maruah negara yang tertentu dan perkara-perkara yang khusus ada hubung kait dengan penglibatan luar kepada pentadbiran negara kita, saya tidak ada masalah yang lain daripada itu tetapi ada satu perkara yang saya hendak sebut.

Semasa taklimat yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada kita dahulu mengatakan Malaysia adalah salah sebuah negara yang mempunyai perundangan yang ketat sekali, bahkan lebih ketat daripada Amerika, lebih ketat daripada England. Hanya mungkin kurang sedikit kalau dibandingkan dengan New Zealand, kalau saya tidak salah. Fakta-fakta ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah dari kalangan yang nombor tiga di atas keketatan pengawalannya.

Jadi ada segelintir masyarakat mengatakan bahawa banyak syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia sekarang, berminat untuk keluar daripada penyenaraian syarikat mereka oleh kerana mereka memandang kawalan itu begitu ketat sekali, yang akhirnya akan menggugat kedudukan bursa itu sendiri. Bahkan kawalan yang begitu ketat ini juga mungkin akan mendatangkan kesan negatif kepada pandangan masyarakat luar negara untuk datang ke negara kita ini untuk menyenaraikan syarikat-syarikat mereka.

Jadi pandangan saya ini agak berlainan daripada pandangan kawan-kawan tadi, ada *national pride* dan sebagainya. Bagi saya *national pride is successful pride* bukan *failed pride*. Jadi, soalan saya adakah benar fakta ini dan kalau ya, berapa banyakkah syarikat telah menunjukkan minat? Sekarang sudah disenaraikan tetapi hendak keluar daripada senarai sebagai *public listed company* untuk menjadi sendirian berhad semula, supaya mereka tidak lagi dikawal dengan begitu ketat hingga di sini tidak boleh, di sana pun tidak boleh.

Bahkan *the World Trade Organization* mengatakan liberalisasi adalah *the key word* tetapi nampaknya kita memperketat lagi perundangan kita untuk mengawal semua segi. Adakah kawalan ini supaya memperbaiki atau mendatangkan kesan negatif kepada pelaburan?

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, Yang Berhormat. Inilah kedudukan keadaannya. Kita lihat ada Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan kawalan kita mungkin kurang ketat dan ada pula Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan mungkin kita terlalu ketat.

Inilah peranan yang seharusnya dimainkan oleh kerajaan dan juga oleh Suruhanjaya Sekuriti, Kementerian Kewangan untuk mengimbangi supaya kita tidak terlalu ketat dan tidak juga terlalu longgar, supaya kita kekal mempunyai satu pasaran yang agak bebas, yang subur. Pada masa yang sama, tidak terlalu bebas sehingga boleh menimbulkan masalah-masalah seperti mana yang disebut oleh sesetengah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sinilah kebijaksanaan yang perlu dimainkan oleh pihak kerajaan dan oleh itu saya sangat-sangatlah berharap supaya kita cuba menaruh kepercayaan apa yang cuba diimbangi oleh pihak kerajaan dalam hal ini. Saya bagi satu contoh, kita bimbang kalau-kalau pelabur asing datang secara besar-besaran boleh mengambi alih syarikat-syarikat besar kita. Saya hendak beri satu, dua statistik sahaja. Umpamanya dalam pasaran saham kita yang sebanyak 1.6 trilion hari ini, kalau dikira dari segi nilainya hanya lebih kurang 28% sahaja yang dipegang oleh pelabur-pelabur asing.

Kalau dikira dari segi syarikat-syarikat besar seperti TNB dan Telekom, dia ada hadnya. Telekom umpamanya had pelabur asing hanya dibenarkan 30%, tidak lebih dan setiap individu hanya dibenarkan sehingga 10%. Jadi, kalau pun ada pelabur asing yang ingin mengambil alih, maka tidak mungkinlah saya kira dengan pegangan 10% ataupun 30% keseluruhannya sudah dapat menguasai sehingga boleh melakukan apa sahaja yang mereka suka.

Begitu jugalah dengan TNB, bahkan pemilikan individu TNB hanya 5%. Jadi yang kita hendaknya ialah supaya kita mengimbangi semua ini. Akan tetapi ada juga peranan yang kita berikan kepada pelabur asing. Umpamanya kita berikan kebebasan syarikat-syarikat pengurusan dana, walaupun keseluruhan syarikat-syarikat dalam pasaran modal hanya dihadkan pemilikan kepada 49% sahaja. Bermakna mereka tidak akan dapat menguasai 60% di sana 70% di sini, kecuali ada lima buah syarikat pengurusan dana yang kita berikan 100%.

Kita beri juga lima buah syarikat asing pembrokeran, *brokerage 100%*. Ini adalah kerana kita hendakkan peranan asing ini. Kalau kita sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang begitu terbuka, 17 terbesar dalam perdagangan dunia, mempunyai pasaran modal yang agak stabil dan kukuh, kita juga ingin pelabur-pelabur asing datang. Kita tidak boleh ketepikan mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak sebut sedikit tentang masalah antarabangsa, ringgit ini yang di...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya telah meneliti undang-undang ini dan banyak daripada undang-undang yang dibuat ini adalah *disclosure based*. Maknanya mereka yang terlibat membuat *declaration* kepada kerajaan dan sekiranya mereka melanggar *declaration* tersebut, maka ada hukumannya dan sebagainya.

Ini sistem British, berbanding dengan sistem US di mana di sana undang-undangnya perlu jelas. Cuma satu sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kes syarikat dana asing tadi yang diberi lesen untuk beroperasi di Malaysia. Soalnya sekarang ini tanggungjawab siapakah akhirnya? Maknanya siapakah hendak dihukum akhirnya, sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini atau perkara-perkara yang melanggar undang-undang?

Oleh kerana *partner* utamalah, katakan firma pelaburan asing ini akan duduk di luar negara, dia tidak duduk di dalam negara. Jadi yang duduk dalam negara ini mungkin rakyat kita sendiri yang akan diberikan lesen. Mereka tidak boleh lari ke mana-mana, akan tetapi yang *partner* peringkat antarabangsa ini dia tidak boleh duduk di Malaysia dan bagaimanakah kerajaan boleh mengenakan tindakan undang-undang kepada mereka, sekiranya mereka tidak tinggal di dalam negara kita? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya dalam dunia hari ini, dunia yang begitu global dan hubungan yang begitu rapat di antara pengawal selia-pengawal selia di seluruh dunia bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi di negara-negara lain yang mempunyai hubungan apa sahaja.

Jenayah ataupun salah laku yang dibuat di satu-satu tempat sudah tentu akan dikesan dan akan diikuti dari segi kesan perundangannya sehingga di mana jua dia berada. Macamlah dulu kita dengar kes di Singapura, Nick Leeson dulu walaupun dia bukan rakyat Singapura tetapi akhirnya dia juga dibawa ke muka pengadilan. Begitu jugalah kita.

Juga perlu diingat oleh Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang besar-besar yang dipilih di seluruh dunia ini untuk diberi lesen lima kebebasan 100%. Ini adalah merupakan syarikat-syarikat antarabangsa, syarikat-syarikat yang besar. Mereka tidak mungkin untuk melakukan sesuatu yang tidak elok, yang serong, yang menentang undang-undang di satu-satu negara seperti Malaysia kerana reputasi dunianya, global *reputation* akan tergugat.

Jadi bukan sahaja orang tidak hendak menjalankan urusan niaga dengan mereka di Kuala Lumpur, tetapi barangkali dengan edaran, dengan publisiti yang dibuat bagaimana syarikat besar seperti ini boleh melakukan sesuatu yang tidak baik. Maka ini sudah tentu merupakan satu *punishment* yang lebih besar lagi. Akhir-akhirnya, barangkali kadangkala yang lebih berkesan ialah hukuman terhadap poket mereka, *where the money is, hit them where it hurts most you know, where the money is*, dengan izin.

Yang ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi tentang penyenaraian ataupun penswastan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Dia olah tentang dari segi... saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Dia ini saya rasa nampaknya lebih adil dari segi penghujahan dia. Dia ada menyokong kerajaan di mana yang wajar, langkah-langkah yang dibuat bukan seperti Yang Berhormat bagi Seputeh.

Yang Berhormat bagi Seputeh semua senarainya yang tidak kena, seolah-olah negara kita tidak pernah melakukan sesuatu yang baik. Saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Seputeh ini dari kecil sehingga besar tidak pernah pun mendapat kemudahan dari segi hasil negara kita, ataupun tiba-tiba sahaja dilahirkan menjadi seorang MP yang *oblivious* dengan izin, kepada apa yang dilakukan.

Tidak payah geleng kepalalah Yang Berhormat bagi Seputeh, *that's what you said*. Rekodnya *clear* dan seolah-olah apa yang Yang Berhormat bagi Seputeh cakap tidak cukup dia import lagi masuk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pergi baca ucapan yang sama. Ini yang menyebabkan saya rasa terkilan sedikit ini. Yang Berhormat bagi Seputeh ingat Yang Berhormat bagi Seputeh ini *quite smart*, tetapi dok pinjam ucapan orang ini buat apa? Oh, ho, ho, ho! ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah macam Yang Berhormat bagi Sri Gadinglah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sebab Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak ada. Saya hendak sebut dua pentinglah, dua penting. Kalau dilihat laporan *The Star* hari ini, baca *The Star*.

Siapa yang baca surat khabar *The Star* mengenai syarikat-syarikat yang dicadangkan untuk diambil *private, to take privatel* sebab tadi Yang Berhormat tanya, berapa syarikat dan sebagainya. Saya tengok di sini, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh. Tujuh syarikat dan kita tengok tadi saya sebut bahawa jumlah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur kita adalah 1,030.

Yang Berhormat, tujuh dibawa keluar daripada 1,030 satu perspektiflah yang kita kena ambil. Keduanya kalau kita mahu menggalakkan burung masuk ke sangkar, kalau kita tutup pintu dia, supaya burung tidak keluar, maka tidak akan ada burung lain yang dapat masuk. Tidak mungkin kita boleh mengharap burung masuk kalau kita tutup pintu kerana kita bimbang seekor burung di dalamnya keluar.

Ini Yang Berhormat bagi Kepong falsafah sedikit ya, bermakna kalau ada satu, dua hendak diswastakan biarlah Yang Berhormat bagi Kepong kerana kita mengharapkan kelebihan yang lebih besar.

Kalau kita mula menjalankan satu dasar Yang Berhormat bagi Kepong sebut tadi mengapa Kementerian Kewangan membenarkan Maxis ini diswastakan, seolah-olah besar dosa Kementerian Kewangan ini. Kalau kita ubah dasar keterbukaan kita ini Yang Berhormat bagi Kepong, tidak akan ada lagi syarikat-syarikat besar baik di dalam mahu pun di luar yang akan datang ke pasaran kita kerana dia tahu masuk sekali tidak boleh keluar selama-lamanya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya. Yang bermutukah? Yang tidak bermutu ini Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Kes burung di sangkar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Yang Berhormat bagi Kepong hendak tanya kes burungkah, kes apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kes burung di sangkar pun boleh, burung daripada Jerai, burung Merbok daripada Jerai.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sebutkan bukan sahaja kita tidak mahu orang diswastakan cuma saya menyeru supaya kita wujudkan suasana. Itu kenyataan saya supaya mereka yang buat penswastakan ini dapat kembali kepada bursa kita. Jangan dia lari daripada bursa kita seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Padang Rengas di dalam padang dia itu kadangkala dia tidak tahu apa yang dibuat.

Dia buat sesuatu bagilah swasta, tetapi orang lari. Kita tidak mahu meniru Yang Berhormat bagi Padang Rengas, tetapi Yang Berhormat bagi Bachok dia lebih waras, lebih rasional. Dia tuduh saya bersikap berpuak-puak, bukan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, tidak ada soalan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada, ada. Saya beritahu dia saya buat kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak beritahu bukan hendak minta penjelasan, beritahu?

Seorang Ahli: Tidak bermutu.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya sebenarnya hendak cuba percepatkan. Memang banyaklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berkaitan dengan burung?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Nanti, nanti, nanti ada...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal swasta tadi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ha, pasal swasta, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat. Saya pun bersetuju penswastakan dan penswastakan banyak menyelamatkan perbelanjaan negara, bayar gaji dan sebagainya. Akan tetapi adakah Yang Berhormat sedar juga kadang-kadang apabila telah diswastakan, apabila syarikat itu mengalami kerugian, kerajaan kena ambil balik syarikat itu, kena *bail out* balik syarikat itu. Yang untung dia ambil yang rugi dia serah kepada kerajaan.

Jadi, apakah ada sedikit perubahan dasar untuk memastikan orang yang bertanggungjawab, setelah dia menswastakan sesuatu projek kerajaan, dia kena bertanggungjawab. Kita lihat banyak Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat rugi tetapi pengerusi dan lembaga pengarah *filthy rich*, kaya raya, syarikat rugi. Kenapakah kita tidak hukum mereka ini kerana mereka telah menipu rakyat, menipu pemegang saham hanya untuk mengaut keuntungan. Jadi, adakah pihak kementerian juga mengawasi benda-benda macam ini Datuk?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, sebenarnya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini adalah begitu penting. Cuma sayangnya dia tidak berhubung kait dengan penswastan yang kita bincangkan pada hari ini.

Penswastan yang dimaksudkan di sini ialah daripada sebuah syarikat awam yang tersenarai di papan besar saham kita, *public company* dia *becomes a private company*. Maknanya dia dibeli balik daripada pemegang-pemegang saham dan dia jadi syarikat dia. Bukannya syarikat kerajaan. Ini tidak ada kena mengena dengan syarikat kerajaan yang diswastakan. *The privatization of public listed companies* yang saya sebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Akan tetapi Yang Berhormat ingat tidak UDA? UDA dulu syarikat kerajaan dipublic listedkan, kemudian kerajaan ambil balik. Sekarang ini menjadi UDA Holding balik. Jadi...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, dalam proses. Kalau itu betul. Itu dalam proses, tetapi ada tujuannya kerajaan berbuat demikian supaya kuasa-kuasa kerajaan dapat diberikan kepada syarikat milik kerajaan, bukannya kuasa-kuasa yang diberikan kepada syarikat swasta. Walaupun ianya merupakan *public listed company* tetapi dimiliki oleh swasta, lain. Dimiliki sektor swasta, bukan dimiliki oleh kerajaan. Kerajaan mungkin adalah syernya tetapi ini diswastakan, *taking private*, dengan izin, supaya boleh bagi kuasa-kuasa UDA dahulu untuk membantu membangunkan kumpulan bumiputera.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa dasar untuk melepaskan beberapa syarikat untuk disenaraikan di Bursa Saham luar negara itu adalah satu dasar yang baik untuk sekurang-kurangnya boleh memberi persepsi bahawa syarikat pelabur asing boleh masuk, tidak terkurung lagi.

Saya hendak tanya, bolehkah Yang Berhormat jelaskan motif dan faktor yang dikemukakan, misalnya oleh Maxis. Kenapa dia hendak senaraikan di luar negara? Adakah pasaran luar negara itu lebih menguntungkan ataupun masalah-masalah lain yang dihadapi oleh seperti syarikat-syarikat yang tersenarai ini?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah sebut tadi, bahawa Maxis ini bukannya hendak diswastakan di sini dan disenaraikan di tempat lain. Itu tidak betul. Itu yang diberitahu oleh Maxis sendiri secara rasmi ataupun tidak rasmi, bahawa mereka tidak akan ada rancangan untuk disenaraikan lagi. Apa yang mereka...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat sebut ada 11 syarikat lagi, 7...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Oh, 11 syarikat, bukan Maxis. Itulah sebabnya saya cakap tadi, saya pun tidak tahu sebab-sebabnya. Mungkin kadang-kadang dia rasa sebagai *technology company* dia mesti hendak berada di satu negara yang mungkin mempunyai hubungan ataupun suasana yang boleh memberi keuntungan kepada syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, yang jelas bagi saya, 11 syarikat ini tidak lari daripada bursa kita kerana tidak yakin kepada bursa saham kita. Ini kerana kalau yang lari, yang mestinya merupakan yang besar-besar, yang bagus-bagus, tetapi ini semua yang kecil-kecil sahaja. Dia pergi hendak senaraikan, bahkan prestasi saham pun kalau tengok di sini tidaklah begitu memberangsangkan, tetapi mungkin ada sebab-sebabnya yang tertentu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya saya dapat membuat sedikit *progress* di sini. Satunya dari segi pengantarabangsaan ringgit atau *internationalization of ringgit* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Puchong, sebab saya bimbang ini menimbulkan sedikit kekeliruan.

Jadi kalau diizinkan, boleh saya jelaskan dan ini mempunyai hubung kait dengan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani dari segi spekulasi dan sebagainya. Konsep *internationalization of ringgit*, dengan izin, ini adalah satu konsep yang relatif atau *relative concept*. Bermakna tidak ada satu-satu *currency* yang kosong dari segi *internationalization* ataupun 100% dari segi *internationalization*.

Saya hendak beritahu dalam ringgit kita ini, ringgit kita ini merupakan satu *currency* yang sudah pun *international* kalau kita kira dari segi perdagangan antarabangsa. Untuk kegunaan perdagangan antarabangsa, hendak jual ke, hendak beli ringgit ke, *any time, any day, any moment* boleh. Begitu juga untuk pelaburan, baik pelaburan asing hendak masuk, hendak keluar, baik dari segi FDI atau *foreign direct investment* ataupun yang berbentuk *portfolio investment*. Tidak ada masalah.

Orang asing boleh, bank-bank pula sekarang ini sudah dibenarkan dari segi perniagaan *foreign currency* ini tidak perlu ada *open position limit* lagi. Limitnya sudah dihapuskan. Cuma satu sahaja yang tidak dibenarkan oleh kerajaan iaitu dari segi penggunaan *external account* - akaun-akaun ringgit yang dimiliki oleh orang-orang asing dan *transfer balance* daripada satu *external account* kepada satu *external account* itu tidak dibenarkan. Langkah ini diambil semasa *exchange control* dahulu hingga sekarang. Yang lain kita sudah bebas. Saya rasa tidak ada masalah.

Cuma satu sahaja, dan satu inilah dikawal kerana inilah unsur-unsur spekulasi terhadap ringgit. Jadi apakah kita mahu buat hari ini, menimbang semata-mata untuk memenuhi semangat 100% *internationalization* ini, walaupun kesannya mungkin ada untuk kegiatan-kegiatan spekulasi dan ini termasuk juga dalam pasaran saham.

Ini kerana ringgit yang diubah-ubah itu ada hubungan juga dengan pembelian saham-saham oleh syarikat-syarikat asing seperti mana yang berlaku masa krisis kewangan dahulu. Dua-dua pasaran wang dan pasaran *stock market* kita *collapse* kerana spekulasi dan kerana *position* yang diambil oleh pelabur-pelabur bahawa ringgit akan jatuh seperti mana juga jatuhnya mata wang pada masa itu, mata wang di Thailand, Indonesia dan sebagainya.

Jadi, sebab itulah kita perlu berhati-hati dan banyak lagi soal-soal lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tetapi oleh kerana dia tidak ada, saya boleh teruskan.

Yang Berhormat bagi Rembau menimbulkan masalah latihan. Sebenarnya dia mahu tahu banyak latihan yang diberikan. Jumlah yang telah pun dilatih setakat ini seramai 12,467 orang. Pada tahun 2006 sahaja, 2,700 orang telah dilatih. Dari segi di luar bandar memang ada program-program latihan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini di luar bandar. Tahun 2006 sebanyak 389 program latihan dan di Negeri Sembilan sendiri, negeri Yang Berhormat bagi Rembau ini sebanyak tujuh program latihan yang telah dilakukan.

Dari segi pelaburan *internet*, *Swiss Cash* dan sebagainya, memang Suruhanjaya Sekuriti mengambil berat bahkan ada dalam *website* sekarang ini...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ha, Yang Berhormat bagi Rembau baru masuk. Saya dok tengah jawab soalan dia.

Disenaraikan 59 buah syarikat-syarikat yang mengamalkan pelaburan *internet* yang tidak diluluskan oleh SC. Jadi orang ramai diharapkan dapat melihat dan cuba mengelakkan diri daripada mengambil bahagian.

Satu masalah untuk mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat ini ialah kerana mereka ini merupakan syarikat-syarikat asing yang membuka *website* dia di luar-luar negara. Jadi susah kita hendak ambil tindakan. Namun begitu kita sedang bekerjasama dengan negara-negara luar supaya tindakan yang selaras dapat diambil...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi laluan sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Namun begitu, Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil satu sikap yang lebih proaktif iaitu pemantauan, untuk memastikan pada masa-masa akan datang tindakan yang lebih cepat dan lebih tegas di ambil, supaya orang awam akan dimaklumkan dengan lebih awal. Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal dengan Skim Cepat Kaya ini sebagaimana yang diutarakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rembau. Saya mahu minta sedikit penjelasan daripada pihak kementerian.

Setakat usaha kerajaan membendung ataupun menyekat pelabur-pelabur yang tidak sedar bahawa bahayanya melabur di dalam *website* ini. Bukan setakat untuk memberi kata-kata ataupun ucapan di peringkat media sahaja, tetapi saya bercadang supaya kementerian ini buat satu usaha yang betul-betul berkesan iaitu membuat satu kempen ataupun surat pekeliling kepada semua pejabat daerah, supaya rakyat atau penduduk-penduduk kita di kampung ini tidak terperangkap kerana skim ini memang cantik.

Ramai telah pun tertipu. Kalau mengikut di kawasan saya, saya sendiri pun tertarik juga apabila seorang itu menjemput saya untuk mengambil bahagian dalam pelaburan seperti ini, tetapi saya memang tidak percaya kerana tidak ada perniagaan di dunia ini yang memberi keuntungan dalam masa satu bulan 100%.

Kalau begitu Yang Berhormat, sukacita kalau pihak kementerian ini buat cara yang betul-betul dengan tegas, buat satu kempen ataupun surat pekeliling kepada semua peringkat di seluruh negara sebab ini masih ada lagi orang yang dikatakan temahak ini.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik, yang boleh kita pertimbangkan kerana ini entah bagaimana memang merupakan satu masalah. Apa yang lebih mendukacitakan, kebanyakan pelabur yang terjebak juga adalah mereka-mereka yang sebenarnya mempunyai ilmu pengetahuan, bukan mereka yang buta huruf. Saya difahamkan pegawai-pegawai, guru-guru dan sebagainya.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kerana apa? Kerana janji yang begitu menarik. Satunya pulangan yang begitu besar. Yang keduanya, tunggu sekejap ya Yang Berhormat bagi Rembau.

Yang keduanya ialah mereka tahu kadangkala ini skim yang tidak betul, tetapi ada di kalangan kita yang masih lagi bersifat bahawa *early bird catch the worm*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Makna dia nak masuk awal-awal ini, yang masalah belakang itu lain kiralah. Ha, ini masalah mentaliti kita. Jadi bukan soalnya mereka tak tahu. Bukannya soal mereka ini semestinya buta huruf.

Ada di kalangan ramai dan sebab itulah kadangkala kita tak dengar sangat sebab mereka dah malu, mereka malu. Bisik-bisik sahajalah dia kata, saya pun kena juga dia kata. RM3000 sana, RM2000 sini. Jadi, ini seharusnya merupakan tanggungjawab kita semualah. Yang Berhormat-Yang Berhormat bila balik kawasan hebah-hebahkanlah. Saya pun bimbang bila Yang Berhormat kata Yang Berhormat pun agak tertarik tadi.

Harap Yang Berhormat tak pernah masuk duit dan rugilah. Tertarik sahaja okey lah, tapi jangan kerana memang saya sering kali menasihati rakan-rakan, *if it is too good to be true* Yang Berhormat, *then it is not true*. Mana ada satu skim yang memberi pulangan yang begitu banyak sehingga dua tiga bulan dah boleh balik modal. *It isn't true*, orang kata. Jadi kita kena sama-sama hebahkan. SC iaitu Suruhanjaya Sekuriti, saya rasa akan cuba melihat bagaimana kempen-kempen ini dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan perkara ini sebab saya pun ada ditawarkan tetapi bukanlah secara *direct* tetapi melalui orang ketiga.

Malah depa bagi tahu dia kata, kalau Yang Berhormat tak nak pun tak apa. Pinjam sahajalah, untung bagi kat saya kata dia. Jadi saya kata, saya ini kerja di PNB dahulu. Jadi yang paling baiknya saya kata melaburlah dalam institusi yang diluluskan oleh kerajaan seperti PNB yang ada sepuluh saham amanah dan tempat-tempat lain.

Akan tetapi kalau perkara ini tak dibendung, saya bimbang pasal apa, dia dah menular kepada jabatan-jabatan kerajaan seperti kata Timbalan Menteri tadi. Jikalau boleh, mungkin satu usaha yang bersepadu dan bersungguh-sungguh perlu dijalankan selain daripada memberi penerangan untuk mengingatkan mereka yang bakal jadi mangsa ini supaya tidak terpedaya. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, itu kita akan terima pandangan itu dan lihat bagaimana kita dapat memperkukuhkan lagi usaha untuk membanteras usaha-usaha seperti ini.

Saya ingin meneruskan Yang Berhormat dari Seputeh saya dah jawab tadi, Yang Berhormat bagi Kepong selain daripada Maxis yang saya sebut, Yang Berhormat bagi Kepong juga ada membangkitkan tentang perlunya kita mempertahankan kedudukan kita dalam pembangunan pasaran modal Islam.

Saya setuju kita seharusnya bersetuju dengan hasrat tersebut, matlamat tersebut kerana kita sememangnya berada jauh ke hadapan dan kita mahu supaya kelebihan kita ini berbanding dengan negara-negara lain akan dapat terus dipertingkatkan. Kita lihat beberapa pembangunan yang baik umpamanya dalam pasaran saham kita dari segi yang tersenarai, 85% sudah pun patuh kepada syariah.

Kita juga lihat dari segi Dana Amanah Islam daripada dua sudah jadi seratus. Kita lihat dari segi pengeluaran bon pada tahun 2006, RM75 bilion, hampir separuh bahkan lebih dari separuh sebenarnya, RM42 bilion adalah merupakan Sukuk dan ini adalah usaha-usaha yang kita akan pastikan. Kerajaan pasti akan berusaha apa juga untuk memastikan posisi kita sebagai yang terulung dalam pembangunan kewangan Islam ini akan dapat dikekalkan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menyebut tentang penggunaan teknologi, betapa pentingnya teknologi ini dipertingkatkan. Inilah juga sebahagian daripada usaha yang dibuat dalam rang undang-undang ini supaya penggunaan teknologi ini yang terbiar sebelum ini, yang tidak dimasukkan dalam kawal selia Suruhanjaya Sekuriti sekarang sudah pun ada, sudah pun didaftarkan. Sudah dapat diberi tumpuan, dapat dipertingkatkan. Pada masa yang sama menyekat apa-apa *loop holes*, dengan izin, yang boleh menimbulkan masalah kepada pelabur-pelabur.

Dari segi cadangan Yang Berhormat bagi Kepong, sebanyak 12 yang saya catit semua ini memang boleh dikatakan adalah cadangan yang bermutu. Saya boleh kata itu walaupun Yang Berhormat bagi Padang Rengas tak ada, cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Kepong yang 12 ini adalah cadangan yang bermutu. Kita akan melihat bagaimana sesetengahnya, saya rasa setengahnya sudah pun dilaksanakan. Mungkin dapat dipertingkatkan lagi.

Yang Berhormat bagi Jerai juga setuju pengemaskinian pasaran modal cuma jaga kepentingan pelabur-pelabur minoriti. Kita ada *minority shareholders watchdogs*, dengan izin, yang akan melihat bagaimana kepentingan mereka terjaga. Begitu jugalah dengan keperluan yang ditetapkan oleh kerajaan dari segi *corporate governancenya*, dari segi ketelusannya, dari segi peranan *independent directorsnya*. Ini semua untuk mewujudkan satu pasaran yang lebih dipercayai, lebih diyakini dan kurang mempunyai ruang-ruang untuk disalahgunakan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: [Bangun]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tentang Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya dah jawab setengahnya berhubung dengan Yang Berhormat bagi Seputeh tadi. Jadi itulah sahaja jawapan saya. Saya ingat Yang Berhormat bagi Rembau pun dah banyak dah, cukuplah tu. Yang Berhormat bagi Rembau pun dah banyak kali dah. Saya bagi ruang semuanya kecuali yang ini. Jadi saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 394 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHAJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini akan merupakan satu pembentangan yang ringkas kerana sebenarnya ini adalah merupakan satu pindaan yang *consequential*, dengan izin.

Cadangan Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 adalah perlu berikutan cadangan rang undang-undang pasaran modal dan perkhidmatan 2007 serta mengadakan pindaan berkaitan yang perlu bagi memastikan kesinambungan undang-undang pasaran dan perantara dalam pasaran modal. Pindaan yang dicadangkan kepada SCA ini, adalah penting memandangkan peruntukan Bahagian IV SCA sedia ada telah dipindahkan kepada Bahagian VI, Rang Undang-undang PMP 2007.

Oleh sebab pemindahan ini, maka kita perlu membuat pindaan. Salah satu objektif Rang Undang-undang PMP 2007 adalah untuk menyediakan satu akta yang menyeluruh berkenaan pasaran dan perantara pasaran. Bersesuaian dengan objektif ini, pemindahan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan penjaan modal dari SCA ke dalam Rang Undang-undang PMP 2007, adalah wajar dan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah pindaan berbangkit yang bertujuan untuk mengemas kini SCA di samping menyelaraskan pemakaian SCA dengan Rang Undang-undang PMP 2007. Atas persetujuan ini, antara pindaan yang dicadangkan adalah pemotongan takrif-takrif seperti berdagang, debentur, disenaraikan dan institusi berlesen dalam seksyen 2, SCA yang mana tidak lagi terpakai.

Di samping itu, takrif-takrif seperti “bursa niaga hadapan” dan “bursa saham” adalah dipinda dengan merujuk kepada sebutan tersebut dalam Rang Undang-undang PMP 2007 untuk menyelaraskan kedua-dua rang undang-undang ini.

Selaras dengan pengenalan peruntukan di bawah fasal 34, Rang Undang-undang PMP 2007, yang membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mendaftarkan suatu kemudahan elektronik seksyen 24, SCA adalah dicadangkan untuk dipinda dengan memperkenalkan subseksyen (2A) yang membolehkan menteri mengenakan levi untuk aktiviti tersebut.

Pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 128 dengan memasukkan sub perenggan (1)(d) yang baru ke dalam seksyen ini. Kemasukan baru ini akan membolehkan SC menahan kesemua atau mana-mana orang yang didapati berada di premis yang diperiksa untuk memberi kesan kepada pemeriksaan premis itu.

Seksyen 150A yang baru dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam SCA sedia ada. Peruntukan baru ini memperuntukkan bukti yang boleh diterima yang diperoleh melalui bantuan pihak berkuasa pengawalseliaan asing ke dalam mahkamah tempatan.

Seksyen 152A yang baru ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam SCA sedia ada. Peruntukan baru ini akan membenarkan SC menerbitkan apa-apa maklumat yang dirasakan perlu untuk kepentingan awam atau untuk perlindungan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan di atas, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan bagi menyelaraskan penggunaan terma di dalam peruntukan-peruntukan SCA memandangkan Bahagian IV, SCA akan dipotong dan dipindahkan ke Bahagian VI, Rang Undang-undang PMP 2007.

Pindaan SCA ini adalah berkaitan dan berikutan dengan penggubalan Rang Undang-undang PMP 2007, yang merupakan satu langkah penting dalam membawa pasaran modal Malaysia setaraf dengan *standard* antarabangsa. Pindaan ke atas ACA adalah wajar dan perlu untuk mengelakkan pertindihan dan membolehkan kesinambungan peruntukan-peruntukan undang-undang pasaran dan perantara pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

4.55 ptg.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tidak mahu panjangkan cerita ini kerana saya mahu menyokong rang undang-undang ini dan cerita ini kerana saya mahu menyokong rang undang-undang ini sebagai suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Hanya persoalan saya ialah mengenai seksyen baru 150A yang mana ialah berkaitan dengan kebolehterimaan keterangan yang diperoleh melalui bantuan daripada pihak berkuasa penyelia asing dan beberapa perkara-perkara yang berikutnya akan saya nyatakan di sini. Ini ialah kerana kalau kita lihat baru-baru ini, saya tidak mahu sebut kes-kes, kerana kes-kes itu sedang berjalan di mahkamah untuk mendapat keterangan dari luar negara.

Umpamanya sekiranya berlaku kes-kes jenayah, misalnya. Jenayah maksud saya dalam erti kata penipuan, ataupun dalam hal *corruption* dan sebagainya yang akan mungkin berlaku. Apakah keterangan-keterangan dari luar negara tadi dapat diterima sebagai pengesahan bahawa ia boleh diterima? Padahal dalam hal ini, saya percaya, saya tahu maksud di sini, ialah mengenai kalaulah kita ambil seksyen 150A(1) yang mana dikatakan:

“Jika seorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya semasa penyiasatannya memperoleh keterangan, lisan ataupun dokumentar, melalui bantuan yang diperoleh daripada pihak berkuasa menyelia asing, keterangan itu boleh diterima sebagai keterangan *prima facie*”.

Bagaimana sekiranya kalau kita ambil pula 5(a), 5(b) dan 5(c), sekiranya dia tidak dapat pengesahan daripada sama ada pihak berkuasa sesebuah negara asing itu? Bagaimanakah kedudukan selanjutnya? Boleh atau tidak dia diterima sebagai kes *prima facie*?

Selain daripada itu ialah perkara 5, hanya kita kata di Republik Singapura, di England, di Scotland, Ireland atau Kepulauan China dan mana-mana tanah jajahan pulau atau tempat di bawah penguasaan atau bidang kuasa atau perlindungan baginda Ratu Britain di hadapan mana-mana hakim mahkamah dan sebagainya.

Jadi, persoalan saya di sini, bagaimana dengan negara-negara lain? Misalnya negara-negara ASEAN misalnya. Apakah kita sudah ada perjanjian dengan pihak negara-negara tersebut untuk boleh kita dapat keterangan-keterangan sekiranya berlaku sebagai kes jenayah atau *fraud* dalam sesetengah kes?

Di samping itu juga perlu saya mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti, apakah sekiranya seseorang itu melakukan jenayah, maksud saya jenayah di dalam sekuriti, apakah harta-harta mereka akan terus dibekukan oleh pihak sekuriti sendiri, kerana kalau kita lihat dalam undang-undang kes dadah ataupun buat kes dadah dan sebagainya, pihak kerajaan berhak untuk kita panggil membeku segala aset mereka.

Selain daripada itu, ingin juga saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengenai dengan rekod-rekod yang diperoleh di negara-negara tersebut selain disebut di dalam seksyen 150A(1) tadi, boleh juga dipakai walaupun kita tidak ada apa-apa persetujuan dan sebagainya.

Bagaimana pula sekiranya kes-kes jenayah itu berlaku di pasaran kita dan juga di pasaran luar negara yang mana kita juga ada hubungan? Apakah ini juga, kalau orang di Malaysia dikehendaki oleh pihak sesebuah negara itu, dan apakah kedudukan kita di Malaysia sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sekian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, kerana membawa isu-isu yang sememangnya merupakan isu-isu yang relevan kepada penambahan peruntukan semasa kita meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti ini, iaitu untuk memudahkan penyiasatan dan tindakan di ambil terhadap mereka yang didapati melakukan kesalahan mengikut undang-undang kita.

Jadi, pada hari ini tanpa peruntukan tersebut memang perkara ini menyulitkan. Kita tidak dapat menggunakan *evidences* dan keterangan yang diberikan oleh pengawal selia yang dibuat di negara-negara lain. Kadangkala untuk mereka datang ke sini juga agak rumit kerana tanggungjawab mereka dan sebagainya. Ada sebelum ini, yang dibuat ialah dengan menghantar pegawai-pegawai pemeriksaan kita ke negara asing dan berada di *embassy* kita, barulah kita boleh panggil mereka dan ini semua menyulitkan.

Hari ini sebenarnya hubungan antara pengawal selia adalah cukup baik. Yang Berhormat ada menimbulkan kalau pengawal selia di luar tidak memberi kerjasama, maka saya rasa ini akan menyusahkanlah. Kalau dia tidak hendak bantu memang susahlah kita, tetapi kita tidak nampak bagaimana mereka tidak hendak bantu kerana mereka sendiri pun macam kita juga.

Kalau kita dapati ada kesalahan, ada penipuan yang dilakukan oleh seseorang individu, baik rakyat kita mahupun rakyat mereka, sudah tentu kita hendak cuba atasinya. Kita tidak mahu berdiam diri kecuali tidak dibenarkan oleh undang-undang. Jadi, hari ini kita membuat peruntukan dari segi undang-undang supaya kita boleh menggunakan kerjasama pengawal selia daripada negara-negara lain yang mana keterangan mereka, dia boleh bagi dan boleh diterima pakai dalam mahkamah.

Tentang harta sama ada ia boleh dibekukan. Ya, memang harta ini boleh dibekukan di bawah Undang-Undang Sekuriti dan juga bukan sahaja di bawah Undang-Undang Sekuriti Dana ini tetapi juga di bawah Undang-Undang Anti *Money Laundering*, wang haram. Jadi, saya rasa kita ada beberapa akta yang boleh mengambil tindakan untuk membekukan harta-harta penjenayah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEWANGAN PERDAGANGAN ISLAM ANTARABANGSA 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 dibentangkan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan khusus bagi mengiktiraf Penubuhan Perbadanan Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Islamic Trade Finance Corporation* atau ITFC, di bawah Bank Pembangunan Islam iaitu IDB, melalui perjanjian penubuhan ITFC.

Langkah itu akan membolehkan Malaysia memperoleh kerusi dalam Lembaga Pengarah ITFC. Pada masa yang sama Asia juga telah menjemput IDB untuk membuka pejabat cawangan ITFC di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga Gabenor, IDB ke-31 di Kuwait pada 30 Mei 2006 telah bersetuju untuk menubuhkan ITFC. Malaysia telah menandatangani perjanjian pertubuhannya pada akhir mesyuarat dan pada 6 Februari 2007 telah mengesahkan perjanjian tersebut.

Berdasarkan Artikel 53 perjanjian ITFC, Malaysia perlu meratifikasikan kandungan perjanjian mengikut peruntukan perundangan Malaysia dan telah mengambil langkah-langkah bagi memenuhi obligasinya dalam perjanjian ITFC. Sehubungan dengan itu, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 telah digubal bagi memenuhi keperluan ITFC.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 ataupun ITFC Act 2007, mengandungi enam fasal dan peruntukan-peruntukan utama adalah seperti berikut:

Fasal 1 merupakan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.

Fasal 2 merupakan tafsiran-tafsiran dalam akta.

Fasal 3 bertujuan untuk memberikan ITFC keperibadian juridikal dan keupayaan undang-undang yang perlu, bagi membolehkannya menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi-fungsinya menurut perjanjian. ITFC hendaklah mempunyai keupayaan untuk mengikat kontrak, memperoleh, memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih dan memulakan prosiding undang-undang.

Fasal 4 bertujuan untuk memberikan Menteri Kewangan kuasa bagi pihak kerajaan Malaysia untuk melanggan saham ITFC tidak melebihi USD30 juta. Melanggan saham tambahan selaras dengan peningkatan modal saham dan menambahkan syer-syer kerajaan atas permintaan kerajaan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada ITFC hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Semua wang yang kena dibayar kepada ITFC bagi pembelian saham modal, penambahan saham modal atau apa-apa jumlah yang dijadikan deposit dengan ITFC, serta semua jumlah wang yang kena dibayar di bawah mana-mana peruntukan selain, perjanjian-perjanjian akan dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua wang diterima oleh atau bagi pihak kerajaan dari ITFC hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Peruntukan-peruntukan yang disediakan di dalam Akta ITFC 2007 adalah sejajar. Peruntukan perundangan bagi menguatkuasakan keahlian Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 7, Artikel Perjanjian ITFC juga menetapkan bahawa Malaysia sebagai ahli perlu memberi keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada ITFC, pengerusi, lembaga pengarah, ketua pegawai eksekutif dan kakitangannya. Keistimewaan kekebalan ini termasuk keistimewaan pengecualian cukai, bebas daripada kawalan modal dan kemudahan perjalanan.

Manakala kekebalan ITFC termasuk kekebalan arkib, kekebalan dari sebarang tindakan undang-undang ke atas perbadanan ITFC serta kakitangan ITFC semasa menjalankan tugas dan kebal dari perampasan hartanah dan aset. Tindakan undang-undang hanya boleh diambil di mahkamah yang kompeten.

Walau bagaimanapun, keistimewaan dan kekebalan ini akan disediakan melalui peraturan dalam Akta Pertubuhan Antarabangsa Keistimewaan dan Kekebalan 1992, ataupun *International Organization Immunities and Privileges Act 1992*. Sekiranya masih terdapat kekurangan dalam peraturan berkenaan khususnya mengenai pengecualian cukai, Perbadanan ITFC boleh membuat permohonan pengecualian cukai melalui peruntukan seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan keahlian penuh Malaysia dalam ITFC memerlukan penguatkuasaan artikel perjanjian ITFC dalam sistem perundangan Malaysia sama seperti peruntukan perundangan bagi organisasi antarabangsa yang lain. Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 digubal untuk membolehkan ITFC beroperasi dan untuk Malaysia melanggan saham dalam ITFC.

Akta tersebut juga memperuntukkan supaya jumlah yang kena dibayar kepada ITFC dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang yang Disatukan dan apa-apa wang yang diterima dari ITFC kepada Malaysia dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang yang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa dan untuk membolehkan kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

5.12 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ringkas kerana saya turut hendak menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007. Cuma perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kuasa untuk memohon beli syer dalam saham modal perbadanan.

Perkara pertama yang saya ingin bangkitkan di sini ialah, mengenai dengan amaun sama nilai dengan 30 juta dolar Amerika. Mengapa maksimumnya tidak melebihi amaun 30 juta dolar Amerika. Mengapa tidak 60 juta, mengapa tidak 100 juta? Soalnya. Jadi apakah dalam masa yang sama sekiranya perbadanan ini hendak memasuki pasaran antarabangsa, umpamanya dalam kes membeli hartanah di luar negara daripada Malaysia, apakah ia dibolehkan oleh pihak kerajaan dalam hal ini? Apakah kaitannya juga perbadanan ini misalnya dengan *rate*? Apakah ini juga akan dijalankan melalui perbadanan ini kerana keuntungannya agak luar biasa sekali?

Perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan ialah Perkara 5(2) semua jumlah wang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar dalam dolar Amerika Syarikat. Soalnya mengapa dolar, mengapa tidak euro? Mengapa tidak dinar misalnya? Jadi mengapa soal dolar ini, pihak kita negara Islam seolah-olah amat berpegang teguh kepada dolar Amerika? Apakah tidak pasti bahawa dolar juga akan turun buat satu hari nanti? Itu persoalan saya. Terima kasih saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

5.14 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap sedikit soal Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa.

Kita mendengar tadi rumusan ataupun sebab-sebab kenapa undang-undang ini diluluskan dan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dengan kerajaan-kerajaan Islam lain yang bersetuju di Kuwait pada suatu ketika dahulu. Tapi apa yang tidak jelas kepada kita ialah penjelasan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen itu memang tidak jelas, yang pertama.

Yang keduanya, banyak dalam perundangan ini merujuk kepada perjanjian dan perjanjian ini telah tidak dihantar ke Parlimen untuk kita melihat apakah yang disebut dalam perjanjian-perjanjian itu? Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua kita bersetuju bahawa pasaran Islam sama ada daripada sumber kewangan dan kewangannya memang besar di seluruh dunia. Bahkan bukan di negara Islam sahaja, di Amerika telah tertarik dengan perbankan Islam dan sebagainya.

Apabila kita berjumpa dengan pihak Amerika, mereka hendak mengetahui sistem Islam yang telah diperkenalkan itu, dan di negara Kuwait yang telah mempelopori idea perbankan Islam ini dahulu daripada kita sebenarnya dan telah memecah pasaran antarabangsa dan telah cuba pergi ke negara barat. Jadi perjanjian ini adalah salah satu daripada susulan daripada persetujuan di bawah OIC mungkin, oleh kerana kita tidak mengetahui untuk memperkukuhkan lagi perbankan Islam antarabangsa supaya boleh diguna sebagai satu *financial* alternatif di seluruh dunia.

Umpamanya di Amerika, mempunyai pasaran ada hubung kait dengan Islam dan di mana-mana sahaja di Eropah, di Amerika, di England dan sebagainya bahkan di Australia dan New Zealand mempunyai masyarakat Islam yang besar. Mereka ini telah berminat mencari perbankan ataupun sistem alternatif untuk diguna pakai. Maknanya dengan itu, bahawa berapa bilion masyarakat Islam sedunia di mana-mana sahaja mereka berada ingin mencari perbankan alternatif ini untuk diguna pakai.

Akan tetapi dalam perjanjian ini kita nampaknya masih tidak mengetahui apakah yang disebut dalam perjanjian ini. Di sini kita melihat bahawa perbadanan ini dibenarkan hanya oleh USD30 *million*. Jadi dibaca oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi saya baca yang bahasa, tapi yang dia baca akronim dalam bahasa Inggeris yang digunakan mungkin sesuaikan diri dalam bahasa Inggeris oleh kerana penggunaan bahasa Inggeris antarabangsa.

Jadi persoalan kenapa USD30 *million*. Adakah USD30 *million* ini yang dibolehkan tiap-tiap ahli, tiap-tiap *party to the agreement*. Umpamanya negara Malaysia kalau dia *subscribe* kepada syer itu, adakah maksimum hanya dibenarkan hanya 30 juta ini? Adakah ini disyaratkan di bawah *agreement*. Kalau disyaratkan di bawah *agreement* dan penekanan yang telah dibuat di bawah undang-undang ini hanya kebenaran tiap-tiap negara hanya melabur sebanyak itu.

Jadi kalau sudah ditentukan pelaburan *state* itu maknanya teramat kecilah dananya melainkan kita mengetahui dalam *agreement* itu, berapa banyak negara yang menjadi *party to that agreement*. Berapa buah negara seluruh dunia yang telah menjadi *party to the agreement*. Kalau ada 50 lebih negara Islam seluruh dunia umpamanya menjadi *party to the agreement*, kalau 30 juta itu *united state* dikalikan dengan yang ini mungkin dananya begitu mencukupi untuk urusan perbadanan ini.

Jadi ini juga kita tidak mengetahui. Bagi kita *on the face of this* undang-undang di permukaan undang-undang ini ataupun di kertas yang tertulis undang-undang ini sedikit sahaja yang boleh kita lihat. Yang ada hanyalah memberi kebenaran kepada Kerajaan Malaysia mengeluarkan sumber kewangan tidak melebihi 30 juta dolar untuk dilaburkan dalam satu perbadanan dan perbadanan akan diwujudkan sebagai entiti yang boleh memegang pelaburan. Ini sahaja yang kita tahu kalau dilihat daripada undang-undang ini.

Jadi, saya berharap Setiausaha Parlimen nanti yang jauh lebih mengetahui dari kita di sini berhubung dengan Undang-undang Perbadanan Islam Antarabangsa ini memberi penjelasan sedikit, soalan berapa banyak *party to the agreement* dan apakah benda-benda yang disebut dalam ini yang diusul dalam ini mengatakan syarat-syarat dalam *agreement* itu yang perlu dipenuhi oleh pihak kita?

Oleh kerana dalam itu ada menunjukkan artikel-artikel dalam *agreement*. Artikel 10 umpamanya, Artikel 10(1), 10(3), Artikel 11 *agreement* semua disebut tetapi Artikel 10 dan 11 semua ini kita tidak tahu apa benda itu. Ada disebutkan, sub *paragraph* 2B, of *practical 'A' of the agreement*. Dalam undang-undang ini malangnya juga tidak diberi penjelasan.

Maknanya pejabat AG sepatutnya memberi penjelasan yang lebih jelas lagi kepada pihak Parlimen kerana janganlah pihak Parlimen ini melihat meraba-raba dalam kegelapan kerana penjelasan yang kurang jelas diberi. Sepatutnya penjelasan di belakang ini telah cukup memberi pengenalan kepada kita apakah *agreement* ini, apakah artikel itu dan yang perlu kita patuhi. Kalau tidak, kita di Parlimen meluluskan benda yang kita tidak tahu. Ini yang menjadi suatu masalah Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya walau bagaimanapun, saya menyokong undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

5.21 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil masa sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya pelaburan kita dalam IFC ini maksimumnya USD30 juta. Cuma saya hendak tahu dari segi perbadanan ini, Perbadanan Kewangan Islam ini apakah tujuan matlamat ditubuhkan ini dan penglibatan kita? Pelaburan-pelaburan yang kita masuk ini adakah ia juga akan menolong membantu negara-negara Islam untuk membangunkan ekonomi, kerana kita sedar banyak negara Islam di dalam OIC adalah negara-negara miskin?

Apakah perbadanan kewangan ini ingin menggunakan pelaburan-pelaburan yang kita masuk dan sebagainya ini untuk membantu ekonomi negara-negara Islam yang miskin dan kita lihat kewangan Islam ataupun perbankan Islam yang ataupun apa jua program untuk kewangan Islam Malaysia hari ini berjaya. Kita lihat bukan sahaja umat Islam yang melabur ataupun melibatkan diri dalam perbankan Islam tetapi juga orang bukan Islam dan bukan sahaja orang Melayu tetapi juga orang bukan Melayu termasuk Kepong, termasuk semua, kita melibatkan dalam perbankan Islam.

Ini menunjukkan bahawa perbankan Islam ini sudah boleh diterima dan ia cukup adil, tanpa riba dan juga tidak menekan kepada seseorang untuk mendapat pinjaman dan juga mendapat sumber kewangan untuk memajukan perniagaan mereka. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen perendangkan sedikit lagi.

Apakah Perbadanan Kewangan Islam ini yang ditubuhkan? Apakah sumbangan-sumbangan dan pulangan balik kepada pelaburan ke dalam perbadanan ini? Pelaburan dalam tabung ini kita hendak tahu juga. Pulangan ini sudah tentu akan menguntungkan kerajaan tetapi kalaulah ia merugikan, jadi macam mana pula?

Inilah dua perkara yang saya harap mendapat penjelasan dan saya berharap mengambil kesempatan untuk perbankan Islam dan kita lihat hari ini banyak negara-negara Islam macam Kuwait Finance House. Apa semua itu sudah masuk ke Malaysia untuk melabur dan juga memberi pinjaman secara ala Islam? Apakah perbadanan ini ataupun ITFC ini juga dapat membantu Malaysia dari segi pertumbuhan ekonomi? Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong mahu cakap juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Kepong.

5.24 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tadi ada sebutkan bahawa kita di Malaysia ini mempunyai kelebihan di dalam kewangan Islam sama ada perdagangan ataupun bank. Saya mahu semua pihak terutamanya kerajaan mengekalkan keadaan ini supaya kita di dalam *banking*, di dalam kewangan, di dalam saham dan bursa Islam dan sebagainya memainkan peranan yang lebih aktif dalam negara ini kerana ada negara-negara yang lain termasuk Singapura.

Singapura dia hendak mengkaji macam mana dia dapat menceburkan diri dengan lebih di dalam bidang ini. Jangan kita ikut Arau atau Jerai sahaja kerana kadang kala langkah itu mundur sedikit... [Disampuk]

Tangga Batu itu... Saya berharap pihak kerajaan dapat sentiasa berhati-hati supaya kita jangan hilang peranannya di dalam bidang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua, apakah jumlah yang terlibat dengan penubuhan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa ini? Apakah jumlah wang yang terlibat dan juga sedikit sebanyak, kita boleh terangkan secara ringkas, macam mana kita dapat mewujudkan satu transaksi tanpa riba, *miser* dan tanpa gara? Gara itu ambiguiti.

Ini memang penting kerana apa berbezaan di antara perbankan tradisional dengan perbankan Islam itu adalah riba, *miser* dan gara. Ketiga-tiga elemen ini yang perlu diserapkan di dalam sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Kepong. Sedikit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, baik, baik, baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menyebut sistem itu saya memang antara yang berminat dengan sistem dan saya percaya sistem ini akhirnya akan membentuk budaya perkhidmatan dan budaya pengeluaran.

Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat pada awal 80-an minta penjelasan sedikit, awal 80-an apabila kerajaan ketika itu memperkenalkan dasar islamisasi kepada terutama sekali perkhidmatan-perkhidmatan perbankan dan perdagangan. Ada pihak-pihak yang mengutarakan bantangan terutamanya pihak pembangkang ketika itulah daripada kumpulan-kumpulan Yang Berhormat juga.

Hari ini ia telah mendapat penerimaan apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu seperti biasalah itu Tangga Batu dia kurang faham sedikit... [Ketawa] Kerana berbatulah, susah sedikit. Apa yang kita mempertikaikan masa dahulu itu kerana semangat di dalam perlembagaan kita. Kita ikut perlembagaan daripada laporan writ sampai termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat bagi Tangga Batu itulah yang dipertikaikan.

Kalau kita hendak gunakan sistem tanpa riba, tanpa *miser*, tanpa gara untuk perbankan itu tak salah bahkan juga itu satu kelebihan. Kalau dunia ini bukan di dalam perbankan Islam di Malaysia pun kebanyakannya bukan Islam yang menggunakan itu. Tanya sekarang Arau ataupun Jerai. Memang mereka tahu juga itu, kebanyakan itu bukan Islam. Jadi ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan buruk Kepong kepada Tangga Batu, juga Arau dan Jerai. Saya mengamalkan perbankan Islam kerana perbankan Islam telah kita tahu bahawa kita akan ketepikan semua yang miskin itu dia tidak ada bank akaun, dia hendak berniaga dan hendak urus dengan bank macam mana?

Saya tanya Yang Berhormat satu lagi apakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan cadangan tambahan saya supaya kita lihat hari ini bahawa negara-negara Barat memandang begitu hina dan rendah kepada negara-negara Islam dan kadang-kadang mengangapkan bahawa kita ini pengganas dan sebagainya.

Jadi dengan keadaan sedemikian, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan kita supaya kita mempengaruhi negara-negara Islam yang kaya, dunia-dunia Arab yang kaya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang terhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Supaya dia datang melabur di Malaysia dan ini akan menguntungkan dan akan menambahkan pertumbuhan ekonomi negara kita daripada mereka melaburkan di negara-negara Barat apabila berlaku sesuatu dan tidak bersetuju dengan dasar Kerajaan Amerika.

Amerika akan bekukan mereka punya *investment* di negara tersebut. Ini adalah satu penganiayaan kepada dunia Islam yang melabur di negara mereka. Saya kira Malaysia, kita tidak akan membekukan aset atau pun kewangan yang dilaburkan di dalam negara kita ini. Yang Berhormat setuju dengan saya tidak Yang Berhormat?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang pada satu sudut itu Yang Berhormat bagi Jerai itu ada munasabah sedikit, tapi saya berharap Yang Berhormat bagi Jerai dapat memahami keadaan ekonomi, keadaan perbankan antarabangsa. Siapa yang benar-benar memegang teraju? Siapa yang mempunyai pengaruh yang hebat dan sebagainya?

Bahkan saya juga diberitahu bahawa sekarang tidak kira bangsa mana. Kalau daripada Malaysia, kita hendak mohon visa untuk forum, untuk apa susah, paling susah. Tidak kira dia nampak Malaysia sahaja, dia kata, "Ini Islam punya fasal tidak benarkan masuk." Bukan saja daripada orang Islam, bukan Islam pun kalau dia tengok itu passport Malaysia, susah sekali... [Ketawa] Memang susah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi ini menunjukkan bahawa negara-negara terutama sekali Amerika, Australia kadang-kadang kita, tambah di Australia kadang-kadang kita masuk dia guna anjing untuk cek beg kita, lepas anjing. Tidak apalah Yang Berhormat dengan anjing okey, boleh berkawan, tapi kami yang Islam tidak boleh berkawan dengan anjing, dia kena samak...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tapi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi apabila negara Barat melihat negara Islam tetapi dalam masa yang sama mengambil duit negara-negara Islam dan negara Islam pula pergi melabur pula di negara itu...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia memang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan Amerika, kita lihat Amerika dia negara yang deposit yang cukup duit tetapi menggunakan duit negara-negara lain untuk *rolling*...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan gunakan duit itu untuk membiayai peperangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang Tuan yang di-Pertua, yang penting kita hendak, kerana masa yang melarut dan kita hendak singkatkan ucapan saya ini dan saya bercadang supaya Yang Berhormat bagi Arau bukan Arau tetapi sekarang Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Arau memang dia senyap sahaja, dia senyum dan senyap sahaja... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan libatkan orang yang tidak ada kena mengena.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya tahulah itu. Yang Berhormat bagi Jerai ini, kadang kala dia tidak faham sedikit kewangan antarabangsa.

Pihak Amerika Syarikat, pihak barat memang kerana tradisi yang lama, dia tahu macam mana hendak menarik pelabur. Termasuk daripada negara-negara yang mengeluarkan minyak yang banyak, Saudi Arabia, Jordan dan sebagainya, negara-negara Islam. Walaupun apa yang kita buat, kebanyakan wang akan pergi ke Amerika Syarikat. Dia memang buat macam itu setakat ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua kerana masa kita singkat. Yang Berhormat kena sedar, hari ini negara kaya macam Saudi Arabia, Kuwait dan sebagainya yang kaya dengan minyak, berhutang dengan Amerika, kerana Amerika mencipta peperangan di negara tersebut. Kemudiannya dia hantarnya kapal terbang, dia hantarnya peluru, di hantarnya semua ke negara tersebut atas alasan hendak mempertahankan negara tersebut dan akhirnya negara tersebut berhutang.

Begitu juga di Iraq, negara yang aman damai yang dahulu bertamadun yang cukup tinggi tetapi Amerika dan Britain mencipta huru-hara dan memasuki negara tersebut dan mengaut keuntungan daripada negara tersebut. Ini adalah penyangak dan penyamun yang menyamun hak rakyat di negara-negara tersebut. Jadi sekarang ini kita ada euro, saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Kita ada dinar, mengapakah kita hendak gunakan US Dollar, kita gunakan euro, kita gunakan dinar untuk menjadikan dan saya ingat lagi bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mencadangkan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tun Mahathir yang buat cadangan ini beberapa tahun yang lepas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Supaya kita gunakan dinar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi mungkin kah pertubuhan ini juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menggunakan sistem wang dinar untuk kita mengembangkan dinar setanding dengan euro untuk kita....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Menekankan US Dollar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya memang berpendapat bahawa selain daripada euro, Dolar Amerika, alternatif seperti kalau dinar boleh diadakan dengan kuat dan sebagainya memang ada alternatif yang lain. Kita tidak mahu orang yang memonopoli semua mata wang di dunia ini. Kalau ada dinar atau apa 'nar' sahaja untuk pilihan, untuk *option* kita lebih baik. Itu memang lebih baik tapi hakikat sekarang ini, kewangan antarabangsa, perbankan antarabangsa, mata wang antarabangsa, kita perlu adakan negara-negara yang kuat yang boleh menggunakan kerana Malaysia ini negara yang kecil. Kalau kita hendak gunakan dinar satu di Malaysia sahaja, negara-negara Arab tidak menggunakan, itu pun susah juga.

Tapi yang penting sekali bukan sahaja tindakan pencerobohan Amerika di Iraq misalnya yang tidak munasabah, yang tidak berperikemanusiaan, tetapi orang-orang Arab sendiri yang begitu kaya, yang bukan kerana Amerika Syarikat yang bersendirian pun dia melabur di Amerika Syarikat atau Eropah, itu amalan mereka. Kita hendak tarik mereka masuk ke Malaysia susah sikit. Walau bagaimanapun ini mengambil masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Untuk membincangkan. Cuma saya berharap dengan adanya bank ini kita dapat mempertahankan kedudukan kita dalam bidang perbankan Islam dan kita mesti sentiasa berhati-hati supaya negara-negara yang lain tidak mengambil alih peranan kita di dalam bidang yang kita jadi sebuah negara yang terkemuka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ringkas Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.38 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong rang undang-undang ini yang akan menguatkuasakan satu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian perbadanan kewangan perdagangan Islam antarabangsa.

Ia juga membolehkan Malaysia bergerak secara aktif dalam gerak kerja yang baru dan juga memberi satu harapan baru dalam perjuangan OIC, yang selama ini kita melihat OIC itu dikatakan sebagai, "*Oh, I see*". *Just* di peringkat *seeing* tapi sekarang ini, bukan setakat *seeing* but sudah melakukan sesuatu. *We are doing something and becoming something, not only seeing but doing and becoming*.

Saya kira ini adalah merupakan satu yang harus kita sokong bersama. Mudah-mudahan kita dapat muncul sebagai satu entiti yang tersendiri. Dapat memberi satu model dalam bentuk perdagangan Islam. Juga dapat pula meningkatkan satu dagangan intra OIC yang melibatkan kira-kira 57 negara Islam, yang boleh memberikan manfaat kepada kira-kira 1.3 bilion umat Islam yang melibatkan kira-kira 21% daripada seluruh penduduk global dunia ini.

Saya kira ini adalah satu permulaan yang baik, dan saya juga ingin melihat akta ini juga akan mengakrabkan lagi hubungan negara-negara atau pun intra OIC ini dengan memiliki satu dana yang besar. Saya kira negara-negara Islam, dan juga dapat kita memperdagangkan produk-produk halal di samping juga untuk kita mempergiat dan mencergaskan lagi aktiviti perkhidmatan pelancongan, pembinaan, pendidikan yang mengeratkan hubungan serantau di sini.

Yang penting di sini saya kira rang undang-undang ini juga akan menelurkan atau pun akan menanamkan satu bibit-bibit modal yang baru dalam kewangan. Saya kira aktiviti-aktiviti kewangan tanpa riba, aktiviti-aktiviti yang membawa kepada produk-produk halal dan juga yang di sebut oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi. Kenapa kita harus menggunakan *currency* atau pun nilai mata wang dolar Amerika.

Yang Berhormat bagi Kepong tadi sebut ada nilai yang lain euro. Kenapa tidak kita mempergunakan, memanfaatkan dalam konteks, dalam peluang yang ada ini iaitu dinar? Ataupun suatu ketika dahulu, seperti yang pernah dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri kita. Ini adalah merupakan satu ruang dan peluang untuk kita mengapungkan dan membina suatu model ekonomi.

Membina suatu model kewangan yang baru dalam konteks kita merealisasikan satu cita-cita yang besar dalam Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa ini. Saya kira Malaysia boleh mengambil kesempatan ini untuk mempopularkan satu model yang baru.

Saya juga setuju tadi apabila Yang Berhormat bagi Santubong menyentuh bahawa akta ini ataupun rang undang-undang ini masih belum jelas dan ada kekaburan-kekaburan tertentu. Saya kira amat elok sekali kalau sekiranya Attorney General kita dapat memperjelaskan lagi, sebab ini adalah merupakan satu akta yang baru dan undang-undang yang baru.

Saya bersetuju dan menyokong pandangan Yang Berhormat bagi Santubong tadi supaya *clarity* ataupun secara spesifik *indicator* dalam rang undang-undang ini dapat diperjelaskan kepada semua. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

5.41 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu dari Sungai Petani, Santubong, Jerai, Kepong dan juga Kuala Terengganu dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mencelah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya jelaskan sedikit tentang ITFC ini. Sebenarnya ITFC ini ditubuhkan di bawah IDB iaitu Islamic Development Bank, yang majoritinya dipegang oleh IDB. Yang lain-lainnya adalah *subscription* daripada negara-negara yang menjadi ahli. Keahlian terbuka kepada OIC *country* sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini modal *authorize capital* dengan izin, adalah USD3 bilion dan *paid-up capital* sekarang ialah USD500. Sebenarnya idea ITFC ini ditubuhkan adalah kerana sebelum ini masa di bawah IDB, IDB ini telah lama ditubuhkan dan memang sudah ada *trade financing* ini di bawah IDB tetapi dibuat oleh wakil-wakil atau agen di tiap-tiap negeri. Contohnya, di Malaysia agennya ialah Bank Pembangunan. Di Indonesia Bank Mandiri.

Jadi urusan memang susah kerana bila kelulusan dibuat, bila pinjaman dibuat katakan di Kuala Lumpur, dia lulus di Kuala Lumpur tetapi bayaran di London. Kena buat LC melalui Bank Islam kemudian dibayar melalui bank di London. Ini melambatkan dan menyusahkan. Oleh sebab itu, timbul idea ini untuk menubuhkan ITFC yang mana mulai sekarang ITFC akan beroperasi di Jeddah, ibu pejabatnya dan Malaysia memohon supaya ditubuhkan satu cawangan di Kuala Lumpur.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak tahu tadi Yang Berhormat kata terbuka kepada ahli-ahli daripada OIC. Soalnya ialah ada ahli-ahli OIC yang mengiktiraf Israel dan juga mengadakan dagangan dengan Israel. Apakah negara-negara ini juga layak dalam hal ini? Katakanlah mereka juga menjalankan dagangan dengan pihak Israel. Ini yang kita hendak tahu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, biar saya cerita habis dulu. Keahlian sekarang ini yang saya sebut tadi *wise* di IDB dia mestilah pegang majoriti, *at any one time* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mestilah 51%, yang lain-lain dipegang oleh negara-negara yang menjadi ahli.

Setakat ini, setakat bulan Februari 2007, ada 36 negara yang telah menjadi ahli termasuklah Malaysia, Algeria, Brunei, Saudi Arabia, Turki, Indonesia dan lain-lain. Oleh sebab hendak membolehkan duduk dalam lembaga pengarah, kenalah paling kurang *subscription*nya ataupun Malaysianya USD30 *million*. Malaysia hendak menjadi ahli lembaga, maka kita bersetujulah untuk hendak *subscribe* sebanyak USD30 *million*.

Setakat ini wakil kita Tuan Yang di-Pertua, ialah ialah Tan Sri Izzudin Dali. Wakil kita dalam lembaga pengarah. Yang lain-lain daripada Arab *Group*, Ali Hamdan Ahmad, daripada ASEAN *Group* Tan Sri Izzudin Dali, African *Group* Adama Sali dan Finance *Institution* Sheikh Salleh Abdullah Khamil. Jadi ini saya sebut tadi sendiri akan beroperasi daripada Jeddah dan kita telah pun minta supaya tubuh satu cawangan di sini, di Malaysia, di Kuala Lumpur.

Saya sebut proses tadi memang menyusahkan sebab itu, idea menubuhkan ITFC ini diharapkan dapat memudahkan lagi *trade financing* ini. *Trade financing* ini adalah melalui kaedah *Islamic*, berkongsi keuntungan sama ada antara *member of countries* ataupun bukan *non-member countries*. Bermakna antara negara OIC dan juga negara-negara yang bukan OIC. Bermaknanya kalau Malaysia berdagang dengan negara China boleh kita pohon daripada *trade financing* ini.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, saya tanya tadi. Soalan saya tidak dijawab lagi. Bagaimana OIC *members* dengan izin, yang ada hubungan dengan Israel, pengiktirafan mereka kepada Israel dan menjalankan dagangan mereka dengan Israel? Apakah ini boleh duduk dalam OIC? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Penubuhan ITFC ini adalah *non political*. Dari segi kalau hendak ialah mungkin negara-negara Arab banyak yang berdagang sebab dia berjiran dengan Israel. Mungkin dia berdagang tetapi setakat ini yang saya difahamkan bahawa adalah *non political* bermakna *purely* perdagangan. Jadi saya tidak boleh hendak jawablah. Itu terpulang kepada *board of directors*, terpulang kepada ahli-ahli lembaga pengarah itu sendiri yang hendak menentukan. Itu saya tidak boleh jawab dengan tepatlah.

Mengapa digunakan dolar? Ini adalah yang dipersetujui oleh perbadanan ini. Mata wang digunakan adalah US Dolar. Jadi kita tidak boleh lari daripada itulah. Sebenarnya kalau keadaan sekarang dolar, kita lebih untung lagilah. Malaysia lebih untung lagi kerana ringgit lebih kukuh berbanding dengan US Dolar sekarang ini. Saya hendak terangkan juga bahawa ITFC ini adalah kena mengena dengan *trading* sahaja, tidak termasuk hartanah, dan sebagainya, tidak termasuk ini adalah *purely trading*.

Setakat ini di Malaysia sehingga sekarang, jumlah perdagangan yang dijalankan melalui tabung ini melalui Bank Pembangunan ialah setakat inilah, hanya RM315 juta sahaja. Amat sedikit kalau hendak dibandingkan dengan jumlah *trading* yang kita jalankan. Amat sedikit. Ada banyak kelonggaran di sini dari segi '*interest*'. Dia LIBOR *plus two*. Maknanya kalau dalam hal Malaysia ini LIBOR *plus two*, $3\frac{1}{2} + 2 = 5\frac{1}{2}\%$. Kalau hendak sebut '*interest*' ini tidak berapa tepatlah, tetapi kadarnya begitulah.

Kalau bandingkan dengan komersial, dia punya *break rate* ialah $6.75 + 2$, maknanya tinggilah. Bayaran balik dilonggarkan sehingga 18 bulan. Maknanya satu keistimewaan kalau kita ambil *financing* di bawah badan ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada bangkit tentang... Kepong tidak ada *point* kot ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab dululah Yang Berhormat. Hendak beri jalankah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Transaksi tanpa riba, tanpa *miser*, tanpa gara. Itu semua *point*nya. Satu *point* lagi kerana pihak negara Amerika Syarikat, Eropah mempunyai kaedah sistem yang kukuh, yang mempunyai sejarah, yang dia tahu macam mana hendak menarik perhatian. Menarik pelabur yang tertentu termasuk daripada dunia Arab. Kebanyakannya menarik pelabur yang tertentu termasuk daripada dunia Arab. Kebanyakannya melabur di Amerika Syarikat dan Eropah.

Walaupun kita ada sistem ini, ia memang mengambil masa untuk menarik pelabur-pelabur termasuk Yang Berhormat bagi Santubong. Yang Berhormat bagi Santubong pun melabur di Amerika Syarikat. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai pun apabila mahir di dalam sistem kewangan, dia pun hendak melabur di Amerika Syarikat, keuntungan yang tinggi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, tidak, tidak! *Not me please*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, jadi banyaklah *point* yang tidak dicatatkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ITFC ini *Islamic financing*. Tentulah perniagaan melalui cara sistem perbankan Islam, berkongsi bermacam-macam yang kita tahu. Cara perdagangan melalui perbankan Islam ada banyak, Tuan Yang di-Pertua. Berkongsi keuntungan dan sebagainya, banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hanya sedikit.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, *it goes without saying*, dengan izin...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat sedarkah, mengatakan bahawa hanya Bank Pembangunan yang menguruskan pinjaman untuk *trading* ini? Mengapakah tidak juga kepada Bank Islam dan bank-bank yang lain ada? Sekarang ini, kita tidak tahu dan sistem ini pun kebanyakan peniaga-peniaga tidak tahu, yang Bank Pembangunan ada bagi pinjaman daripada tabung ini.

Apakah jenis-jenis *trading* yang boleh kita buat? Hanya *trading* dan Yang Berhormat kata tadi harta tanah tidak boleh, yang lain tidak boleh tetapi hanya *trading* sahaja. Jadi, adakah pihak kerajaan juga setelah melabur USD30 juta hari ini, akan mengambil peluang ini untuk kita memperbanyakkan lagi pinjaman kepada rakyat kita, untuk mendapat bantuan pinjaman? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang ini bernas Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kepong tadi kurang bernas. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong, tujuan ITFC ialah untuk menggalakkan *trading* dan untuk *financing* di antara *member countries* dan juga antara *member countries* dengan *non-member*.

Jadi menggalakkan *trading*. Tentang Amerika ini memanglah semua orang hendak buat *trading* dengan Amerika sebab ia satu negara yang kaya. Memanglah kalau dahulu Arab ini... masa saya di Pulau Pinang dahulu, saya pernah pergi ke Dubai contohnya, hendak cuba tarik pelabur ke Pulau Pinang, tetapi mereka tidak mahu. Dia kata, "*We make more money in West.*" Masa itulah.

Selepas 11 September, mereka sudah mula hendak datang ke Malaysia dan luar dari US. Ini yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Tentang soalan Yang Berhormat bagi Jerai, memang sebenarnya saya sendiri pun baru tahu hal ini. Ramai peniaga-peniaga kita yang tidak tahu tentang adanya dana ini yang Bank Pembangunan ini jadi agen. Kenapa jadi begini?

Sebenarnya ini adalah agen yang dilantik oleh IDB menjadi agen kepada IDB dalam hal ini. Masalahnya ialah komisenya amat sedikit sekali. Ini yang saya katakan amal jariah, Tuan Yang di-Pertua. Urusan ini adalah sebenarnya amal jariah, 15% komisen daripada untung, sedikit sangat. Jadi, memang sedikitlah.

Sebab itu mungkin ada pihak bank yang tidak berapa minat, sebab tidak untung. Jadi, ini lebih kepada amal jariah. Saya tidak tahu selepas ini mungkin ITFC akan buat sendiri tanpa ada agen yang lain. Jadi kalau itulah dibuat, kalau ada cawangan di sini, ia menjadi lebih mudah, lebih cepat dan lebih ramai yang boleh mendapat manfaat daripada *financing* ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat penjelasan. Adakah cawangan kita di Dubai sebab di Dubai pun pelaburan itu kebanyakannya dari Eropah dan Amerika Syarikat, bukan dari dunia Islam. Adakah cawangan kita di Dubai dan macam mana kita dapat bersaing dengan orang lain di Dubai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu soalan mengelirukan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ITFC ini baru tetapi kalau ikut sistem yang lama, dia ada banyak agen di banyak negara. Akan tetapi ITFC ini baru ditubuhkan dan sebab itu Malaysia sudah buat permohonan atau *request*, supaya ditubuhkan satu di sini. Yang di Dubai itu, terpulung kepada Lembaga Pengarah sebab ini baru.

Pada bulan Februari 2007, baru inilah yang dipersetujui dan kita cepat-cepat buat perubahan perundangan ini, Tuan Yang di-Pertua. Makna *in future*, mungkin akan diperbesarkan koperasi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis Yang Berhormat. Habis?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis jawapan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenapa USD. USD30 juta ini memang ditetapkan dalam perjanjian ITFC ini yang telah Malaysia *sign*. Kita tidak boleh lebih daripada itu. Pada masa akan datang, kalau perlu tambahan syer ini, maka kita boleh tambah lagi lebih dari USD30 juta. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalahnya dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) (PINDAAN) 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.59 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 telah ditubuhkan pada 20 Julai 2004 menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Jawatankuasa tersebut telah pun membentangkan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 pada 8 Mei tahun 2006. Laporan tersebut mengandungi pandangan serta syor jawatankuasa mengenai peruntukan dalam kedua-dua rang undang-undang itu.

Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 dan telah disiarkan dalam warta pada 5 Oktober 2006 sebagai Akta A1273. Subseksyen 1(2) akta memperuntukkan akta itu akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta.

Sungguhpun demikian, terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat kepada akta itu untuk membolehkannya dikuatkuasakan. Rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006. Rang undang-undang ini mengandungi empat fasal.

Fasal 1 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan serentak dengan permulaan kuat kuasa Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 ataupun Akta A1273.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta A1273 yang menggantikan seksyen 376 Kanun Keseksaan, Akta 574 dengan seksyen 376 baru dengan memasukkan perkataan-perkataan "*with imprisonment*" yang dengan tidak sengajanya tidak dimasukkan dalam subseksyen 376(1) baru Akta 574.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 396 dan 402 Kanun Keseksaan yang merupakan pindaan berbangkit akibat daripada pindaan kepada seksyen 391 Akta 574 yang menggantikan perkataan "*five*" dengan perkataan "*two*" bagi *gang robbery*.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 iaitu Akta A1210 untuk mengungkap semula "*rephrase*" dan menjelaskan peruntukan subseksyen 130B Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengelakkan implikasi perundangan yang mungkin timbul berbangkit daripada kecacatan peruntukan yang berkenaan. Pindaan yang terdapat dalam rang undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit atau perlu, yang tidak mengubah peruntukan substantif Akta Pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta menyokong. Siapa menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

6.04 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah Jawatankuasa Pilihan Khas yang ketiga ditubuhkan di Parlimen ini.

Bahkan tindakan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas oleh kerajaan dan menerusi kelulusan Parlimen adalah satu petanda menunjukkan bahawa negara kita akan melangkah dari satu tapak ke satu tapak yang lain daripada perundangan yang mungkin dianggap tidak sesuai pada zamannya kepada satu perundangan yang lebih ke hadapan lagi.

Jadi dalam keadaan sedemikian, perundangan yang telah kita guna pakai selama hampir lebih setengah abad dipinda sebegitu rupa dan secara menyeluruhnya kedua-dua perundangan iaitu Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah dipinda. Jadi pemindaan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah pada kali ini berlainan sedikit kerana proses pemindaan, penggubalan dan pembuatan undang-undang di Malaysia sentiasanya bermula di Pejabat Peguam Negara. Parlimen hanya biasanya meluluskan dengan sedikit ataupun tanpa pindaan.

Akan tetapi, sekali ini oleh kerana pindaan yang besar telah dicadangkan, maka Suruhanjaya Pilihan Khas Parlimen diusulkan di Dewan ini dan diluluskan untuk menjalankan tugas. Jadi untuk peringkat yang pertama, Parlimen telah meluluskan jangka masa satu tahun untuk jawatankuasa menjalankan tugas mereka. Tugas ini merangkumi dua peringkat iaitu peringkat yang pertama ialah untuk berjumpa dengan masyarakat umum, melihat dan mendengar apa kata masyarakat Malaysia.

Apa kata pihak-pihak yang tertentu, badan bukan kerajaan, autoriti peguam umpamanya dan orang-orang yang berminat kepada perundangan ini yang ingin melihat situasi yang ada di negara kita khususnya situasi jenayah dan situasi sosial yang mungkin boleh ditangani dengan undang-undang yang baru. Semasa jawatankuasa yang menjalankan tugas sebelum hampir tamat setahun, satu perkara lagi berlaku. Kita ingat iaitu persoalan kecekapan jabatan polis telah dipertikaikan oleh masyarakat umum.

Kerajaan begitu peka sekali. Terus sekali lagi meminta supaya kerajaan ini meluluskan satu suruhanjaya untuk membuat penyelidikan, pemeriksaan dan mengkaji keperluan jabatan polis. Suruhanjaya ini juga telah berlangsung dan sebelum tamatnya jawatankuasa ini menjalankan tugas, suruhanjaya ini telah tamat membuat laporan mereka dan membuat saranan yang pelbagai.

Saranan ini termasuklah juga pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah yang banyak dipertikaikan oleh masyarakat umum. Semasa jawatankuasa mengkaji dan ditambah lagi, kalau tidak silap saya selama enam bulan untuk terus membuat kajian kepada laporan suruhanjaya, untuk mengkaji undang-undang yang sesuai, untuk menyesuaikan saranan yang dibuat oleh suruhanjaya. Walaupun bukan kesemuanya boleh diterima kerana suruhanjaya hanya melihat dari segi perspektif mereka, kita melihat dari perspektif perundangan.

Sebelum tamat lagi kajian ini oleh jawatankuasa, sekali lagi soalan ketiga berbangkit iaitu ketuk-ketampi. Apabila ketuk-ketampi berbangkit, sekali lagi satu suruhanjaya dibuat dan suruhanjaya membuat laporan dan sekali lagi jawatankuasa menerima bebanan supaya mengkaji kehendak-kehendak perundangan yang tertentu untuk kita perkenalkan kepada masyarakat Malaysia.

Tiap-tiap peringkat ini, suruhanjaya ini telah menjalankan tugas, berjumpa dengan masyarakat umum, berjumpa dengan peguam-peguam, berjumpa dengan pihak polis, berjumpa dengan pihak individu dan berjumpa dengan pihak badan bukan kerajaan di seluruh negara. Jadi jawatankuasa ini telah menjelajah dari Perlis sampai ke Johor, dari Kelantan sampai Melaka dan dari Sarawak sampai ke Sabah menerusi sempadan daerah dan bahagian.

Akhirnya kita membuat rumusan, jawatankuasa ini menjalankan tugas dengan sokongan Pegawai-pegawai Parlimen dan kita mendapat tiga pegawai daripada Pejabat Peguam Negara. Saya boleh sebut nama pegawai di sini, seorang daripada mereka bernama Encik Jagjit Singh dan Encik Nik Azhar daripada Bahagian Doubt Drafting dan seorang lagi 'Encik Charles Hanslem' daripada Bahagian Pendakwa, Pejabat Attorney General.

Secara ringkasnya, pegawai inilah sebenarnya yang membantu kita membuat, merencana dan menggubal undang-undang dari satu peringkat ke setiap peringkat. Apabila satu minggu mesyuarat, ketiga-tiga pegawai ini akan melaksanakan pemindaan-pemindaan dan dimasukkan pada jawatankuasa untuk penilaian oleh jawatankuasa untuk tiap-tiap perkataan, tiap-tiap *sentence* dan tiap-tiap istilah kita bincang.

Kadang-kadang perbincangan sampai larut malam dan kadang-kadang sampai pukul 12.00 malam jawatankuasa bersidang. Semasa itu maknanya pegawai yang bertiga ini akan bekerja lebih masa lagi oleh kerana selepas pindaan dan teguran dibuat oleh ahli jawatankuasa, pegawai ini terpaksa sentiasa menyediakan draf baru untuk esok harinya bagi diperbincangkan semula.

Maknanya pegawai-pegawai sama ada dari Parlimen termasuk tiga orang peguam dari AG's Chambers tadi terpaksa bekerja jauh lebih banyak masa daripada ahli jawatankuasa yang telah bekerja kadang-kadang sampai 16 jam, 18 jam satu hari. Maknanya ada kalanya pegawai ini bekerja sampai 20 jam satu hari, dari semalam sampai ke pagi ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian, nampaknya masih ada lagi kesilapan. Oleh kerana di dalam kita merencanakan undang-undang ini kita berjumpa dengan beribu-ribu masyarakat yang mempunyai pendapat pandangan seribu satu macam. Kita bernasib baik mempunyai pengerusi yang begitu berpandangan luas, yang memberi provokasi-provokasi kepada para masyarakat bijak pandai dari profesor universiti, dari Bar Council, Advocate Association Sarawak dan Sabah serta NGO di seluruh Malaysia telah berjumpa kita.

Di samping itu, kita berhubung lagi untuk membuat satu perjumpaan di Australia dan di New Zealand, berjumpa dengan pakar-pakar di New Zealand dan Australia, mendengar pandangan mereka tentang undang-undang ini dan kita buat undang-undang yang begitu komprehensif, yang begitu ke hadapan. Malahan ada segelintir masyarakat kita mengatakan yang telah ada, *have a glance* undang-undang ini mengatakan inilah undang-undang masa hadapan Malaysia, inilah undang-undang *twenty first century* yang dibuat. Bekerjasama di antara jawatankuasa dengan masyarakat umum yang dibantu oleh pegawai AG ini.

Jadi mereka bekerja begitu kuat sekali, pegawai-pegawai kerajaan ini, saya ucapkan tahniah kepada siapa yang terlibat dengan undang-undang ini, tapi malang Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat apa yang telah di bentang oleh menteri tadi, tidak sebanyak mana kesalahan sebenarnya. Undang-undang Kanun Keseksaan dan Tatacara Jenayah ini telah diluluskan pada pertengahan tahun 2006, tapi orang tertanya-tanya.

Saya duduk di hotel di mana saya telah ditanya oleh pegawai-pegawai pada pihak *Bar Council*. Mereka telah menyuarakan kepada saya mereka hendak membuat suatu petisyen kepada AG kenapa undang-undang ini begitu lambat dilaksanakan di seluruh negara. Orang tertanya-tanya kerana orang mengetahui bahawa pindaan yang kita sebut, khususnya seksyen-seksyen soalan berhubung dengan satu perkara iaitu penangkapan seseorang ditahan oleh pihak polis.

Apa yang dikatakan seksyen 113, yang dibuat pemindaan begitu rupa, begitu merangkumi, setelah difikirkan begitu banyak dan begitu lama oleh jawatankuasa, berfikir dengan orang-orang lain, melihat pandangan-pandangan mereka, melihat laporan-laporan perundangan di negara seperti Australia, England, Kanada, New Zealand, bahkan undang-undang di Singapura dan India juga kita selidiki dan lihat. Semuanya jawatankuasa telah menilai, membincang dan menilik serta atas nasihat pegawai-pegawai daripada AG *office* yang sebutkan tadi.

Apabila undang-undang dibawa ke Dewan ini, dibahaskan di Dewan ini, diluluskan di Dewan ini dan juga diluluskan oleh Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masih ada juga benda-benda yang kecil-kecilan. Kalau kita lihat muka yang pertama Kanun Tatacara Jenayah, *youth offender*. Saya ingat anak saya yang 12 tahun pun tahu yang *youth offender* ini salah. Kenapa tidak dibuat *youthful offender*? Ini pindaan yang kita bawa, yang Menteri tadi sebut dalam Dewan, hanya kecil-kecilan sebenarnya dan sepatutnya tidak berlaku.

Jadi kepada siapa jari kita hendak menuding? Adakah jawatankuasa yang Datuk sendiri mempunyai pengalaman yang begitu lama, saya pun mempunyai pengalaman dan dua, tiga peguam serta ahli jawatankuasa yang tiap-tiap hari membaca. Begitulah seterusnya peguam-peguam daripada AG *Office* yang melihat. Kenapa kita tak terjumpa *youth offender* ini? Bodoh betul, tak tahu, tetapi kita salah juga, Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya satu.

Saya seorang penulis buku, Tuan Yang di-Pertua. Seorang penulis buku tidak boleh menjadi penyemak kepada bukunya sendiri. Hakikatnya ialah oleh kerana dia membaca dengan pemikiran dia dan bukan membaca atas kertas yang dilihat. Itulah kenapa tiap-tiap pindaan undang-undang di Pejabat *Attorney General* mesti melalui beberapa proses iaitu satu, proses *drafting* yang pertama.

Itu dibuat oleh jawatankuasa pilihan khas tadi. Dilihat oleh semua Ahli Parlimen yang menjadi ahli, dilihat pula oleh pegawai dan dilihat oleh semua orang duduk di sana yang kita anggap mempunyai kepakaran yang mencukupi, tetapi kita bukanlah *vetter* kepada *our own work, our own career*. Jadi mesti ada semakan daripada orang yang lain, bukan pencipta karier dia.

Jadi malang sekali, undang-undang ini sepatutnya ada satu kumpulan lagi untuk membuat penyemakan yang kedua. Ia adalah untuk melihat supaya *youthful* tidak dieja sebagai *youth offender* dan saya ada nampak bahawa penulisan digunakan roman dan digunakan 'a', 'b', 'c' dan sebagainya. Daripada segi perkataannya betul, hanya ada satu, dua sahaja yang saya nampak ditambah satu, dua perkataan. Ada juga *missing word* perkataan *imprisonment* dan sebagainya.

Maknanya kalau perundangan ini dulu, sebelum masuk ke Dewan ini menerusi proses sebagaimana yang lazimnya berlaku di Pejabat *Attorney General* iaitu satu, proses draf yang pertama. Selepas itu disampaikan kepada *Parliamentary draftsmen* untuk diselidik, dilihat dan sebagainya. Orang yang tidak memikir draf awal, dia sebagai *independent mind*, dia tidak *reading through his mind* tetapi *reading through his eyes*, penulisan yang dibuat asal itu.

Selepas diserahkan semula kepada sama ada *Solicitor General* sebagaimana yang berlaku di Pejabat AG atau kepada AG sendiri untuk melihat sekali lagi. Kalau penapisan dua kali ini berlaku, saya cukup yakin berlakulah undang-undang ini sebagai undang-undang yang lain juga. Kalau berlaku pun, dalam seribu ada satu saja kesalahannya. Tidakkah dalam dua muka surat ini berlaku banyak sangat.

Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kenapa Pejabat *Attorney General*, Pejabat Peguam Besar Negara tidak memberi perkhidmatan semakan yang pertama dan semakan yang kedua seperti yang saya sebutkan tadi. Adakah AG tidak senang hati dengan tiga perkara besar yang kita telah pinda iaitu seksyen 113, kuasa yang diberi kepada polis, penahanan dalam jabatan polis yang tidak memerlukan proses-proses tertentu ataupun ada satu lagi apa yang dikatakan *pre-trial discovery* yang kita laksanakan tak pernah wujud dalam undang-undang Malaysia yang kita perkenalkan dalam undang-undang ini walaupun...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Negara-negara maju seperti England menggunakannya yang dianggap satu mekanisme untuk mempercepatkan proses mahkamah dan untuk melaksanakan keadilan. Bahkan peguam-peguam dari Bar Council mengatakan *this is one of the best* pindaan yang diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bagan, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin Yang Berhormat bagi Santubong sudah silap membahaskan rang undang-undang yang kita hadapi.

Ada dua rang undang-undang di sini iaitu satu DR.13/2007 dan satu lagi DR.14/2007. Yang Berhormat bagi Santubong sedang membincangkan DR.14/2007 sebab itu dia kata di muka hadapan iaitu *youth offender* dengan *youthful offender*. Dia juga menyoal berkenaan dengan seksyen 113 iaitu DR.14/2007 Akta Kanun Tatacara Jenayah. Yang kita sedang bincangkan ialah Akta Kanun Keseksaan. Yang Berhormat sila semak.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, saya tidak semak dengan teliti tetapi saya hendak sebut, hendak *repeat* soal kelemahan-kelemahan *drafting* ini. Saya cerita *drafting*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat banyak membincangkan bukan isi kandungan tetapi prosedur.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya akan sebut isi kandungan, Tuan Yang di-Pertua. Isi kandungan kalau hendak dibincangkan tidak ada langsung. Tanya dengan Yang Berhormat Menteri. Tidak ada. Akan tetapi kita kena tahu kepada dia berlaku, itu yang saya sebut. Kenapa dia menjadi salah?

Kedua-dua undang-undang ini sama ada Akta Kanun Tatacara Jenayah ataupun Akta Kanun Keseksaan ini dirangkum sekali, pembentangnya pun sekali dulu. Jadi bila saya menghujahkan di sini saya tidak berdiri dua kali - saya kira satu kali sahaja. Kita melihat undang-undang ini kadang-kadang *you got to discuss the spirit of the* undang-undang bukan dari penulisannya sahaja. Jadi itulah yang saya sebutkan di mana letaknya kelemahan kita dalam *drafting* dan kenapa ini berlaku.

Saya buat contoh sahaja yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat bagi Bagan. Oleh kerana Kanun Tatacara Jenayah di sebelah atas saya sebutkannya, kalau Kanun Keseksaan di sebelah atas saya akan sebutkan Kanun Keseksaan sebagai misalan tetapi yang saya sebutkan ini merangkumi kedua-duanya sekali iaitu *drafting* dalam *AG Office*, prosesnya dan bagaimana ia tidak menjadi satu kesalahan dan kenapa dia menjadi satu kesalahan apabila *Select Committee* yang buat.

Oleh kerana pemindaan yang kita sebut tadi, pemindaan yang tidak menggugatkan banyak sangat dalam Kanun Keseksaan oleh kerana menaikkan soal rogol dan sebagainya. Sedikit sangat perkara yang difikirkan mungkin boleh mendatangkan rasa tidak senang hati kepada sesiapa oleh kerana peningkatan hukuman dan pembahagian soal rogol umpamanya.

Kalau soal rogol dulunya, kita ada satu rogol sahaja sama ada rogol, *statutory rape* ataupun rogol biasa dia akan masuk jel sebagaimana yang dahulu, tetapi selepas ini apabila undang-undang ini dilaksanakan kita mempunyai sekurang-kurangnya tiga jenis rogol. Dalam tiga jenis rogol ini tidak ada yang menjadikan satu masalah kepada sesiapa.

Apa yang hendak saya bangkitkan di sini, adakah masalah perundangan baru yang kita laksanakan dibaca daripada yang *norm* ini? Apa yang dikatakan undang-undang yang futuristik ini, kita bawa ke Dewan ini telah tidak menyenangkan hati pihak-pihak yang tertentu dalam Jabatan Peguam Negara. Akhirnya apabila seseorang itu tidak senang hati dengan perundangan ini, maka perkhidmatan untuk *vetting* tadi, proses yang pertama dan kedua tidak dibuat.

Akhirnya setelah kita meluluskan undang-undang di Dewan ini pada sesi tahun lepas, mendapati sebelum dapat dilaksanakan undang-undang ini telah terpaksa dipinda semula. Jadi, yang saya sebut ini bukan soal satu tetapi kedua-dua soal yang sebut ialah sebagai dasar *pendrafting* undang-undang dalam *legal office*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apa yang saya hendak tanya di sini ialah, kenapa perkhidmatan sokongan daripada AG *office* itu tidak di *extend* begitu rupa? Ada juga menjawab persoalan yang pertama mengatakan, "Oh, ini undang-undang yang dibuat oleh Parlimen, *Select Committee* punya undang-undang". Jadi kalau *Select Committee* tidak menyediakan proses penyemakan pertama dan kedua *tier* tidak disemaklah.

Kalaulah itu jawapannya, kenapa surat yang ditulis pada 8 Mei kepada Pengerusi Jawatankuasa Pilihan khas ini mengatakan masa tidak cukup. Mengapa soal masa dibangkitkan? Kalau betul dan bukan tanggungjawab AG, jawapan yang sepatut mengatakan, "Ini undang-undang kamu, dan kami tidak perlu menyemak". Kita mengetahui alasannya tepat...

Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah, cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Akan tetapi alasan yang diberi ialah masa tidak cukup untuk mereka menyemak undang-undang tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada saya undang-undang ini sama ada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007 atau Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007 tidak ada perkara yang hendak kita pertikai lagi. Apa yang jawatankuasa telah luluskan, sarankan dan bawa ke Dewan ini adalah secara substantifnya telah diterima oleh Dewan, telah di lulus oleh Dewan, tidak ada perubahan daripada AG. Hanya persoalannya di sini di pejabat AG itu tidak memberi sokongan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak perkara ini berlaku lagi. Saya mencadangkan supaya *drafting committee* daripada AG itu dibawa ke Parlimen ini, diserahkan kepada Parlimen, diletakkan di bawah Parlimen sebagaimana *drafting committee* lain di seluruh dunia, di England, Australia dan New Zealand yang kita ketahui. Begitu dengan negara-negara lain. Bahkan negara membangun pun mengatakan *drafting group* untuk perundangan terletak di bawah Parlimen.

Alasannya *simple*, alasannya senang, yang pertama alasannya ialah *drafting* undang-undang ini ialah proses...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ringkaskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, ya, saya ringkaskan, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama ialah AG amat sibuk. Maaf, tidak ada penyemakan oleh kerana AG sibuk atau masa tidak cukup.

Jadi kalau kita ada pegawai kita sendiri, semakan kita sendiri, proses itu berada di Dewan ini. Di bawah Dewan ini, AG juga sebagai pendakwa *civil case*. Pendakwa kepada kes-kes jenayah, mengendalikan kes-kes sivil bagi pihak kerajaan, memberi nasihat kepada Yang di-Pertua Agong dan menteri-menteri khususnya Perdana Menteri dan menteri-menteri Kabinet di bawah Artikel 145 Perlembagaan Malaysia. Perkara ini sepatutnya diserahkan kepada Parlimen. Ini alasan saya kenapa jawatankuasa *drafting* ini patut diserahkan kepada Parlimen.

Yang kedua, proses pembuatan undang-undang, penggubalan undang-undang, pindaan undang-undang adalah *legislative process* bukan *executive process*, kenapa pula diserahkan dengan AG? Sepatutnya ia di bawah Parlimen dan kitalah yang mengendalikannya. Tindakan sedemikian sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa negara kita *there is some separation of powers in respect*, penggubalan undang-undang dan sebagainya dan pelaksana undang-undang. Hakim menterjemahnya, AG melaksanakannya dan Parlimen menggubal dan membuatnya.

Saya cukup yakin kalau kerajaan mengalihkan, tidak ada perbelanjaan yang lebih, orang yang sama. Kita hanya *three tier* peringkat *drafting* itu tadi dipindahkan di bawah Parlimen. Kita serahkan kepada Parlimen. Saya, dalam kertas kerja untuk saranan sebagai Pengerusi dilantik oleh *Backbencher* sebagai *review* kepada prosedur Parlimen dulu, telah pernah menulis dalam laporan saya mengatakan bahawa *drafting* ini sepatutnya di bawah Parlimen dan diserahkan kepada Parlimen dan bukan di bawah AG supaya proses-proses sebegini tidak berlaku.

Proses seseorang ataupun tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa AG tidak berminat dengan undang-undang dan AG *ignore* sahaja undang-undang ini tidak akan berbangkit lagi. Soal pegawai-pegawai tidak minat dan tidak menyokong kepada undang-undang ini tidak berbangkit lagi. Ia akan diletak di bawah Parlimen dan Parlimen bertanggungjawab kepada semua perundangan dan bantuan.

Janganlah kita lihat kesalahan ini diletakkan kepada seseorang atau mana-mana pegawai sama ada Encik Jagjit Singh, Encik Anselm ataupun Encik Nik oleh kerana ada sedikit kesalahan kerana tidak ada *vetting* yang sepatutnya dibuat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini tidak ada seorang pun patut disalahkan juga kerana Dewan ini telah meluluskan. Sepatutnya Dewan pun boleh disalahkan juga kenapa seseorang sahaja?

Jadi Tuan Yang di-Pertua di-Pertua saya dengan itu menyokong kerana *there's no subtopics change*, dengan izin. Terima kasih.

6.31 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut untuk membincang. Saya bukanlah seorang pakar undang-undang cuma saya hendak turut menyokong pindaan undang-undang ini.

Hanya satu perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu mengenai *management for rape*, berkenaan dengan rogol. Saya hanya ingin bertanya dengan pihak Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai dengan laporan-laporan oleh mangsa ataupun penyokong mangsa kepada polis. Adakah dilakukan secara serius? Ini maksud saya kerana kata-kata orang luar, mengatakan biasanya kes-kes rogol ini kerap kali tidak dipandang serius oleh sesetengah daripada pegawai yang mengambil laporan mengenai dengan kes-kes rogol.

Adakah pegawai-pegawai polis terutama sekali yang mengambil laporan-laporan mengenai dengan kes-kes rogol benar-benar mendapat latihan yang secukupnya, satu. Keduanya pegawai-pegawai lain yang membantu dalam laporan kepada polis seperti pegawai-pegawai kebajikan masyarakat umpamanya.

Jadi, daripada sini adakah pemeriksaan dijalankan dengan betul kerana takut kadangkala pemeriksaan dijalankan tidak betul? Oleh itu kes-kes ini akan hanya ditolak oleh mahkamah dan akhirnya, hasil daripada pemeriksaan tadi yang dilakukan secara dengan izin, *shabby work*, ini menyebabkan kes-kes itu selalu ditolak dan tidak dapat dibuktikan.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai polis yang melakukan *investigation* terutama sekali, adakah mereka dapat latihan yang secukupnya? Kadangkala dari segi *investigation* didapati mereka tidak begitu mahir untuk membuat laporan-laporan ke atas mangsa yang dirogol. Oleh yang demikian kita dapati banyak kes-kes itu ditolak. Saya bangkitkan perkara ini kerana di kawasan saya ada beberapa kes yang sampai hari ini tidak dapat dilaporkan kes rogol dan bunuh, ini maksud saya.

Selain daripada itu saya juga ingin membaca;

"Whoever commits rape on a woman whose relationship to him is such that he is not permitted under the law, religion, custom or usage, to marry her, shall be punished with imprisonment for a term of not less than eight years and not more than thirty years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes".

Maksud ini saya faham sangat ialah berkaitan dengan sumbang muhrim yang banyak berlaku dalam rumah tangga itu sendiri, sama ada di kalangan antara keluarga ataupun bapa tiri dan sebagainya. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat kebelakangan ini kes-kes seperti ini.

Selain daripada itu ingin juga saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu saya melihat ini sebagai tindakan preventif sebelum *rape* itu berlaku. Adakah selama ini Yang Berhormat telah diberitahu melalui kajian-kajian oleh pakar-pakar tertentu sama ada sosiologis ataupun psikologi mengenai dengan kes-kes rogol tadi? Kita boleh ada undang-undang seperti ini tetapi, apakah undang-undang sudah mencukupi sebagai agen dengan izin, *deterrent* kepada bakal-bakal perogol?

Maksud saya juga, adakah kajian dapat dilakukan oleh pihak-pihak universiti umpamanya adakah rogol ini ada berkaitan dengan *drug* ataupun dadah? Adakah dia berkaitan dengan alkohol, filem-filem lucah ataupun pornografi yang kadangkala boleh didapati di dalam *internet*? Jadi apakah pihak kerajaan atau Yang Berhormat Menteri sendiri akan memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan, agensi kerajaan untuk mengambil langkah-langkah tertentu supaya kes-kes rogol ini tidak berleluasa? Ini maksud saya.

Selain daripada itu, apakah penyediaan kita dari segi psikologi yang mana saya rasa ini ada kaitan dengan kesihatan mental yang mana, saya dulu minta berkali-kali supaya Kementerian Kesihatan melakukan 'Kempen Kesihatan Mental'. Saya tahu perogol-perogol ini, masalah mereka adalah psikologi yang berkaitan dengan kesihatan mental. Oleh itu saya tidak mahu memanjangkan cerita-cerita ini...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya sekali lagi turut menyokong pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

6.36 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita ada masalah dengan Peguam Negara. Ini adalah kerana beberapa kali perkara ini telah dibangkit di Parlimen ini di mana di antaranya adalah bukan sahaja kelambatan, kesilapan-kesilapan dan sebagainya yang disebabkan akta-akta ini tetapi yang lebih besar adalah siapa yang rugi dalam proses ini, siapa, orang ramai?

Adakah sesiapa yang betul-betul pedulikan kepada mereka? Pada pengetahuan saya bila saya pergi ke beberapa balai sampai sekarang tidak ada apa-apa persediaan yang telah dibuat. Bila saya cakap dengan pegawai-pegawai IO atau *Investigator Officer*, mereka langsung tidak tahu apa kena-mengena undang-undang baru yang telah dibuat pada tahun dulu, apatah lagi perkara yang baru. Itu perkara yang nombor satu.

Nombor dua, yang kerap kali perkara ini dibangkit di Parlimen bahawa masa sudah tiba, kita perlu ada peguam yang bebas menasihati, *advise process* Parlimen dan satu di antaranya adalah cadangan seperti yang dibuat oleh ketiga-tiga peguam itu, iaitu Encik Nik, Encik Jagjit dan Encik Anselm. Adalah satu yang baik kalau boleh dikeluarkan mereka dari AG chambers dan letakkan di Parlimen.

Saya sudah beritahu, kerap kali kita kalah kes. Kerap kali kes Peguam Negara kalah di mahkamah. Ada di antaranya disebabkan kita tidak ada *prosecutor-prosecutor* yang efisien yang mengetahui undang-undang yang terkini atau betul-betul boleh menghadapi untuk mengendalikan kes-kes ini. Kerap kali perkara itu dibangkitkan. Kita boleh buat undang-undang ini *the most finals of best of lost*, apa guna? Bila kita pergi mahkamah kita kalah.

Saya sudah beritahu dulu, saya ada menang satu kes di Ipoh, kesian. *I was just defending* seorang yang telah membunuh seorang isteri orang putih, tetapi betul-betul kes itu tidak boleh dimenangi *very clear cut* tetapi menang kerana pendakwa raya, kecacatan beliau. Bukan setakat fizikal, kerja beliau. Separuh mereka kena tukar ke *department* yang lain, selepas itu DPP yang baru datang, selepas itu lagi satu DPP yang baru datang. Ini perkara yang biasa. Macam mana kita dapat atasi.

Walaupun ada undang-undang yang canggih sekali pun, tidak ada guna...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menang dengan hati tidak senanglah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan sebagai peguam itu tugas kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, saya tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ketiga-tiga pembunuh ini ada di negara ini sekarang. Saya tidak tahu apa lagi pembunuhan yang mereka akan buat, itu yang *very clear cut* tetapi saya akan *debate* satu-satu.

Di dalam undang-undang Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006, bukan sahaja kesilapan *Attorney General*. Ada pegawai-pegawai di sana. Siapa pegawai-pegawai tersebut? Itu yang saya hendak katakan. Siapa pegawai-pegawai tersebut, *research officer*? Kalau kita pergi ke *internet*, kita boleh tengok *research officer* di antaranya, seorang yang terkenal tetapi ramai di kalangan peguam dia tahu, siapa itu? Garbeth A. Richard. Ini siapa ini?

Kalau kita pergi ke *Google*, kita tulis dia punya nama, *his credentials was peak beyond his ability*. Siapa dia itu? Dia seorang *research officer* yang sangat atasan di AG's Chambers. Saya hendak kata, saya baru *download* dari *internet*, orang ini. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca *credentials* dia kerana dia seorang yang sangat mustahak di AG's Chambers, yang menjalankan *researches* dan dia juga memberi tauliah-auliah, memberi ceramah-ceramah kepada peguam, kepada *in-house AG's, lawyers, DPPs, Magistrates, Session Court Judges, research officers*. Wah, ini bukan sebarang orang! Betul-betul seorang yang berkebolehan.

Jadi siapa orang ini? Apakah dia ada kelebihan dan kenapa dia dilantik? Kita tengok dia, nama dia dinyatakan di AG's Chambers, Gareth Richards. Ini saya hendak baca sedikit, dengan izin:

*"DEPARTMENT OF POLITICAL SCIENCE STATEMENT ON
THE TERMINATION OF APPOINTMENT OF ASSOCIATE
PROFESSOR, GARETH A. RICHARDS*

"The Department of Political Science, University of the Philippines, Diliman terminated the appointment of Mr. Gareth Api Richards as Associate Professor of Political Science effective 25 April 2004 due to his deliberate misrepresentation of his credentials. Specifically, Mr. Richards claimed in his biodata which he submitted to the department, that he was a Ph.D. Degree in Political Economy from the University of Manchester. However, following an official verification made by the department chair in early January 2004 with the Head of Department of Government, University of Manchester, it was confirmed that Mr. Richards was never conferred a doctorate degree from the said university.

The tenured faculty of the Department of Political Science, in its meeting on the 14 January 2004 unanimously decided to terminate the appointment of Mr. Richards after he admitted in his letter of 12 January 2004 (which he read before the tenured faculty) that he lied about having a Ph.D Degree. Such intellectual dishonesty clearly goes against the norms of academic life and must not be tolerated. Needless to say, the university supported the decision of the department and terminated Mr. Richards' appointment for cause. Mindful of his students' interests, the effective date of his termination was set at the end of the semester to allow Mr. Richards to finish his teaching duties. In order not to undermine whatever is left of his presumed moral authority while completing his responsibilities in the university, the department also decided to defer making an official announcement regarding his termination.

The department is issuing this official statement to set the record straight concerning the termination of Mr. Richards' appointment. Mr. Richards' case is clearly one of a lie, uncovered and exposed to light and nothing more. The members of the university community – its officials, the faculty and the students - along with other institutions within and outside the country were all deceived. Let us not allow ourselves to be deceived yet again, especially by intrigues misinformation and lies circulating within and outside the university that are meant to bury the truth, we serve no the purpose but to protect the ego of this person.

*THE FACULTY OF THE DEPARTMENT OF POLITICAL SCIENCE,
University of Philippines."*

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di Malaysia boleh. Dia bukan sahaja boleh dapat satu jawatan yang baik, tetapi gaji, ganjaran yang lumayan kerana ini *"Malaysia Boleh"*. *This is it. I am not surprised.* Saya langsung tidak fikir bahawa perkara-perkara ini tidak ditapis, tidak diketahui pasal *research officer*. *How can you compromise our national sovereignty?* Dia adalah satu antara pegawai yang terlibat dalam Pulau Batu Putih, pertikaian di antara Singapura dan Malaysia. Macam mana Peguam Negara boleh melantik beliau? Ini adalah satu perkara yang tidak perlu. Pembangkang tidak perlu. Saya bangun di sini dan memberi pandangan.

Sesiapa juga sekarang boleh pergi dengan *Google*, *you can type in* boleh dapat semua perkara. Saya ada lebih lanjut mengenai perkara ini, tetapi saya rasa penyiasatan yang menyeluruh perlu dibuat. Macam mana kita boleh kompromi kita punya *sovereignty*, kita punya *dignity* dan adakah ini dikatakan *"Malaysia Boleh"*?

Tuan Yang di-Pertua, orang ini bukan orang biasa. Dia bukan sahaja mendapat jawatan yang tinggi, tiba-tiba dia sudah naik atas beberapa *fantastic position* dia pegang. Yang kita khuatir adalah ini..., bila dia memberi syarahan beliau kepada *Deputy Public Prosecutor*, kepada majistret, apakah kaliber orang ini? Seorang yang *super crook* dan kita semua tahu peguam, *a prosecutor must not only prosecute but must not prosecute*. Macam orang ini, saya rasa dia mesti *prosecute*. *He will do danger to all and everyone in this country*, dengan izin.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak yang perlu dikaji, disiasat dan kalau boleh tindakan susulan diambil dengan segera. Saya tahu, saya difahamkan dia ada *connection* yang tinggi di *AG's Chambers*. Adakah *AG's Chambers* ini betul-betul bebas? Adakah *AG's Chambers* betul-betul menjalankan tugas untuk negara, kerajaan dan masyarakat dan bukan menjadi satu *creator* kepada kita. Saya khuatir bila negara saya, *sovereignty* dia digadai, kemungkinan dicagarkan, kemungkinan dijual untuk wang. Kita sudah baca semua *stories*, cerita-cerita semasa *cold war* dan sebagainya. Tidak perlu ini semua.

Di dalam negara ini sendiri, kita ada perkara macam ini. Macam mana ini boleh jadi? Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak. Jangan sampai negara Singapura esok hari kata bila mereka dapat menang kes berkaitan ini semua dan katakan semua dokumen ini. Fail-fail ini mereka mungkin peroleh kerana at *the end of the day*, dengan izin, *dollars and cents*.

Dia bukan seorang warganegara Malaysia. Jangan kata kepada sesiapa di negara lain. Bukankah di negara kita ada orang-orang yang selayaknya, seorang yang lebih berkelayakan? Kenapa orang-orang macam ini tidak boleh dilantik oleh Peguam Negara? Kita perlukan seorang *fraud*, seorang penipu, seorang yang *disincentive*, seorang yang tidak guna, yang telah disingkir oleh satu universiti di Philippines. Dia diberi *red carpet welcome* oleh Peguam Negara.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang *goes to the roots of the matter* yang perlu tindakan penyiasatan dan jika perlu ambil tindakan terhadap Peguam Negara. Hari itu saya ada kata Ketua Hakim Negara, bila dia tidak datang ke sini tetapi bila saya buat penyiasatan, saya rasa sekarang saya ada sedikit silap mengenai beliau kerana pegawai-pegawai tidak memberitahu Parlimen bahawa saya kata dia merata-rata, dia pergi ke seluruh dunia tetapi sebenarnya dia hanya pergi empat kali tahun dulu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi Tun Zainudin sebelum itu semasa dia menjadi Ketua Hakim Negara, 36 kali dia telah pergi.

Ini adalah satu perkara yang sangat serius yang saya khuatir. Apakah orientasi yang dia telah beri kepada majistret-majistret di negara ini, kepada Hakim-hakim Mahkamah Sesyen, kepada timbalan-timbalan pendakwa raya, kepada *research officer*, *assistant officer*, *deputy registrar* dan kepada menteri dan timbalan menteri? Ini saya rasa adalah satu perkara di mana dia patut disiasat. Kalau boleh hari ini juga tindakan diambil terhadap beliau. Jangan kita tunggu-tunggu. Jangan kita lupa banyak kes di seluruh dunia di mana kita tidak boleh membenarkan kompromi-kompromi macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu mengenai akta ini. Adakah kita betul-betul bersedia kalau katakan ia diluluskan hari ini, adakah pihak-pihak yang terlibat itu betul-betul sedia untuk mengimplementasikan perkara ini? Saya rasa ini tidak ada langsung kerana walaupun akta berkenaan Akta Ibu yang telah dibawa tahun dulu, sampai sekarang lebih kurang sudah sembilan bulan, tetapi pegawai-pegawai di seluruh negara di kebanyakan tempat *police station* yang saya pergi, saya nampak ini tidak ada infrastruktur-infrastruktur yang sedia, dan Ketua Unit Jenayah tidak tahu mengenai undang-undang ini.

Apalah lagi bila undang-undang ini diluluskan, apa dia tahu? Macam mana dia nak implementasikan? Bila saya bagi tahu kepada beliau bahawa seorang peguam ada hak untuk menemui suspek-suspek semasa dia ditangkap, dia cakap "Mana ada hak. Malaysia tidak ada undang-undang macam itu". Saya cakap "Malaysia boleh".

Kita sudah *pass* undang-undang tetapi belum diimplementasikan lagi. Jadi siapa yang boleh disalahkan? Boleh kita salahkan Yang Berhormat Menteri? Boleh kita salahkan Yang Berhormat yang lain-lain atau Peguam Negara atau *Research Officer* ini? Jangan kita lalai, jangan kita cuai, jangan kita abaikan kewajipan kita. Saya rasa tidak perlu kita ada undang-undang yang canggih, yang baik sekali, jika ia tidak memberi manfaat-manfaat kepada pihak-pihak yang diingini.

Saya harap tindakan diambil supaya menyelamatkan semua dan memberi perhatian, dan juga saya rasa undang-undang yang diluluskan tahun dulu ada satu undang-undang yang berkaitan, ada satu undang-undang yang bagus, yang sangat proaktif, yang sangat relevan pada masa ini. Dan saya ingin berterima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini yang telah membuat kerja yang baik termasuk pengerusinya dan juga tiga peguam di sana. Saya juga ingin berterima kasih kepada mereka.

Saya harap kerajaan akan memberi, *take special care of this people*. Bila mereka datang ke Ipoh, kita pun ada beberapa perbincangan dan ini adalah perkara-perkara yang khusus, yang saya rasa itu adalah satu di antara yang saya rasa sangat seronok kerana bila Jawatankuasa Pilihan Khas ini, satu yang luar biasa, yang rasa lebih *berrepresentative*. Turun ke padang, berbincang, mendapat pandangan dari orang ramai.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik dan saya ucapkan syabas kepada jawatankuasa tersebut termasuk pengerusi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh. Selepas itu Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Seputeh dan Tuaran.

6.53 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa amat kesal sebagai salah seorang anggota dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini yang undang-undang atau pindaan Kanun Keseksaan, yang mana telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun lepas dan ia juga telah diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 dan diwartakan pada 5 Oktober 2006, sekarang kita kena bahaskan lagi di Dewan yang mulia ini.

Kalau kita semua ingat, dalam sidang Parlimen pada Disember 2006, kami pernah mendesak dan tanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari Padang Rengas, bilakah yang kedua-dua rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan dan beliau memberi jawapan "Pada 1 Januari 2007" dan ini disiarkan dalam semua akhbar.

Bukan sahaja saya, banyak NGO dan juga peguam, mereka memang ingat yang kedua-dua rang undang-undang yang telah diluluskan, diwartakan ini akan dikuatkuasakan. Sehingga pada Mac tahun ini, bila saya diberitahu oleh seorang peguam, bahawa kedua-dua rang undang-undang yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini masih belum dikuatkuasakan.

Selepas itu kita baca dalam surat khabar bahawa Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah diwartakan pada 5 Mac dan bila saya teliti apa yang diwartakan itu, saya rasa sangat hairan. Sekarang kita bahas tentang Rang undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan), yang diwartakan pada 5 Mac, maksudnya dikuatkuasakan penguatkuasaan rang undang-undang itu adalah *Penal Code* tahun 2003 mengenai *Terrorism Offences*.

Jadi saya rasa, kenapakah Jabatan Peguam Negara menguatkuasakan rang undang-undang pada tahun 2003 ini, walhal dalam bahagian kesalahan *terrorism*, yang sebenarnya Jawatankuasa Pilihan Khas telah membuat banyak pindaan dan kami telah meletakkan *safeguard* supaya tak ada orang akan dijadikan mangsa dalam kesalahan *terrorism* dan kami juga telah *fine tune* definisi *terrorism* yang telah banyak dikritik dalam rang undang-undang 2003 ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Sungai Petani dia bahas lagi tentang kes rogol. Sebenarnya apa yang dibentangkan di Dewan kita sekarang ini semua telah pun kita bahas dan apa yang tukar? Saya rasa amat kesal kalau ramai pemberita bila mereka ambil rang undang-undang ini, mereka tanya saya apa yang baru.

Mereka mahu tulis laporan berita. Jadi saya beritahu mereka tak ada apa-apa yang baru kecuali seksyen baru 11A dan seksyen baru 11B. Hanya kedua-dua ini yang baru. Yang lain itu semuanya sangat minor, pindaan yang sangat minor. Yang sangat begitu kecil sahaja.

Misalnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan kita lihat muka surat dua, *Punishment for rape*. Dalam fasal 376(1), apa yang ada ialah sebenarnya dia hanya tambah perkataan "*shall be punished with imprisonment*". Dua perkataan, "*with imprisonment for a term...*". Sekiranya tak ada *with imprisonment*, kita semua faham ia memang dah bermaksud *imprisonment*.

Ia sebenarnya tak tukar tapi apa yang kita lihat ialah yang tengok dekat *drafting*. *Drafting* rang undang-undang ini yang dua muka ini hanya dua perkataan dimasukkan, tapi bila ia disebarkan, dibentangkan dalam Dewan ini, bagi orang yang tak tahu apa yang telah pun kita pinda pada tahun lepas, mereka ingat wah, ada *major*. Pindaan yang begitu *major*, begitu banyak. Yang sebenarnya ia hanya dua perkataan.

Lepas itu kalau kita lihat muka surat empat, sebenarnya dalam muka surat ini iaitu mengenai *terrorism offences*. Hanya dia tambah dalam seksyen 5 berhubung dengan seksyen 130B. Hanya lima perkataan sahaja dimasukkan tapi kita lihat semua disalin sekali lagi. Muka surat lima dalam kandungan rang undang-undang ini, kita lihat apa yang tukar Tuan Yang di-Pertua, dia *a, b, c, d, e, f, g*. Sebenarnya apa yang asalnya dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ialah 1, 2, 3, 4. Jadi dia tukar kepada *a, b, c, d, e*.

Sebenarnya, sama ada dia 1, 2, 3, 4 atau *a, b, c, d, e* sebenarnya semua adalah maksudnya sama. Jadi apa yang tukar ialah macam *a, b, c, d* dan yang muka surat enam beberapa pindaan yang begitu kecil sahaja. Kalau tanpa pertukaran ini, ia masih boleh dikuatkuasakan dan tak perlu kita bahaskan sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dan ini memang mengelirukan Dewan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Pada pengetahuan saya, saya sudah sedikit tua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha? Dah tua Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada satu akta kalau saya tidak silaplah yang boleh memberi kuasa kepada *consequential amendment*. Tak perlu datang ke Parlimen membuat *amendment-amendment, refreshing of section, refreshing of sudden aspect* pada pengetahuan sayalah.

Saya rasa akta itu adalah pada 60-an di mana ia memberi kuasa kepada Peguam Negara jika ada kesalahan-kesalahan di sini, di akta tersebut. Ia memberi dengan izin, *enabling the AG to make the necessary consequential amendment without necessity of coming back to the Dewan*. Jadi kalau sedemikian, pada pengetahuan saya tak perlu datang untuk membuat penukaran-penukaran yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, setujukah dengan saya kalau akta itu ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, memang saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penerangan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semalam bila saya tengok, saya pergi menyemak pindaan rang undang-undang yang kita telah dibahaskan di Dewan yang mulia ini dan juga rang undang-undang yang baru ini, saya dapati sebenarnya satu muka surat sudah cukup, tetapi apa yang kita lihat ialah begitu banyak, Bahasa Malaysia ada tujuh muka surat dan Bahasa Inggeris ada enam muka surat.

Cara rang undang-undang ini sebenarnya menjadikan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen kita ini semua macam orang bodoh, yang kita tidak tahu macam mana menggubal, macam mana membuat pindaan ke atas undang-undang? Sebenarnya kami telah pun dibantu oleh anggota daripada Jabatan peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sama seperti Yang Berhormat bagi Santubong, dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Kami memberi penghargaan yang amat tinggi kepada anggota daripada Jabatan Peguam Negara yang telah membantu Jawatankuasa Pilihan Khas kita ini.

Saya rasa kalau sekiranya Jabatan Peguam Negara ingin mengadakan kenaikan pangkat tanpa gaji atau apa, mereka haruslah diberi keutamaan kerana kami pernah tengok macam mana mereka bekerja bersama dengan kami khususnya pada hari-hari terakhir kami berada di bangunan Parlimen sampai jam 2.00, 3.00 pagi. Ini cara mereka bekerja dan mereka telah menunjukkan teladan yang begitu baik bagi kakitangan yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Pengerusi perlu diberi pujian jugalah ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya bersetuju juga. Yang Berhormat Menteri dengan sikap terbukanya, semua itu telah pun menyebabkan kita semua bekerjasama membentangkan rang undang-undang yang saya rasa, saya tidak mengatakan ini paling baik, tetapi ia telah memuaskan, memenuhi kehendak orang ramai ke atas ketidakcukupan dalam Akta Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagiakah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tak ada, tak ada. Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dalam Peraturan Mesyuarat di Parlimen yang baru, yang telah dibentangkan pada sidang yang lepas, ada satu frasa mengenai, seseorang ahli tidak boleh memesongkan Dewan. Jikalau tidak, ia boleh dihantar kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Kita lihat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sebenarnya apabila dia berkata bahawa kedua-dua Rang Undang-undang Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah ini akan dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun 2007, sebenarnya dia telah memesongkan Dewan yang mulia ini dan memesongkan seluruh negara.

Siapakah yang menyebabkan dia buat kesalahan, kesilapan untuk memesongkan Dewan yang mulia ini, dan kita tidak merujuk dia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ialah Jabatan Peguam Negara. Saya tidak salah. Anggota dan pegawai dari Jabatan Peguam Negara yang membantu Jawatankuasa Pilihan Khas bagi kami, saya rasa yang bersalah dan yang harus memikul tanggung jawab adalah Peguam Negara sendiri. Kalau boleh, saya rasa Peguam Negara haruslah dikritik oleh Parlimen. Kalau boleh mungkin dipecat daripada jawatannya.

Selain daripada itu, saya juga bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Santubong bahawa *drafting section*, Bahagian Penggubalan di Jabatan Peguam Negara haruslah dipindahkan ke Parlimen kerana kita ini *low maker*. Kita ini *legislative body*. Kita yang seharusnya mengeluarkan undang-undang dan bukannya dari Jabatan Peguam Negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, juga sokong cadangan daripada kami. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tak ada kuasa berikan komen. Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya harap Yang Berhormat bagi Tuaran tidak panjang ya?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pendek, saya punya pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, lagi pendek, lagi baik.

7.04 mlm.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya bukan seorang peguam dan saya tidak ada pengalaman bekerja di pihak polis. Jadi dalam kesempatan yang ringkas ini saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah pihak polis menentukan sama ada sesuatu kes itu diambil di bawah Kanun Keseksaan ataupun undang-undang yang lain?

Saya ingin merujuk kepada satu insiden yang dilaporkan di akhbar-akhbar di Sabah semalam, di mana terdapat sebuah NGO yang dipanggil Angkatan Petugas Pemantau Pendatang Asing Negeri Sabah, badan bukan kerajaan. Kononnya badan bukan kerajaan atau NGO ini, terlibat dalam pembikinan atau pembuatan kad-kad pengenalan, dan pihak polis telah berjaya menangkap orang-orang yang terlibat.

Pihak polis di dalam penyiasatannya mendapati bahawa, pihak NGO ini telah mengenakan yuran sebanyak di antara RM400.00 hingga RM800.00 kepada pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah, dan sebilangan kad-kad pengenalan tersebut telah dikeluarkan yang serupa dengan kad-kad pengenalan *Mykad*. Persoalan saya di sini ialah, bagaimanakah pihak polis dapat menentukan bahawa pihak yang terlibat ini telah dikenakan pertuduhan? Pertuduhan yang telah dikenakan ialah di bawah seksyen 402, Kanun Keseksaan.

Persoalannya di sini ialah, adakah dalam seksyen ini, saya difahamkan hanya bagi pertuduhan untuk orang-orang yang terlibat dalam penipuan? Satu genre penipuan, tetapi oleh sebab genre ini berlaku dalam hal membuat kad pengenalan, sesuatu genre yang saya anggap begitu serius, begitu berat, sebab ini bertentangan dengan suatu pemberian kewarganegaraan.

Dalam hal ini saya ingin bertanya, mengapakah pihak polis tidak membuat keputusan selain daripada mengambil Kanun Keseksaan seksyen 402 ini? Mengapa tidak mengambil mereka ini dan dicaj ataupun dikenakan pertuduhan di bawah Akta Pendaftaran Negara Kepada orang-orang yang terlibat seperti ini?

Saya suatu ketika dahulu di Dewan yang mulia ini, kita telah membuat pindaan dalam Akta Pendaftaran Negara di mana orang-orang yang terlibat di dalam hal-hal seperti ini juga akan dikenakan berbagai-bagai denda dan sebagainya. Jadi, persoalan saya di sini ialah mengapakah pertuduhan hanya dikenakan di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang lain?

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, orang-orang yang terlibat dalam pemalsuan kad-kad pengenalan iaitu pemalsuan kewarganegaraan haruslah dikenakan pertuduhan di bawah apa yang kita katakan. Oleh sebab perkara ini adalah bertentangan dengan kehendak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu memberikan kewarganegaraan dengan sewenang-wenangnyanya.

Pada hari ini, pihak Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah telah menyatakan bahawa kumpulan NGO ini kononnya telah meminta kebenaran daripada Jabatan Ketua Menteri untuk menjalankan kerja-kerja ini, tetapi pihak Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah telah menolak, telah tidak meluluskan permohonan mereka, tetapi mereka masih terus lagi menjalankan kerja-kerja tersebut semenjak tahun lepas sehinggakan telah menghasilkan kad-kad pengenalan palsu.

Jadi, saya mohon penjelasan. Secara kebetulan Yang Berhormat juga adalah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga menjaga hal-hal mengenai kewarganegaraan ini. Saya ingin bertanya, sama ada hal-hal kewarganegaraan ini hanya diambil apabila nanti ada pertuduhan, hanya di bawah Akta Kanun Keseksaan ataupun undang-undang lain terutama sekali dalam Akta Pendaftaran Negara? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Menteri, sila.

7.08 mlm.**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:**

Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Santubong, Sungai Petani, Ipoh Barat, Seputeh dan Tuaran yang terakhir sekali, yang telah bangun untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa nombor satu, saya akan hanya menjawab soalan yang berkaitan dengan pindaan ini sahaja.

Kedua, saya ingin menegaskan di sini bahawa semasa saya mengemukakan rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Pindaan A1273 dan A1274 pada bulan Mei tahun 2006. Ketika itu saya menjawat jawatan yang ada berkaitan dengan kelulusan undang-undang negara, tetapi sekarang ini saya telah pun bertukar kementerian dan menjawat jawatan sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh sebab itu, apa yang saya ingin menjelaskan di sini ialah tentang cadangan pindaan kepada rang undang-undang ini. Saya berharap bahawa saya tak perlu lagi mengulangi apabila saya membentangkan satu lagi rang undang-undang yang ada kaitan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas.

Saya ingin hendak menegaskan di sini bahawa akta ini ataupun rang undang-undang ini tidak melalui proses biasa. Ia seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong, dihasilkan oleh satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Dewan yang mulia ini, yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini.

Kebiasaannya kita pun sedia maklum, rang undang-undang bermulanya daripada Jabatan Peguam Negara dan digubal, diperiksa, diteliti dan kesudahannya dibawa selepas persetujuan Kabinet ataupun kerajaan di bawa ke Dewan yang mulia ini untuk di bahas dan diluluskan. Rang undang-undang ini, iaitu Akta A1273 dan juga A1274, digubal oleh jawatankuasa ini, Jawatankuasa Pilihan Khas, yang mana jawatankuasa ini diberi masa pada mulanya setahun sahaja untuk menggubal.

Dalam masa itu, seperti mana yang diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat bagi Santubong, jawatankuasa ini menjelajah ke seluruh negara mendengar pandangan dan pendapat daripada pelbagai golongan masyarakat, termasuk orang profesional, NGO dan lain-lain, dan juga melawat ke luar negara untuk mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang jenayah di negara-negara tersebut, seperti Australia dan New Zealand.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akhir sekali, apabila tidak mempunyai jawatankuasa ini untuk menyiapkan laporannya dalam masa setahun, maka Dewan yang mulia ini juga memberi masa yang lanjut iaitu selama satu tahun lagi untuk jawatankuasa tersebut menyiapkan rang undang-undang itu. Pada bulan Mei tahun 2006, tamatlah tempoh dua tahun dan tergesa-gesalah jawatankuasa ini untuk menyiapkan laporan yang telah di siap dan dibentangkan dalam bentuk buku, yang ada dalam tangan saya ini kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat.

Selepas di bahas dengan panjang lebar selama beberapa hari, mengupas satu persatu cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh jawatankuasa berkenaan, yang menyentuh pelbagai aspek jenayah dalam negara kita, khususnya yang berkaitan dengan jenayah-jenayah seksual dan juga hukuman-hukuman terhadap mereka yang melakukan kekerasan seperti kes ragut dan seterusnya, maka Parlimen ataupun Dewan yang mulia ini meluluskannya. Selepas dibawa ke Dewan Negara, dibahaskan di sana dengan panjang lebar, baru diluluskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Hendak beri jalan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri menunjukkan buku-buku tebal itu. Saya pernah baca di sana, dan satu diantaranya rekomendasi yang di buat oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri adalah *Coroner's Act*. Jadi, apa yang terjadi terhadap perkara tersebut?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya akan jawab soalan itu kemudian apabila masanya sampai. Apa yang saya sedang menerangkan tadi, selepas diluluskan oleh Dewan Negara dan pada bulan September diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan pada 5 Oktober disiarkan di dalam warta.

Pada ketika itu, Parlimen sedang bersidang dalam satu persidangan yang panjang kerana kita semua tahu lazimnya, hujung tahun. Selepas rang undang-undang itu diwartakan, barulah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk dikaji oleh pegawai-pegawai yang ada berkaitan dengan masalah penggubalan undang-undang di sana.

Apabila disemak, walaupun seperti mana yang kita sedia maklum dan diterangkan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas, seperti Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Seputih, tiga pegawai yang membantu jawatankuasa itu meneliti dan membantu jawatankuasa dengan begitu cekap sekali, tetapi malangnya terdapat beberapa kesilapan.

Kesilapan yang bukan besar, kesilapannya merupakan kesilapan teknikal sahaja, berkenaan dengan sebutan, kesilapan taipan dan rujukan seksyen di samping tanda baca, koma tetapi tidak menyentuh perkara substantif. Seperti mana yang telah saya terangkan dalam pindaan ini, ada 4 perkara sahaja yang hendak dipinda. Walaupun dalam bahasa Inggerisnya, *it may appear* tetapi ia terjadi begitu.

Dalam rang undang-undang ini, Akta Kanun Keseksaan, bahasa Inggerisnya itu, dia tidak menyebut dengan tepat. Ia ada *the missing words*, dengan perkataan, *with imprisonment* itu, tidak termasuk dalam seksyen 376 yang dicadangkan. Apabila dikaji pula ternampak lagi dua kesilapan, juga teknikal, cukup teknikal.

Ini kerana apabila dipinda seksyen 396 berkaitan dengan rompakan berkumpul, perkataan sepatutnya ialah perkataan dua, digunakan bukan perkataan lima kerana ini telah pun dipinda oleh seksyen 391. Ini kesilapan cukup teknikal dan seharusnya diperbaiki. Begitu juga dengan seksyen 130B. Walaupun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tadi, Yang Berhormat Menteri kata bahawa ada kesilapan-kesilapan teknikal yang kecil, *numbering* dan lain-lain. Kalau begitu, kenapa rang undang-undang yang diluluskan dengan perubahannya substantif, yang penting, tidak dikuatkuasakan dahulu? Ini kerana apa yang mustahak ialah bahawa ada perubahan yang substantif dan *technical error*, boleh datang balik ke Parlimen supaya mengadakan pindaan. Yang pertama.

Kedua, adakah itu sebab yang sebenar atau ada udang di sebalik batu, ada tujuan yang lain. Oleh kerana itu, bolehkah satu jaminan dibuat bahawa selepas pindaan kali ini rang undang-undang ini atau akta ini akan dikuatkuasakan dan tanpa apa-apa *delay* atau sabotaj? Apa yang berlaku sebenarnya ialah sabotaj. Kenapa jawatankuasa pilihan tidak dipanggil untuk bermesyuarat kalau mahu membuat pindaan yang baru sungguhpun teknikal? Bukankah munasabah bahawa *Select Committee* yang dipanggil balik.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya sebut teknikal kerana ia memang teknikal tetapi jika dibiarkan sedemikian rupa ia akan menimbulkan pelbagai kekeliruan di kemudian hari. Oleh kerana itu, pihak Jabatan Peguam Negara bercadang supaya diperbetulkan dahulu sebelum ia dikuatkuasakan.

Memang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun memberi perakuan selepas rang undang-undang ini diwartakan pada bulan Oktober, telah memberi jaminan bahawa rang undang-undang akan dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari, tetapi oleh kerana kesilapan itu telah pun dilihat dan diketahui oleh pihak Jabatan Peguam Negara, maka mereka mencadangkan agar dibawa satu pindaan.

Inilah kali yang pertama kita bermesyuarat selepas Parlimen pada tahun ini, maka diambil kesempatan untuk mengemukakan pindaan ini. Pindaan ini walaupun teknikal tetapi jika dibiarkan begitu dia mungkin mencemar undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu tidak ada sebab kenapa ada dua orang anggota *Select Committee* dan bukan sahaja daripada pihak pembangkang tapi juga dari Barisan Nasional. Ini menunjukkan ini satu perasaan yang melampaui batasan parti politik yang rasa ada satu kuasa yang mahu sabotaj cadangan *Select Committee* itu. Kenapa boleh berlaku?

Kalau anggota daripada pembangkang sahaja boleh katalah ini kami kacau tapi ini daripada Yang Berhormat bagi Santubong yang sangat veteran, yang sangat dihormati daripada Yang Berhormat bagi Seputeh. Bukankah jaminan bahawa usaha-usaha untuk mensabotaj usaha yang dijalankan oleh *Select Committee* tidak akan dibenarkan untuk berjaya.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bukan sahaja Yang Berhormat bagi Santubong yang berasa dukacita tapi saya sendiri sebagai pengerusinya berasa dukacita.

Jadi saya ingin memberikan jaminan di sini bahawa selepas pindaan ini diluluskan oleh Dewan ini dan oleh Dewan Negara dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan pengisytiharan wartanya ia akan dikuatkuasakan secepat mungkin, insya-Allah.

Saya hanya hendak membentangkan pindaan ini kerana saya percaya bahawa pindaan ini perlu diperbuat dan dipinda oleh Dewan yang mulia ini dan saya hendak memberi jaminan bahawa ini adalah pindaan-pindaan yang kecil sahaja. Tidak ada undang di sebalik batu, dan sebab ini berlakunya kerana prosedur yang agak unik.

Undang-undang ini digubal oleh jawatankuasa di Dewan ini dan dibawa kepada Jabatan Peguam Negara. Selalunya undang-undang dibawa daripada Jabatan Peguam Negara ke Dewan ini. Jadi itulah yang timbul masalah, kerana apabila diluluskan pada bulan 10, Dewan sedang bersidang maka tidak ada masa untuk dibawa pindaan pada ketika itu.

Pada tahun ini, Dewan bersidang kali yang pertama. Pada tahun ini maka kesempatan diambil membawa rang undang-undang ini untuk dipinda dan jika diluluskan oleh Dewan ini, insya-Allah dan oleh Dewan Negara kemudiannya, maka kita akan kuatkuasakan undang-undang ini. Saya akan pastikan undang-undang ini dikuatkuasakan sebab saya ini pengerusinya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana kita dimaklumkan bahawa rang undang-undang ini adalah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 selepas diluluskan oleh dua Dewan ini. Ini bererti bahawa lebih daripada setengah tahun.

Dalam enam tujuh bulan ini, adakah usaha sudah dijalankan untuk memberi taklimat dan untuk memberi maklumat kepada semua pihak polis supaya mereka tahu apa dalam akta-akta yang baru ini atau ini dibiarkan sehingga akta-akta baru. Dengan pindaan barulah mungkin usaha dijalankan atau ada usaha-usaha menunjukkan bahawa kerajaan serius dengan perubahan-perubahan akta-akta jenayah ini.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan oleh Jabatan Peguam Negara dan pihak polis bahawa usaha-usaha telah pun dibuat untuk menerangkan khususnya kepada pegawai-pegawai polis di kolej-kolej polis agar mereka memahami pindaan yang telah dibuat untuk mereka bersiap sedia menghadapinya.

Selain daripada itu saya difahamkan pihak penjara juga telah dimaklumkan dan mereka telah menjalankan pelbagai usaha untuk menyiapkan infrastruktur yang sesuai untuk menerima pindaan ini bersangkut-paut dengan rehabilitasi dan sebagainya.

Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah juga bersiap sedia untuk melaksanakan hukuman melalui komuniti servis yang telah dimasukkan buat pertama kalinya atas cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan saya berasa yakin bahawa selepas pindaan ini diluluskan oleh dua-dua Dewan yang mulia ini ia akan dilaksanakan secepat mungkin.

Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi saya memberi jaminan dalam Dewan yang mulia sebagai bekas pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memastikan walaupun saya telah berpindah ke kementerian lain untuk memastikan bahawa peruntukan undang-undang yang telah diluluskan telah diusahakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan dilaksanakan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Selain daripada itu, saya ingat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan lain-lain lagi saya ingat mungkin tiada berkaitan dan telah pun dibahaskan dengan begitu panjang sekali.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Mengenai koroner itu?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Ya. Selain daripada itu juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah membangkitkan berkenaan dengan satu personaliti yang kononnya bekerja di Jabatan Peguam Negara. Saya akan menyiasat perkara ini dan akan memaklumkan kepada Peguam Negara dan akan memaklumkan kepada Jemaah Menteri untuk melihat perkara ini dan jika ia betul kita akan laporkan balik kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tentang cadangan yang termaktub dalam laporan ini berkaitan dengan *inquiry* inkues ataupun mahkamah inkues. Kita telah mencadangkan supaya mahkamah itu ditubuhkan khas dan tidak bersangkut-paut dengan prosedur *court* yang telah kita adakan dan perkara ini telah pun dibawa dalam pengetahuan kerajaan dan insya-Allahlah kalau dilaksanakan ia akan dilaksanakan sebagai satu undang-undang khas yang mengandunginya dan tidak bersangkut-paut dengan atur cara jenayah di negara kita ini. Itu yang saya telah dimaklumkan.

Selain daripada itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk memberi pandangan dan apa sahaja yang telah disyorkan, cadangkan kita akan ambil ingatan dan insya-Allah untuk dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dala m Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri. Sila.

7.29 mlm.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2006 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, silakan.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum satu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 telah ditubuhkan pada 20 Julai 2004 menurut peraturan 54(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Jawatankuasa tersebut telah pun membentangkan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004, pada 8 Mei 2006. Laporan tersebut mengandungi pandangan serta syor Jawatankuasa mengenai peruntukan dalam kedua-dua rang undang-undang itu.

Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 September 2006 dan telah disiarkan dalam Warta pada 5 Oktober 2006 sebagai Akta A1274. Subseksyen 1(2) akta itu memperuntukkan akta itu akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

Setakat ini seksyen 9, 20 dan perenggan 33(b), (f), (g) dan (h) akta itu telah mula berkuat kuasa pada 6 Mac 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006. Rang undang-undang ini mengandungi 10 fasal.

Fasal 1 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan serentak dengan permulaan kuat kuasa Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006, Akta A1274.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta A1274 untuk membetulkan kesilapan ejaan yang terdapat dalam takrif *useful offender* dalam teks Bahasa Inggeris.

Fasal 3 bertujuan untuk membetulkan kesilapan rujukan dalam seksyen yang hendak dipinda iaitu seksyen 372, 372A, 372B, 376, 376B, 377C, 377C(a), 377E dimasukkan selepas seksyen 369 dan bukannya menggantikan seksyen 376, 377C, 377E.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 untuk membetulkan sebutan mengenai *Third Schedule* dalam seksyen 20A Kanun Tatacara Jenayah kepada *Fourth Schedule* kerana jadual ketiga yang ada sekarang belum dipotong oleh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta A1274 dengan menombori semula seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah kepada subseksyen untuk kemudahan rujukan dan untuk membetulkan tanda baca.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta A1274 untuk membetulkan penggunaan tanda baca noktah bagi seluruh subseksyen 107C Kanun Tatacara Jenayah.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta A1274 untuk memasukkan perenggan 32(i) dan (j) Akta Keterangan 1950 ke dalam subseksyen 1134 Kanun Tatacara Jenayah memandangkan perenggan itu dengan tidak sengaja, tidak dimasukkan.

Fasal 8 bertujuan untuk memperkemas pengertian *service community* dalam subseksyen 2931 Kanun Tatacara Jenayah yang dipinda oleh seksyen 27 Akta A1274.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda perenggan 33E Akta A1274 untuk memasukkan perkataan "*fine off*" yang tertinggal dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 225B dalam jadual pertama Akta 593 semasa penggantian denda dengan penalti baru.

Akhir sekali fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta A1274 untuk menggantikan *Third Schedule* dengan *Fourth Schedule* sebagai pindaan berbangkit kepada Fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk membetulkan peruntukan dalam Akta A1274 yang melibatkan tatacara substantif undang-undang jenayah yang boleh memberi implikasi yang wajar dielakkan. Tidak ada pindaan yang substantif dibuat melainkan dalam konteks dan skop yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta menyokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang ini teknikal, tak payahlah panjang-panjang. Tidak ada pindaan Akta Ibu.

7.36 min.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap sedikit sahaja. Sekali lagi saya ingin menyampaikan kekesalan saya terhadap rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini kerana khususnya rang undang-undang ini melibatkan orang ramai kerana Jawatankuasa Pilihan Khas, kami telah pun meminda seksyen 113, seksyen 115, seksyen 117 yang mana ini adalah melibatkan orang ramai.

Saya berasa amat kesal apabila menengok orang yang dibabitkan kesalahan yang begitu kecil macam di kawasan saya, seorang tua yang miskin, dia jual empat ekor. Dia dimasukkan ke dalam lokap selama satu minggu. Kalau mengikut rang undang-undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas, perkara ini tidak akan berlaku tetapi kerana kelewatan dan juga kecuaiannya daripada Jabatan Peguam Negara khususnya Peguam Negara sendiri yang menyebabkan semua proses ini diulangi semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak mempertikaikan terhadap muka surat dua yang di bawah prosedur *on search of a person 20A*, yang mana apa yang kami letak dalam rang undang-undang asal ialah *Third Schedule* tetapi ia ditukarkan kepada *Fourth Schedule*. Tetapi apa yang saya tahu ialah sebenarnya yang *Third Schedule* itu telah pun dilupuskan, jadi apa yang kita bentangkan itu iaitu pemeriksaan tubuh badan ini sebenarnya haruslah menggantikan *Third Schedule* yang telah pun dilupuskan.

Saya tidak faham kenapakah ia diletakkan sebagai *Fourth Schedule* dalam rang undang-undang ini. Juga saya rasa kesal sekali yang *numbering* ini telah pun dijadikan isu yang kami letak koma, dia letak *full stop* sekarang dan apa yang diletak a, b, c, d ditukar sekali lagi kepada *numbering*, pindaan yang begitu *minor* ini telah pun melewati pindaan rang undang-undang yang begitu penting dilewatkan daripada dikuatkuasakan.

Akhir sekali ialah tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi ialah tentang sama ada bilakah latihan ataupun *awareness session* akan diberi kepada pegawai polis kita. Sebenarnya pada dua atau tiga bulan yang lepas, bila saya jumpa dengan OCPD kawasan saya, bila sebutkan tentang pindaan yang kami telah pun luluskan di kedua-dua Dewan di Parlimen, beliau langsung tidak tahu, Dia sebagai OCPD tidak tahu.

Sekarang, tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Jabatan Peguam Negara akan memberi mereka latihan dan juga taklimat mengenai pindaan yang kita buat itu. Bilakah ia akan dilakukan dan bilakah yang kesemua ini akan dikuatkuasakan, jadi semua peguam kita, semua pegawai polis kita, mereka sedar semua pindaan yang begitu penting yang melibatkan orang ramai itu telah pun dibetulkan.

Saya berharap pihak kerajaan dan pihak Jabatan Peguam Negara harus memberitahu orang ramai bilakah ini akan dikuatkuasakan dan bilakah semua taklimat itu akan diberi kepada semua pegawai polis, semua balai polis kita di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat Menteri sila.

7.38 mlm.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seputeh yang telah bangun untuk memberi sedikit sebanyak pandangan dan pendapat beliau berkaitan dengan undang-undang pindaan ini.

Saya ingin menjelaskan di sini ataupun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semasa kita mengadakan persidangan di seluruh negara, pasukan ataupun kumpulan yang kerap sekali berhadapan dengan Jawatankuasa ialah kumpulan daripada pegawai-pegawai polis ataupun pegawai-pegawai kanan polis yang datang bukan sahaja berjumpa kita di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar lain kerana mereka memandang berat tentang beberapa pindaan yang kita cadangkan.

Saya percaya dengan komitmen yang diberikan oleh pihak polis, sudah tentu apabila undang-undang ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan kerana mereka yang akan menjadi pelaksana undang-undang ini akan sudah tentu akan begitu arif dan akan mengambil tahu tentang pelaksanaan undang-undang ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan, ia akan menjadi undang-undang negara. Seperti mana yang kita sebut dalam bahasa Inggeris, "*Whether you like it or not*", itulah undang-undangnya.

Jadi saya percayalah pihak polis akan mengambil maklum bahawa pindaan telah pun dibuat, dipersetujui oleh Dewan ini, diluluskan oleh Dewan ini maka itulah akan menjadi undang-undang di atas Akta Jenayah di negara kita. Pihak polis saya percaya akan menjalankan tugas mereka berpandukan kepada undang-undang yang telah diluluskan. Walaupun saya tahu, undang-undang ini telah membawa satu perubahan yang besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kita sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana tadi saya bincang soalan pemindahan *drafting* kepada Parlimen dan satu lagi sepatutnya kita tidak mengenakan kepada sesiapa khususnya kepada tiga peguam yang membantu kita dalam jawatankuasa khas tapi saya juga dimaklumkan, saya baru keluar tadi, bahawa Jagjit Singh telah di pindah daripada bahagian *drafting* ke bahagian lain, oleh sebab diletakkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang ini kepada beliau.

Kita sepatutnya jangan mengenakan sesiapa, oleh sebab proses tadi tidak terlaksana. Jadi kalau seorang itu terkena kita semua bertanggungjawab terhadap kesalahan itu. Bahkan Dewan in sendiri yang telah meluluskan undang-undang ini. Jadi saya berharap pihak menteri bercakap dengan AG ini supaya jangan dikenakan orang yang banyak bekerja banyak kepada ini.

Jadi yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Itulah saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah berucap.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya hendak maklum oleh sebab soalan, orang yang terkena oleh sebab kesalahan dalam ini. Jadi kita tidak mahu orang jadi *victim*, kelemahan apa yang telah berlaku. Jadi semua ini bukan dirancang. Jadi kita tidak boleh salahkan si anu, si anu, si anu tapi oleh kerana kesalahan berlaku, pemindaan telah di bawa ke sini dan seseorang itu telah di pindahkan. Padahal, saya sendiri Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah cakap itu tadi dah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Belum, ada satu perkara yang belum saya cakap. Iaitu saya selalu menekan bahawa apabila kamu duduk dalam Jawatankuasa Khas ini, saya kata, "*You are* bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Khas bukan kepada AG bukan kepada menteri, bukan kepada siapa tapi kepada Jawatankuasa Khas. Jangan cuba hendak mempengaruhi apa pandangan-pandangan dari orang melainkan *appear* di depan jawatankuasa".

Saya pernah menegur Anselam, saya pernah menegur Jagjit Singh, saya penah menegur Nik saya pernah menegur semua pegawai. Ingat ini Jawatankuasa Khas lantikan Parlimen. Kita kena akur dengan *mandate* Parlimen bukan kepada sesiapa. Jadi apabila seseorang itu menjadi *victim*, saya rasa terkena Tuan Yang di-Pertua. Jadi jangan divictimizekan seseorang dalam sini. Jadi saya minta *assurances* daripada menteri supaya dia *reinstate* mana tempat yang dia suka bekerja.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya berasa amat kesal mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Santubong tadi yang menceritakan tentang seorang pegawai yang bersama-sama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas itu yang telah menjadi kononnya seorang *victim* kepada pekerjaan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Tadi.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa ini adalah kali yang ketiga dalam negara kita yang merdeka, di mana satu Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan untuk mengkaji satu rang undang-undang. Maka seharusnya kita berasa bangga kerajaan kita mengambil satu sikap yang terbuka. Dengan mengemukakan dua rang undang-undang yang begitu mustahak, perkara pengurusan perundangan jenayah dalam negara kita kepada satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk mengkaji dan membawa undang-undang itu ke seluruh negara meneliti, mendapat pandangan dan pendapat orang ramai.

Ini adalah satu badan yang tertinggi sekali selain daripada Dewan yang mulia ini. Dianggapkan sebagai mini Parlimen bersidang ketika jawatankuasa pilihan khas itu bersidang ke seluruh negara. Apabila jawatankuasa ini membuat cadangan dan kesudahannya di terima oleh Dewan yang mulia ini maka *there is no argument* Orang Putih panggillah, tidak ada siapa yang akan mempersoalkan lagi. Itulah undang-undangnya itu. Itulah cara yang terbaik menggubal undang-undang yang sebenarnya.

Iaitu melalui Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat dan mendengar pandangan dan pendapat rakyat, menjelajah di seluruh negara dan menggubal undang-undang itu kesudahannya di bawa ke dalam Dewan ini, di bahas dan diluluskan tapi malangnya, maaf Yang Berhormat, saya hendak habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: ...Malangnya dalam menggubal undang-undang dia ada berbagai-bagai perkataan yang teknikal yang perlu dihalusi dan oleh sebab jawatankuasa ini hanya mempunyai tiga orang pegawai undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara yang saya tahu mereka bekerja bertungkus lumus, bekerja yang begitu baik dan perkhidmatan yang mereka beri adalah amat cemerlang sekali tetapi malangnya ada perkara-perkara yang teknikal, yang perlu dikajikan oleh satu pasukan ataupun satu bahagian khusus untuk melihat tentang masalah penggubalan, bahasa, ejaan dan lain-lain lagi.

Maka terjadilah sedikit sebanyak terlepas pandang. Ada yang koma menjadi *full stop* dan sebagainya. Jadi itu lah yang menjadi persoalannya itu dan kerana itulah yang kita membawa undang-undang semula dalam Dewan ini. Peguam Negara tidak boleh meminda perkara-perkara *substantive* dalam undang-undang ini. Ini yang saya hendak saya perelaskan pada Dewan ini. Jabatan Peguam Negara tidak boleh meminda perkara yang ada *substantive* dalam undang-undang ini. Hanya yang ada hubung kait dengan ejaan dan penyediaan teknikal sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lebar. Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniahlah kerana kerja kuat yang dijalankan Yang Berhormat tentang Pindaan Undang-undang Jenayah ini tetapi boleh tidak boleh, kalau boleh Yang Berhormat nasihat pihak kerajaanlah, undang-undang lain pun yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini, saya kira perlu diambil kira perbincangan terlebih dahulu.

Contohnya kita tengok di negara-negara asing terutama sekali di England, dia ada jawatankuasa-jawatankuasa. Kalau hendak naik harga susu pun daripada penternak lembu sampai penghantar botol susu itu pun dipanggil untuk berbincang dan mengkaji. Apabila dibentangkan di dalam Dewan Rakyat atau Parlimen mereka, maka benda ini terbentang atas persetujuan jawatankuasa. Jadi kadang-kadang di sini kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat janganlah berucap, tanyalah Yang Berhormat Menteri sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Hendak tanyalah. Ini bukan berucap. Kalau berucap saya cara lain. Jadi boleh atau tidak boleh? Kadang-kadang tengok macam sesetengah rang undang-undang di bentang, kita merasakan tidak secocok kehendak rakyat.

Pasal kita wakil rakyat, tetapi rang undang-undang itu tetap menjadi rang undang-undang walaupun kami kadang-kadang merasakan harus diperbetulkan, harus diubahsuai sedikit sebanyak untuk keperluan dan kehendak rakyat. Saya ucap tahniah kerana kerja dan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini baik.

Jadi kalau boleh kementerian-kementerian lain pula atau sesuatu rang undang-undang lain yang hendak dibentangkan pun harus diambil kira sedemikian rupa supaya akar umbi rakyat yang kami wakili ini dapat diperbetulkan dalam setiap undang-undang atau pun peraturan-peraturan yang di kemukakan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kerana telah pun memberi sokongan terhadap penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji rang undang-undang. Dan kita semua sedia maklum selepas tertubuhnya jawatankuasa ini yang ketiga, maka dua lagi jawatankuasa di tubuh oleh Dewan yang mulia ini yang sebentar lagi, akan membentangkan laporannya iaitu Jawatankuasa Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara dan Jawatankuasa Pilihan Khas Integriti dan seterusnya.

Ini menunjukkan permulaan kerajaan yang terbuka ini. Saya percayalah dan saya berharap atas apa yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan undang-undang lain lagi yang besar bukan yang kecil-kecil ini yang besar-besar yang ada berkaitan dengan masyarakat umum dengan orang ramai akan juga dibawa dalam satu jawatankuasa khas di kemudian hari untuk dibahaskan dan dibentangkan.

Akan tetapi akhir sekali, kita tidak hendakkan benda ini berlaku begini. Apabila dibentangkan dalam Dewan yang mulia, dibahaskan dan di lulus tetapi ada kesilapan-kesilapan sedikit dan terpaksa dibawa semula.

Jadi saya inginlah hendak menyambut cadangan daripada Yang Berhormat bagi Santubong dan Seputeh juga menyatakan elok kerajaan memikir supaya memindah jabatan, Bahagian Gubalan Undang-undang daripada Peguam Negara itu untuk diletakkan di bawah Dewan yang mulia ini. Saya akan bawalah cadangan ini kepada kerajaan, insya-Allah dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT
MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA**

7.53 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengambil ketetapan berikut:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Rakyat Nombor DR 1 Tahun 2007 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat pada 14 Disember 2004 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara dengan ketetapan seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu perpaduan kaum dan integrasi nasional yang berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara.
- (b) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:
 - (i) Yang Berhormat Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai pengerusi;
 - (ii) Yang Berhormat Dato' Haji Hasan bin Malek, Ahli Parlimen bagi Kuala Pilah;
 - (iii) Yang Berhormat Tuan Ahmad Shabery Cheek, Ahli Parlimen bagi Kemaman sehingga untuk makluman Dewan yang mulia ini Februari 2006;
 - (iv) Yang Berhormat Tuan Loh Seng Kok, Ahli Parlimen bagi Kelana Jaya;
 - (v) Yang Berhormat Dato' Dr. Tan Kee Kwong, Ahli Parlimen bagi Segambut;
 - (vi) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, Ahli Parlimen bagi Subang;
 - (vii) Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi, Ahli Parlimen bagi Kapit;
 - (viii) Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King, Ahli Parlimen bagi Lanang, untuk makluman Dewan yang mulia sehingga 13 Jun 2005;
 - (ix) Yang Berhormat Datuk Wilfred Madius Tangau, Ahli Parlimen bagi Tuaran,
 - (x) Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan, Ahli Parlimen bagi Batu Gajah; dan
 - (xi) Yang Berhormat Tuan Salahuddin bin Ayub, Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian.

Jika pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, jawatankuasa itu boleh memilih seorang pengerusi dari kalangan anggota-anggota jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja.

- (c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut selama dua tahun.
- (d) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara berikut:
 - (i) meneliti dan membincangkan isu-isu perpaduan nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap dasar-dasar pembangunan negara;
 - (ii) mencadangkan pindaan atau perubahan terhadap dasar-dasar pembangunan sedia ada serta mengesyorkan dasar-dasar baru ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan integrasi nasional di kalangan masyarakat pelbagai di negara ini;
 - (iii) mengkaji dan meneliti akta-akta yang berkaitan dengan program-program perpaduan negara seperti Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 dan Akta Latihan Khidmat Negara 2002, membincangkan pandangan dan apa yang dikemukakan secara rasmi oleh pihak awam serta mengemukakan cadangan pindaan terhadap akta-akta yang berkaitan; dan
 - (iv) memperakui cadangan-cadangan perubahan dasar dan pindaan akta tertentu kepada Parlimen untuk dihalusi dipertimbangkan dan diluluskan serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan.
- (e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor berkaitan, diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujui atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis.

Dewan Rakyat pada 11 Mei 2006 telah meluluskan pelantikan Yang Berhormat Tuan Razali bin Ibrahim, Ahli Parlimen bagi Muar sebagai ahli baru bagi Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan dan Khidmat Negara bagi menggantikan Yang Berhormat Tuan Ahmad Shabery Cheek, Ahli Parlimen bagi Kemaman.

Dewan Rakyat pada 13 Disember 2006 telah meluluskan usul oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa jawatankuasa ini yang berakhir pada 14 Disember 2006 kepada 14 Disember 2007.

Perlanjutan tempoh jawatankuasa dibuat kerana jawatankuasa memerlukan masa yang lebih panjang bagi menyiapkan laporan untuk dibuat sesi pendengaran awam kali kedua dan membuat susulan ke atas isu-isu pertama yang dibangkitkan. Antaranya ketidaksamarataan struktur ekonomi, pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah dan dialog antara agama.

Jawatankuasa juga telah diluluskan untuk membentangkan laporan jawatankuasa kepada majlis dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas yang akan datang atau lebih awal daripada itu.

Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara selepas ini dirujuk sebagai jawatankuasa dengan ini membentangkan laporan utama jawatankuasa kepada majlis seperti ketetapan-ketetapan di atas.

Sepanjang tempoh kuat kuasa jawatankuasa ini, beberapa siri lawatan kerja dan taklimat telah diadakan. Lawatan kerja ke beberapa kem Pusat Latihan Khidmat Negara dan kawasan rukun tetangga adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran terhadap tahap kesefahaman dan semangat muhibah yang diamalkan di antara kaum serta meninjau sejauhnyanya mencapai objektif ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu dan beridentiti nasional.

Selain daripada itu, ia juga memperluaskan pengetahuan Ahli-ahli Jawatankuasa terhadap isu-isu dan cabaran di dalam memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional terutamanya untuk memupuk semangat kerjasama dan perpaduan yang ditunjangi nilai moral yang utuh serta semangat patriotik khususnya generasi muda. Lawatan-lawatan ini telah membantu Ahli-ahli Jawatankuasa di dalam menyediakan laporan seperti yang dikehendaki.

Selain daripada itu juga, Jawatankuasa telah menjemput Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dan Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya untuk memberikan taklimat berkenaan kemudahan infrastruktur dan keselamatan di Taman Medan, Petaling Jaya. Jawatankuasa juga melakukan lawatan kerja ke Taman Medan, Petaling Jaya untuk meninjau sendiri keadaan di sana serta mengadakan dialog bersama wakil penduduk tempatan dan NGO serta wakil rukun tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa juga telah mengadakan lawatan kerja ke Kanada pada 22 hingga 29 Julai 2006. Amerika Syarikat pada 31 Julai sehingga 2 Ogos 2006 bagi melihat dan meninjau keadaan perpaduan serta meneliti dasar dengan izin *multiculturalism* yang diamalkan di negara tersebut. Mana-mana amalan yang didapati sesuai untuk dilaksanakan telah diambil kira dalam persiapan laporan ini.

Jawatankuasa juga telah meneliti program pengurusan kaum dan pendekatan yang terdapat di dalam dengan izin, Canadian Multiculturalism Act. Selaras dengan ketetapan yang telah dipersetujui, jawatankuasa telah mengadakan Sesi Pendengaran Awam dengan menemui wakil-wakil pertubuhan, persatuan dan individu di enam buah negeri yang dimulakan dari bangunan Parlimen Kuala Lumpur, ke Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor.

Maklumat mengenai tarikh-tarikh Sesi Pendengaran Awam tersebut telah dimaklumkan melalui pemberitahuan di laman web Parlimen serta akhbar-akhbar utama pelbagai bahasa. Tujuan Sesi Pendengaran Awam diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan cadangan-cadangan dari orang awam serta membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan nasional.

Saksi-saksi yang terdiri daripada pertubuhan, persatuan dan individu telah tampil ke hadapan bagi menyuarakan cadangan dan syor-syor semasa Sesi Pendengaran Awam dijalankan. Selain daripada itu, beberapa individu persatuan juga telah mengemukakan memorandum kepada urus setia tanpa memberi keterangan di hadapan jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Sesi Pendengaran Awam tersebut, jawatankuasa telah menerima lebih daripada 600 cadangan-cadangan daripada 126 responden yang terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan, persatuan dan individu yang telah tampil semasa Sesi Pendengaran Awam dijalankan. Cadangan-cadangan yang diterima adalah termasuk pandangan-pandangan pihak awam yang telah menghantarkan memorandum tanpa hadir di dalam mesyuarat seperti yang disentuh tadi.

Lanjutan dari sesi lawatan, taklimat dan Sesi Pendengaran Awam tersebut, pada 18 hingga 20 November 2005, telah diadakan mesyuarat jawatankuasa bagi menentukan pendekatan tugas kerja untuk mengenal pasti isu-isu dan cadangan yang telah dibangkitkan. Melalui mesyuarat khas ini, jawatankuasa telah merumuskan supaya dibentuk sembilan jawatankuasa kecil dengan izin, *subcommittees* untuk menghalusi setiap isu utama supaya isu tersebut diberikan maklum balas dengan lebih tepat.

Isu utama tersebut ialah isu politik, media dan teknologi, sosiobudaya dan agama, isu dasar perpaduan, perkara institusi ataupun sistem penyampaian, perkara ekonomi dan pendidikan. Manakala dua buah jawatankuasa lain ialah jawatankuasa berkaitan dengan isu perundangan dan perkara yang berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara yang diketuai oleh saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa-jawatankuasa kecil telah membincangkan dan meneliti kira-kira 220 cadangan dan rayuan-rayuan yang berkait terus dengan terma rujukan jawatankuasa. Di dalam laporan ini, jawatankuasa telah membahagikan kandungan laporan ini kepada lima bahagian untuk memudahkan penelitian dan rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin memaklumkan bahawa catatan rasmi mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa dan Sesi Pendengaran Awam adalah terkandung dalam dua keping CD yang telah diedarkan atas meja mesyuarat sebagai sebahagian daripada lampiran di bawah bahagian lima laporan ini. Manakala bahagian akhir laporan ini merupakan penghargaan jawatankuasa ini kepada semua pihak yang telah membantu dan menyokong jawatankuasa ini menjalankan tugas seperti mana yang telah ditetapkan dalam terma rujukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada maklum balas dan cadangan-cadangan daripada individu, persatuan dan pertubuhan-pertubuhan, jawatankuasa mendapati kebanyakan isu yang disentuh adalah mengenai beberapa pentingnya perpaduan di antara kaum dan integrasi nasional di dalam mewujudkan suasana ekonomi, kehidupan serta keharmonian masyarakat.

Banyak pandangan yang dikemukakan melibatkan ketidakseimbangan dari segi pendapatan dan ekonomi, komposisi kaum dalam perkhidmatan awam, amalan beragama, perhubungan antara agama serta kehadiran pendatang tanpa izin. Hasil daripada maklum balas tersebut, di antara perkara-perkara yang disyorkan adalah seperti berikut:

Jawatankuasa berpendapat unsur-unsur dasar perpaduan dan integrasi nasional telah sedia ada terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Sosial Negara dan dasar-dasar yang lain. Oleh yang demikian, satu dasar secara khusus mengenai perpaduan dan integrasi nasional adalah tidak diperlukan setakat ini.

Walau bagaimanapun, untuk memantapkan lagi perpaduan yang telah sedia terjalin, satu garis panduan untuk *multiculturalism policy* atau falsafah *multiculturalism* perlu dibentuk. Ini adalah untuk memastikan dasar dan program pembangunan yang hendak dilaksanakan mesti mengambil kira ciri kepelbagaian yang terdapat di negara ini. Dalam memastikan pencapaian matlamat dan objektif sesuatu program, fakta ini juga dapat membantu ke arah pemupukan sebuah masyarakat Malaysia yang saling hormat-menghormati, berprasangka baik, bertoleransi serta memiliki jati diri yang kukuh.

Satu sistem auditan yang memberi penekanan kepada *Unity Impact Assessment* atau UIA, dengan izin, boleh digunakan bagi memastikan setia pelaksanaan program pembangunan tidak menyimpang dari landasan perpaduan dan integrasi di samping memastikan matlamat-matlamat pembangunan dan kemajuan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jentera perpaduan dan integrasi nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atau JPNIN, adalah merupakan salah satu matlamat utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh kerana itu, jawatankuasa berpendapat Jabatan Perkhidmatan Awam disarankan supaya mempercepatkan cadangan penstrukturan semula organisasi yang telah dipohon oleh pihak jabatan.

Ini adalah bagi memastikan agensi berkenaan mempunyai kekuatan untuk melaksanakan segala tanggungjawabnya dengan berkesan. Berdasarkan pandangan-pandangan umum juga, beberapa pindaan ke atas Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 harus dibuat untuk memastikan tadbir urus Rukun Negara menjadi lebih berkesan. Salah satu pindaan ialah memberi pelepasan kerja kepada pemastautin sukarelawan yang terlibat dalam rondaan sukarela dan telah bertugas selama melebihi empat jam selepas jam 12 malam serta giliran bertugas tidak melebihi dari dua kali dalam tempoh sebulan.

Peruntukan ini akan menggalakkan lebih banyak anggota Rukun Tetangga melibatkan diri dalam aktiviti rondaan melalui Skim Rondaan Sukarela atau SRS, dan sekali gus membantu mengurangkan kadar jenayah di kawasan-kawasan Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, institusi pendidikan adalah satu tempat yang paling sesuai dan paling berkesan untuk memupuk perpaduan. Pembelajaran dan pengajaran dalam bidang sejarah, politik, adat resam dan nilai-nilai murni dapat melahirkan generasi yang bertoleransi dan peka kepada sensitiviti kaum serta memahami aspirasi negara.

Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP, perlulah dilaksanakan dengan segera dan diselaraskan dengan sempurna kerana terkandung di dalamnya objektif yang baik di mana ianya menggalakkan penyertaan murid dan masyarakat setempat pelbagai kaum melalui program pembelajaran dan aktiviti-aktiviti sukan dan permainan, perarakan dan perhimpunan serta aktiviti khidmat masyarakat.

Pengajaran modul perhubungan etnik di IPTA merupakan satu langkah yang bijak dalam usaha mempertingkatkan perpaduan antara kaum dan mengurangkan polarisasi serta memantapkan semangat patriotisme. Ini adalah kerana elemen-elemen budaya, etnik, sejarah serta moral diserapkan di dalam modul ini.

Jawatankuasa berpendapat pelaksanaan dan pendekatan modul ini harus disemak dari semasa ke semasa. Pemilihan tenaga pengajar yang sesuai iaitu berkemahiran dan berpengetahuan sejarah serta peka kepada perhal perpaduan perlu dipastikan supaya pelaksanaannya mencapai matlamat yang digariskan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa juga berpendapat bahawa Kelab Rukun Negara perlu diperluaskan di sekolah dan di IPTA dan IPTS. Pelajar-pelajar hendaklah diwajibkan menyertainya dan persatuan yang bercorak etnik hendaklah dibendung. Dengan cara ini, isu polarisasi di kalangan pelajar dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa berpendapat bahawa untuk memantapkan perpaduan integrasi nasional di kalangan rakyat, pelaksanaan dasar dan program seharusnya tidak mewujudkan ketidakseimbangan sesama kaum di antara kaum. Keperluan setiap dasar kerajaan hendaklah menjurus kepada Wawasan 2020 iaitu berdasarkan kepada pembentukan bangsa Malaysia tanpa mengira kaum dan jurang antara kaum.

Jawatankuasa menegaskan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan hendaklah sentiasa dilaksanakan tanpa mengira kaum dengan memberikan bantuan kepada semua pihak yang memerlukan dan meletakkan kepentingan rakyat di dalam setiap pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan.

Jawatankuasa bersetuju kedudukan dan keperluan sosioekonomi minoriti bumiputera Sabah dan Sarawak hendaklah diberi perhatian khusus. Peluang-peluang keusahawanan dan pemberian kontrak hendaklah berdasarkan kepada kebolehan dan kelayakan, dan keutamaan diberi kepada kontraktor tempatan di negeri-negeri berkaitan. Ini akan membantu mengurangkan jurang ketidakseimbangan pendapatan bandar dan luar bandar antara kaum-kaum di wilayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa berpendapat kerajaan mempunyai *political will* bagi melaksanakan agenda perpaduan di negara ini. Di samping itu agenda pembangunan negara juga adalah mempunyai matlamat yang sama untuk mencapai perpaduan antara wilayah dan perpaduan negara.

Jawatankuasa sebulat suara bersetuju bahawa pengagihan peluang ekonomi yang tidak seimbang akan mewujudkan rasa tidak puas hati dan menyumbang perasaan kecewa di kalangan rakyat. Keadaan ini akan mudah mencetuskan suasana tegang dalam masyarakat. Justeru pengagihan perlulah lebih adil dan pelaksanaan program mestilah tidak mewujudkan ketidakseimbangan di kalangan sesama dan antara kaum.

Jawatankuasa berpendapat bahawa ketidakseimbangan antara wilayah Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung boleh dikurangkan melalui pembangunan infrastruktur asas. Agenda pembangunan negara seperti di dalam Dasar Wawasan Negara 2001 hingga 2010 perlu direalisasikan matlamatnya untuk membina masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama.

Jawatankuasa juga berpendapat kerajaan mestilah mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi di antara negeri-negeri maju dan kurang maju di Semenanjung dengan mempelbagaikan asas ekonomi dengan membangunkan aktiviti berasaskan pengetahuan dan penyediaan infrastruktur sosial yang lebih baik di negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, politik sering kali menjadi elemen yang mudah untuk mencetus ketegangan. Namun begitu politik juga berupaya menyatukan masyarakat melalui politik pelbagai kaum. Oleh kerana itu jawatankuasa berpendapat supaya langkah-langkah haruslah diambil antaranya untuk:

- (i) memperkasakan politik pelbagai kaum dengan mengutamakan perpaduan sebagai wadah perjuangan;
- (ii) mengadakan kod etika politik bagi menyekat dan menghalang parti-parti politik mengamalkan politik yang berbau perkauman; dan
- (iii) membentuk sikap akomodasi dan toleransi di kalangan ahli-ahli politik masing-masing supaya sentiasa membudayakan perpaduan dan merayakan kepelbagaian masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa maklum bahawa kehadiran dan kemasukan pendatang tanpa izin bukan sahaja menimbulkan masalah keselamatan tetapi juga memberi kesan kepada perpaduan di kalangan masyarakat tempatan. Kehadiran mereka memberi ancaman dan ini menimbulkan keresahan di dalam masyarakat di negara ini. Langkah-langkah yang strategik dan berkesan mestilah diambil supaya masalah-masalah PATI yang telah berada di negara kita dapat diurus dengan baik dan teratur.

Oleh kerana itu jawatankuasa mencadangkan antara lain:

- (i) menyekat kemasukan baru PATI dengan memantapkan lagi kawalan di kawasan persempadanan negara dan pintu-pintu kemasukan di seluruh negara serta mencari penyelesaian masalah kehadiran mereka yang sudah berada di dalam negara kita;
- (ii) memantapkan lagi penguatkuasaan dengan mengadakan operasi penangkapan yang lebih agresif dan berterusan dengan melibatkan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi lain yang berkaitan;
- (iii) memperbanyakkan pusat-pusat tahanan PATI supaya dapat menampung tangkapan yang lebih banyak;
- (iv) menyelesaikan masalah orang-orang pelarian di Sabah iaitu pemilik IMM13 yang sudah hadir di situ lebih daripada 20 tahun tetapi masih berstatus pelarian ataupun *refugees*, dengan izin;
- (v) pemilik dokumen palsu dan haram mestilah dikenal pasti dan diambil tindakan yang tegas ke atas mereka seperti penghantaran pulang ke negara asal dan menarik balik kerakyatan yang tidak sah atau yang telah diberi melalui prosedur yang tidak teratur
- (vi) masalah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, *stateless child* dengan izin, mestilah diselesaikan; dan
- (vii) PATI dalam daftar pemilih mestilah dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa berpendapat media memainkan peranan penting untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan integrasi nasional. Oleh kerana itu jawatankuasa menyarankan antara lain supaya media di negara kita ini mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) memainkan peranan dengan ketara untuk memupuk integrasi dan mempamerkan hubungan kaum majmuk. Dengan ini sokongan dari industri tempatan diperlukan untuk membantu kerajaan ke arah mencapai matlamat perpaduan dan integrasi nasional melalui media;
- (ii) memperkemaskan program-program siaran radio dan televisyen dengan memperbanyakkan siaran masyarakat yang menggunakan dialek tempatan dan disiarkan pada waktu yang sesuai; dan
- (iii) kerajaan perlu memastikan supaya cerita kejayaan sesuatu kaum dan cerita yang bercorak budaya tempatan perlu diperbanyakkan. Perlu dikurangkan filem-filem berbentuk tragedi atau tragis dan cerita-cerita yang kurang pengisian serta dikurangkan kemasukan filem-filem import yang tidak menyumbang kepada perpaduan dan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN, merupakan satu program yang dapat menjadi satu pemangkin kepada pembentukan perpaduan negara. Penyertaan dan penglibatan dari semua kaum sama ada lelaki atau perempuan berteraskan Rukun Negara dan mempunyai kurikulum multidisiplin menjadi asas utama memupuk semangat muhibah pelbagai kaum dan latar belakang dalam pelaksanaan PLKN.

Jawatankuasa menyedari bahawa masih terdapat kelemahan-kelemahan di dalam pelaksanaan PLKN antaranya termasuklah aspek pengurusan dan pemantauan kualiti keselamatan dan kesihatan kem-kem PLKN. Jawatankuasa sedia maklum berkenaan usaha dan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan sedang dijalankan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara iaitu JLKN.

Ini adalah untuk memastikan kemudahan dan infrastruktur kem-kem PLKN adalah selamat untuk digunakan dan perkhidmatan yang berkualiti diberi kepada pelatih-pelatih. Namun begitu jawatankuasa ingin mencadangkan agar usaha dan komitmen tersebut dipertingkatkan lagi supaya masalah kualiti, infrastruktur, kemudahan dan sajian makanan serta keselamatan ke atas pelatih sentiasa terjamin dan sekali gus dapat menjayakan pelaksanaan *bill* dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa menyokong usaha-usaha JLKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membincangkan isu dan masalah kesihatan yang dialami oleh pelatih-pelatih PLKN yang menyertai program PLKN. Jawatankuasa berpendapat bahawa pelatih-pelatih PLKN adalah perlu menjalani tapisan kesihatan yang lebih teliti dan menyokong usaha mewujudkan satu sistem pemeriksaan kesihatan bagi pelatih tanpa membebankan mana-mana pihak yang terlibat.

Jawatankuasa juga turut menyokong cadangan untuk menempatkan pegawai kesihatan yang berkecualan di setiap kem PLKN untuk membantu mengatasi masalah kesihatan pelatih-pelatih PLKN. Dalam perkara modul PLKN jawatankuasa berpendapat bahawa kurikulum dan modul pengajaran perlu sentiasa dikemas kini dan dibuat penambahbaikan selaras dengan keperluan semasa demi untuk mencapai objektif dan matlamat PLKN.

Di samping itu, jurulatih dan tenaga pengajar yang merupakan satu elemen penting dalam PLKN perlu sentiasa dipertingkatkan kemahiran masing-masing. Jawatankuasa berpendapat jurulatih-jurulatih PLKN juga perlu dipastikan supaya meliputi pelbagai kaum, bukan sahaja untuk mencerminkan falsafah PLKN tetapi juga membantu menyokong keberkesanan dan penyampaian objektif asal PLKN. Jawatankuasa juga berpendapat adalah baik sekiranya seorang kaunselor yang terlatih dapat ditempatkan di kem-kem PLKN untuk memberi bimbingan dan nasihat kepada pelatih-pelatih terutamanya mereka yang bermasalah.

Jawatankuasa mengalu-alukan tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah melaksanakan projek perintis pra PLKN. Program ini perlu diperluaskan dan dilaksanakan melalui kegiatan kokurikulum serta sukan dan permainan.

Dari segi hal perundangan, jawatankuasa mencadangkan supaya pindaan ke atas Akta Latihan Khidmat Negara 2003 iaitu Akta 628 perlu dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam akta tersebut. Pindaan yang dicadangkan adalah dari segi hukuman di bawah seksyen 18, Akta PLKN 2003 iaitu Akta 628 dan cara pemberitahuan notis di bawah seksyen 17.

Tujuan pindaan kepada seksyen 17 ialah untuk memastikan penyampaian notis dianggap sempurna untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas seorang yang ingkar untuk menghadiri program latihan khidmat negara. Pindaan kepada seksyen 18 ialah untuk membolehkan secara terus atau dengan izin, *direct*. Hukuman khidmat masyarakat digunakan oleh pihak mahkamah sebagai hukuman alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa telah menerima pelbagai pandangan dan aduan daripada awam mengenai isu sosiobudaya dan agama. Antara syor-syor Jawatankuasa adalah seperti berikut, supaya Jawatankuasa berpendapat bahawa wakil-wakil agama perlu sentiasa diberi ruang untuk berdialog sesama mereka dalam keadaan harmoni. Jawatankuasa berpendapat bahawa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan iaitu PBT, dan pihak pemaju hendaklah memastikan peruntukan dan penyediaan ruang ibadat bukan Islam yang dinyatakan dalam garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat iaitu piawaian perancangan JPBD4/2000 hendaklah ditepati, dipenuhi dan dilaksanakan dengan tegas, cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hal perundangan Jawatankuasa mencadangkan supaya pindaan ke atas Akta Latihan Khidmat Negara 2003 seperti mana yang saya telah pun sentuh tadi dan saya tidak bercadang untuk mengulang kali seperti saya telah sentuh tadi. Jawatankuasa berpendapat bahawa agama memainkan peranan yang amat penting dalam usaha kita untuk membentuk generasi yang berpengetahuan tinggi dan mempunyai nilai-nilai yang murni. Penyampaian nilai-nilai murni ini akan menjadi pegangan anak-anak muda untuk menangkis serangan dunia Barat dari segi budaya negatif serta mengelakkan dari terlibat dalam penyalahgunaan dadah, pembabitan jenayah, dan masalah-masalah sosial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan undang-undang yang sedia ada membolehkan pengajaran agama selain daripada agama rasmi negara, di sekolah-sekolah bantuan kerajaan dengan syarat tertentu seperti mana yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta 550, seksyen 51. Akta Pendidikan 1996 ini di bawah seksyen 51 berbunyi, "Pengelola institusi pendidikan bantuan kerajaan boleh mengadakan pengajaran bagi agama selain daripada agama Islam untuk murid institusi itu atau mana-mana daripada mereka tetapi satu keadaan sedemikian tidak boleh dibiayai dengan wang diperuntukkan oleh Parlimen dan tiada murid boleh mengikuti pengajaran agama selain daripada agama yang dianuti kecuali dengan keizinan bertulis ibu bapa".

Setelah meneliti rayuan para saksi dan asas pandangan-pandangan berkait dengan pengajaran agama-agama lain di sekolah bantuan kerajaan, pihak Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu bersimpati dengan rayuan tersebut dan mengkaji kemungkinan memberikan kelonggaran mengenai seksyen 51(A) dalam akta tersebut. Apa yang dicadangkan ialah pindaan yang bersesuaian atau pembentukan garis panduan yang jelas mengenai seksyen yang dimaksudkan. Sememangnya ini terpulanglah kepada kerajaan untuk menimbangkannya setelah mengambil kira peruntukan perlembagaan dan kepentingan kaum serta kepercayaan rakyat majmuk di Malaysia.

Antara lain pindaan kepada seksyen 61 (A) perlu menjelaskan apa sebenarnya yang boleh atau tidak boleh dibiayai dengan wang yang diperuntukkan oleh Parlimen. Pada saat ini pentafsiran terlalu bergantung pada budi bicara guru besar ataupun pengetua di sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan ini telah menimbulkan banyak masalah kepada pelajar dan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperakui bahawa nilai-nilai murni adalah amat penting untuk mengekalkan hubungan harmoni yang telah sedia terjalin di antara masyarakat kita termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu kita harus membudayakan sikap berbudi bahasa dan hormat-menghormati serta mewariskan budaya ini kepada generasi yang akan datang.

Sebagai anggota Dewan yang mulia ini yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat supaya bertugas dengan penuh dedikasi kadangkala kita menggunakan perkataan di Dewan yang mulia ini yang menyinggung perasaan sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat yang berlainan kaum, kepercayaan, budaya dan fahaman politik dengan kita. Mungkin kita andaikan ia sebagai gurauannya ataupun sekadar sahaja namun ini kadangkala boleh melukakan hati Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tanpa kita sedari ini boleh menggugat suasana harmoni Dewan yang mulia ini dan dalam perhubungan antara kaum di kalangan golongan wakil-wakil rakyat.

Oleh sebab itu, Jawatankuasa berpendapat kita harus terus mengamalkan budaya tinggi budi bahasa di antara kita supaya kita boleh menjadi contoh kepada masyarakat kita terutama sekali generasi muda yang sering melawat Dewan yang mulia ini dan memerhatikan prosiding yang berlaku. Hanya dengan sikap dan tindakan sedemikian kita semua akan dapat memastikan perpaduan kaum sentiasa terpelihara dan negara Malaysia sentiasa aman dan bersatu dan diwariskan kepada generasi yang akan datang. Kedaulatan negara dan kemakmuran serta perpaduan rakyat jelata seharusnya senantiasa menjadi matlamat utama perjuangan politik kita semua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Jerai.

8.26 mlm.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan satu ingatan kepada kita semua dan penubuhan Jawatankuasa untuk negara kita.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena terima hakikat, semua kaum dalam negara ini kena terima hakikat bahawa kita adalah sebuah negara yang majmuk. Kita harus berasa berbangga Tuan Yang di-Pertua kerana tidak ada di dunia, walaupun negara kita kecil tetapi di dunia lain tidak ada sebuah negara yang sekecil ini yang merdeka baru hanya 50 tahun dengan rakyat yang berbilang bangsa, berbilang kaum, berbilang agama, keturunan dan budaya tetapi kita dapat duduk dengan aman dan sejahtera.

Tidak dapat kita lihat di negara lain seperti di Malaysia. Kalau di Amerika sendiri orang-orang kulit hitam diketepikan, dianiyai. Mereka tidak ada ruang untuk ke depan seperti kita di sini dan saya lihat apabila Yang Berhormat membentangkan cadangan-cadangan yang diutarakan ini harus disambut oleh keseluruhan rakyat. Keseluruhan parti-parti yang ada dalam negara kita ini menghormati keluhuran, menghormati Rukun Negara supaya dengan penghormatan ini maka kita akan dapat membuktikan kepada dunia betapa indahnya Malaysia.

Betapa indahnya Malaysia apabila rakyat boleh berkongsi bersama. Kita boleh duduk semeja di restoran, di warung-warung di kedai-kedai kopi walaupun kita berbilang, berbeza agama, bangsa. Kadang-kadang orang-orang Tionghoa menghormati orang Melayu dengan tidak memakan benda yang orang Melayu tidak boleh makan kerana menghormati. Begitu juga orang Melayu, begitu juga orang India kita saling hormat-menghormati.

Jadi kita harus kekalkan perpaduan ini dan kita harus kongsi bersama untuk membangunkan negara ini supaya semua rakyat yang miskin harus kita bela supaya mereka mendapat nikmat daripada kemerdekaan. Kita walaupun kadang-kadang kita nampak ataupun melihat pemimpin-pemimpin membela sesuatu kaum tetapi ini adalah pembelaan untuk mengangkat martabat bersama.

Macam tadi Yang Berhormat kata golongan-golongan bumiputera yang kecil di Sabah dan Sarawak, mereka juga harus kita bangunkan supaya apa yang ada di dalam negara ini kita kongsi bersama. Kita ketepikan semangat ataupun *extreme* terhadap sesuatu kaum, pelampau jangan kita jadi satu kumpulan pelampau. Kita harus menjadi kumpulan yang sederhana untuk kita hidup bersama.

Saya berasa gembira apabila perayaan contohnya, apabila perayaan Hari Raya semua masyarakat yang ada yang bukan beragama Islam dan bukan orang Melayu kita saling bersama-sama untuk ziarah-menziarahi hari perayaan dan hari kebesaran. Begitu juga apabila orang-orang Tionghoa orang-orang Cina menyambut Tahun Baru Cina, kita menziarahi mereka, kita makan kacang kita makan buah-buah limau dan sebagainya dan kita menghormati mereka.

Malah kuih kapit, kuih kapit itu adalah kuih daripada masyarakat Cina tetapi hari ini kuih kapit pun orang Industri Kecil dan Sederhana yang dilakukan dibuat oleh orang Melayu dan kuih bakul. Kuih bakul Yang Berhormat bagi Kepong. Kuih bakul ini dibuat di dalam bakul, bubuh daun pisang dan lagi sedap, bila kita potong dia, kita bubuh tepung, kita goreng tepung dan kita makan, sedap! Ini makanan-makanan yang kita boleh makan bersama. Begitu juga muruku, masalode. Muruku makanan orang-orang, India tetapi hari ini kalau kita masuk ke restoran, kita kata, "*Tit-bits* ada?" Dia nanti bawa keluar muruku. Dia bawa keluar masalode.

Jadi cuba kita lihat, kita tidak payah pergi ke India untuk cari muruku. Kita datang di Malaysia ada muruku. Kita tidak payah makan *steamboat* ataupun kita makan ikan stim ataupun *sweet and sour* di negeri China, kita boleh ada di Malaysia. Kita boleh makan masakan Malaysia, masakan orang Melayu. Kita lihat inilah cantiknya, eloknya Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum. Jadi dengan penubuhan jawatankuasa ini, kita harap perpaduan ini harus kita perturunkan kepada anak-anak cucu kita.

Kalau Tun Sambanthan, kalau Tuanku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock masa dahulu boleh berpakat untuk kita bersama-sama menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British dan kita berkongsi, kita berjanji, mereka berjanji bahawa kita akan hidup di sebuah negara yang merdeka dan berdaulat ini. Kita adakan peraturan, kita adakan undang-undang, kita adakan Rukun Negara untuk kita meneruskan hubungan majmuk di dalam negara kita ini.

Akan tetapi saya nampak hari ini, agak terpupus sedikit, terhakis sedikit disebabkan oleh tidak kita turunkan amanah ataupun perjuangan datuk nenek kita dahulu. Kita harus teruskan. Kita harus menyampaikan kepada generasi-generasi muda bahawa kita tidak ada negara lain. Yang Berhormat bagi Kepong kalau hendak balik ke negeri China pun sudah tidak sesuai. Orang-orang di negeri China berbeza. Yang Berhormat bagi Kepong di sini berbeza kerana sudah berlainan. Mungkin datuk nenek dia di sana, tetapi dia di sini tetapi cara hidup di sana berbeza, tidak sesuai.

Begitu juga orang India, begitu juga orang Melayu. Orang Melayu pun rumpun Melayu, mendatang daripada datuk nenek. Macam saya dahulu, mungkin datuk nenek saya dari Aceh, Yang Berhormat bagi Kepong, jangan main-main. Aceh ya... [Ketawa] Jadi, ada yang datang dari Jawa tetapi kita ada rumpun Melayu, kita duduk di negara ini. Begitu juga yang dari Arab, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading kita, ini 'Hyderamaut' kah, mana kah, kan! Macam kawan saya, Yang Berhormat bagi Arau, dia ada 'Hyderamaut', ya habibi Arab, keturunan Arab. Sebab itu dia Syed, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dengan wujudnya Pusat Latihan Khidmat Negara ini, kita dapat lihat anak-anak muda kita, mereka bersama di bawah satu khemah, bersama mengeratkan hubungan, memahami antara satu sama lain tetapi itu agak jauh sedikit kerana mereka telah menjadi buluh. Kita patut bina daripada kecilan ini, anak-anak di tadika ini. Sebab itulah saya masih mengharapkan kejayaan sekolah wawasan supaya kita dapat bersama.

Macam saya bersekolah dahulu, kawan saya daripada masyarakat Cina, masyarakat India bersama pada hari ini dan ada yang hidup, ada yang meninggal tetapi kami bersama pada ketika itu. Kalau kita main bola pun, kita main bersama. Pasukan bersama main bola dan kalau kita berkelah pun bersama. Jadi ini adalah sesuatu yang cukup menggembirakan kita pada ketika itu.

Yang Berhormat bagi Kepong kenapa tidak tanya apa-apa? Dok baca buku sahaja, apa pasal?... [Ketawa] Negara kita tidak ada penyakit *bird flu*, buat apa dok baca buku itu? Ini perpaduan, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong kena ambil faham ini, kena ambil tahu, supaya Yang Berhormat bagi Kepong akan menurunkan amanah datuk nenek ini kepada anak cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi, suka atau tidak suka, kita tidak ada negara lain. Di sinilah negara yang kita dilahirkan. Akan tetapi kalau kita masih ungkit-mengungkit dan kita lupakan Perlembagaan Negara...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan? Oh, tidak, tidak... [Ketawa] Saya ingat hendak minta penjelasan. Kalau kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila ringkaskan ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, ini serius, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau tajuk ini tiga jam pun Yang Berhormat tidak habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, pasal apa, Tuan Yang di-Pertua, anak cucu. Ini anak cucu negara. Biarlah kita bangkit berhujah dengan penuh keikhlasan kerana ini negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Patut saya malam ini sambutan UMNO, besok UMNO 61 tahun, parti yang memperjuangkan orang-orang Melayu. Bersama dahulu dengan MIC dan MCA. Masa itu Yang Berhormat bagi Kepong budak-budak lagi, berhingus lagi. Entah ke tidak ada lagi. Belum lagilah, dia tidak lahir, dia takkan umur 61. Sudah 61 tahun, tetapi saya tunggu kerana saya hendak ambil kesempatan hendak berbahas... [Tepuk] Demi perpaduan.

Ini kerana saya tidak mahu daripada rakan-rakan saya, pembangkang, ada mengatakan saya ini seorang pemimpin yang ekstrem, pemimpin yang anti kepada bangsa-bangsa lain. Tidak, saya bukan orang yang sedemikian rupa. Saya sedar untuk saya duduk di Dewan yang mulia ini, saya memerlukan sokongan daripada kaum-kaum Cina dan kaum-kaum India, baru saya boleh duduk di sini. Kalau tidak, tidak berkeupayaan saya duduk di sini.

Akan tetapi tugas dan tanggungjawab, amanah untuk mengangkat martabat bangsa saya yang perlu diperjuangkan kerana mereka miskin, mereka ketinggalan, harus saya lakukan. Begitu juga Yang Berhormat bagi Kepong, kalau dia hendak berjuang, dia boleh berjuang.

Kita hari ini, parti yang memerintah, komponen Barisan Nasional, beberapa parti yang ada dalam komponen Barisan Nasional boleh duduk semeja walaupun kadang-kadang isu-isu tertentu diketengahkan, tetapi kita dapat selesaikan. Apa salahnya kalau DAP, Parti PAS, kita bersama dalam satu komponen dan kita berjuang bersama-sama.

Tidak payahlah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dok menjerit-jerit, dan tidak payahlah saya bangkit dok kata menjerit-jerit macam Yang Berhormat Menteri kata tadi, orang mai tengok kita di Parlimen. Nasib baiklah malam ini tidak ada sesiapa. Kita teriak, menjerit tetapi kalau semua boleh mai duduk, Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun mai duduk dalam komponen Barisan Nasional, kita berbincang. Kita kongsi kuasa... *[Bercakap bahasa Mandarin kepada Yang Berhormat bagi Kepong] [Ketawa]* Apa pasal *you* tidak mahu kacau saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah minta kacau. Nanti dia kacau Yang Berhormat susah... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya merayu kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita kena cari satu formula, jawatankuasa ini, Yang Berhormat Menteri kena cari satu formula.

Kita harus didik daripada kecil, daripada anak itu dilahirkan, di tadika, di sekolah rendah, di sekolah menengah, kita kena buat satu program yang mereka ini boleh bermuafakat. Saya tidak suka melihat kumpulan Melayu dengan Melayunya di sekolah, kumpulan Cina dengan Cinanya, kumpulan India dengan Indianya. Ini menjauhkan perpaduan kita dan kita hendak berpadu. Kita kena memahami.

Saya minta juga kepada jawatankuasa ini supaya di sekolah-sekolah, Perlembagaan Negara itu harus diperkenalkan, harus diperturunkan kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka memahami Perlembagaan Negara, perjanjian ataupun *Social Contract* yang telah kita tandatangani bersama kerana mereka tidak faham.

Kadang-kadang kerana tidak faham kepada Perlembagaan, maka mereka ungkit-mengungkit. Kadang-kadang kita tidak perlu ungkit-mengungkit. Kalaupun daripada pembangkang boleh bersama dengan kita, tidak payah lagi kita berteriak-teriak, menjerit-jerit. Kita hanya perlu berbisik kerana kita dalam satu pasukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau diadakan pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, tidak payah lagi kita berteriak kumpulan pembangkang dan juga parti ini sama-sama cuba nak mempertahankan. Apa salahnya kita duduk di sini? Apa salahnya? Kita boleh bagi Yang Berhormat bagi Kepong jadi Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung. Gulung Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Buat permulaankan? Kalau dia Presiden Parti DAP mungkin kita bagi kat dia jadi menteri. Hari ini pun tengok Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Dia pun kita bagi dia jadi Ketua Pembangkang dan kerajaan bayar elaun untuk dia marah kerajaan.

Mana ada dunia, tak ada dunia Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Macam ini punya baik Kerajaan Malaysia. Apa salahnya kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun, Yang Berhormat bagi Kepongkah? Habis dah Yang Berhormat bagi Batu Gajah semua balik dah. Tengok. Bila nak bercakap pasal isu perpaduan, depa balik. Apa salahnya kalau kita bersama?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan ini untuk kebaikan dan kita menghormati agama. Jadi macam dulu Yang Berhormat bagi Kepong mencadangkan jangan ada suara azan kerana bising dan sebagainya tapi Yang Berhormat bagi Kepong faham bila kita kata tak usah Yang Berhormat bagi Kepong, Yang ini bukan ciptaan kami.

Ini suara daripada suara azan adalah suara Allah S.W.T yang menyeru umat Islam menunaikan solat. Dia bukan mengganggu, dia tidak mengganggu. Dia tidak mengganggu. Macam itu jugalah bila Yang Berhormat bagi Kepong kata Yang Berhormat bagi Kepong, *free thinker* kah apa?... [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: ...Dia *bird flu*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Bird flu*? Begitu juga bila agama lain. Cuba tengok bila sambut baru-baru ini sambut Hari Wesak. Hari Wesak, dia berarak membawa kepercayaan. Kita pun tak kacau. Okey, buat jalan. Dia tutup jalan, okey jalan. Kita pun cari jalan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Habiskan Yang Berhormat ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal kita menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hormatlah ini. Kena hormatlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Deepavali. Hari Thaipusam. Dia orang kupas nyiur.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Harga nyiur pun masa itu pun naik kelapa... [Ketawa] Okey, kita menghormati.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, penjelasan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita tidak ada masa. Cuma penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat bagi Arau ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Arau?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan Yang Berhormat bagi Arau. Itu Yang Berhormat bagi Jerai dapat kerana di dalam Al-Quran ini tidak ada mengenai azan ini. Cuma ada daripada hadis, hadis al-Bukhori dan hadis Muslim.

Hadis Muslim dan al-Bukhori ada disebutkan ini satu sunat sahaja, bukan wajib. Ini kerana kita Mazhab Syafii. Mazhab Syafii ini dia kata sunat, sunat sahaja. Dalam Al-Quran pun tak ada. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat bagi Jerai ini balik, kita baca sikit hadis... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Itulah Yang Berhormat minta kacau sangat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu sahajalah. Kita nak perpaduan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta kacau ha. Ya, minta gulung Yang Berhormat. Gulunglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, mungkin Yang Berhormat bagi Kepong silap tafsir. Kalau kita lihat dalam suara azan itu dia kata marilah menuju kejayaan.

Salah satu daripada azan.... [*Membaca potongan bacaan azan*] Ini bukan dia kata apa, bukan dia kata mailah kita bergaduh, tak. Marilah kita menuju jalan kejayaan. Jadi semua ini kita harus bina Yang Berhormat Menteri untuk generasi yang akan datang. Kalau jawatankuasa ini tidak boleh mengeratkan silaturahim, maka saya nampak kita akan celaru di masa akan datang. Dan saya menyerulah kepada kawan-kawan kita di pihak pembangkang pun, tak payah ungkit-mengungkit.

Jangan sebut saya tidak pernah dalam Dewan ini menyebut pasal apa bangsa ini, bangsa itu saya tak sebut tetapi kawan-kawan kita ada menyebut. Walaupun kadang-kadang melukai hati dan terpaksa kita bangkit mempertahankan tetapi itu tidak perlu kerana kita faham Kerajaan Barisan Nasional kerajaan yang cukup adil. Kita bagi menteri-menteri pegang jawatan-jawatan tertentu, kita bagi setiap orang, setiap ahli komponen Barisan Nasional memegang jawatan dalam kementerian-kementerian.

Dalam kerajaan kita tengok di belakang, di depan kita ini pegawai-pegawai, bukan semuanya ada orang Melayu. Sampai orang daripada Singh, Benggali pun ada. Ada kawan saya Punjabi. Ada. Jadi, Yang Berhormat Menteri cubalah, kena cuba supaya kita satukan negara kita ini dan saya minta lagi satu kalau boleh bahasa, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju sangat supaya sekarang ini orang-orang Cina boleh bercakap, bertutur bahasa Melayu.

Macam Yang Berhormat bagi Kepong boleh bertutur bahasa Melayu dan boleh baca jawikan? Cuma hadis adalah dia tafsir silap sikit tapi saya tak mahu komenlah... [*Ketawa*] Ini saya percaya dia tak faham.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha? Ya, ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak. Pasal apa bila Yang Berhormat sebut benda itu, saya rasa kena sebut balik. Ingat Yang Berhormat bagi Kepong kena buka buku balik, kena belajar.

Sebenarnya memang ada seruan kerana dalam Surah Al-Jumu'ah, Allah menyebut "Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru kepada kamu untuk menunaikan solat"... [*Membaca petikan ayat Al-Quran*] Makna seruan itu adalah azan itu. Kita memanggil supaya orang datang ke masjid. Yang Berhormat bagi Kepong baca balik buku itu satu sahaja, baca lagi banyak buku supaya Yang Berhormat bagi Kepong faham betul-betul tentang azan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebab itu saya kata, dia waktu kita bercakap ini dia baca *bird flu*. Lepas itu nak bawa keluar hadis. Tak boleh, saya tak mahulah berhujah dengan dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi pun Yang Berhormat bagi Kepong, ini perpaduan. Kita jangan bergaduh Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu. Ada perbezaan di antara azan dan azim. Azim itu jemput, jempunan. Ha, ini macam mana ini Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi macam Yang Berhormat bagi Kepong bagus. Yang Berhormat bagi Kepong ini saya ingat kalau separuh daripada cara Yang Berhormat bagi Kepong itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur boleh ikut, cukup baiklah dalam Parlimen ini... [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita tak bergaduh dah, kita tak bergaduhkan tapi tak apa, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pun baik. Dia kadang-kadang baik, kadang-kadang sahaja naik angin. Ini biasalah bila orang berumur macam itulah. Sat angin okey, sat angin tak okey.

Kita hendak juga orang-orang Melayu kena fasih dan faham bertutur dalam bahasa Mandarin ataupun bahasa Cina... *[Disampuk]* Hokkien. Macam saya, saya boleh bercakap Hokkien kerana saya berkawan dengan orang-orang Cina. Dan orang-orang Cina belah Pulau Pinang, *Geta, Pahai*, Perlis, Johor dia bercakap bahasa Hokkien. Sebab itu saya faham belajar Hokkien dan saya sekarang hari ini duk belajar bahasa Tamil kerana kita ada masyarakat India di sini...

Seorang Ahli: Contoh, contoh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Contohnya *vannakam*. Contohnya *soru, sabbeda', sabbeda' illek?*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: *Yengga porringei*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha? *Yengga porringei*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Betul Tuan Yang di-Pertua, betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lagi satu *pooh... [Ketawa]* *Vangga, vangga*. Makna *vangga, vangga* marilah. *Vangga, vangga*. Jadi, cuba bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita rakyat Malaysia boleh bercakap tiga empat bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa, esok Yang Berhormat belajar bahasa Kadazan pula ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Besok Yang Berhormat belajar bahasa Kadazan pula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya boleh. Sungguhpun saya sedikit tahu bahasa Kadazan, tetapi menari sumazau saya boleh. Dia goyang macam itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan ke depan sedikit. *[Menunjukkan cara tarian sumazau]* *[Ketawa]* Itu budaya yang harus kita sama-sama ambil dan belajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat ya. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, saya mintalah mulai pada hari ini..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sikit. Minta jalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta jalan sikit Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? Oh Yang Berhormat bagi Putatan. Betul tak betul tadi Yang Berhormat bagi Putatan?

Seorang Ahli: Eh cukuplah. Orang lain nak bahas.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Jerai ini. Dia asyik belajar bahasa di keliling beliau sahaja.

Saya mahu minta penjelasan sikit, berapa kalikah Yang Berhormat bagi Jerai ke Sabah ke Sarawak dan berminat belajar bahasa-bahasa etnik di Sabah dan Sarawak. Kalau itu saya puji tapi setakat sumazau yang tidak betul itu Yang Berhormat bagi Jerai, tak betullah Yang Berhormat bagi Jerai sebab saya rasa Yang Berhormat bagi Jerai jarang ke Sabah... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya aku bisa cakap bahasa Sabah apa bah?... [Ketawa] Jangan kau main-main itu... [Ketawa] Di Sabah, ayam mereka tidak panggil ayam, dia panggil "manok". Kau sudah makan *manok*? Kau sudah pergi, kau sudah pulang? Kapal terbang...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Betul, Yang Berhormat bagi Jerai. Tabik Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, kapal terbang mereka bukan kata pakai kapal terbang, mereka kata pakai belon. Bah aku reti bah itu... [Ketawa] Enggak susahlah itu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Habislah aku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah 10 kali tegur Yang Berhormat. Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekarang, Tuan Yang di-Pertua mahu aku gulung itu. Bah nanti aku gulung itu. Ya, Tuan Yang di-Pertua daripada Sabah bukan? Betul itu saya cakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Itu pun Yang Berhormat cakap tak betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pelat tak betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, okey. Saya ingat saya cakap itu dengan penuh gembira, *happy* kerana saya mahu melihat anak-anak cucu saya dan juga anak-anak cucu Yang Berhormat bagi Kepong, anak-anak cucu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kita ini, boleh berpakat bersama untuk menjaga perpaduan negara kita.

Saya pohon kita berhentikan persoalan-persoalan yang boleh menjejaskan dan melukai hati kita sesama kita. Apa untungnya kalau negara ini menghadapi masalah? Rugi banyak kalau negara ini menghadapi masalah. Peristiwa yang pahit yang telah berlaku satu ketika dahulu, kita jadikan sebagai teladan dan sempadan kepada kita. Jadikan ia satu sejarah dalam lipatan yang pahit yang berlaku pada ketika itu.

Usahlah kita ungkit-mengungkit di antara satu sama lain. Hentikan mempersoalkan budaya-budaya Melayu dan Melayu mengungkit budaya-budaya Cina. Hentikan ungkitan fasal keris dan sebagainya kerana ini tidak ada langsung mendatangkan faedah kepada kita. Percayalah tuan-tuan dan puan-puan sekian. Percayalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Percayalah Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Semakin banyak salah lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Percayalah Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau kita lakukan kesilapan pada hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat berceramah di kawasanlah lagi bagus kalau macam ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Kalaupun kita lakukan kesilapan pada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan, maka anak-anak cucu kita akan menangis di dalam kegelapan.

Percayalah anak-anak cucu kita akan jadi peminta sedekah di negaranya sendiri. Percayalah, wahai wakil-wakil rakyat yang saya hormati sekalian, wahai sahabatku Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, perpecahan kita hari ini akan menjadikan rakyat Malaysia yang merdeka ini pelarian di negaranya sendiri. Maka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Yang Berhormat bagi Kepong, dengar ini Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tutup buku itu, dengar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Bahawa saya menyokong penuh dan saya berharap dengan hati yang penuh ikhlas dan kalau mahu tangisan saya akan menangis di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat faham? Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya sanggup menangis di Dewan yang mulia ini untuk perpaduan rakyat Malaysia dan untuk bangsa kita Malaysia dan kita akan menyambut 50 tahun. 50 tahun kita akan sambut sedikit masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maka, kita sambutlah merdeka. Kita sambutlah kemerdekaan ini dengan penuh hati yang mesra di antara satu sama lain, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah bila saya cakap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sayangkanlah negara, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua orang sayang negara. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua di atas peluang diberi kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan saya bersyukur kepada Allah S.W.T...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini doa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ini bukan persidangan di tempat lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana boleh berhenti tengah berdoa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Ini Parlimen. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya berdoa kepada Allah S.W.T., semoga Allah akan melindungi negara kita, Allah akan merahmati perjuangan kita.

Sekian. *Wabillahirtaufik walhidayah. Wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya minta Yang Berhormat ikut peraturan. Bila kita tegur, Yang Berhormat kena ikut peraturanlah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

8.55 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat bagi Jerai bercakap dengan panjang lebar dan dia tanya, kenapa tidak ada orang yang mahu kacau beliau? Sangat jelas, bukan sahaja Yang Berhormat bagi Kepong ada kata bahawa dia harus balik dan baca hadis, tetapi sangat jelas, dia pun tak pernah baca laporan ini, laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara.

Langsung tak sebut apa yang ada dalam ini oleh sebab dia berbahas tanpa membaca. Nampaknya Parlimen ini bukan Parlimen, nampaknya ini satu teater Malaysia. Sandiwara sahaja dan ini bukan satu sikap yang serius untuk menghadapi masalah-masalah yang sangat serius dan sebab itu kita ada satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah di hadapan negara kita.

Saya rasa kesal bahawa tidak ada masa yang cukup untuk Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja membaca tetapi mengkaji apa yang terkandung dalam laporan ini yang tebal dan menunjukkan ada kerja dibuat, tetapi sekurang-kurangnya masa yang cukup patut diberi kepada semua Ahli Parlimen. Saya berani berdiri di sini kata bahawa langsung tak ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang pernah baca laporan ini. Siapa yang berani berdiri dan kata ada baca?... [*Dewan riuh*] Siapa berani? Siapa berani?... [*Dewan riuh*]

Ya, satu sebab ialah masa tidak cukup oleh sebab ini dibentangkan pada hari Selasa dan ada banyak perkara yang perlu diadakan. Saya sangat kesal bahawa sungguhpun Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat bagi Padang Rengas bersetuju dan ada terbuka kepada cadangan bahawa perbahasan boleh diadakan apabila Dewan yang mulia ini bersidang 18 Jun untuk sehari yang sepenuhnya, tetapi Yang Berhormat Menteri atas sebab sendiri dia rasa mahu terus perbahasan dan kelulusan ini.

Saya rasa ini, kita mahu dengan izin, *do justice* kepada laporan. Kepada *do justice* kepada usaha kerja yang ada dibuat oleh jawatankuasa oleh sebab ini satu laporan yang serius. Tajuk sangat serius khususnya, tahun ini ialah 50 tahun ulang tahun kemerdekaan, *nations building*, perpaduan negara.

Kita patutlah dengan serius membahaskan isu ini. Bukan semacam tadi Yang Berhormat bagi Jerai, bukan serius. Bermain-main sahaja dan tadi Yang Berhormat Menteri, saya ada meneliti apa Yang Berhormat Menteri cakap dalam pembentangan usul ini. Yang ada sebut beberapa aspek yang penting yang ada mempengaruhi perpaduan negara.

Antara lainnya, satu ialah agama dan di mana beliau ada kata bahawa ada di *recommended*, diperakukan bahawa adakan dialog antara agama. Supaya kita boleh memupuk perpaduan dan persefahaman antara rakyat kita. Hari ini *London's Times* yang keluar pagi ini dengan tajuk dengan izin, "*Summit On Religious Harmony Is Thrown Into Discord By Malaysia.*"

"The Archbishop of Canterbury, Dr Rowan Williams, has suffered a serious setback in his attempts to foster Muslim-Christian dialogue after the Malaysian Government banned an interfaith conference he was due to be chairing this week. Christian and Muslim scholars from around the world had bought air tickets, written papers and begun to pack their bags for the Building Bridges conference, the sixth in a series intended to foster dialogue between the two religions. It was cancelled with just two weeks notice."

The three-day conference was set up in the wake of September 11 and meant to be an annual get-together of Christian and Muslim academics in an attempt to find theological understandings that might help prevent future terrorist attacks. Since then the scholars have met in New York, Qatar and Sarajevo. This year's seminar in Malaysia was to signal a breakthrough in Muslim-Christian relations in a region where they are particularly delicate. However, it is understood that some influential Muslims believe that Christianity is "not a heavenly religion" and therefore they frown on inter-religious dialogue."

Apa? Mengenai cadangan dialog antara agama. Sebenarnya apa cadangan perakuan Jawatankuasa Pilihan dan apa kedudukan sebenarnya? Sebenarnya Malaysia sebuah negara yang berbilang bangsa, agama, budaya dan bahasa. Agama menjadi satu faktor yang mustahak, yang boleh membantu memupuk muhibah dan perpaduan, tetapi apa yang sedang berlaku, khasnya beberapa tahun baru-baru ini. Ia sudah menjadi satu unsur, satu faktor yang memecahbelahkan rakyat jelata.

Hari Ahad ini ialah *Mother's Day* tetapi adakah kita boleh kata kita memupuk kekeluargaan, semangat kekeluargaan dengan ibu. Bukan sahaja, saya mahu tambah apa yang berlaku semalam dan hari ini, di mana wanita telah dihinakan, di mana peranan ibu telah dihinakan. Selain daripada itu apa yang sedang berlaku di dalam negara kita di mana keluarga dipaksa untuk berpecah. Isteri dengan suami, emak dengan anak-anak. Kes Marimuthu dan Rahimah Bibi. Kenapa ini berlaku?

Sekarang Marimuthu, penoreh getah dengan tujuh anak dengan isteri, Rahimah, 21 tahun sudah kahwin, *happy marriage* tetapi sekarang terpaksa berpisah. Sungguhpun tujuh anak sudah balik kepada keluarga Marimuthu tetapi Rahimah diasingkan. Dari segi kemanusiaan, dari segi nilai keluarga yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebagai faktor-faktor utama untuk membina perpaduan negara. Kenapa kita membenarkan perkara-perkara, peristiwa-peristiwa semacam ini berlaku?

Adakah ini makna Islam Hadhari, untuk kecemerlangan keluarga? Mengasingkan isteri daripada lelaki dan daripada anak-anak mereka. *Isn't something is very wrong?* Adakah Jawatankuasa Pilihan kaji perkara ini? Adakah Jawatankuasa Pilihan cari satu jalan, satu *solution* mengenai perkara ini supaya agama tidak... Apa-apa agama, semua agama mengajar manusia menjadi baik, nilai yang baik. Cinta, hormat, nilai-nilai yang baik.

Tidak ada satu agama yang memecahbelahkan satu keluarga, khasnya satu keluarga selama 21 tahun, semacam keluarga Marimuthu, Rahimah dan tujuh anak mereka, tetapi ini berlaku. Bukan kes yang *isolated*. Sekarang lebih banyak kes yang semacam ini timbul. Kes Revathi, kes Benedict Gopal, kes Magendran, kenapa? *Something is wrong*. Penyakit negara kita. Apakah usaha dan adakah ini dikaji secara mendalam oleh Jawatankuasa Pilihan?

Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai agama daripada beberapa pandangan yang diutarakan oleh orang ramai mengenai Perlembagaan. Perlindungan yang diberi oleh Perlembagaan tetapi nampaknya lebih ramai rakyat rasa bahawa mereka tidak boleh mendapat perlindungan daripada Perlembagaan, khasnya selepas Perkara 121 (1A) diluluskan oleh Parlimen pada 1988. Pindaan 121(1A) bukan untuk menidakkan atau menghakiskan hak-hak rakyat Malaysia yang bukan Islam.

Ia ialah untuk memberi peruntukan dalam Perlembagaan bahawa perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan orang Islam, perkara ini adalah budi bicara *jurisdiction* ialah Mahkamah Syariah. Saya percaya kalau masa itu ada soalan timbul sama ada pindaan 121(1A) akan mengurangkan, akan menghakiskan hak-hak dan sensitiviti-sensitiviti *non-Muslim* di Malaysia, sangat jelas tidak, jawapan tentu tidak tetapi ini sudah berlaku sehingga apa-apa cadangan untuk meminda 121(1A) ada dilihat sebagai anti-Islam, sebagai menjejaskan kedudukan Islam. Kenapa?

Kenapa kita tidak boleh mengatasi masalah ini dengan satu pindaan 121(1B). Seksyen 121(1A) terus kekal tetapi ada satu 121(1B) dengan jelas menyatakan bahawa hak-hak yang bukan Islam tidak terjejas, bahawa hak mereka untuk dibicarakan di Mahkamah Sivil dan bukan di Mahkamah Syariah terus dilindungi seperti keadaan sebelum pindaan Perlembagaan 1988. Bukankah ini satu perkara yang perlu dapat perhatian yang serius oleh Jawatankuasa Pilihan.

Dalam laporan *interim* ini, langsung tidak ada sebut, kenapa? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa perkara yang begitu penting mengenai memupuk perpaduan tidak ada, langsung ditinggalkan dalam laporan ini dan inilah agama. Kita mahu agama menjadi unsur *uniting* dan bukan *dividing*.

Apabila kata mengenai dialog antara agama. Apa ertinya? Adakah dialog antara agama-agama bukan Islam atau dialog di antara semua agama? *Christianity*, Islam, *Buddhism*, *Hinduism*, *Taoisme* dan semua. Nampaknya *we are going backwards* dan sehingga satu. Mana kita boleh dapat kepercayaan orang ramai sama ada dalam negara kita atau dunia.

Kalau kita kata bahawa kerajaan kita menggalakkan *inter-religious dialogue*, pemimpin-pemimpin kita semacam Perdana Menteri pergi ke luar negara yang kata bahawa kita menggalakkan, mencadangkan *international religious dialogue* tetapi dalam negara kita, kita tidak membenarkan *inter-religious dialogue* yang sebenarnya di mana semua agama ada ambil bahagian. Apa guna sesebuah negara kalau yang berbilang agama, kalau ada dialog antara agama untuk semua agama-agama yang bukan Islam sahaja tetapi tiada penyertaan oleh agama Islam, yang pertama.

Yang kedua, kenapa satu *international conference* perlu dialog untuk memupuk persefahaman antara *Christianity* dan Islam dibatalkan sehingga, apa reaksi. Antara reaksi di blog saya ialah, dengan izin, "*Malaysia has lost her authority to speak for other religious. Do I still hear other countries are saying that they are eager to learn from Malaysia's religious tolerance?*" Dan, lagi satu ialah, "*What's the better way to pronounce to the world that we are indeed not a nation that practices religious freedom than to ban such a peaceful gathering.*" Kenapa berlaku? Bukankah ini menunjukkan *we are going the wrong way*?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perpaduan negara. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai bahawa unsur-unsur perpaduan dan integrasi nasional telah sedia ada terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, dasar-dasar ekonomi, dasar pendidikan kebangsaan, dasar sosial negara dan dasar-dasar lain tetapi adalah sosial kontrak, apa makna sosial kontrak?

Sosial kontrak yang difahami oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman, oleh Perdana Menteri yang kedua Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang ketiga Tun Hussein Onn nampaknya tidak diterima oleh pucuk pimpinan sekarang, oleh Barisan Nasional sekarang.

Yang sangat jelas ialah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertama, kedua dan ketiga dengan jelas dengan terbuka mengatakan bahawa Malaysia ialah sebuah negara sekular bahawa sungguhpun Islam ialah agama rasmi tetapi Malaysia bukan *Islamic state*. Sama ada jenis PAS atau bentuk UMNO bukan *Islamic state*. Malaysia adalah *secular state* dan perkataan ini digunakan oleh Tunku Abdul Rahman tapi sekarang sekular dilihat sebagai satu *dirty word*, sebagai anti Islam.

Sekular dalam konteks Perlembagaan Persekutuan bukan anti Islam tapi ialah *non religious*. Bukan antiagama, bukan anti Islam tetapi *transient* melampaui agama tetapi adalah menerima nilai-nilai dan ciri-ciri semua agama. *So what is the social contract?* Malaysia *agreement*, apabila Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Persekutuan dan membentuk satu *Malaysia Federation* yang baru tahun 1963 dan sebelum itu adalah satu *Cobbold Commission Report*.

Dengan jelas dalam *Cobbold Commission Report* adalah ulangi apa yang ada dalam sosial kontrak bahawa penerimaan Islam sebagai agama rasmi tidak menafikan bahawa Malaysia ialah sebuah negara sekular.

Ini dalam *constitutional document. Basic constitutional of document, Reid Constitutional Report, social contract, Cobbold Commission Report* tetapi sekarang adalah puak-puak yang kata tak terima asas pembinaan negara ini. Bukankah ini satu asas kenapa ada berpecah-belah negara dan dalam laporan ini sebagai contoh ada pandangan yang dikemukakan contohnya di muka surat 88, perkara cadangan, kiris konsep-konsep perkauman contohnya buku teks Sejarah tingkatan tiga dan lima yang telah memperkenalkan konsep ketuanan Melayu yang dibuat oleh Lim Guan Eng wakil DAP.

Apa ulasan, apa balasan jawatankuasa? Jawatankuasa memperakui ulasan kementerian dan apa ulasan kementerian, panjang tapi apa yang mustahak satu perenggan sahaja bahawa ketuanan Melayu dilaungkan oleh pemimpin Melayu pada ketika itu ialah masa 40-an. Pada ketika itu bagi menyatupadukan orang Melayu menentang *Malayan Union* dan bukannya menuntut kemerdekaan.

Oleh itu, konsep ini ialah peristiwa dan realiti sejarah. Pada ketika itu ia dimasukkan bukan bertujuan untuk menggugat perpaduan masyarakat Malaysia. Kalau ini konsep ketuanan Melayu ialah mengenai satu bab sejarah. Tahun 40-an masa itu untuk menentang *Malayan Union* oleh akhirnya penubuhan UMNO, itu kita boleh terima tetapi kenapa konsep ketuanan Melayu di buku-buku Sejarah dicatatkan dalam konteks seperti konsep ini masih diguna pakai.

Adakah penjelasan dalam buku-buku Sejarah? Adakah Ahli-ahli Parlimen UMNO rela berdiri kata konsep ketuanan Melayu Cuma konsep sejarah, *a historical reference* tetapi untuk masa depan tidak lagi ketuanan Melayu oleh kerana kita bangsa Malaysia, adakah berani? Kalau tidak, bukankah ini bertentangan dengan konsep perpaduan negara. Ini apa yang mustahak, tapi apa pendirian jawatankuasa?

Jawatankuasa memperakui ulasan kementerian. *Acknowledge the comment of the ministry.* Kita mahu menubuhkan satu jawatankuasa oleh kerana kita mahu jawatankuasa kaji dengan sedalam-dalamnya ada perundingan dengan *wide* atau besar, selebar-lebarnya dan memberi satu pandangan. Pandangan laporan jawatankuasa ialah menegaskan konsep ketuanan Melayu adalah *a historical reference* tapi untuk masa sekarang tidak diguna pakai lagi.

Adakah rela untuk *the final report*, dalam laporan terakhir bahawa perkara ini diperjelaskan dan adakah rela Ahli Parlimen UMNO berdiri dan menyokong. Adakah, adakah MCA dan Gerakan berani berdiri dan menyokong? Mereka diam-diam sokong tapi tak berani. Itulah yang perlu kita hadapi.

Mengenai realiti, tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata jangan ungkit-ungkit isu-isu keris Melayu. Itu bukan mengungkit isu. Adakah kita faham apabila perkara ini berlaku dan masa itu perhimpunan *UMNO Youth* kali yang pertama siaran langsung masuk rumah semua rakyat Malaysia kali yang pertama. Apa ekspresi mereka? Apa fikiran mereka? Peristiwa itu bukan sesiapa yang menentang mengenai menghunus keris.

Saya ada menegaskan kita semua rakyat cinta negara menerima keris sebagai lambang negara, melambangkan keadilan tetapi dalam konteks untuk membuat tuntutan perkauman, yang ekstremis dan masa itu, konteks itu menghunus keris. Ini bukan melambangkan kebudayaan Melayu atau simbol keadilan tetapi satu ugutan dan sebab itu adanya reaksi. Sebab itu di setiap rumah yang kali pertama menonton *live UMNO Youth Assembly* mereka terperanjat, trauma! Mana boleh perkara seperti ini berlaku, 48 tahun selepas merdeka.

Adakah pemimpin-pemimpin UMNO faham? Adakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional faham kenapa perkara ini begitu dalam sekarang? Adakah jawatankuasa pilihan rela kaji perkara ini kenapa peristiwa menghunus keris satu peristiwa yang begitu mendalam sehingga dalam *Ijok By-Election*, Perdana Menteri kata, kenapa ada *swing* ini daripada pengundi-pengundi Tionghoa kepada pembangkang?

Tidak boleh dinafikan peristiwa menghunus keris itu satu isu yang pertama. Kita mahu menyatukan rakyat, kita mahu perpaduan nasional dan kita mahu isu ini boleh dijadikan sebagai satu isu diketepikan, tetapi dengan satu tindakan ketua pemuda UMNO.

Menteri Pendidikan meminta secara terbuka..., memohon maaf apabila yang beliau lakukan adalah salah, ia pun menentang budaya Melayu. Oleh kerana keris tidak dihunus untuk mengugut sesiapa, keris digunakan dalam cara menunjukkan keadilan tetapi apabila beliau menghunus keris bukan menyampaikan mesej keadilan tetapi ugutan.

Itulah sebab, itulah konteks dan saya harap jawatankuasa terpilih berani menangani isu ini oleh kerana ia *far reaching consequences, and will continuing of far reaching consequences* dan kalau tidak Yang Berhormat Menteri pun ada sebut mengenai RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, kenapa tidak ada kredibiliti?

Oleh kerana tindakan pemimpin-pemimpin dengan kata-kata mereka *clash*, bercanggah, konflik atau Yang Berhormat ada sebut mengenai beberapa dasar ekonomi. Rela kah, bolehkah jawatankuasa terpilih ini pun kaji dengan sedalam-dalamnya, bincang dengan mendalam dalam negara *up and down the country*, bagaimana Dasar Ekonomi Baru impak kepada perpaduan negara.

Adakah *conceded* kepada perpaduan atau sebaliknya, dan saya tidak meragui bahawa *new economic policy* antara satu konsekuensi ialah *national division* dan sebab itu adalah dalam 40 tahun ini ada sejuta ke dua juta orang cerdik, cendekiawan yang *migrate*. Bukan untuk semacam Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata bahawa sebagai *ant seeking sugar*.

Atau apa yang dikatakan 30 tahun dahulu bahawa *good ridden to bad rubbish* tetapi oleh kerana dasar-dasar pembinaan negara kita yang tidak adil dan tidak memberi mereka satu tempat yang sewajarnya di bawah *Malaysian sun* yang ada ditegaskan oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin sebagai suatu ciri utama untuk *nation building*.

Laporan di sini ada sebut mengenai realiti masyarakat Malaysia hari ini semakin kompleks. Perselisihan faham mudah terjadi. Ketegangan yang berpunca dari isu-isu yang menyentuh sensitiviti kelompok-kelompok tertentu sentiasa berlegar dalam masyarakat dan mereka yang *cauvinis* sentiasa menunggu peluang. Siapa *cauvinis*, siapa *cauvinis*? Tengok apa yang berlaku di Sabah, apabila PBS dalam pembangkang, PBS ada dilabelkan sebagai *cauvinis*.

Adakah PBS sudah tukar pendirian? Adakah sekarang PBS dituduh sebagai *cauvinis*? Sekarang siapa yang dituduh sebagai *cauvinis* di Sabah? Tan Sri Chong Kah Kiat. Dia dituduh sebagai *cauvinis* tetapi pada tahun 90an dan masa UMNO mahu masuk Sabah yang tidak perlu orang di Sabah menjadi suatu *partner* khasnya untuk memenangi sokongan orang Tionghoa di Sabah, dia sangat *loyal*, sangat *Malaysian* tetapi dia sekarang *resign*, dia *cauvinis*.

Apa *cauvinis*? Perkataan-perkataan semacam ini "*Chameleon like*", bukan ada digunakan kepada orang yang lawan bukan dia ada pendirian, ada tukar sebab apa ertinya saya rasa saya harap apabila laporan terakhir digubal, berjaga-jaga apabila menggunakan perkataan-perkataan semacam ini *cauvinis*. Siapa *cauvinis*? Kalau mahu gunakan *chauvinist*, *define* pada pandangan saya dua tahun dahulu apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan menghunus keris, dia *cauvinis*. Dia *cauvinis*. Mahukah dia ditaruh dalam laporan ini?

Kita mahu satu laporan dikeluarkan, di mana kita boleh menyatupadukan rakyat dan bukan menimbulkan banyak masalah dan semacam di sini. Di Sabah, saya ada pernah kata bahawa sekarang selepas 13 tahun sejarah bagaimana UMNO sudah masuk Sabah bahawa kita ada satu *new underclass*, KadazanDusun, Murut menjadi *new underclass* di Sabah di pingirkan, siapa *cauvinis*? Ini suatu yang benar.

Yang Berhormat pun saya percaya bersetuju sungguh pun tidak berani buat begitu terbuka. Dia bersetuju tetapi siapa yang *cauvinis*? Di sini saya harap bahawa dalam laporan terakhir saya harap bahawa jawatankuasa boleh buat suatu tinjauan impak DEB kepada perpaduan negara. Kenapa NEP di pandang sebagai satu faktor utama untuk kenapa rakyat berpecah belah, dan oleh kerana kredibiliti NEP enam bulan dahulu adalah jaminan dibuat oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

laitu bahawa metodologi, dan data EPU, *Economic Planning Unit* untuk cara yang dia gunakan untuk menilai ekuiti setiap kaum di bawah Dasar Ekonomi Baru akan diumumkan. Oleh kerana ada pertikaian mengenai pencapaian *ethnic equity* di bawah NEP, laporan ASLI khasnya Profesor Lim Teck Ghee ada berkata bahawa *Malay ethnic equity* sudah mencapai 45%.

Dan pun bukan sahaja Lim Teck Ghee ada satu laporan yang dibuat oleh *University of Malaya*, "*Bumiputera in the Corporate Sector - Three Decades of Performance 1970 – 2000*" oleh Dr. M. Fazilah Abdul Samad, *the Head of Department of Finance and Banking, Faculty of Business and Accountancy* yang berasaskan satu analisis 10 tahun mengenai bumiputera *equity ownership* antara 1988 – 1997 mengenai *public listed companies* Kuala Lumpur Stock Exchange dan sekarang Bursa Saham.

Menunjukkan..., mengikut kajian Fazilah bahawa, dengan izin, *bumiputera equity ownership reach 33.7% in 1997 comprising 30.6% bumiputera corporate equity ownership, and 3.1% individual bumiputera ownership*. Akan tetapi kerajaan kata ini tidak benar. Akhirnya kemudian bahawa Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kata boleh bahawa umumkan metodologi dan data digunakan oleh *Economic Planning Unit* untuk menyampaikan data-data, enam bulan sudah lepas, diam. Mana boleh dapat kepercayaan orang ramai. Adakah angka-angka ini satu *magic figure* digunakan *statistical magic* yang tidak ada hubungan dengan realiti.

Saya harap baru-baru ini yang berlaku sungguh pun ada *good ending also same to the* Maybank, mengenai peraturan baru yang mewajibkan 50% *equity partnership* kalau ada apa-apa firma guaman yang mahu dipilih sebagai panel Maybank oleh kerana campur tangan Kabinet adalah ditarik balik. Kita harap ini bukan satu *tactical retreat*, oleh kerana tahulah bahawa angin tidak begitu baik untuk Barisan Nasional, *election* akan datang, *Ijok By-Election, thought a lesson*.

Ijok effect yang pertama sudah dilihat tetapi dasar tidak ubah, strategi masa depan tidak ubah. Kita mahu tahu. Mungkin ini pun perlu jadi satu kajian jawatankuasa pilihan dalam perkara ini dan dalam laporan jawatankuasa pilihan ada bab mengenai *civil service*, bahawa komposisi *civil service* tidak membayangkan komposisi populasi negara kita. Lagi satu ciri yang ada impak terhadap masalah perpaduan negara tetapi apa yang ada dalam laporan ini *take note* sahaja.

Take note mengenai usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan yang mahu membetulkan masalah ini. Akan tetapi, ini sudah menjadi berapa tahun, *long playing record* bahawa kerajaan akan ambil tindakan tetapi hakikatnya ialah keadaan lebih buruk oleh kerana dalam tahun 1971, komposisi dalam perkhidmatan awam mengikut kaum ialah orang Melayu 60.8%, tetapi angka yang saya ada 2005, 60.8% sudah meningkat ke 77.4%.

It is a greater Malaysianisation or a grater Malaynisation? Adakah ini satu *greater Malaysianisation*, *grater Malaysiasation of the public service*. Untuk *Chinese* tahun 1971, 20.2%, tetapi untuk tahun 2005 Januari *Chinese* ialah 9.37%. Turun daripada 20.2% kepada 9.37%. Orang India, sudah jatuh daripada tahun 1971, 17.4% kepada 5.12%. Bukankah Dasar Ekonomi Baru apabila diumumkan satu tujuan ialah untuk *restructure* semula, menyusun semula komposisi-komposisi *public sector, private sector*, tetapi 35 years lebih teruk.

Sekarang kata kerajaan sedar akan ambil tindakan untuk membetulkan *long playing record* yang tidak ada apa-apa kredibiliti dan saya harap bahawa apabila jawatankuasa terpilih buat laporan yang terakhir akan memberi perakuan yang lebih konkrit yang lebih berani, yang lebih berguna dan bukan semacam sekarang apabila saya baca catatan mengenai syor-syor cadangan-cadangan jawatankuasa, terbanyak ialah bahawa ambil maklum atau mengakui ulasan.

Kalau begitu apa guna ada satu jawatankuasa, *select committee*. Kita mahu jawatankuasa *select committee have a stand of its own* sama ada sokong atau menentang *a stand of its own not to take note*. Kita tidak perlu menubuhkan satu jawatankuasa pilihan untuk mengambil maklum atau untuk memperakui ulasan. *That is not the job of a select committee. The job of a select committee is to take stand and what is the stand*, kenapa tidak berani ambil pendirian?

Sebagai satu contoh, tengok mengenai cadangan ini yang ada dibuat oleh orang ramai dalam *one of the public sessions*. Apa yang diadakan ialah bahawa ada dibuat oleh Datuk Dr. T. Devaraj. Masalah polarisasi di sekolah, bahawa perlu menggalakkan penyertaan masyarakat setempat supaya lebih integrasi boleh dilakukan. Syor, cadangan jawatankuasa memperakui ulasan kementerian.

Tidak guna, tidak bererti, *meaningless* atau di sini bahawa cadangan mengenai patutlah memberi layanan yang adil untuk semua aliran sekolah. Sebagai contohnya ini pun Datuk Dr. T. Devaraj. Ketiadaan kaum bangsa lain selain bangsa Melayu yang menjawab jawatan naib cancellor, ambil maklum, ambil maklum.

Atau di sini bahawa dan ini bukan oleh DAP atau pembangkang, oleh golongan-golongan orang ramai mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam seperti mana yang dinyatakan oleh Tun. Dr. Mahathir dan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi cadangan penubuhan *interfaith* dilihat amat bertentangan dengan Perlembagaan di mana Islam diletakkan sebagai agama rasmi.

Apa pendirian syor atau cadangan jawatankuasa. Kerajaan menggalakkan dialog antara agama dan Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawabkan dalam usaha urusan dialog antara agama. Saya tidak mahu mengulang apa saya cakap mengenai *inter-religion* dialog. Akan tetapi apa pendirian *select committee* mengenai isu ini bahawa adakah Malaysia sebuah *Islamic State*?

Bukankah bahawa Merdeka Sosial Kontrak, bukannya Perlembagaan Malaysia *Agreement*, laporan, Cobbold Commission bahawa Malaysia *a secular state*. Bukankah ini perlu dicatatkan dengan jelas dalam laporan ini? Saya tidak ada masa dan saya mengakui saya tidak ada masa untuk baca dengan sepenuhnya laporan ini.

Sebab itu saya tadi berani cabar, tiada seorang yang ada masa untuk baca dengan sepenuhnya dan kita perlu masa baca untuk mengkaji. Ini satu isu yang mustahak. Saya mahu cari satu yang terakhir sahaja ialah, ini oleh seorang Sabahan, Puan Annie anak Wilfred Kiroh, *complain* beliau ialah guru-guru di sekolah kebangsaan dimonopoli oleh orang Melayu, hampir semua pengetua atau guru besar adalah kaum Melayu.

90% pegawai di bahagian sekolah dan bahagian pembangunan kementerian terdiri daripada orang Melayu dan respons jawatankuasa. Jawatankuasa setuju dengan ulasan kementerian dan mencadangkan supaya pelantikan dibuat mengikut kelayakan, komposisi dan keutamaan kepada calon tempatan kerana kesesuaian persekitaran *incipit, listless, colorless, boneless*. *Take a strong stand, right stand, a correct stand* itulah apa yang perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, meritokrasi - 3.7 ada disebut mengenai meritokrasi oleh kerana sistem meritokrasi pun adalah bersangkut paut dengan masalah perpaduan negara. Sistem meritokrasi yang telus dan jelas hendaklah diamalkan bagi memastikan setiap pelajar dinilai sewajarnya terutama kepada pelajar luar bandar yang tertinggal dari segi sistem pendidikan jika dibandingkan dengan di bandar-bandar.

Kita mahu sekolah-sekolah dan universiti-universiti kita menjadi satu tempat di mana generasi yang akan datang merasakan bahawa mereka adalah rakyat Malaysia dan bukan kaum Melayu, kaum India, kaum Cina, Iban dan Kadazan. Kalau begitu kita perlu memupuk nilai yang betul. Meritokrasi seperti universiti *intake* meritokrasi yang tulen. Bukan macam meritokrasi sekarang yang palsu menggunakan dua cara peperiksaan iaitu STPM dan Matrikulasi.

Kita semua tahu inilah meritokrasi kerana kita mahu teruskan dengan *myth* atau mitos ini. Selama kita teruskan dengan mitos ini bahawa dua peperiksaan yang sama taraf, kita tidak boleh dapat keyakinan orang ramai bahawa kita benar-benar ikhlas dan jujur untuk mengatasi masalah negara kita. Betul, kita tidak boleh mengamalkan satu sistem 100% meritokrasi. Mereka yang mundur dan mereka daripada sosial ekonomi yang rendah, mereka perlu bantuan khas *affirmative action, yes*.

Bukan untuk mereka yang kaya-raya, bukan untuk mereka yang ada jawatan tinggi, tetapi untuk mereka yang miskin. Mereka patut dan mesti diberi keutamaan *affirmative action*. Kalau mahu NEP, NEP sekarang bukan untuk mereka yang mundur, yang miskin, yang tertinggal tetapi sudah dimonopoli dan *hijacked* oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional, UMNO Putera, NEP Putera, UMNO pemimpin Putera. Ini baik untuk pemimpin-pemimpin UMNO, baik untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, tetapi tidak baik untuk perpaduan negara.

Adakah Jawatankuasa Pilihan Khas rela untuk mengkaji dan menangani cabaran ini. Ya, *affirmative action*, tetapi *affirmative action* tidak kira kaum untuk mereka yang miskin. *Let's have a new NEP*, di mana berasaskan kepada *need*, kepada meritokrasi, kepada keperluan *social need* dan kita hapuskan segala penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa, korupsi dan amalan curang di mana sekarang NEP di *hijacked*. Ini tanggungjawab *Select Committee* dan itu meritokrasi.

Minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sungguhpun laporan ada mengakui bahawa kemiskinan di kalangan bumiputera khasnya kumpulan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak ialah satu masalah yang besar, tetapi kita tidak mahu satu *general picture*, tetapi kita mahu statistik dan kita mahu kedudukan yang terkini. Sekurang-kurangnya perlulah jawab atau memberi gambaran kenapa selepas jaminan bahawa adalah Sabah baru selepas 13 tahun, UMNO masuk ke Sabah, menghapuskan kemiskinan kepada tahap sifar 0% pada tahun 2000.

Sekarang untuk 2005 masih di peringkat 23%. Kenapa tidak ada dalam laporan ini? Kata sahaja kemiskinan satu masalah sahaja, tidak guna, *'can't pull the nuts in the box'*. Apa masalah, apa masalah? Peminggiran dan *marginalization*, sehingga ada kelas KadazanDusun, Murut. Adakah kita rela mengadakan, sekarang kita nampak untuk semua statistik-statistik ialah bumiputera, Cina dan India, tetapi bumiputera bukan sahaja satu golongan. Ia merangkumi Melayu, Kadazan dan Iban. Apa kedudukan Kadazan, apa kedudukan Iban?

KadazanDusun, Murut dan Iban kompelin bahawa dalam rubrik bumiputera mereka diabaikan dan mereka diketepikan. Bukan masa sudah masa sudah di mana ada *separate categorization* mengenai data-data untuk bumiputera, orang Melayu, orang Kadazan, orang Iban, supaya kita boleh faham apa masalahnya dan apa tindakan yang perlu diadakan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kenapa? 50 tahun untuk Sabah dan 47 tahun Sarawak. Kenapa? Begitu *basic* yang boleh memberi bantuan yang begitu besar untuk meninggikan taraf hidup KadazanDusun, Murut dan Iban di Sabah dan Sarawak belum dibuat. Bukankah sudah sampai masanya di mana *Select Committee* ini perlulah buat cadangan konkrit dan spesifik supaya memberi *authority Select Committee* kepada cadangan ini supaya kerajaan dan Kabinet boleh ambil berat tentang perkara ini.

Political will, kita ada laporan di sini iaitu Bab 6. Keberkesanan institusi dan sistem penyampaian mengenai pelaksanaan sistem penyampaian termasuklah penekanan kepada integriti di dalam pekerjaan seperti yang diterapkan dalam Pelan Integriti Nasional. Apa yang kita tengok ialah keruntuhan sistem penyampaian, keruntuhan sistem kerajaan, apa yang berlaku?

Parlimen bocor, hari-hari ada *mishap*. Semalam sahaja, bukan sahaja ada *air-condition power breakdown*. Bukan sahaja dinding jatuh, bumbung jatuh, dinding *crack*, *toilet* ada masalah, *air-condition breakdown* dan *power stoppage*. Hari ini saya dapat kompelin bahawa *Criminal Court* pun ada kebocoran. RM290 juta, ada atau tidak CF pun tidak tahulah. Kalau ada CF kenapa ini berlaku? Kenapa tidak ada tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab?

Kalau tidak ada CF mana boleh memulakan operasi. Putrajaya, Imigresen, *Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development* dan apa yang berlaku? Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mahu RM22 juta untuk siasat sahaja. Siasat bangunan yang baru di Putrajaya. Salah dan kesilapan, rakyat pun kena keluar wang. Nampaknya Kerajaan Barisan Nasional lihat dan pandang rakyat sebagai *fool and suckers, losers all the way*.

Kenapa RM22 juta tidak boleh dituntut daripada mereka yang harus bertanggungjawab oleh kerana keruntuhan sistem ini? Apa ini? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa dia sudah cakap sehingga kering mulut, *throat dry* tetapi tanggungjawab beliau ialah sebagai Perdana Menteri bukan cakap sehingga *throat dry* sehingga untuk...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya bukan hendak menafikan tanggungjawab Yang Berhormat, tetapi saya hendak tahu bolehkah beritahu berapa masa Yang Berhormat perlu lagi untuk menghabiskan ucapan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Secepat yang mungkin, saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Katakanlah dalam 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 15, 20 minit. Secepat mungkin. Tahun ini, *50th anniversary*. Laporan ini sebenarnya patutlah menjadi bahagian penting, *nation building* tetapi sangat.

Ahli Parlimen pun tidak mahu baca dan tidak ada baca. Kalau Ahli Parlimen pun tidak baca, orang ramai mana boleh baca. Kita pun tidak ada satu perbahasan yang sehari penuh, yang patut diadakan pada 18 Jun. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka dan dia bersetuju. Saya ada cakap dengan Yang Berhormat Menteri tetapi dia mahu *go through this debate*.

Kita perlu kaji bumiputera dan bukan bumiputera adakah masanya sudah sampai untuk hentikan perbezaan rakyat Malaysia antara bumiputera dan bukan bumiputera? Kita semua bumiputera dalam Malaysia. Khasnya mereka yang lahir di Malaysia selepas kemerdekaan. Mereka 100% semua bumiputera, tak kira apa kaum atau apa agama.

Kita semua *sons and daughters of this soil*. Adakah kita rela? Untuk Wawasan 2020, bangsa Malaysia, adakah kita rela? Adakah Jawatankuasa Pilihan Khas rela? Fikir dan kaji perkara ini, berani? Adakah *political will* untuk mengatasi semua masalah ini? Saya tidak mahu menyentuh ini secara mendalam.

Menangani masalah sosial di kalangan generasi muda dan mengurangkan jenayah - ini sebenarnya satu masalah yang besar. Tiga tahun selepas pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat Malaysia masih rasa lebih tidak selamat dan bukan lebih selamat. Mana ada mengurangkan jenayah, indeks jenayah?

Sebenarnya dalam tiga tahun ini iaitu 2003 sehingga 2006, ada kenaikan hampir 50% insiden *crime* berdasarkan angka-angka di sini kalau mahu. Untuk *violent, crime* lebih dahsyat. *Violent crime* yang bertambah 86% keganasan dan *rape cases* dengan izin, *registering the highest increase of 65.5%*.

Reaching an average of 6.7% women raped daily in 2006 compared to an average of four women raped daily in 2003. In 2003, an average of 1.5% persons were murdered daily; but in 2006, this has increased to an average of 1.65% persons murdered daily. 1.5% person increased to 1.65%.

Sehingga VIP dan VVIP pun menjadi mangsa jenayah dan mereka perlu diberikan perlindungan. Mungkin ini oleh kerana ada pemimpin-pemimpin politik yang menjadi penyokong besar kepada gengster-gengster seperti yang dikatakan ada di Sibul, tiga orang pemimpin politik yang ada di belakang masalah gengster-gengster di Sibul.

Masalah media adalah mustahak, tetapi apakah untuk perpaduan negara? Keadaan yang sebenarnya ialah baru-baru ini laporan *Freedom House* yang menunjukkan bahawa *ranking* Malaysia sudah jatuh lebih dahsyat lagi iaitu di tangga ke-150 bersama empat lagi negara-negara seperti United Arab Emirates, Ivory Coast dan Maldives.

Untuk rantau ini pun kita juga di belakang apabila dibandingkan dengan East Timor tempat yang ke-42, Filipina tempat yang ke-100, Indonesia ke-114 dan Thailand ke-126. Semua petunjuk-petunjuk *corruption, press freedom and cost of doing business getting worse*.

Apa ertinya *50th years anniversary*? Bukankah satu cara yang mahu kita *50th years anniversary* yang bermakna bukan saja dengan membelanjakan wang yang begitu banyak, beratus-ratus juta ringgit ialah supaya memberi satu *mission* kepada rakyat. Sebagai contohnya supaya kita boleh kembalikan kedudukan 50 tahun dahulu.

50 tahun dahulu kita ini Benua Asia selepas Jepun sahaja dalam pembangunan ekonomi. Kita adalah lebih baik daripada semua negara tetapi sekarang kita di belakang Singapura, Hong Kong, Taiwan dan South Korea. Buatlah satu misi yang kita mahu dan kalau kita tidak jaga, kita akan kalah kepada Thailand, Vietnam dan Indonesia.

Bukankah satu Misi Nasional yang boleh diberi perakuan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas bahawa apabila kita ada satu *National Mission 50th years anniversary* untuk *all Malaysian*. *Uniting force, a magnet for unity* untuk kita kembalikan kedudukan kita di *Asian Economic Development* sebagai nombor dua. Kalau tak boleh lebih baik daripada Singapura, Hong Kong, South Korea dan Taiwan, sekurang-kurangnya kita boleh *in the same league*, semacam ini.

Apa ilham yang menggalakkan dan merangsang perpaduan negara? Sebaliknya kita tengok ada sikap yang begitu negatif, ada menteri-menteri berfikir yang begitu sempit dan yang begitu *antediluvian*, '*dinosaur*' seperti Menteri Penerangan, seorang wartawan yang dapat hadiah *National Journalist* tetapi dia fikir apa? Dia mahu dibezakan dan diklasifikasikan kepada *professional blog* dan *unprofessional blog*. Apa ini *professional blog*?

Ia adalah bahawa apa perkara dalam *blog* itu betul dan dalam *unprofessional blog* ialah apa yang dituliskan itu tak betul. Bagaimana boleh diklasifikasikan *blog* sebagai *professional* dan *unprofessional*? Siapa akan mengklasifikasikan? Siapa akan daftarkan? Takkan dia tidak faham *blog* ialah satu jenis *citizen journalism*. Setiap orang hak *and power* dalam era ICT untuk memberi pandangan.

Kita perlu *empower* tanggungjawab kerajaan. Dalam satu negara yang maju ialah *empower the bloggers and not to block the bloggers*. Itu apa nampaknya berapa pemimpin-pemimpin dan termasuk menteri-menteri. Bukankah tanggungjawab Jawatankuasa Pilihan Khas ialah untuk memberi fikiran yang baik dan membuka fikiran menteri-menteri supaya mereka tidak begitu sempit tidak begitu *antediluvian* begitu '*dinosaur*' dengan fikiran mengenai ICT dengan *blog* untuk menggalakkan.

Betul, kita tidak mahu *blog* yang ada fitnah dan ada dusta, tetapi bukanlah semua *blog* ada dusta dan fitnah. Kita di sini ada nama, *the name blog* kita ada bertanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Ya, okey baru tiga minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada lagi dua *point* iaitu integriti. Saya tak mahu bercakap banyak mengenai integriti, sungguhpun ini merupakan satu subjek yang besar. Oleh kerana ada yang sebut Pelan Integriti Nasional tetapi mungkin perlulah. Sungguhpun ada satu *Select Committee* mengenai integriti tetapi dari segi *national unity*, perlulah satu pendekatan yang lebih mendalam dalam perkara ini.

Kita tak mahu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi pelbagai penjelasan bahawa kita serius mengenai *anti-corruption* tetapi nampaknya tidak nampak apa-apa usaha. Dalam Dewan Negara, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata bahawa satu sebab Ketua Pengarah ACA iaitu Zulkipli tidak dilantik semula bukan oleh kerana ada masalah, tetapi tidak mahu tambah lagi satu terma.

Kalau begitu kenapa sampai sekarang jawatan ini masih kosong? Sangat jelas. Kalau tidak timbul masalah khasnya tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh bekas Pengarah ACA di Sabah terhadap Zulkipli, sudah tentu diteruskan perkhidmatan beliau. Sebab itu sekarang ada kekosongan. Kenapa memberi penjelasan yang tidak benar boleh dipercayai tanpa kredibiliti.

Kenapa dalam Parlimen apabila ditanya apa tindakan diambil oleh ACA khususnya mengenai Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah tidak mahu jawab? Akan tetapi hari ini tengok ada pengesahan oleh ACA bahawa ada siasatan dijalankan mengenai Ketua Menteri Sarawak. Mengenai kebolehan dan kesanggupan. Ini bukan bersangkut paut dengan *public delivery system*. Apa yang bekas Perdana Menteri kata baru-baru ini, *half-past six Cabinet*. Adakah jawatankuasa pilihan mahu mengkaji perkara ini?

Kalau *half-past six Cabinet* bagaimana boleh meyakinkan dan mendapat kepercayaan orang ramai? Ini interviu yang terkini dalam Malaysia Kini bahawa bukan sahaja dia kata bahawa masa sudah sampai untuk NEP *gone away gradually* bahawa sebenarnya Rafidah Aziz tidak patut dilantik sebagai Kabinet dan sepatutnya tindakan diambil terhadap beliau. Kenapa dia tidak ada pilihan selain daripada melantik Samy Velu sebagai *Cabinet Minister* dan lain-lain.

Apa yang mustahak ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet yang tidak ada kebolehan langsung dan mereka mahu menjaga kepentingan mereka dan bukan untuk kepentingan negara. Semua ini *closely connected* mengenai *national unity* dan *national solidarity*.

Saya harap, saya bukan di sini untuk menolak cadangan atau laporan interim ini tetapi saya harap bahawa teguran-teguran yang saya beri boleh diambil kira dengan serius dan mendalam apabila Jawatankuasa Pilihan Khas mendraf, menggubal laporan yang terakhir dan dalam lima dan enam bulan ini boleh *fill in the patches* dan daripada beberapa segi yang disebut boleh lebih berkesan dalam mengemukakan satu laporan yang lengkap khasnya *in keeping with the 50th anniversary of Merdeka Day*. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau. Silakan.

10.03 mlm.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju cadangan laporan ini untuk mengadakan dialog antara agama untuk mencapai persefahaman yang berlandaskan nilai-nilai sejagat perlu diberi sokongan padu kerana perjumpaan seperti ini akan memberi satu isyarat dan menyampaikan mesej kepada generasi muda bawa perbezaan agama tidak akan mewujudkan halangan kepada menjalin hubungan mesra dan harmoni, hubungan saling menghormati, saling menyokong dan menghargai di antara satu kaum dengan yang lain.

Contoh kepimpinan yang matang seperti ini harus dipamerkan dengan sejelas-jelasnya dan ditonjolkan kepada masyarakat majmuk dan generasi muda kita supaya kita akan dapat membina asas yang kukuh kepada perpaduan kaum yang stabil dan berkekalan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada usaha kerajaan selama ini semenjak kemerdekaan negara usaha untuk mengamalkan sistem pelajaran yang pelbagai aliran bahasa. Ini adalah satu hala tuju pembangunan pelajaran yang bijak selaras dengan pragmatisme dan trend dunia yang menjunjung dan menghargai kepelbagaian budaya dan bahasa sebagai satu kekuatan. Kepelbagaian budaya dan bahasa adalah diakui sebagai satu kekuatan negara Malaysia khususnya dalam zaman globalisasi ini. Hakikat kekuatan kepelbagaian dari budaya dan bahasa ini harus terus direstui dan diterima oleh semua kaum supaya negara kita akan terus bersatu padu, makmur dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar pembangunan ekonomi untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan memberi ruang yang bebas, adil dan mencakupi semua kaum perlu juga dianggap sebagai landasan dan asas utama kepada pembinaan perpaduan antara kaum di negara kita.

Akhir sekali, yang ingin saya timbulkan ialah, tentang usaha kerajaan dari semasa ke semasa harus memperhatikan gejala-gejala atau perbuatan-perbuatan dari mana-mana pihak yang boleh menjejaskan perpaduan kaum dan mengambil langkah dengan secepat mungkin untuk menghalang dan memberhentikan sebarang perbuatan ataupun kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin politik ataupun pemimpin-pemimpin NGO yang akan menjejaskan perpaduan negara. Semoga dengan usaha bersama kita negara akan tetap kekal aman damai dan perpaduan kaum.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

10.07 mlm.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu ingin membahaskan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas dan mengucapkan terima kasih kepada menteri berkenaan yang telah membentangkan laporan interim ini.

Saya begitu gembira kerana perkara-perkara yang di cadang dan dirumuskan dalam ulasan itu memang tepat pada tajuknya iaitu dasar perpaduan negara, pendidikan, ekonomi, politik, sosiobudaya, media, institusi, sistem penyampaian, perundangan dan PLKN. Cuma izinkan saya merumuskan kembali bahawa kalau kita lihat laporan ini daripada perkara-perkara yang termaktub dalam cadangan ketetapan dan syor daripada muka surat 344 hingga ke muka surat 358, maka perkara-perkara yang disyorkan terlalu umum.

Dua perkara yang mendapat perhatian yang jitu dan tepat sekali ialah syor-syor yang berkaitan dengan rukun tetangga dan PLKN. Maka perkara-perkara induk yang merupakan asas kepada pembentukan satu negara yang bersatu padu adalah perkara-perkara yang kemudiannya yang berkaitan dengan syor 4 iaitu pelaksanaan dasar dan program-program pembangunan ekonomi dan program yang berkaitan dengan pembangunan wilayah yang tidak seimbang, keberkesanan institusi dan sistem penyampaian, menangani masalah sosial di kalangan generasi muda merupakan perkara-perkara yang begitu penting sekali.

Satu lagi ialah media. Kelima-lima perkara yang saya sebutkan tadi tidak mendapat perhatian yang begitu khusus seperti yang diberi pengkhususan kepada Rukun Tetangga dan PLKN. Ini kerana dalam Rukun Tetangga diberi syor-syor untuk mengubah pindaan ke atas perkara 7, pindaan kepada perkara 11, pindaan kepada 11(2) dan sebagainya. Akan tetapi cadangan seumpama itu tidak diberi kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Maka perkara-perkara inilah yang merupakan perkara yang harus diberi perhatian.

Negara Malaysia yang kita cintai, 50 tahun kita merdeka. Kita dianugerahkan dengan polemik dan juga panorama etnik yang begitu banyak sekali dan kita berjaya mengekalkan keutuhan perpaduan selama 50 tahun. Maka sekiranya kita ingin mengekalkan keindahan ini maka kita memerlukan *political will* yang dikatakan dalam cadangan ini, untuk mengharungi cabaran-cabaran yang mungkin akan menggugat keutuhan perpaduan ini.

Maka saya rasa Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya jawatankuasa yang begitu penting sekali dan kita perlu diberi masa dan untuk berdebat dan bahas perkara ini lebih mendalam supaya kita boleh membentuk satu hala tuju yang begitu jelas sekali. Oleh itu, perkara yang penting sekali dalam aspek ini adalah ekonomi. Bila kita perkatakan ekonomi, di kalangan masyarakat India khususnya.

Saya melihat bahawa di rata-rata negara kita telah pergi untuk perhimpunan MIC. Maka di dalam semua negeri-negeri yang kita jelajahi, tengah hari tadi saya berada di Johor Bahru bersama seluruh perwakilan Johor, maka semua resolusi-resolusi yang telah dibentangkan oleh perwakilan yang mewakili satu golongan besar sekali masyarakat India, meletakkan beberapa perkara yang menjadikan induk khususnya ekonomi.

Peluang yang begitu kurang sekali dalam semua peringkat, kemudahan-kemudahan yang tidak ada untuk mereka terokai ekonomi di peringkat semua kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan menjadi warna kertas-kertas resolusi ini. Maka kalau saya lihat ada keluhan di peringkat akar umbi, perkara-perkara ini harus diterjemahkan dalam cadangan-cadangan yang telah diketengahkan di sini.

Maka kejituan seperti tadi apakah peranan Jabatan Perdana Menteri, apakah peranan Jabatan Perkhidmatan Awam, apakah peranan *Economic Planning Unit*, apakah peranan agensi-agensi kerajaan yang telah diamanahkan untuk membantu golongan-golongan tanpa mengira kaum untuk mengharungi perjuangan ekonomi perlu diberi perhatian. Maka inilah yang dituntut dan diminta daripada Jawatankuasa ini. Maka saya berharap bahawa dalam enam bulan akan datang, bila ketetapan dilakukan, syor-syor dilakukan maka perincian sebegini diberi pandangan sedalam-dalamnya supaya laporan ini tidak menjadi indah khabar dari rupa dan menanam tebu di bibir sahaja.

Maka kita tidak mahu laporan ini dilihat begitu sahaja kerana kalau kita lihat *Standing Orders*, Jawatankuasa Pilihan Khas ini mempunyai bidang kuasa yang begitu tinggi sekali. Jawatankuasa Pilihan Khas merupakan satu perkara induk untuk pembangunan negara ke arah satu perkara yang begitu baik sekali. Maka ekonomi perlu diberi perhatian kerana keupayaan ekonomi keupayaan untuk manusia sebarang kaum untuk mempunyai rezeki akan dapat memberi kekuatan dalam dunia pendidikannya, akan memberi kekuatan dalam peluang kejayaannya, dalam keselesaan hidupnya dan pelbagai perkara lain. Maka itulah yang merupakan fokus.

Seorang rakyat Malaysia mesti diberi peluang untuk mencari rezeki seperti yang dijanjikan oleh Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Wawasan Negara dalam tempoh beberapa dekad ini. Dalam konteks ini institusi pendidikan merupakan satu konsep yang begitu penting sekali. Maka saya lihat walaupun institusi pendidikan merupakan satu perkara penting dalam muka surat 347, tetapi saya rasa kita masih ada masalah sekolah bantuan modal di mana banyak kekurangan.

Saya tidak boleh memahami bagaimana sebuah sekolah di sebuah bandar besar seperti Kuala Lumpur berada dalam keadaan seperti kandang. Perkara-perkara ini tidak harus berlaku. Baik inilah yang menjadi inti kepada perpaduan, inti kepada silaturahim, inti kepada hubungan yang begitu erat antara kaum. Inilah harus diberi perhatian. Saya memang mengakui bahawa RIMUP diperkenalkan Rancangan Integrasi Murid Untuk Pendidikan dan sebagainya.

Saya akui bahawa kita ada perhubungan etnik IPTA dan kursus-kursus tetapi nubari dan minda seseorang itu telah mempunyai prasangka sanubari. Okey, baik saya rasa bila di dalam hati kecil ini seorang anak-anak atau seorang pemuda merasakan bahawa mereka tertindas. Perkara-perkara inilah yang akan bakal menjadi perkara-perkara yang akan menjadi masalah kepada perpaduan.

Maka akses ekuiti dan kualiti mesti ditelaah dan dicerna semurni-murninya oleh perancang-perancang pendidikan. Saya tahu bahawa Rancangan Malaysia di peringkat atas cukup murni sekali tetapi pelaksanaannya perlu dikaji semula. Maka perkara-perkara ini saya memohon kepada Pengerusi Jawatankuasa ini supaya melihat kembali perkara-perkara yang menjadi asas seperti ini. Masalah pelajaran moral, maka ada golongan-golongan ini merasakan bahawa budaya dan agama mereka perlu diperkasakan supaya perkara-perkara nilai-nilai moral, nilai-nilai kekeluargaan, nilai-nilai murni, nilai-nilai sopan-santun dapat sama-sama maju bersama kaum-kaum yang lain.

Perkara-perkara ini belum mendapat tempat yang sewajarnya dalam sistem pendidikan Malaysia. Perkara-perkara ini perlu dilihat, contohnya di kawasan-kawasan perumahan dan petempatan tidak ada kawasan-kawasan atau tempat-tempat untuk melakukan upacara-upacara pengebumian. Upacara-upacara tertentu yang menjadi induk kepada sesuatu budaya, sesuatu agama dan perkara-perkara ini perlu dilihat kerana ada kawasan-kawasan di bandar Kuala Lumpur di mana ada pangsapuri-pangsapuri yang meletakkan yang pelbagai kaum tetapi tidak ada kemudahan-kemudahan seperti ini.

Perkara-perkara ini adalah asas kerana apabila berlaku kematian maka pemergiannya perlu dilakukan dengan sempurna. Penyempurnaan ini bila terbantut akan menjadi ketidakpuasan kepada ramai. Perkara ini bukan perkara besar, perkara yang boleh disediakan sekiranya sistem penyampaian, para pegawai-pegawai di peringkat akar umbi memahami konteks ini dan keperluan untuk negara meletakkan keseimbangan dalam konteks sebegini. Maka inilah perlu dilihat walaupun dinyatakan tubuhkan satu Jawatankuasa dalam muka surat 358, tubuhkan satu jawatankuasa berkaitan dengan hal-hal agama dan bahasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Maka perkara ini perlu diberi satu cara penyelesaian yang sesuai. Sekiranya tidak mungkin ada ramai khususnya di pihak-pihak tertentu yang akan menggunakan isu ini untuk bermaharajalela dan memperkotak-katikkannya untuk tujuan kepentingan sendiri. Perkara ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang serius. Maka seterusnya saya rasa perkara yang berkaitan dengan peluang pekerjaan. JPA ada disebut dalam ketepatan dan syor utama Jawatankuasa ini bahawa peluang pekerjaan perlu dilihat kembali oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya rasa perkara ini cukup serius. Ada di negeri-negeri tertentu seorang pelajar belum melihat kaum lain selain daripada kaum tertentu sahaja sebagai gurunya. Maka itu, pendedahan kepada pelbagai guru, pelbagai budaya, pelbagai bahasa adalah sesuatu yang boleh menyuburkan lagi semangat kemalaysiaan dan perkara-perkara seperti inilah yang harus diberi perhatian. Kalau kita tengok pengambilan pekerjaan begitu terkecang sekali peluang ini kepada semua kaum.

Perkara ini perlu diselesaikan walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi syor dalam Rancangan Malaysia Kesembilan maka praktiknya dan amalannya belum nampak benar dalam konteks negara kita. Kalau kita lihat temu duga-temu duga yang dijalankan, jumlah pekerjaan yang diberikan masih tidak telus lagi. Perkara ini perlu dilihat, saya mengeluarkan segala ini kerana saya rasa kita tidak boleh menyapu sampah di bawah permaidani dan mengatakan bahawa laporan ini boleh menyelesaikan segala masalah.

Saya tahu liku-liku jalannya begitu rumit sekali tetapi kita kena cuba demi untuk melahirkan satu generasi muda kerana ditulis di sini, "Generasi akan datang adalah harapan kita, menangani masalah sosial di kalangan generasi muda sahaja tidak cukup, menangani paradigma generasi muda, menangani prasangka generasi muda, menangani jiwa generasi muda akan menentukan jayanya atau tidak berjayanya sebuah negara ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia".

Maka Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya perkara-perkara yang menjadi asas kerana saya nampak di sini ada disebut mengenai *unity impact assessment* atau UIA. Kembali kepada *unity impact assessment* ini terlihatlah perkara-perkara secara jitu dan terpelihara. Bila saya kata perpaduan bukan sahaja antara kaum, Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak tetapi kita juga ada masalah pembangunan wilayah, Kelantan, Terengganu jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Sabah dan Sarawak ini juga menjadi isu, kaum asli juga menjadi isu. Maka perpaduan haruslah dilihat dari perspektif mikro Tuan Yang di-Pertua, maka bila saya kata mikro, miskin kaya, jurang perbezaan, jurang digital. Segala ini perlu diambil kira.

Maka perkara-perkara ini belum disentuh secara mendalam dalam laporan sebegini. Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri kita, supaya Yang Berhormat Menteri, supaya kalau benar-benarlah jawatankuasa ini mahu melihat perpaduan sebagai induk dan tunjang kepada pembinaan sebuah negara, kita kena balik kepada asas-asas yang menjadi cabaran yang telah mengikis dan menjadi isu dalam membina perpaduan ini. Bukan senang, saya tahu. Saya mengakui bukan senang tetapi kita boleh cuba. Sekiranya niat kita ikhlas, sebarang cabaran dan gunung dapat ditempuhi.

Itulah harapan saya. Dengan kata-kata itu, saya benar-benar mengalu-alukan laporan ini dan saya berdoa agar laporan ini dapat diperkasa dan dapat dimolekkan lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua lagi yang hendak bercakap ya. Mula-mula Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, selepas itu Yang Berhormat bagi Sri Aman, selepas itu kementerian menjawab. Ringkas ya, Yang Berhormat, 10 minit. Tidak lebih 10 minitlah kalau boleh.

10.21 mlm.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat mengalu-alukan laporan berkaitan dengan perpaduan dan khidmat negara ini yang telah diusahakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara. Saya merakamkan syabas dan tahniah kerana ini menyentuh mengenai masa depan kita, negara kita yang sangat kritikal.

Saya kalau ingin buat perbandingan, saya selalu menyatakan bahawa musuh nombor satu negara, dadah tetapi sebenarnya kalau kita bandingkan ini dengan musuh nombor satu negara, ini lebih bahaya daripada musuh nombor satu negara itu. Jadi kalau sudah ada nombor satu, dadah, yang ini nombor berapa kalau ini lebih kritikal daripada itu kerana masa depan kita sebenarnya boleh hancur berkecai kerana masalah perpaduan ini. Oleh kerana itulah saya merakamkan tahniah kerana isu ini dibawa dalam perbahasan ini.

"Melentur buluh hendaklah dari rebungnya" Ini isu utama yang saya ingin bawa, khususnya saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjadi pengerusi kepada jawatankuasa ini. Kita harus memberikan tumpuan khusus kepada aspek pendidikan. Saya pun telah lihat di dalam laporan ini disebut tentang pendidikan daripada peringkat sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Ini satu perkara yang sangat tepat tetapi saya lihat di dalam laporan ini kurang penekanan terhadap kepentingan kurikulum di sekolah-sekolah.

Saya masih terkenang waktu di sekolah dahulu di mana interaksi antara pelajar-pelajar ini daripada semua kaum itu begitu mudah nampaknya, begitu terlaksana dengan secara tidak sedar melalui sukan, permainan, aktiviti unit beruniform, aktiviti kelab, tetapi nampaknya ini kurang jelas, kurang nampak interaksi sehingga kalau kita lihat dari segi permainan yang begitu popular iaitu permainan bola sepak.

Kita dapati kalau dahulu kita ada nama-nama besar seperti Soh Chin Aun, Arthur Koh dan seumpamanya, Del Akhbar dan sebagainya, tetapi sekarang ini nampaknya tidak begitu nampak nama-nama ini, nama-nama daripada kaum lain selain daripada orang Melayu. Oleh kerana itu saya melihat ini sebagai satu isu yang penting dan kritikal dari segi interaksi antara pelajar-pelajar kita daripada berbilang kaum.

Jadi perkara kedua dalam konteks pendidikan ini, saya sangat berharap, walaupun telah disebut dalam ini tentang isu berikan kemahiran kepada kaunselor dan guru, ini harus diambil perhatian secara khusus supaya guru-guru di sekolah itu akan menjadi satu pihak yang akan dapat menyelesaikan masalah, umpamanya konflik antara kaum di sekolah yang kita sering kali dengar walaupun sebenarnya tidak dipaparkan di sana, tetapi ini berlaku.

Oleh kerana itu, guru-guru harus diberikan pendedahan dan kemahiran supaya penekanan terhadap isu perpaduan antara kaum ini di peringkat sekolah harus dilaksanakan. Di samping itu, di sekolah-sekolah selalu ditekankan aspek pendemokrasian pendidikan di mana pelajar-pelajar, jurang antara bandar dengan luar bandar. Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang tercicir daripada alam persekolahan ini adalah sangat penting untuk diberikan perhatian.

Saya selalu menyatakan bahawa isu pelajar ponteng sekolah ini, bukan ponteng kelas semata-mata adalah isu yang kritikal kerana pelajar-pelajar yang ponteng sekolah ini sebenarnya, dia tidak akan berbuat perkara yang baik. Bila mereka tercicir dan ramai di antara mereka dibuang daripada sekolah, kita harus melihat masa depan mereka, hendak jadi apa mereka. Oleh kerana itu mereka juga boleh menjadi satu unsur yang boleh menjejaskan aspek perpaduan di antara kaum.

Yang paling akhir sekali, yang saya minta supaya diberikan penegasan ialah tentang perpaduan dari peringkat akar umbi. Ini dijaga sendiri oleh Yang Berhormat Menteri di mana dari peringkat akar umbi, khususnya dari peringkat kampung umpamanya, dari peringkat bawah. Kerjasama antara kaum ini harus diperkasakan. Saya melihat kalau di Sabak Bernam kita ada 45 kampung dan lapan Bagan.

Di situ sebenarnya wajar diwujudkan satu modul kerjasama antara masyarakat ini untuk menyelesaikan masalah-masalah keselamatan dan juga masalah sosial dan Sabak Bernam mengesyorkan supaya ada satu modul dan peruntukan khusus daripada kementerian, Bahagian Perpaduan ini supaya kerjasama antara kaum ini, permuafakatan antara kaum ini, akhirnya akan dapat mencetuskan satu perpaduan antara semua peringkat masyarakat majmuk kita.

Sekian, Sabak Bernam mengalu-alukan laporan ini dan menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

10.26 mlm.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan Laporan Khas Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Jawatankuasa beliau yang telah bekerja kuat untuk mengidentifikasi *areas* di mana kita harus memberi perhatian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada malam ini saya bercakap mewakili penduduk bumiputera minoriti di Sabah dan di Sarawak. Kami seperti orang lain, manusia lain memang menghormati kepimpinan yang jujur, kepimpinan yang ikhlas, kepimpinan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, hingga hari ini banyak yang telah terjadi yang telah menggembirakan tetapi banyak juga yang tidak menggembirakan dan yang saya rasa menghalang perpaduan yang hendak dicapai oleh kita semua. Jadi saya bercakap di sini, merayu kepada kerajaan dan juga secara terus-terang merayu kepada kawan-kawan, kepimpinan di parti politik yang besar seperti UMNO untuk memberi perhatian kepada apa yang akan disebut oleh saya ini nanti.

Oleh kerana untuk saya pada hari ini, kalau negara kita ini sejahtera, oleh kerana UMNO, kalau tidak sejahtera juga oleh kerana UMNO. Oleh kerana itu malam ini saya merayu supaya apa yang disebut dapat dianggap sebagai rayuan yang ikhlas dari kami.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kami masih nampak *a lot of un-kept promises*, janji yang tidak ditepati dan *a lot of broken promises* dari sejak Malaysia ditubuhkan. Dari segi agama, kebanyakan kami adalah dari agama Kristian dan sebelum merdeka kami berasa aman, damai, senang hati oleh kerana kami dapat mengikuti agama Kristian kami dengan tidak dikacau, tetapi sejak merdeka kami merasa agak sulit untuk meneruskan mengamalkan agama Kristian kami.

Kadang-kadang kalau minta bantuan dari kerajaan kadang-kadang ada bantuan, kadang-kadang tidak. Yang kami susah hendak menerangkan kepada rakyat di sana mengapa agama Islam diberi bantuan apabila mereka menoleh kepada rakan-rakan mereka yang beragama Islam diberi semuanya. Kalau empat keluarga sahaja pun yang beragama Islam di kampung itu, ada surau yang cantik tetapi untuk orang Kristian susah betul.

Jadi, seterusnya apabila kami hendak menterjemahkan Injil atau Bible kepada bahasa Malaysia, susah juga. Semasa Sarawak masih merdeka, kita kata Nabi Isa, Tuhan Isa tetapi selepas itu kita tiba-tiba diberitahu, kita tak boleh panggil Tuhan Isa lagi, terpaksa gunakan Jesus. Dan di agama kami, banyak '*Him*' itu memang sudah diatur supaya *syllable* dia sama.

Jadi, ini pun tiap-tiap kali kita terpaksa menyebut nama yang dibenarkan sudah janggal. So, bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, tiap kali kita sembahyang, tiap kali ada ayat, *we are reminded* bahawa cara kita hendak beragama sudah tidak tentu lagi. *Every minute that you are praying*. Ha, ini satu halangan kepada perpaduan.

Yang seterusnya, pendidikan. Kita bumiputera minoriti di Sarawak dan di Sabah juga saya rasa, kita memang memerlukan *affirmative action*. Saya rasa kita tertinggal sekurang-kurangnya 20 tahun tetapi hingga hari ini, kita tak nampak *affirmative action* untuk membantu golongan ini. Semalam Tuan Yang di-Pertua, saya ada ditelefon oleh seorang murid. Kata beliau, tidak ada duit untuk makan, belajar di Kuala Lumpur ini. Mak balu kerana bapa sudah meninggal. Patutnya ada sesuatu untuk membantu orang bumiputera yang begitu jauh yang hendak mengejar pendidikan ke Kuala Lumpur ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita ini sejahtera, kita gembira apabila ekonomi kita baik dan kita tidak nampak ekonomi kita akan menjadi baik. Kita tidak nampak ada rancangan hendak membantu bumiputera minoriti. Ada disebut di laporan ini cadangan-cadangan dari DCCI atau *Dayak Chamber of Commerce*, tetapi hingga hari ini *Dayak Chamber of Commerce* masih *Dayak Chamber of Commerce*. Bantuan yang diperlukan tidak ada datang.

Jadi, saya juga telah menyebut apabila kita bersetuju membentuk Malaysia pada tahun 1963, kita dijanjikan jalan, dijanjikan api, dijanjikan elektrik dan apabila saya balik ke kawasan nanti, memang tiap-tiap hari saya pergi ke Rumah Panjang, ke kampung-kampung, permintaan masih jalan, masih api, masih elektrik. Macam mana kita hendak perpaduan apabila kita mengatakan Malaysia adalah negara yang termasyhur, termakmur di dunia ini tetapi apabila kita bercakap begitu, kita hanya bercakap tentang Semenanjung Malaysia, yang tak masyhur, yang tak makmur ini kita tak nampak di Sabah dan di Sarawak.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, dan di sini saya memang mintalah, merayu pengertian dari kawan-kawan saya, dari UMNO, dari kerajaan iaitu di perkhidmatan awam, di *civil service*. Tadi saya telah mengatakan dari segi ekonomi, kita dari bumiputera minoriti ini memang sudah tidak ada jalan. Pada dulu-dulunya, kita juga seperti orang Melayu pada dulu-dulunya kita sungguh *dependent* pada pekerjaan di perkhidmatan awam tetapi kita nampak, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *our people are very sore*.

Dulu ramai mereka yang dapat bekerja, bertugas dengan kerajaan tetapi sekarang mereka nampak, kalau 50 orang dipanggil untuk temu duga, dua pun kadang tidak dilantik. Jadi siapa yang dilantik? Kawan-kawan kita yang datang dari kaum Melayu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Jadi saya minta *understanding* dari kawan-kawan saya yang dari kaum Melayu, tolonglah bagi oleh kerana kalau melawan, *we don't have the numbers*. Jadi, perkataan "melawan", itu tidak ada dalam fikiran kami. Yang kami minta ialah *understanding* dan *a bit of adjustment*. Apa sahaja di minta, tidak ada, tidak dipilih. So, bayangkan *how frustrated* orang dari kaum bumiputera ini. Mereka tidak dipilih.

Jadi apabila minta jadi cikgu pun tak dapat, minta jadi polis pun tak dapat, minta jadi kerani pun tak dapat. Jadi, kita nampak di Sarawak, majoriti orang dari kaum Dayak tetapi bila kita nampak kaunter ini, kaunter itu, kaunter sana tak ada bumiputera minoriti. Yang ada satu dua. Jadi, kata mereka *what is happening? Why is it like this?* Mengapa macam itu, mengapa begitu. Jadi, kalaulah tidak ada *affirmative action*, kalaulah tidak ada *understanding* dari UMNO, dari MCA, dari kawan-kawan saya yang berada di Parlimen ini, saya rasa orang dari kaum kami ini akan terus disingkirkan, akan terus di *marginalize*kan.

Jadi, selagi kita *dimarginalizekan*, saya rasa *we are asking for trouble*. Kalau bukan sekarang pada masa yang akan datang, tetapi yang kita mahu bukan *trouble*, yang kita mahu..., kita mahu sama kaya, kita mahu sama sejahtera, kita mahu sama gembira. Kita mahu sama membina negara Malaysia yang maju.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

10.38 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan bagi laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan Khidmat Negara Bilangan DR 1/2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bagi pihak Jawatankuasa untuk input-input daripada lima Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Saya ingin menjelaskan bahawa laporan yang sedia ada ini adalah laporan walaupun disebut *interim*, dia adalah satu laporan yang *substantial*.

Berdasarkan kepada itu, pihak Jawatankuasa berpendapat bahawa walaupun masa yang begitu singkat diperoleh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menimbang, mengkaji dan mengambil bahagian dan perbahasan, kita berpendapat bahawa kita harus teruskan pembentangan perbahasan pada hari ini berdasarkan kepada empat perkara. Saya sedia maklum Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah pun berbincang dengan saya, jika boleh menundakan pembentangan kepada persidangan yang akan datang dan boleh berunding barangkali sehari dua untuk membincangkannya.

Jawatankuasa telah pun berfungsi selama dua tahun dan seperti mana saya bentangkan dalam laporan tadi sebenarnya jadual kerja serta input-input yang telah diterima oleh semua pihak itu cukup banyak. Memandangkan isu-isu perpaduan ini adalah juga isu-su semasa, maka kami berpendapat bahawa adalah bijak untuk terus membentangkannya memandangkan laporan-laporan pun sudah diulas di surat khabar, media. Jika kita tundakan lagi untuk lima, enam minggu, maka bukan sahaja sebahagian daripada isu-isu yang *current* atau semasa itu, nanti pula apa yang saya katakan tadi tidak bersesuaian dengan keperluan dan ulasan semasa.

Yang kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat dahulu pada masa Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Radzi, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz membentangkannya pun banyak teguran bahawa laporan kita sudah cukup lewat dan harus mempercepatkan laporan interim.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah tujuan laporan ini memandangkan kita ada lagi enam bulan dalam penggal yang ditetapkan bagi jawatankuasa ini, perkara adalah untuk mendapatkan input juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang mana pihak kami, pihak jawatankuasa boleh mengambil kira untuk menghalusi pandangan-pandangan jawatankuasa sepertimana yang telah pun dikemukakan dalam laporan utama ini.

Saya ingin menjelaskan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam pendekatan kami untuk menganalisis apa yang telah disampaikan oleh kami kepada kami dan dalam soal menyampaikan laporan ini, harus diperhatikan bahawa pada laporan peringkat utama ini walaupun disebut interim, kita telah menjalankan kajian-kajian melalui pendengaran awam. Maka perkara-perkara yang dibangkitkan, yang diulas itu adalah daripada perkara-perkara utama yang dikemukakan oleh pihak awam.

Saya telah menyatakan 123 saksi dan kita telah meneliti 600 sahaja cadangan iaitu kira-kira sebenarnya hampir lima cadangan bagi setiap peribadi yang timbul. Sebahagian mereka mengemukakan, ada 10, ada 12 bagi setiap yang berhadapan dengan kami dan daripada yang tersebut kami telah melihat bahawa kira-kira 200 yang perlu diberi perhatian. Kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan terma dengan rujukan jawatankuasa ini.

Tadi, dalam sebahagian ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengulas sebahagian yang relevan kepada terma rujukan, sememangnya ada yang dikatakan pandangan-pandangan sebahagian adalah terlalu umum dan perkara-perkara berkaitan dengan rukun tetangga serta juga dengan PLKN begitu khusus. Sememangnya ini adalah bersesuaian dan tepat kepada terma rujukan yang telah diberi kepada kami.

Satu, seperti mana Ahli Yang Berhormat telah perhatikan ialah mengkaji dasar-dasar dan program-program yang sedia, dan bahagian kedua ialah meneliti peraturan-peraturan ataupun undang-undang yang berkaitan. Maka berdasar kepada itulah, peraturan-peraturan perlu mengenai Rukun Tetangga 1975 dan juga Akta PLKN tersebut telah mendapat perhatian yang lebih khusus.

Selain daripada itu, pihak kita telah bertindak berasaskan kepada maklumat-maklumat yang telah pun disampaikan oleh pihak saksi-saksi di pendengaran awam sejumlah enam kawasan dan juga memorandum-memorandum yang telah pun dikemukakan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyusuli pandangan-pandangan saksi melalui CD yang telah pun dikemukakan sebagai catatan semua prosiding tersebut.

Namun demikian, pihak kami tidaklah terkeluar juga daripada meneliti perkara-perkara dan isu-isu semasa. Namun pandangan jawatankuasa ialah perkara-perkara tersebut bolehlah kita teliti dalam bahagian kedua tugas kerja jawatankuasa ini. Bagi enam bulan yang akan datang, input-input yang telah pun diberi pada hari ini serta juga perkara-perkara isu-isu semasa yang ada kaitan langsung dengan perkara perpaduan dan integrasi nasional akan kita beri perhatian dan dirumuskan untuk cadangan terakhir ataupun *final* laporan bagi jawatankuasa ini.

Jadi, berdasarkan kepada itulah saya ingin terus masuk untuk memberi penjelasan-penjelasan di mana yang perlu tetapi saya harus tekankan di sini bahawa daripada ucapan-ucapan yang saya perhatikan, seolah-olah laporan jawatankuasa ini satu titah ucapan. Sebab ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat begitu luas dan hanya sebahagian sahaja yang bersangkutan paut secara langsung kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan tetapi kami sedar juga bahawa perkara perpaduan ini satu perkara yang begitu luas sekali.

Jadi sememangnya tidaklah boleh dielakkan bagi Ahli Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara yang sebenarnya ada jauh sedikit daripada apa yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa dalam laporan interim ini. Saya ingin juga harus katakan bahawa sememangnya ada dengan izin, *limited time* bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menelitinya dan saya melihat beberapa isi kandungan ucapan-ucapan yang disampaikan tadi dalam membentangkan dan membahaskan laporan ini.

Sebenarnya isu-isu yang dibangkitkan itu ada terkandung sebahagian besar di dalam laporan ini. Hanya peluang-peluang untuk mengkajinya lebih dalam. Saya sedia maklum dan pihak jawatankuasa sedia maklum barangkali tidak mencukupi masa untuk menelitinya. Namun kami akan meneliti *hansard* dan apa juga pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat bagi Jerai, sebenarnya tidak banyak yang perlu saya ulas, oleh sebab keseluruhan beliau menyampaikan rasa pentingnya perpaduan itu dan perlu pentingnya perpaduan ini diserap daripada umur yang masih kecil lagi, iaitu di kalangan anak-anak kita dan seterusnya bagi kita memeliharanya dan mewariskannya kepada generasi muda.

Untuk soal yang ditekankan pentingnya Perlembagaan dan seterusnya pentingnya perkara-perkara sosial kontrak, maka sebenarnya perkara-perkara ini terkandung dari segi pengajaran di peringkat sekolah ataupun modul perhubungan kaum yang sedang dilaksanakan di peringkat IPTS dan IPTA.

Seperti elemen Perlembagaan Negara, ini diserapkan di dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dan Sivik dan Kenegaraan. Di peringkat menengah diserapkan di dalam mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan dan Sejarah di peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Di dalam Pelan Induk Pembangunan Pelajaran 2006 – 2010 ini, dalam teras pertama iaitu membina negara bangsa, salah satu fokus ialah memantapkan perpaduan dan integrasi nasional. Strategi juga dari segi pelaksanaan ialah meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman rakyat supaya menghormati Perlembagaan Malaysia dan dengan memberi penekanan kepada pembelajaran dan kurikulum berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia.

Jadi dalam ruang-ruang yang sedia ada untuk tujuan tersebut, perkara-perkara apa yang disentuh itu sebenarnya adalah di dalam perhatian. Hanya perlu kita memantau memastikan dari segi pelaksanaan itu adalah tepat kepada sasaran dan juga kepada matlamat asal. Saya ingin juga membangkitkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya telah mengadakan pelbagai program aktiviti yang melibatkan semua kaum di peringkat sekolah. Ini kerana dikatakan tadi aktiviti-aktiviti kurikulum dan seterusnya belum mencukupi.

Dalam Pelan Induk Pembangunan (PIPP) 2006 – 2010 Kementerian Pelajaran telah mengeratkan semula rancangan integrasi murid seperti mana yang saya telah bentangkan juga di dalam laporan jawatankuasa ini dan memberikan pendekatan yang lebih segar sebagai salah satu langkah untuk membolehkan pelajar di sekolah yang majoriti pelajarannya terdiri daripada satu kaum untuk berinteraksi dan bergaul dengan pelajar pelbagai kaum dari sekolah lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Januari 2007, kami telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.8 juta agar RIMUP dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan sistematik. Peruntukan tersebut juga meliputi RM2.4 juta bagi memberi latihan kepada 9,938 guru dan pegawai kementerian supaya dapat benar-benar menghayati konsep dan objektif RIMUP. Dalam laporan ini pun telah kami sentuh bahawa betapa pentingnya program ini dilaksanakan dengan segera dan dikawal selia supaya ia dapat menunaikan matlamat asal seperti mana yang dirancang.

Selain daripada itu, saya rasa Yang Berhormat bagi Jerai menekankan seperti yang saya katakan tadi betapa pentingnya memelihara perpaduan itu. Saya berharap agar emosi, serta juga perasaan yang begitu dalam mengenai dengan kenegaraan kita itu adalah sesuatu yang kita boleh semua kongsi bersama. Itu menjadi kekebalan kita untuk mengeratkan apa-apa juga halangan bagi kita untuk bersatu-padu.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membincangkan banyak perkara yang begitu luas dan barangkali sebenarnya perkara-perkara yang dibincangkan itu bukan sahaja luas, tetapi juga bukan perkara-perkara baru yang memerlukan, kalaulah di bincang dengan begitu lama, barangkali lima enam menteri yang di mana *preview responsibility* atau tanggungjawabnya itu bagi beberapa bahagian dan perkara-perkara yang berkaitan perlu mengulasnya.

Memandangkan, seperti yang saya katakan tadi banyak yang dibangkitkan itu bukanlah juga perkara-perkara yang baru. Saya hanya sekadar memberi penekanan ataupun ulasan kepada komen-komen, input-input dan teguran-teguran yang berkait terus dengan perkara yang telah diulas dan dimasukkan di dalam laporan kita.

Sebelum itu, saya ingin mengatakan bahawa perkara-perkara seperti apa yang dibangkitkan, perkara-perkara yang berkaitan, misalnya dengan perkataan bumiputera, bukan bumiputera, sekular ataupun *Islamic Nation*. Ini dibangkitkan dalam banyak ucapan sebelum ini dan kami sebagai ahli jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini, maklum mengenai perkara ini bahawa misalnya tidak ada keputusan jikalau kita berterusan membahaskannya.

Kita dibantu dengan pandangan majoriti dan ketetapan yang diamalkan pada keseluruhannya. Namun nanti dalam sesi berterusan, dalam enam bulan yang akan datang, kita cubalah meneliti pandangan-pandangan tersebut dan apakah pendekatan ataupun alternatif untuk merapatkan pandangan yang dikotomi ataupun, dengan izin, berbeza tersebut.

Adalah cukup jelas dalam Perlembagaan bahawa dengan izin, *the religion of the Federation is Islam*, itu telah menjadi satu ketetapan bahawa agama rasmi, *official religion* adalah Islam. Bahkan pada pendekatan bahawa ia lebih kuat daripada menggunakan perkataan *official*, dengan izin, atau rasmi oleh kerana *the agama is Islam*.

Jadi, dari situ pendekatan Kerajaan Barisan Nasional ia adalah *Islamic Nation*. Konsep *Islamic States* adalah berbeza sedikit daripada perkataan *Islamic Nation* dan ini saya rasa dibahaskan panjang lebar. Saya masih ingat dia duduk di sebelah, barangkali pada waktu itu, selepas pembentangan mantan Perdana Menteri mengenai pendekatan perkara dengan *Islamic Nation* pada waktu itu selepas insiden September 11 dengan izin, so, saya tidak mahu bual *in length*, dengan izin, mengenai perkara tersebut.

Beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Kami mengambil maklum dan kita akan teliti beberapa, khususnya yang disentuh mengenai pentadbiran awam, misalnya. Saya fikir laporan kami telah pun menyentuh itu dengan dalam, bahkan ia mencadangkan supaya pihak JPA memperlihatkan komposisi kaum dalam pentadbiran awam berasas kepada komposisi kaum dalam negara kita. Saya melihat satu cadangan yang cukup jauh sebenarnya.

Jadi, perkara-perkara yang disentuh itu ada, tapi saya memohon maaf sekali lagi kerana disebabkan oleh masa yang singkat untuk Ahli Yang Berhormat mengkajinya maka banyak yang dikatakan tidak termasuk sebenarnya ada di dalam situ. Mengenai perihal berkaitan dengan cadangan kita mengadakan dialog-dialog di antara agama dan disentuh dalam satu persidangan difahamkan tadi dan kenyataan akan diberi.

Ini perkara yang walaupun saya baru sahaja mengetahui, perkara-perkara seperti konferensi, persidangan antarabangsa ini biasanya di bawah kawalan kementerian-kementerian yang berkaitan, khususnya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan seterusnya. Jadi, memandangkan saya tidak mendapat maklumat yang terperinci mengenai perkara ini, pihak saya sekadar boleh menyusuli seterusnya dalam perkara ini.

Biasanya, itulah satu persidangan antarabangsa, walaupun dengan niat yang baik barangkali tetapi kerana ada beberapa syarat biasanya yang perlu dipatuhi dan seterusnya. Sebagai Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, pihak perpaduan di Jabatan Perdana Menteri, saya belum menerima apa-apa maklumat yang terperinci, selain daripada yang dibangkitkan melalui halaman web yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Mengenai dengan perihal seperti unsur-unsur perpaduan yang berkait dengan *social contract* dan seterusnya, saya rasa perkara ini, pihak kami dalam jawatankuasa ingin meneliti lebih mendalam lagi. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai, begitu juga, telah pun menekankan di situ bahawa pentingnya kita mengetahui elemen ataupun latar belakang sejarah *social contract* ini dan masa pembinaan negara kita.

Tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, begitu tegas mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru ini telah menjadi pemisah di kalangan rakyat kita. Saya sebagai pengerusi jawatankuasa ini sememangnya tidak setuju dengan pandangan begitu. Kita berpendapat bahawa Malaysia sekarang ke tahap perpaduan yang kita boleh banggakan. Walaupun banyak kerja yang kita perlu lakukan untuk memastikan perpaduan itu masih berterusan tetapi mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Barulah yang *responsible* untuk perasaan ahli *nation* dan seterusnya, saya rasa tidaklah begitu tepat.

Kalaulah bukan kerana Dasar Ekonomi Baru yang dibentuk selepas 1969 itu, saya rasa Malaysia, di mana tahap kita ada ini, kita tidak akan berada di sini kalaulah bukan kerana Dasar Ekonomi Baru. Namun, kita percaya ada kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dengan itulah dalam cadangan jawatankuasa ini telah kita menekankan pentingkan supaya matlamat-matlamat pembangunan itu, dari segi perlaksanaannya hendaklah dicapai dengan baik dan menyelesaikan juga apa-apa halangan dari segi pelaksanaan.

Pihak kami juga mencadangkan satu *unity impact assessment* kerana NEP misalnya, Dasar Ekonomi Baru menetapkan perpaduan sebagai matlamat ulung induk. Kita perlu dalam masa sekarang dan sampailah kepada pelaksanaan OPP kedua ini selesai bahawa apa juga pembangunan yang telah dirancang untuk tujuan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional seperti mana dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan juga bahawa itu betul-betul tercapai.

Maka perlulah setiap program pembangunan itu diteliti supaya ia menjurus ke arah tersebut, supaya dengan izin, *linkages* yang ada itu dapat dikurangkan supaya matlamat asal sebenarnya dapat tercapai. Pihak kami, di dalam jawatankuasa ini, dalam langkah program seterusnya ingin membincang dengan lebih mendalam lagi apakah *guidelines* yang perlu kita keluarkan untuk memastikan, serta juga *elements unity impact assessment* yang dimaksudkan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan dan ulas tadi, saya sedia maklum juga bahawa perkara-perkara yang disentuh tadi, masalah pendidikan dan masalah penggunaan keris, saya rasa ini bukan perkara yang dibangkitkan. Walaupun ada implikasi barangkali secara tidak langsung kepada perihal perpaduan tetapi itu adalah soal yang berasingan, yang mana saya percaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun mengulas perkara ini dalam perbahasan sebelum ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh ringkaskan jawapan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey. Tuan Yang di-Pertua, tadi juga saya menyentuh data-data mengenai perihal NEP dan kemiskinan. Pihak kita sebenarnya memang sudah mengakses data-data ini hanya kita tidak masukkan secara terperinci di dalam laporan pada peringkat ini kerana data-data tersebut boleh juga didapati dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi kita dalam peringkat hampir masuk kajian separuh penggal dan data yang terkini boleh diperoleh pada tempoh tersebut.

Saya sedia maklum data-data mengenai dengan bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan tercatat kedudukan tersebut walaupun barangkali dari segi kedudukan peranan mereka dalam bidang keusahawanan itu amat kurang sekali tapi dari segi kedudukan paras kemiskinan dan seterusnya ada tercatat di situ dan ulasan-ulasan kami dalam laporan jawatankuasa ini adalah berasas kepada fakta-fakta dan data-data yang sedia ada.

Saya rasa itu sahaja yang perlu saya ulas kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Teguran-teguran yang lain itu kita akan teliti dan seperti mana beliau cadangkan dalam laporan seterusnya bagi jawatankuasa ini bagi enam bulan yang akan datang kita akan meneliti dan mana yang sesuai kita akan ulas dan masukkan dalam laporan akhir jawatankuasa ini.

Yang Berhormat bagi Tebrau tidak banyak yang ditekankan selain daripada menyokong ataupun memperkasakan lagi pandangan-pandangan kami mengenai dengan perihal perpaduan dan peranan persatuan-persatuan dan NGO-NGO. Mengenai dengan gejala sosial yang dibangkitkan itu sememangnya ini adalah satu daripada perkara yang telah kami ulas dan telah kami utamakan.

Sememangnya cadangan kami jawatankuasa ini di bahagian perihal agama yang saya telah ulas dengan panjang lebar dalam ucapan pembentangan saya tadi adalah berkaitan dengan izin *chiding* of nilai-nilai murni kepada anak-anak muda kita yang masih kecil lagi dan itulah perkara yang sama juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Ahli Yang Berhormat Cameron Highlands, saya ingin mengatakan bahawa perkara yang beliau utarakan itu adalah perkara-perkara yang sebenarnya termasuk dalam rumusan dan syor utama jawatankuasa. Saya ingin perelaskan bahawa pendekatan kita, apabila menerima lebih 600 saranan dan cadangan pihak awam itu, setelah kita meneliti dasar kepada terma rujukan kita.

Setelah itu kita teliti lagi kira-kira 200 daripadanya dan di mana kita percaya tidak memerlukan apa-apa ulasan daripada jawatankuasa selain daripada memperakui penjelasan kementerian-kementerian yang sedia ada. Pihak kami telah tinggalkan begitu saja di situ tetapi mana yang penting telah kami keluarkan daripada kolum-kolum tertentu dan masukkan dalam syor-syor utama.

Dalam syor-syor utama kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengiranya adalah kira-kira 100 sebenarnya syor-syor utama yang telah pun dikeluarkan daripada *matrices* ataupun dengan izin, kolum-kolum di dalam bahagian ketiga tersebut. Jadi kalau hendak meneliti sebenarnya syor-syor utama ini mula dengan bab keempat dan baru kembali kepada bab ketiga di mana ulasan-ulasan kementerian itu telah diberi dan kami telah mengeluarkan apa yang kami percaya adalah penting untuk menjadi syor utama jawatankuasa ini.

Saya sedia maklum seperti mana saya sentuh tadi dia mesti berbentuk umum seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, tetapi mana yang umum tetapi penting dalam sesi kerja enam bulan yang akan datang pihak kami akan memberi penelitian dan mengemukakan langkah-langkah yang perlu dibuat seperti mana pihak kami telah lakukan bagi perihal perpaduan dan Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 serta juga Akta PLKN 2003 seperti mana yang telah kita ulas.

Bagi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sekali lagi menekankan peranan pendidikan di peringkat akar umbi, di peringkat anak-anak yang masih muda. Inilah sebenarnya telah kita tekankan pentingnya rancangan integrasi murid-murid untuk dimulakan secara awal dan diselaraskan dengan sempurna supaya ia benar-benar mencapai matlamat yang digariskan. Begitu juga perihal mengenai dengan modul bagi kerjasama kaum di kawasan Sabak Bernam.

Dalam Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional, jentera di peringkat akar umbi adalah rukun tetangga dan dalam laporan kita di sini juga kita telah menekankan pentingnya program strategik pelan yang telah dibentuk itu dilaksanakan dengan sempurna dan jika Ahli Yang Berhormat ingin berbincang dengan pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk membentuk sesuatu modul bersama dengan warga rukun tetangga pihak kita bersedia untuk duduk bersama dan membentuk apa yang perlu.

Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya mengambil maklum sebagai pengerusi jawatankuasa keluhan-keluhan yang telah dikemukakan dan banyak yang telah disampaikan sebenarnya itu ada terkandung dalam cadangan-cadangan dan syor-syor utama jawatankuasa.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Walaupun barangkali saya setuju bahawa sebahagian itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...Adalah masih lagi di peringkat umum.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya memang sedar yang saya sebut adalah dalam ini, tetapi saya menyebut sekali lagi oleh kerana saya ingin menekankan betapa penting isu-isu yang saya utarakan. Jadi saya hendak bertanya apakah yang akan dibuat supaya kita bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak tak usah lagi berdiri dan mengungkit-ungkit perkara ini kerana *I don't want this to be an exchange of hot air*.

Saya tak mahu ini ialah pertukaran angin panas antara Yang Berhormat Menteri dan orang dari Sabah dan Sarawak sebelah ini. Sebagai *reminder* 1963, Tun Jugah saya rasa memang beliau ada minta jalan raya dari Sibu ke Kapit bila anak beliau Dato' Amar Linggi duduk sebagai Ahli Parlimen saya rasa beliau juga ada minta. Sekarang cucu beliau Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi duduk di sini masih juga minta jalan raya itu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: So, tiga generasi sudah minta dan masih minta so, masih tunggu lagi. *So, this exchange cannot go on and on*, dengan izin. Jadi yang saya mahu minta adalah jaminan apa yang disebut di sini, apa yang diungkit di sini akan ditunaikan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu bukan integrasi Yang Berhormat. Itu pembangunan projek Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, supaya saya dapat berasa aman, tolong tunaikanlah jalan raya itu... *[Ketawa]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Mengenai jalan raya yang disentuh terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Aman, barangkali jalan yang dipohon itu jalan kecil. Jadi sekarang mohon jalan besar. Pihak jawatankuasa memperakui jurang yang ada di antara pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak dan di sini.

Satu seksyen 5 diperuntukkan khusus untuk tujuan tersebut. Perihal keusahawanan telah kita sentuh. Perihal pendapatan rendah kita telah sentuh, perihal keperluan infrastruktur asas telah kita sentuh, perihal infrastruktur asas pendidikan telah kita sentuh dan nanti dalam susunan kerja enam bulan yang akan datang pihak jawatankuasa akan cuba memperincikan lagi apa-apa yang perlu untuk dilaksanakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjangkah lagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa keluhan-keluhan tersebut adalah sesuatu yang begitu berasas sekali tetapi kalau Yang Berhormat hendak berhenti untuk menegur ataupun untuk memohonnya fahamlah dalam satu keluarga, bapa dan ibu itu kalau hendak berhenti minta mana boleh kasi, bukannya? Jadi saya rasa di Dewan Yang Mulia ini dan jawatankuasa ini begitu prihatin dalam perkara ini.

Kami akan meneliti sebagaimana yang telah saya katakan tadi apa yang perlu untuk tujuan sesuatu *action plan* bagi memastikan apa yang dirancang adalah mencapai supaya sebahagian janji pembangunan yang sebenarnya banyak sudah tercapai tetapi masih banyak juga yang belum ke tahap yang memuaskan dapat dicapai...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua... Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Soalan tadi dia Tuan Yang di-Pertua ini projek, permohonan projek tetapi prioriti projek yang hendak dilaksanakan di Sarawak diletakkan di atas tangan Kerajaan Negeri Sarawak, tetapi persoalan di sini adalah janji asas yang telah dibuat pada zaman dahulu.

Ini tidak boleh diserahkan kepada sesiapa, mesti dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Ini yang saya hendak tekankan, jadi Tuan Yang di-Pertua kita minta Yang Berhormat Menteri secara peribadi berjumpa dengan Perdana Menteri memberitahu yang ini janji asas kita... *[Tepuk]*

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kita sedia maklum dalam perkara itu. Itulah dalam pendengaran awam tersebut di Sabah dan Sarawak mereka sebagai saksi yang datang dalam jawatankuasa telah membawa memorandum-memorandum yang memang cukup mendalam.

Kami memperhatikan bahawa memang ada keluhan, memang ada keluhan mengatakan jurang itu begitu luas dan itu dalam pendekatan ini kita memperakui itu iaitu perihal masalah pembangunan wilayah yang tidak seimbang dan semua memorandum yang ada itu boleh diperoleh di dalam CD yang telah pihak Sekretariat Parlimen telah pun sediakan.

Soal tuntutan janji dan begitu saya rasa itu soal yang sentiasa dikemukakan di Dewan Yang Mulia ini tetapi *I think* dengan izin, *to be sincere about the whole thing, the Federal Government has done a lot of things for us even though not the level maybe of satisfaction* yang telah apabila kita diukir daripada laporan-laporan yang telah dikemukakan kepada IJC.

Sebab itulah tugas Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan jurang itu tambah hari, tambah minggu, tambah bulan, tambah tahun dikecilkan dan selagi saya rasa kita terbuka untuk membincangkannya seperti penubuhan jawatankuasa ini pihak Kerajaan Pusat akan memberi perhatian yang sewajarnya walau pun perlu kita bantu dengan input-input, *action plan* yang diperlukan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya perlu ulas. Sebahagian yang lain itu saya pandang sebagai input dan pihak jawatankuasa akan mengkajinya.

Saya ingin mengambil peluang dalam saat ini untuk mengatakan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja yang berucap pada hari ini yang membahaskan laporan interim ini tetapi juga Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Perpaduan Khidmat Negara juga kepada semua pegawai-pegawai yang mewakili kementerian-kementerian pusat dan negeri yang telah membantu kami bukan sahaja dari segi memberi maklumat-maklumat yang diperlukan tetapi juga memberi input-input dan pandangan-pandangan yang begitu berguna untuk jawatankuasa ini menjalankan tugas.

Saya ingin merakui di sini bahawa jawatankuasa ini tidak pernah menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan kerana sokongan daripada semua agensi-agensi pusat dan negeri begitu baik sekali. Kepada sekretariat, Setiausaha Bahagian Parlimen dan staf-staf semua yang terlibat untuk menjayakan tugas kami saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih agar sesi kerja dan jadual kerja untuk enam bulan yang akan datang itu akan lebih sempurna dan munasabah dan menunaikan terma rujukan jawatankuasa seperti mana yang telah ditetapkan oleh Parlimen.

Dengan kata-kata demikian saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5) itu tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Rakyat Nombor DR 1 Tahun 2007 hendaklah diterima dan dipersetujui.”

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM 1975****Sumbangan Kepada Poverty Alleviation Fund**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen.

11.15 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah seksyen 5(d) Akta Bank Pembangunan Islam 1975, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Poverty Alleviation Fund kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) sebanyak USD1,000.000”.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah USD1 juta kepada Poverty Alleviation Fund yang akan diuruskan oleh IDB.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

IDB telah ditubuhkan pada 20 Oktober 1975, bertujuan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial negara-negara ahli dengan menjalankan pelbagai aktiviti pembiayaan berasaskan prinsip syariah. Di antara aktiviti yang dijalankan ialah pemberian pinjaman penyatuan, penyertaan ekuiti, *al-Ijarah, leasing, Al-Bai' Bithaman Ajil, installment sale* dan membiayai perdagangan serta memberi bantuan teknikal selain daripada menawarkan biasiswa dan membiayai perbelanjaan seminar, bengkel dan kursus bagi pegawai-pegawai dari negara-negara ahli dan pelajar-pelajar dari negara-negara yang minoritinya Islam.

Dalam persidangan khas negara-negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC, di Mekah pada 7 dan 8 Disember 2005, mesyuarat tersebut telah menyarankan IDB menubuhkan satu dana iaitu Poverty Alleviation Fund bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan negara-negara ahli OIC yang kurang membangun dan meningkatkan pembangunan sosial khususnya dalam bidang kesihatan dan pelajaran.

Lembaga Gabenor IDB semasa mesyuarat tahunan IDB ke-31 pada 30 hingga 31 Mei 2006 telah meluluskan resolusi penubuhan dana ini dengan mengambil kira objektif untuk membantu negara-negara ahli dalam mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf pelajaran dan kemiskinan rakyat-rakyat termiskin di kalangan negara-negara ahli yang kurang membangun. Adalah wajar bagi Malaysia menyertai *Poverty Alleviation Fund* bagi Bank Pembangunan Islam dengan sumbangan sebanyak USD1 juta.

Sokongan dan komitmen berterusan Malaysia kepada IDB adalah penting dan selaras dengan objektif pembangunan negara dalam mengeratkan semangat kerjasama antarabangsa dalam membantu antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia mencarumkan sebanyak USD1 juta kepada *Poverty Alleviation Fund* bagi IDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Kepong hendak bahas. Kepong tak letihkah Kepong?

11.18 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jangan buat aduan ya? Saya tidak mengambil bahagian di dalam perbahasan empat, lima... Jadi secara ringkaslah, saya pun hendak kembali ke rumah.

Secara ringkas ini Yang Berhormat ada sebutkan mengenai ahli-ahli OIC ini untuk mendapat bantuan untuk *Poverty Alleviation Fund* ini, yang pertama adakah ini bermakna negara-negara yang bukan Islam tak dapat bantuan daripada *Poverty Alleviation Fund* ini yang pertama.

Yang kedua, adakah itu sumbangan yang diberi tiap-tiap tahun sebab tahun yang lepas saya nampak ada usul yang sama untuk mendapat sumbangan daripada Malaysia ini? Seterusnya setahu Yang Berhormat, apakah yang digunakan, disebutkan banyak perkara termasuk mengurangkan kadar kemiskinan, kesihatan dan sebagainya termasuk bantuan teknikal dan juga biasiswa? Apakah sumbangan kita digunakan sama ada hanya semata-mata untuk mengurangkan kadar kemiskinan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dana yang dicadangkan ialah sebanyak USD10 bilion dan setakat ini 15 buah negara OIC telah pun memberi ikrar untuk menyumbang kepada tabung ini. Setakat ini kutipan, *collection* dengan izin, ialah sebanyak RM1.328 bilion.

Antara 15 negara itu yang paling tinggi ialah Saudi Arabia – USD1 bilion. Kuwait yang kedua tinggi USD300 *million*, yang lain-lain kecilah USD2.3 *million*, USD3 *million* dan Malaysia dicadangkan menyumbangkan RM1 *million* sahaja. Jadi antara yang paling kecilah di antara negara-negara yang memberikan sumbangan dan ini adalah *one off* Tuan Yang di-Pertua.

Cara mereka mengendalikan dana ini ialah dengan melaburkan USD10 bilion ini dan untung daripada pelaburan itu akan digunakan bagi membantu negara-negara miskin seperti yang disebutlah dengan berbagai-bagai cara. Disebut juga bahawa sumbangan ini juga boleh digunakan untuk membantu rakyat Islam di negara-negara minoriti Islam bermakna negara bukan yang Islam. Jadi ini adalah antara yang telah pun dicadangkan di bawah dana ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah seksyen 5(d) Akta Bank Pembangunan Islam 1957, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada *Poverty Alleviation Fund* kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) sebanyak USD1,000,000”.

USUL**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]****Menukar Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada MDeC, Menjadi Ekuiti**

11.22 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengikut subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM143.57 juta kepada Multimedia Development Corporation Sdn.Bhd (MDeC), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti”.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] wang dalam kedudukan kredit Persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh Persekutuan boleh dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan resolusi Dewan Rakyat. Sehubungan dengan ini, persetujuan Dewan yang mulia ini dipohon bagi membolehkan kerajaan meningkatkan pelaburan dalam MDeC dengan menukarkan status pinjaman Persekutuan kepada ekuiti.

Tujuan pinjaman ini ditukarkan kepada ekuiti adalah bagi memperbaiki kedudukan MDeC yang telah diberi mandat untuk membangunkan Multimedia Super Corridor atau MSC. Pinjaman kerajaan telah diberikan kepada MDeC untuk membiayai perbelanjaan modal dan membantu syarikat melaksanakan operasinya.

Kedudukan kewangannya yang kukuh adalah penting bagi MDeC bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam pembangunan ICT di MSC. Anggaran peruntukan sebanyak RM143.57 juta telah pun diperuntukkan oleh kerajaan bagi tujuan menjelaskan balik bayaran pinjaman yang disalurkan ke bawah akaun amanah bagi membolehkan pinjaman tersebut ditukar kepada ekuiti.

Dengan penukaran pinjaman kepada ekuiti itu MDeC akan dapat menjalankan peranannya selaku *driver*, fasilitator dan *evacuator* bagi pembangunan ICT negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

11.24 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya punya pendek sahaja. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Kepong punya pendek sahaja?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Bukan! Tuan Yang di-Pertua MDeC ini memang penting untuk MSC, bukan sahaja di Cyberjaya bahkan juga di Sungai Petani dan Pulau Pinang dan yang utamanya saya hendak tanya, setakat inilah, selain daripada RM143.57 juta, apakah jumlah amaun yang telah dilaburkan dalam MDeC ini?

Sebenarnya semua Ahli Yang Berhormat mesti tahu ini, dia punya wawasan sangat meluas untuk menjadi *leadership in information age and vision* iaitu *realize Malaysia as a global hub for ICT*. Ini memang satu isu besar. Termasuklah..., saya pendekkan semua ini termasuklah, banyak inisiatif, MSC Malaysia Development, Share, Services and Outsourcing, MSC Malaysia's Apicta, MSC Malaysia Technopreneur Development Flagship. Saya kesian kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dia bukan pakar ICT dan juga MSC, Creative Multimedia Cluster, Cyberlaws, MSC Malaysia Innovation Centre...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, apa fasal, pakat tidak mahu cakap?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Saya pun tidak mahu cakap. Ini meluaslah, Beratus juta ringgit atau pun bilion ringgit dilaporkan di *MDeC*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okeylah, okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang ini telah satu minit telah habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Tinggal beberapa minit sahaja kita hendak habiskan. Ini menunjukkan Yang Berhormat bagi Jerai tidak begitu peka kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak cepat jangan ganggu dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Dan jangan ganggulah. Saya pun hendak pendekkan pula dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan kepada kita, saya tahu Yang Berhormat bukan pakar di dalam bidang ini, bilangan syarikat MSC sekarang ini? Itu sahaja yang saya hendak tanya. Inisiatif yang lain saya baca tadi tidak tanya langsung kerana saya pun kalau hendak jawab pun, jawapan yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang terhormat, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bilangan syarikat tadi.

11.26 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Jumlah yang sebenar yang telah dilaporkan telah dibelanjakan di dalam oleh MDeC ialah sebanyak total jumlah sekali RM410 campur RM401, jadi RM811 juta yang telah dilaburkan. Pada mulanya Tuan Yang di-Pertua, MDeC ini ditugaskan untuk membangunkan MSC itu dan harapannya ialah mendapat untung daripada pembangunan itu tetapi akhirnya kerajaan membuat keputusan supaya MDeC hanya fokus kepada ICT sendiri.

Maknanya pembangunan itu biar orang lain, badan lain yang buat. Jadi maknanya MDeC adalah begitu fokus kepada pembangunan ICT dan segala hutang-hutang, faedah-faedah yang telah di *accumulate* dengan izin, selama ini juga telah dihapuskan. Syarikat-syarikat yang sebelum ini di punyai oleh MDeC juga telah dijual dan akhirnya yang tinggal ialah RM143.57 juta dan ini yang dicadangkan untuk ditukar kepada ekuiti. Dengan ini maknanya MDeC tidak lagi menanggung beban untuk mencari dana bagi menjalankan kerja-kerja mereka.

Maknanya mereka boleh fokus kepada tugas utama mereka untuk membangunkan ICT di seluruh negara bukan hanya Cyberjaya tetapi di seluruh negara, di bandar-bandar yang lain seperti di Bayan Lepas, di Kulim High-Tech dan sebagainya. Setakat ini memang kejayaan MDeC amat cemerlang Tuan Yang di-Pertua dan setakat *as of* Oktober 2006, sejumlah 1,596 buah syarikat yang berstatus MSC telah ditubuhkan dan antaranya 1,171 adalah syarikat tempatan.

Ini satu kebanggaan kepada kita dan ini telah pun mendatangkan hasil yang begitu banyak kepada negara, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM143.57 juta kepada Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd (MDeC), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti”.

USUL

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]

Menukar Dana ECR Di Export Import Bank Of Malaysia (Exim Bank) Kepada Ekuiti

11.28 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukar dana ECR sebanyak RM1.978 bilion di *Export Import Bank of Malaysia* (Exim Bank), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti”.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 83(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1997 [Akta 61], wang dalam kedudukan kredit Persekutuan dengan mana-mana bank atau selainya dipegang oleh Persekutuan boleh dilaburkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan resolusi Dewan Rakyat.

Sehubungan dengan ini, tujuan Dewan yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan kerajaan menukar dana ECR sebanyak RM1.978 bilion di Exim Bank daripada pinjaman kepada ekuiti.

Tujuan menukar dana ECR berkenaan daripada pinjaman kepada ekuiti adalah sebagai sokongan kerajaan kepada Exim Bank yang berperanan sebagai pemberi kemudahan kredit dan pinjaman kepada pelabur tempatan yang berpotensi mengembangkan perniagaan di luar negara.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berorientasikan eksport dan berkemampuan untuk menjana tukaran mata wang asing. Penukaran dana ECR daripada pinjaman kepada ekuiti juga adalah selaras dengan mandat dan peranan Exim Bank yang telah diperluaskan seperti berikut:

- (i) untuk bergerak dengan lebih aktif dan efektif bagi merealisasikan eksplorasi kerajaan untuk membantu pengeksporthan dan pelabur Malaysia ke luar negara;
- (ii) memainkan peranan yang lebih agresif selaras dengan unjuran aktiviti pelaburan luar negara oleh syarikat Malaysia;
- (iii) menjadikan Exim Bank Malaysia lebih berwibawa dan kompetitif serta setanding dengan Exim Bank negara-negara lain di peringkat global; dan
- (iv) mengambil peluang untuk menambah dan memperbaiki tawaran pemberi pinjaman dana mata wang asing kepada kadar pinjaman yang lebih kos efektif yang kemudiannya boleh disalurkan kepada syarikat Malaysia atau peminjam.

Bagi mencapai peluang yang menjadi sasaran bidang perniagaan berkenaan, Exim Bank telah memohon sokongan pembiayaan ekuiti yang mencukupi melalui penukaran keseluruhan dana ECR berkenaan kepada ekuiti. Strategi ini penting bagi menyokong pembangunan portfolio perniagaan Exim Bank yang berpotensi dan memberangsangkan. Selain daripada itu, ini membolehkan Exim Bank bergerak lebih efektif dalam membantu menerokai dan mengembangkan aktiviti perdagangan dan pelaburan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kepong.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

11.33 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hampir RM2 bilion dan tambahan pula negara kita, 8% daripada mata wang kita. Jumlah 80% daripada perdagangan luar. Tiap-tiap RM1, ada 180 sen daripada eksport kita. Ini begitu penting walaupun ada setengah-setengah tidak begitu mengambil perhatian. Apakah sangat buruk... hendak balikkah? Ada RM2 bilion di sini, dia hendak balik macam itu saja. Mujur Sungai Petani tidak buat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak soalan. Cuma saya hendak tanya dua. Bermakna...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, *your wife is waiting outside.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahu, saya tahu.

Beberapa Ahli: *...[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, dia ada banyak fasiliti, banyak projek seperti *oversea project, contracting financing, facility, buyer credit facility, export of services facility, supply credit facility, guaranty facility, export credit refinancing.* Ini yang *really financing.* ECR ditukar kepada ekuiti dan *extreme overseas guaranty facility* atau EOGP, dan *Malaysia financing facility.*

Tuan Yang di-Pertua, cuma dua soalan yang saya hendak tanya daripada banyak... *[Ketawa]* Yang pertama, Exim Bank itu yang pertamanya dia hendak buat sasaran, luluskan RM700 juta untuk EOGF ini. Apakah kedudukan sekarang? Yang pertama.

Yang kedua, dia ada dana untuk diluluskan pada Disember 2007, iaitu RM1 bilion dana hendak luluskan. Setakat ini berapakah yang telah diluluskan oleh pihak Exim Bank?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat adakah soalan ini sama bagi tahun yang lepas?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak kerana ini ekuiti. Tidak. Tuan Yang di-Pertua mestilah mengambil perhatian kerana nampaknya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sebab ingatan saya samalah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada. Tidak ada sama. Memang ini Exim Bank.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong mudah lupa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini Exim Bank. Saya hendak pendekkan berapa soalan itu cuma tanya dua saja. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Setiausaha Parlimen jawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dua usul saja lagi.

11.36 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya adalah cepumas. Saya tidak ada maklumat sekarang ini. Saya minta notis untuk menjawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya kerajaan menukar dana ECR sebanyak RM1.978 bilion di *Export Import Bank of Malaysia* (Exim Bank), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti”.

USUL

AKTA EKSAIS 1976 –

- (i) **Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2006 (ST.49 Tahun 2007);**
- (ii) **Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.4) 2006 (ST.52 Tahun 2007);**
- (iii) **Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.5) 2006 (ST.53 Tahun 2007); dan**
- (iv) **Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.6) 2006 (ST.54 Tahun 2007); dibentangkan di hadapan Majlis sebagai kertas-kertas statut bilangan ST.49, 52, 53 dan 54 tahun 2007**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (1), seksyen 6 Akta Eksais 1976 supaya Perintah-perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bilangan ST. 49, 52, 53 dan 54 tahun 2006 disahkan.”

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) (2006), PUA 326 bertarikh 1 September 2006. Perintah ini bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais bagi rokok, produk tembakau dan minuman keras seperti berikut:

- (i) bagi *cigar* cerut dan *cigar* relus dinaikkan daripada RM110 sekilogram dan 20% *ad valorem* kepada RM120 sekilogram dan 2% *ad valorem*;
- (ii) bagi *biddies* dinaikkan daripada RM7.00 sekilogram dan 5% *ad valorem* kepada RM7.50 sekilogram dan 5% *ad valorem*;
- (iii) bagi *other cigar*, cerut dan *cigar* relus daripada RM0.11 sebatang dan 20% *ad valorem* kepada 12 sen sebatang dan 5% *ad valorem*;
- (iv) bagi *smoking tobacco, for retail sale* dan *snuff* daripada RM25 sekilogram dan 5% *ad valorem* kepada RM27 sekilogram dan 5% *ad valorem*;
- (v) bagi *other smoking tobacco*, daripada RM14 sekilogram dan 5% *ad valorem* kepada RM15 sekilogram dan 5% *ad valorem*; dan
- (vi) bagi minuman keras yang kandungan alkoholnya melebihi 40%, daripada RM25 seliter dan 15% *ad valorem* kepada RM30 seliter dan 15% *ad valorem*.

Peningkatan kadar duti eksais di atas barang-barangan ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat dan mencegah gejala sosial akibat ketagihan rokok dan pengambilan minuman keras yang tidak terkawal. Kenaikan kadar di atas telah berkuat kuasa mulai 1 September 2006.

Yang kedua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 2006 PUA 448 bertarikh 21 Disember 2006. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti eksais ke atas kenderaan penumpang iaitu kereta pacuan empat roda, van dan MPV. Kenderaan yang terlibat adalah yang berkapasiti enjin melebihi 3000cc. Kadar duti eksais diturunkan daripada 125% kepada 105%.

Pengurangan kadar ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan dengan kadar duti eksais bagi kenderaan penumpang berkapasiti enjin 2500cc hingga 3000cc. Perubahan kadar tersebut telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (5) 2006 PUA 449 bertarikh 31 Disember 2006. Perintah ini bertujuan untuk memansuhkan kadar duti eksais bagi kenderaan perdagangan di bawah kepala takrif 8702 dan 8704.

Di antara kenderaan yang terlibat adalah kenderaan bagi membawa barangan dan kenderaan bagi membawa penumpang yang mempunyai kapasiti 10 orang dan ke atas seperti lori, *pick-up* truk dan bas. Kadarnya sebelum ini adalah 10%, pemansuhan kadar ini bertujuan untuk mengurangkan kod menjalankan perniagaan dan pemansuhan kadar tersebut berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Yang keempat, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (6) 2006 PUA 450 bertarikh 31 Disember 2006. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti eksais ke atas motosikal yang berkapasiti enjin melebihi 200cc. Kadar duti diturunkan daripada 35%, 40% dan 50% kepada 30% sahaja. Pengurangan kadar ini bertujuan untuk menyelaraskan dengan kadar duti eksais bagi motosikal yang berkapasiti enjin melebihi 150cc hingga 200cc.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kepong.

11.41 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, siapa Speaker?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia, Yang Berhormat bagi Jasin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa Speaker sini? [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya akan pendekkan iaitu mengenai rokok ini memang betul. Kita mesti kenakan bukan sahaja kenakan kadar yang disebutkan, kita mesti tambahkan lagi kerana saya nampak Ahli-ahli Parlimen merokok di tempat larangan merokok. Mujurnya Yang Berhormat bagi Arau tidak terlibat, yang lain. Yang Berhormat bagi Tangga Batu ialah salah seorangnya. Yang itulah, kita tidak mahulah Ahli-ahli Parlimen terus merokok. Kita kenakan lebih lagi, tahun hadapan kita mestilah kenakan eksais dan duti import yang lebih dahsyat lagi.

Mengenai motosikal, kenderaan pengangkutan seperti lori *pick-up* dan trak dan juga mengenai kereta pacuan empat roda 3000cc kita ini, semua itu dikurangkan. Adakah ini cocok dengan CEPT ataupun dia tidak kena-mengena dengan CEPT yang dikuatkuasakan di rantau Asia kita dan apakah sebenar maksud kita hendak kurangkan semua. Adakah ini bermakna ini akan menjejaskan industri kereta kalau kita tidak kurangkan duti eksais ini.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

11.43 mlm.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya nak membahaskan satu perkara sahaja iaitu duti eksais nombor 3 berkenaan dengan rokok dan juga arak.

Saya pun setuju walaupun saya penghisap rokok, Yang Berhormat bagi Kepong kata, tahun hadapan kita naikkan harga, naikkan duti lagi supaya harga ini akan naik lagi untuk orang ramai dapat hidup sihat. Saya setuju walaupun saya merokok tetapi kalau kita buat ini, kenaikan harga rokok, kalau tanpa kawalan Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya masih katakan *statement* saya daripada tahun sudah, sehingga hari ini, rokok seludup merata satu Malaysia.

Lebih sedih pada hari ini apabila harga rokok naik, tidak ada kawalan berkenaan dengan syarikat rokok yang berlumba-lumba hendak menawarkan harga rokok yang murah dengan jenama-jenama yang tidak kita pernah dengar, seolah-olah kita tidak ada kawalan. Jadi apa maknanya yang kerajaan untuk menaikkan harga rokok ini, kalau tidak ada kawalan. Mengikut daripada pasaran ataupun industri rokok pada hari ini, rokok seludup telah dapat mengawasi 23%-30% pasaran dalam negara.

Mengikut daripada yang disokong oleh Yang Berhormat bagi Kepong dengan kenaikan duti eksais ini, mengikut daripada industri kerajaan sepatutnya mendapat cukai daripada rokok sahaja RM1 bilion setahun Tuan Yang di-Pertua. Kalau 23%-30% ini rokok seludup menguasai pasaran, bermakna kerajaan rugi RM230 juta hingga RM300 juta dan ini satu angka yang besar.

Beberapa malam yang lepas, kita telah diberi taklimat oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar yang mana projek jalan kampung sahaja 2900 lebih kilometer, peruntukan kerajaan hanya RM300 juta. Kalau kita kawal daripada rokok ini, kita sudah boleh belanja jalan raya seluruh Malaysia yang kita buat ini Tuan Yang di-Pertua.

Lima kali ganda, tempat Tuan Yang di-Pertua pun dapat jalan, Jasin pun dapat jalan. Lepas itu arak, arak kalau dengar cakap orang daripada sahabat-sahabat kita dari Sarawak dari Sabah, merata Tuan Yang di-Pertua arak *beer* yang diseludupkan tanpa kawalan di Sabah Sarawak sehinggakan kedai-kedai kopi di Sabah Sarawak dalam pedalaman boleh buat *offer* RM10 tiga tin, RM10 empat tin.

Mengapa boleh berlaku ini dan pihak kastam minta maaf, kadang-kadang saya cakap pasal kastam, permohonan dari kastam untuk memperbaharui *speed boat* dia untuk kejar penyeludup, berbilion kita belanja untuk peralatan-peralatan ini. Saya hendak tanya juga kerajaan berapa banyak yang telah tangkap baru-baru ini? Sepanjang tahun 2007 ini berapa banyak yang ditangkap? Yang hairan pula itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Tangkap rokok, orangnya tidak tangkap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nombor dua *scanner* yang dibeli oleh kerajaan di pelabuhan-pelabuhan. Kita masih dengar lagi jangan kata *scan*, jangan kata apa? Sehinggakan seludup kereta Tuan Yang di-Pertua, seludup kereta melalui pelabuhan di Malaysia ini pun boleh lepas. *Scanner* apa ini, *scanner* apa ini?

Jadi oleh yang demikian, kita berharap dengan adanya yang kita lulus ini kita minta pihak berkuasa betul-betul menjalankan tugas supaya hasil negara bertambah kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita amat sedih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Tahun 2005, kastam dapat kutip lebih daripada RM25 bilion cukai, tahun 2006 walaupun import eksport kita naik 10%, malangnya kastam hanya kutip RM23 bilion, mengapa kurang? Sepatutnya barangan naik cukai harus naik, mengapa kurang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas kesabaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Santubong.

11.47 mlm.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apabila rokok dinaikkan cukai, pembeli rokok akan membayar rokok dengan harga yang mahal tetapi apabila eksais kepada motor ini dan kereta ini diturunkan, sepatutnya di *pass* kepada pembeli. Adakah keuntungan akan dipunyai oleh orang berdagang motor dan kereta dan apakah mekanisme supaya apa yang dikehendaki kerajaan untuk merendahkan kos perdagangan itu betul-betul akan dinikmati mereka ini dan macam mana penjagaannya supaya jangan kerajaan di sini pun rugi, di sana pun tidak sampai, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

11.48 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Santubong.

Berkenaan dengan penurunan cukai ke atas perkara-perkara yang telah saya sebut tadi, ini adalah bagi yang kapasiti tinggi yang tidak dikeluarkan oleh Malaysia, maka dia tidak menjejaskan kenderaan-kenderaan buatan tempatan. Jadi dia tidak bercanggah dan diberi kelonggaran kerana ini boleh mengurangkan kos harga kepada pembeli, itu harapan kita dan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Berkenaan dengan Jasin, terima kasih di atas teguran itu.

Tahun sudah saya masih ingat lagi Jasin mengatakan bahawa rokok seludup lebih kurang ada 28%, nampaknya tidak kuranglah, antara yang sama jugalah. Jadi bermakna kastam hendaklah mempertingkatkan lagi penguatkuasaan, ini saya harap pihak Kastam mengambil nasihat itu secara serius dan meneruskan kegiatan mereka di bidang penguatkuasaan.

Saya yakin dengan kepimpinan Kastam yang ada sekarang, ketua pengarah daripada pencegahan dulu, saya yakin beliau tahulah cara-cara untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk hendak mencegah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, kutipan cukai daripada rokok dan tembakau pada 2005 - RM2.509 bilion, 2006 turun sedikit RM2.447 bilion. Walaupun cukai naik tapi nampaknya kutipan sedikit. Ini mungkin, mungkin saya kata ada kena-mengena dengan apa yang Jasin katakan tadi, bahawa mungkin berlaku penyeludupan yang belum dapat dibendung lagilah.

Santubong seperti yang disebut tadi ialah pengurangan cukai hendaklah sampai kepada pembeli. Ini bahagian lain, bahagian kastam dia setakat itu. Jadi ini bahagian Perdagangan Dalam Negeri yang akan meneliti perkara ini. Saya ingat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti yang tertera di dalam Aturan Usul Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara (12) yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan 49 dan statut 54 tahun 2007 disahkan dan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (1), seksyen 6 Akta Eksais 1976 supaya Perintah-perintah Duti Eksais yang berikut:

- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2006
(ST.49 Tahun 2007);
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.4) 2006
(ST.52 Tahun 2007);
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.5) 2006
(ST.53 Tahun 2007); dan
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.6) 2006
(ST.54 Tahun 2007); yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas status bilangan ST.49, 52, 53 dan 54 tahun 2007 disahkan”.

USUL

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993; DAN AKTA KASTAM 1967

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2), seksyen 24, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subseksyen (1), seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai statut bilangan ST. 80 tahun 2007 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2006 PUA 435 bertarikh 21 Disember 2006. Perintah ini bertujuan untuk mengenakan Duti Anti-Lambakan Sementara ke atas produk *corrugating medium paper* kepada syarikat-syarikat daripada Kesatuan Eropah, Republik Indonesia, Jepun, Republik Korea, Republik Filipina dan Thailand. Perkara Duti Anti-Lambakan yang dikenakan ialah di antara 3.40% sehingga 58.05%.

Berkenaan Duti Anti-Lambakan Sementara adalah bertujuan mengatasi masalah lambakan barangan tersebut yang boleh mengakibatkan kemudaran material, iaitu kepada industri tempatan yang mengeluarkan barangan yang serupa. Duti Anti- Lambakan Sementara ini dikenakan sehingga penentuan muktamad dibuat dalam tempoh 120 hari dari tarikh Perintah Duti Anti-Lambakan Sementara ini dikuatkuasakan iaitu pada 24 Disember 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Kepong tidak payah boleh?

11.53 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, tak payah saya tahu. Akhir sekali, saya pun nak kembali juga. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita mengenai *corrugating medium paper*. Adakah *medium paper* ini daripada Australia, China, Taipei yang tidak disebutkan tadi daripada negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah begitu murah sehingga kita terpaksa mengadakan cukai anti-lambakan ini? Apakah sebaliknya kertas kita sampai ke negara-negara yang disebutkan itu? Kalau begitu, adakah dikenakan anti-lambakan juga?

Ini memang penting, cukai, percukaian dan sebagainya untuk melindungi industri kita dan juga kalau kita hendak melindungi industri kita sebaliknya, negara-negara terlibat pun hendak melindungi industri mereka juga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada apa-apa hendak tambah lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

11.55 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, cukai anti-lambakan ini dikenakan ke atas barangan spesifiklah Tuan Yang di-Pertua, kes yang kita bincang ini ialah kes *corrugated paper*. Memang dieksport oleh banyak negara seperti Yang Berhormat Kepong sebut dan masing-masing mempunyai harga yang berbeza. Yang pentingnya mereka menjual kertas *corrugated paper* itu lebih murah daripada dijual dalam negara mereka, berbeza.

Contohnya seperti Australia, cukai biasa yang dikenakan import 10%, dikenakan lagi 15% untuk Australia. Jadi maknanya dia kena bayar cukai 25%, jadi bagi negara lain ada berbeza-beza, ikut harga yang mereka jual. Anti-lambakan ini di mana-mana, tapi setakat ini Malaysia tidak ada terlibat dengan anti-lambakan ini di negara-negara lain sebab kita dalam hal ini kita tidak ada, kita *net importer of paper* Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak timbul masalah ini di luar negara bagi Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan itu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2), seksyen 24, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subseksyen (1), seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai statut bilangan ST. 80 tahun 2006 disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, sekarang pukul 11.57 malam, dekat tengah malam. Sesi persidangan Dewan kali ini sejak 19 Mac boleh katakan sudah dapat kita selesaikan pada malam ini.

Saya bagi pihak Yang Berhormat Speaker dan rakan sejawat saya Timbalan Yang di-Pertua Datuk Dr. Yusof bin Yacob dan saya sendiri, ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang dapat memberikan kerjasama erat kepada kita supaya memastikan mesyuarat kita pada kali ini dapat berjalan dengan baik, dengan licin... *[Tepuk]*

Begitu juga kepada pegawai-pegawai kerajaan dan seluruh warga staf Parlimen yang bersama-sama menjayakan sidang kita pada kali ini, saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka. Saya mengucapkan selamat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, ada Selamat Gawai, Selamat Hari Keamatan hujung bulan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya juga mengambil kesempatan inilah mengucapkan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Selamat Hari Ibu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selamat menyambut Hari UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, suka hati Yang Berhormatlah. Saya ucapkan selamat kembali Ahli-ahli Yang Berhormat dan tiba ke kawasan masing-masing untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat di kawasan masing-masing dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian. Kita jumpa lagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.58 malam.